



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 19)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

(Halaman 19)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 18 & 166)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan
Mesyuarat

(Halaman 166)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan – [Kosong]
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

11. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO

14. Yang Berhormat Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) – UMNO
44. “ Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB

51. Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
60. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
61. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
62. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
63. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
64. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
65. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
66. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
67. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
68. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
69. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
70. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
71. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
72. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
73. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
74. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
75. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
76. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
77. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
78. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
79. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
80. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
81. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
82. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
83. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
84. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
85. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
86. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
87. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO

88. Yang Berhormat Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
89. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
90. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
91. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
92. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
93. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
94. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
95. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
96. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
97. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
98. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
99. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
100. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
101. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
102. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
103. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
104. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
105. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
106. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
107. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
108. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
109. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
110. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
111. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
112. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
113. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
114. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
115. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
116. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
117. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
118. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
119. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
120. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
121. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
122. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA

- 123. Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
- 124. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 125. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 126. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- 1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 19 Oktober 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah proses pengisian borang Lembaga Hasil Dalam Negeri ketika ini mengambil kira kepentingan dan kehendak pelanggan-pelanggan dan berapakah peratusan yang mengembalikan borang tersebut berbanding dengan yang dihantar oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat proses pengisian borang Lembaga Hasil Dalam Negeri ketika ini memang dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan dan kehendak pelanggan. Pelanggan boleh memilih untuk mengisi borang Lembaga Hasil Dalam Negeri menggunakan tiga kaedah iaitu cara mengisi borang cukai pendapatan yang diedarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, mengisi borang secara elektronik melalui laman *web* LHDN ataupun *e-filing* dan juga memfailkan borang cukai pendapatan LHDN secara elektronik melalui *internet* atau *e-filing*.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran borang cukai pendapatan individu, untuk Tahun Taksiran 2004 adalah sebanyak RM3.2 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM2.2 juta atau pun 6.8 peratus telah diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk diproses. Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebelum itu izinkan saya mewakili Yang Berhormat Hulu Langat untuk mengalu-alukan anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Bandar Baru, Bangi Seksyen Dua. Selamat datang guru-guru dan anak-anak sekalian. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan pula soalan saya ini naik dan hari ini perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN disambung setahun lagi, tapi itu bukan soalan sayalah. Saya ingin merujuk kepada beberapa negara yang mempunyai kadar pulangan cukai yang begitu tinggi, antaranya adalah Australia, New Zealand dan juga Singapura sendiri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kita boleh mencontohi negara-negara ini di dalam konteks pemilikan semula cukai dengan memberikan pilihan kepada pembayar-pembayar cukai tidak kira dalam individu atau kategori individu ataupun kumpulan memberikan mereka pilihan untuk tidak mengisi borang, dengan hanya memilih dalam erti kata peratusan, berapakah dari pendapatan mereka untuk dibayar kepada kerajaan kerana rungutan yang kita terima di peringkat akar umbi ialah kemesraan untuk mengisi borang-borang tersebut mengaji halangan kepada mereka untuk memulangkan borang kepada kementerian. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lembaga Hasil Dalam Negeri memang berusaha bersungguh-sungguh untuk sampai kepada rakyat dengan pelbagai cara diadakan. Contohnya bagi borang-borang yang diedarkan ada nota penerangan seperti yang saya bawa ini, nota penerangan yang *simplified*, dengan izin, yang boleh diikuti, dan bagi mereka yang hendak *detail* lagi mereka boleh mendapatkan buku panduan daripada pusat-pusat Lembaga Hasil Dalam Negeri yang terdapat banyak di

dalam negara ini cawangan-cawangannya ada 34 semuanya, itu makna kalau mereka kalau hendak terperinci lagi maka mereka boleh mengambil buku panduan itu daripada pusat-pusat ini.

Selain daripada itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri juga mengadakan kaunter perkhidmatan di semua cawangan dan juga di lokasi-lokasi tertentu di premis-premis perniagaan mereka mengadakan kaunter-kaunter penerangan yang mana mereka nak bayar cukai mereka boleh pergi mendapatkan penerangan di situ. Selain daripada tu juga mengadakan bulan Perkhidmatan Pelanggan, contohnya pada tahun ini dari Februari hingga bulan Jun. Makna sesiapa juga yang ada masalah boleh pergi ke kaunter-kaunter ini dan mendapatkan penerangan dan penjelasan.

Sebelum dari itu Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka masih juga gagal lagi untuk hendak menghantar balik borang sama ada melalui saluran biasa atau melalui *e-filing* atau *e-filing*, maka Lembaga Hasil Dalam Negeri dia mereka proaktif, maka mereka buat anggaran. Mengikut contohnya kalau pendapat tahun sudah RM100 ribu maka tahun ini juga anggarannya lebih kurang sama atau lebih sedikit, maka Lembaga Hasil Dalam Negeri akan membuat anggaran dan dihantar kepada pihak yang membayar cukai, maka terpulang pada pihak individu itu untuk berhubung dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk sama ada bersetuju atau tidak dengan anggaran yang dibuat. Maknanya tiap-tiap membayar cukai tak terlepas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, ini Lembaga Hasil Dalam Negeri kerap kali kita dengar ramai di antara pelanggan yang telah membayar lebih cukai. Apakah sebab dengan serta-merta atau dengan automatik bayaran balik tidak dibuat kepada pelanggan-pelanggan tersebut dan bila bayaran dibuat tidak ada apa-apa bunga atau faedah atas bayaran lebih yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri diberi balik. Dan kedua, ada mengenai lanjutan jawatan Tan Sri Zaini, baru-baru ini. Ada beberapa bantahan mengenai perkara tersebut. Apakah alasan-alasan atau sebab-sebab yang tertentu beliau diberi jawatan lebih kontrak satu tahun lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Bayaran balik cukai pendapatan, memang dulu sistemnya agak susah sikit, bila Lembaga Hasil Dalam Negeri menerima bayaran ia masuk kepada tabung *consolidated fund* kerajaan maka nak ambil balik duit itu ia terpaksa balik ke Parlimen. Ini memakan masa yang panjang.

Jadi, oleh itu pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun menubuhkan tabung. Tabung ini bila ada tuntutan maka dikeluarkan daripada tabung ini untuk bayar balik, maka prosesnya adalah lebih cepat dan setakat ini belum adalah kiraan *interest* kepada mereka yang duitnya terlebih dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dan mengenai lanjutan jawatan ini, terkeluar daripada soalan asal, jadi, saya tak mahu jawab.

Tuan M. Kula Segaran: Tak ada jawapan? Tak berani jawab.

2. **Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah jumlah graduan menganggur mengikut kaum yang dipilih ke dalam Skim Latihan Siswazah Menganggur (SLSM) dan adakah bidang-bidang kursus yang ditawarkan dalam SLSM ini dapat memberikan jaminan kerja kepada graduan-graduan ini dan sekiranya ada berapa ramai graduan yang mengikuti kursus tersebut telah mendapat pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk menjawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sri Gading nombor 19, kerana ia berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2005 jumlah graduan yang memohon untuk menyertai skim ini adalah seramai 6,725 orang. Dari jumlah tersebut bilangan yang berjaya dipilih adalah 5,452 orang dengan pecahan kaum, bumiputera 4,896 ataupun 89.8 peratus diikuti oleh 420 atau 7.7 peratus kaum Cina dan kaum India seramai 136 orang atau 2.5 peratus. Kedudukan angka ini dijangka akan

terus meningkat disebabkan kenaikan Elaun Pelatih dari RM350 sehingga RM500 sebulan. Bidang-bidang kursus yang ditawarkan di bawah Skim Latihan Graduan ini merupakan program yang dikenal pasti dan dibangunkan dengan kerjasama wakil-wakil majikan, persatuan majikan dan penyedia latihan bagi memastikan program yang ditawarkan diperlukan oleh pasaran dan boleh memperluaskan peluang graduan mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, latihan yang dijalankan juga memberi penumpuan dan penekanan kepada kemahiran bekerja *working skills* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran berinteraksi, keterampilan diri dan aspek pengurusan yang meliputi etika kerja dan dorongan diri *self-motivation* yang akan meningkatkan keyakinan diri yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, melalui skim ini juga semua graduan diwajibkan menjalani latihan praktikal selama dua bulan di premis majikan yang akan mendedahkan graduan dengan pengalaman kerja yang boleh digunakan untuk mencari pekerjaan.

Adalah juga diharapkan majikan yang menyediakan latihan praktikal kepada graduan ini dapat menawarkan pekerjaan kepada mereka apabila tamat latihan nanti. Program Skim Latihan Graduan Ketiga baru, sahaja dilancarkan dan belum ada graduan yang sudah tamat latihan. Walau bagaimanapun, kajian keberkesanan skim ini yang dilakukan ke atas pelatih-pelatih yang telah menamatkan latihan di bawah Skim Latihan Graduan Satu dan Skim Latihan Graduan Dua menunjukkan bahawa skim ini berjaya membantu graduan mendapat pekerjaan. Dari maklum balas yang diterima pelatih yang mengikut latihan di bawah skim-skim ini berjaya mendapatkan pekerjaan sehingga 74 peratus.

Perbelanjaan yuran latihan bagi seorang pelatih adalah bergantung kepada bidang latihan yang diikuti oleh mereka. Sebagai contoh bagi program skim bahasa Inggeris yuran latihan yang dibayar kepada pengendali latihan ialah sebanyak RM3 ribu bagi seorang pelatih. Manakala bagi program Sijil Cisco Network dan profesional pula, yuran latihan bagi seorang pelatih ialah RM9,650. Walau bagaimanapun, secara purata kos yuran latihan bagi seorang pelatih ialah sebanyak RM3,929 yang ditanggung oleh kesemuanya oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Skim Latihan Siswazah Menganggur (SLSM) di mana kerajaan telah meluluskan RM100 juta untuk melaksanakannya dan memang telah terbukti berjaya untuk memberi jaminan pekerjaan kepada para graduan yang menganggur. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan agar tidak berlakunya *mismatch* dengan izin, antara kursus yang ditawarkan dengan pasaran kerja bagi graduan untuk mengelakkan pembaziran wang kerajaan yang besar di mana saya anggapnya sebagai satu *unnecessary, spending* dengan izin, sedangkan ia dapat dilakukan sejak di peringkat sekolah dan juga di IPTA atau IPTS. Sekian,

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di antara pendekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya *mismatch* antara kursus yang ditawarkan dengan peluang-peluang pekerjaan ialah:

- (i) memberi serta menyelidiki tentang kursus-kursus yang ditawarkan dengan begitu rapi sekali berdasarkan kepada permintaan-permintaan daripada pihak-pihak majikan;
- (ii) kita juga telah berunding dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang penting, yang membolehkan mereka tidak menganggur diutamakan dan juga diberikan tumpuan yang lebih terutamanya kursus bahasa Inggeris, komunikasi dan juga *soft skill* yang lain.

Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup setuju dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana berjaya melancarkan Skim Latihan Graduan, dan kita pasti sambutan yang diberikan ini akan

bertambah dari semasa ke semasa. Soalan saya, apakah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk menambahkan lagi bilangan kursus yang sepatutnya yang diperlukan oleh pasaran?

Yang keduanya, apakah kementerian akan melonggarkan syarat-syarat tahun graduan di mana sekarang ini 2003, apakah boleh diturunkan kepada tahun 2000 dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kepada soalan tersebut. Sememangnya pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan kursus-kursus baru kepada 11 kursus yang telah ada. Dalam jarak yang terdekat ini, dua kursus telah dikenal pasti untuk ditambah:

- (i) insurans; dan
- (ii) Bahasa Mandarin.

Kita akan menambahkan lagi mengikut keperluan dan juga keadaan semasa. Mengenai dengan kelonggaran syarat-syarat, pengambilan graduan menganggur memang kita telah putuskan, kita akan mengambil daripada tahun 2002 bukan lagi dari tahun 2003. Terima kasih.

3. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian sedar Kempen Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 tahun ini lesu dan tidak patriotik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 tahun ini tidak kurang hebatnya dengan tahun-tahun terdahulu. Di peringkat Persekutuan, berbagai-bagai program telah diatur sempena kempen ini. Antara lain menyiarkan program-program patriotik dalam rancangan TV Malaysia, mengadakan Kempen Jalur Gemilang, penglibatan kementerian dan jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Di peringkat negeri, kerajaan negeri memainkan peranan penting dalam aktiviti kempen ini. Dalam hubungan ini, saya berpendapat bahawa tanggungjawab untuk menyemarakkan semangat kemerdekaan adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia. Penglibatan rakyat Malaysia dalam program-program peringkat kebangsaan yang telah diadakan dan di negeri-negeri seperti Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Jalur Gemilang di Telok Danga, di Johor Bahru, Perayaan Ambang Kemerdekaan di Dataran Merdeka, Acara Perbarisan pada hari perayaan kemerdekaan di Putrajaya, Majlis Perayaan 16 September dan Majlis Penutupan Perayaan Bulan Kemerdekaan di Bandar Jitra, Kedah telah menunjukkan bahawa semangat patriotik yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mudah sahaja iaitu bendera. Mengapa daripada awal 1 Ogos dan sehingga yang saya nampak 24 Ogos, kita nampak terlalu kurang bendera-bendera dikibarkan. Saya katakan pada 24, sebab soalan Dewan ini ditutup pada 24 hari bulan dan pada 24 hari bulan ini dalam Utusan Malaysia di ruangan Senyum Kambing menyindir kita "Kempen Hari Kebangsaan Lesu".

Kalau difikirkan, kita ada 28 kementerian. Kalau 28, 100,000 satu kementerian, 2.8 juta bendera yang boleh dapat dikibarkan oleh rakyat Malaysia. Soalnya di sini kempen, persepsi di sini, soalan pertama ialah kempen, bukan perayaan hari sebenar. Kempen pada 1 Ogos hingga 31 Ogos terutamanya 1 sehingga 25 Ogos. Mengapa kita tidak sediakan kempen ini daripada awal, daripada bulan Julai sebab saban tahun kita merayakan Hari Kebangsaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Jalur Gemilang ini, saya rasa ini adalah hak ... orang kata hak rakyatlah. Orang kata semangat individu sendirilah. Kalau hendak kira kerajaan, memang kita telah menubuhkan jawatankuasa di semua peringkat hinggalah sampai ke akar umbi, kita ada jawatankuasa di peringkat kementerian, Jawatankuasa Kecil Keagamaan, Jawatankuasa Kecil Peringkat Belia, semua peringkat.

Semua pihak kena memainkan peranan. Begitulah juga individu, kita tidak bolehlah paksa orang menaikkan bendera. Itu hak masing-masinglah. Sebagai rakyat Malaysia yang berada di dalam sebuah negara yang aman, yang sekarang ini kita menikmati berbagai-bagai kemudahan sepatutnya kita mempunyai semangat. Tidak payahlah kita mengharapkan kerajaan.

Untuk pengetahuan tuan-tuan ...

Beberapa Ahli: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, minta maaf bulan puasa. Kerajaan berbelanja tiap-tiap tahun peningkatan dari semasa ke semasa:

- (i) tahun 2003 sebanyak RM24 juta;
- (ii) tahun 2004 sebanyak RM30 juta; dan
- (iii) tahun 2005 sebanyak RM33 juta.

Banyak duit yang kerajaan sediakan, jadi terpulanglah di peringkat masing-masing terutama di Parlimen masing-masing, kita mestilah menggerakkan semua jentera yang ada untuk memastikan bahawa perayaan kemerdekaan ini meriah di semua peringkat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hasil daripada apa yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi bolehlah saya mengambil kesimpulan, bahawasanya kerajaan memang gagal dalam kempen sambutan hari kemerdekaan ini.

Persoalan yang saya hendak tanyakan ialah [*Disorak*] [*Dewan riuh*] itu mengaku. Sudah mengaku tadi gagal, memang jelas sekarang ini. Soalannya ialah, [*Disorak*] dengar dahulu soalnya, gagal tetap gagal baru-baru ini memang gagal. [*Dewan semakin riuh*]

Malu kepada pelajar-pelajar itu, malu kepada pelajar itu, sabar dahulu. Ini soalnya. Persoalannya ialah secara kebetulan, kempen kemerdekaan berlaku sewaktu rakyat di tengah-tengah hendak marah kepada kerajaan hasil daripada kenaikan harga minyak. Itu satu perkara. Kerana rakyat marahkan kerajaan [*Dewan riuh*] dengar dahulu, ini soalnya. Bukan sahaja rakyat di kalangan PAS, UMNO pun marah. Budak-budak sekolah pun marah. Hendak pegang bendera pun tidak mahu kalau macam itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: UMNO tidak marahlah. UMNO tidak marah pun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini, ini belum soal lagi ini. Ini belum soal lagi ini. Ini baru mukadimah soalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan, soalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalnya ialah, apakah kerajaan sedar bahawa di saat akhir ini generasi muda sudah tidak sanggup lagi hendak mendengar kempen-kempen yang lapuk, yang digunakan oleh kerajaan dalam kempen-kempennya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nik Aziz! Mawi! Mawi!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu soalnya.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Memanglah sikap pembangkang memang macam itu. Di saat-saat kita hendak merayakan sambutan kemerdekaan, mereka sibuk mempertikaikan hendak *claim*, siapakah yang memperjuangkan kemerdekaan. Sepatutnya kita dalam keadaan masa begini, kita berkempen supaya lebih ramai orang-orang kita untuk

melibatkan diri. Itulah, saya ingat pihak pembangkang memang begitulah. Tidak perlu jawab pun.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh izinkan saya membuat rayuan di sini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... kerana ini Jabatan Perdana Menteri, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cepat sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini peluang bagi rakyat Malaysia berdepan dengan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri berkaitan rayuan ramai pegawai kerajaan di peringkat rendah, merayu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya 2 November itu dijadikan Hari Kelepasan Am.

Tuan Yang di-Pertua: Soal lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hari yang tersepit di antara 1 November (Deepavali) dan 3 November (Hari Raya Aidil Fitri). Benda yang tersepit ini patut dilepaskan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Dia begini Tuan Yang di-Pertua, ada pendapat daripada majikan. Persatuan majikan tidak berapa menyokong 2 hari bulan itu dijadikan cuti umum kerana bagi mereka hanya wang ringgit menjadi keutamaan. Bagi mereka soal kebajikan pekerja, rasa terima kasih kepada pekerja, pengiktirafan kepada pekerja itu tidak ada dalam kamus mereka. Mereka hanya memikirkan untung dan rugi.

Kepada mereka, kalau dia mendapat untung besar tidak dilaporkan kepada pekerja. Tetapi kalau dia mengeluarkan sedikit wang yang ada kaitan dengan kebajikan pekerja, dia akan membuat istilah "rugi". Ini majikan, keluar sedikit lebih kepada pekerja dia akan gunakan perkataan "rugi".

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya kenapa kerajaan kita mesti mengikut rentak majikan? Adakah kerajaan kita tidak ada rasa kasih sayang terhadap pekerjanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rasa penghargaan. Memang mereka boleh ambil cuti, itu soal mereka. Tetapi soal kasih sayang kerajaan. Bukan soal wang ringgit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mewakili nilai-nilai kasih sayang antara majikan dengan pekerja dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati, pekerja Malaysia dan saya hendak beritahu majikan, itu satu majikan.

Saya hendak beritahu kerajaan, pekerja di Malaysia ialah pekerja yang baik, yang tidak melawan, yang tidak ada demonstrasi, yang tidak ada mogok dan sebagainya. Penghargaan harus diberi. Berilah pertimbangan. Kini saya merayu bagi pihak rakan-rakan dan mungkin ramai yang saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berilah satu penghargaan dan pertimbangan yang wajar bukan soal wang ringgit semata-mata, tetapi hubungan kasih sayang antara kerajaan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua faham, alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi setuju belum tahu lagi.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya ingat jawapan itu sudah lari jauh sangat. Merdeka kita sudah bagi cuti, 31 Ogos kita sudah cuti. Tetapi ini sebab raya, saya ingat tidak berkenaan dengan sayalah. Tetapi walau bagaimanapun, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, itu sebab saya gunakan perkataan "merayu". Soalannya memang saya pun tahu dan setiausaha Parlimen pun tahu bahawa tidak ada kaitan. Tetapi dalam forum yang ada kaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, lebih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata, bahawa rayuan saya kepada Perdana Menteri, jangan tolak macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Baik.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tidak mengapa. Tidak mengapa, saya petang ini ada *Post Cab*, saya akan beritahu Perdana Menteri, okey. Mudah-mudahan Yang Berhormat berdoalah kot kot dia terbuka hati, kita dapat cuti. Terima kasih.

4. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk membina Kompleks Mini Sukan di tiap-tiap Dewan Undangan Negeri di seluruh negara, berapakah kawasan yang sudah mempunyai kompleks sukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kompleks Sukan Komuniti telah dirancang pembinaannya pada penghujung Rancangan Malaysia Kelapan. Di awal perancangannya sebanyak 513 kawasan Dewan Undangan Negeri akan menerima kemudahan ini dan permohonan telah pun dimajukan kepada Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan sepenuhnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dan sehingga kini kementerian masih lagi menunggu kelulusan daripada EPU.

Bagi fasa pertama pembinaan, Kementerian Kewangan melalui surat yang bertarikh 8 Februari 2005 telah meluluskan pembinaan sejumlah 33 Kompleks Sukan Komuniti. Pada masa ini belum ada Kompleks Sukan Komuniti yang telah siap dibina. Kerja-kerja awal seperti kerja-kerja mengukur tanah iaitu dengan izin, *soil investigation* masih dijalankan.

Dijangkakan 33 projek Kompleks Sukan Komuniti ini akan memulakan pembinaannya pada awal tahun 2006.

Datuk Abdul Ghafur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diterangkan oleh Setiausaha Parlimen kementerian, kita ada 513 Dewan Undangan Negeri, jadi kalau seperti mana yang dianggarkan, tiap-tiap kompleks mini sukan ini RM2 juta, kita mahu berbelanja RM1 ribu lebih juta. Jadi, apa yang saya cadangkan jika sekiranya kementerian bersetuju untuk sementara ini mungkin kita membina kompleks-kompleks mini sukan ini di kawasan-kawasan Parlimen yang belum ada, kemudian baru kita tambah dewan undangan negeri keseluruhannya kalau sekiranya kementerian bersetuju.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang kementerian setuju, saya akan bawa kepada perhatian Menteri. Terima kasih. *[Tepuk]*

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan kementerian terhadap kompleks sukan komuniti ini mengelirukan, Tuan Yang di-Pertua. Dikatakan 33 telah diluluskan dan jawapannya tidak ada kompleks sukan yang ada sekarang. Ianya mengelirukan, dari aspek fizikal kompleks sukan itu tidak ada tetapi 33 ini telah pun diidentifikasi di kawasan-kawasan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kaedah pemilihan keutamaan di mana kompleks sukan ini harus didirikan dahulu tidak harus mengikut senioriti di dalam kerajaan. Ianya tidak harus didahulukan mengikut menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, menteri besar, tetapi harus melihat satu pendekatan yang adil bagi semua kawasan DUN dan Parlimen. [Tepuk]

Saya ingin bertanya apa mekanisme pemilihan untuk menentukan kawasan mana yang dapat kompleks sukan komuniti ini dahulu berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Itu harus diaddress oleh kementerian dan tidak melihat senioriti di dalam kerajaan. Bagi kita, wakil rakyat Parlimen, wakil rakyat DUN merupakan semua wakil rakyat, cumanya membezakan adalah kedudukan di dalam Parlimen dan itu harus ditimbang oleh kementerian dalam menentukan kawasan mana yang harus dapat kompleks sukan komuniti ini dahulu daripada kawasan yang lain. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kementerian Belia dan Sukan tidak membina di seluruh dewan undangan negeri yang meliputi semua kawasan di negara ini, memang kita akan memilih tempat yang sesuai ataupun tempat yang tidak ada kompleks. Tetapi oleh kerana kita akan membina di seluruh negara, maka senioriti telah diambil untuk 33 kawasan yang akan dibina dalam Fasa 1. Tetapi Yang Berhormat tidak usah khuatirlah bila kementerian dan EPU memberi kita kebenaran, pasti kita akan membina di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini yang khas, pendek sikit. Oleh sebab semalam pertama kali kita ada seorang daripada Malaysia yang menang *British Open Squash*, Nicol David, dapat hadiah dan Parlimen patutlah ucap tahniah kepada beliau yang menjadi wanita pertama dari Asia, yang boleh menang *British Open Squash* ini ialah *win burden* untuk *Squash*. Adakah kementerian Yang Berhormat akan memberi *recognitions* yang khas, galakan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Hah! Apa itu – boleh faham itu sahaja. Dunia pun tidak tengok, tidak tahu. *Frog in a well, frog in a well*. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pujian dan galakan kepada David Nicol ini daripada Pulau Pinang.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang membangkitkan isu pada hari ini tetapi semalam juga Menteri Belia dan Sukan telah menelefon Nicol David [Disorak] dan kementerian akan memberi pengiktirafan yang wajar kepada Nicol David. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Telefon sahajakah?

Tuan Sa. Vigneswaran: Itu belum balik lagi.

5. **Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah harga rumah kos rendah akan dinaikkan disebabkan kenaikan harga minyak; dan
- (b) adakah pihak kementerian menerima laporan mengenai pihak-pihak tertentu yang menaikkan harga kos rumah walaupun rumah tersebut dibina dan disiapkan sebelum pengumuman kenaikan harga minyak baru-baru ini dan apakah pendirian pihak kementerian di dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda atau menaikkan harga rumah kos rendah yang sedia ada berikutan kenaikan harga minyak. Harga rumah kos rendah yang

ditetapkan oleh kerajaan adalah di antara RM25 ribu hingga RM42 ribu berdasarkan pindaan akta tahun 2002 masih sesuai untuk diguna pakai di seluruh negara. Oleh itu, peluang bagi golongan sasaran untuk memiliki rumah kos rendah tidak terjejas dengan isu tersebut.

- (b) Sehingga kini kerajaan tidak menerima sebarang laporan bertulis dari mana-mana pihak untuk menaikkan harga rumah, sama ada yang telah siap atau masih dalam pembinaan berikutan isu kenaikan harga minyak berkenaan. Memandangkan perumahan kos rendah adalah disediakan untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah, maka kerajaan perlu mengkaji dengan lebih teliti sebelum sesuatu perubahan dasar dibuat. Bagi rumah, selain daripada rumah kos rendah, sebarang perubahan harga rumah seperti yang diluluskan dalam permit iklan dan jualan perlu mendapat kelulusan daripada KPKT. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Jerlun. Maaf, Yang Berhormat bagi Dungun. *[Ketawa]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang sayang Dungun tetapi dia sayang juga Jerai. Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan satu masalah besar dalam negara kita berkenaan dengan penterjemahan Dasar Perumahan Negara yang mana rakyat marhaen ataupun rakyat yang berpendapatan rendah.

Boleh di katakan di tiap-tiap kawasan Parlimen, apatah lagi di kawasan-kawasan bandar raya tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan rumah kos rendah. Ini merupakan satu dasar kerajaan kita bahawa seboleh-bolehnya setiap keluarga akan memiliki sebuah rumah, khususnya rumah kos rendah. Tetapi apa yang berlaku dalam negara kita sekarang ialah gerakan pembinaan rumah kos rendah bukan sahaja tidak dapat dibina oleh kerajaan dengan baik tetapi juga mana-mana pemaju yang alokasi tentang sejumlah yang harus dibina sebagai rumah murah pun tidak dapat dijalankan.

Bolehkah kementerian menyatakan kepada kita pada hari ini bahawa berapakah sebenarnya keperluan rakyat kita yang dilihat sebagai marhaen dan kurang upaya ini, yang sepatutnya mendapat rumah tetapi tidak mampu, dibina oleh kerajaan ataupun pihak swasta melalui Dasar Perumahan Negara di negara kita. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Dungun. Memanglah menjadi dasar kerajaan negara kita ini untuk memastikan setiap rakyat, khususnya mereka yang kurang mampu untuk mendapat sebuah rumah, *they must have a roof over their heads*, dan ini adalah menjadi pegangan kepada kementerian kita.

Mengikut sasaran untuk perumahan sektor awam dan swasta bagi tahun 2006 hingga 2010 iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita mempunyai unjuran bahawa untuk sektor awam berjumlah 164,900 rumah akan dibina di seluruh negara. Bagi sektor swasta pula, 544,500 buah rumah akan dibina. Ertinya, jumlahnya semua ialah 709,400 buah rumah, pemaju swasta 525,500 buah, syarikat kerjasama 19 ribu, untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Terihap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan menetapkan dasar harga rumah murah RM25 hingga RM42. Adakah kerajaan juga menentukan dasar harga istimewa untuk setinggan yang menduduki tanah yang dibangunkan oleh kerajaan ataupun pihak swasta? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Memanglah menjadi dasar kerajaan bahawa semua rumah kos rendah ialah berharga di antara RM25 ribu hingga RM42 ribu berdasarkan lokasi di mana rumah-rumah tersebut di bina. Tetapi bagi setinggan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

membina rumah-rumah PPR khususnya bagi bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Baharu, Kota Kinabalu dan lain-lain lagi.

Untuk rumah-rumah yang dibina oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini yang kemudiannya kita serahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk memilih siapakah yang patut duduk di rumah-rumah tersebut. Rumah-rumah ini tidak dijual, Yang Berhormat. Ianya adalah disewakan kepada setinggan-setinggan yang ada di kawasan-kawasan tersebut dengan harga sewa RM124 sebulan. Itulah dasar kita pada masa ini tetapi kemungkinan dasar ini sedang dalam kajian lagi, mungkin akan ada perubahan. Jika ada perumahan untuk dijual, harganya juga nanti akan ditentukan. Buat masa ini belum dapat saya berikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan baik, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

6. **Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Perdana Menteri menyatakan kesediaan Suruhanjaya Pilihan Raya mengendalikan pilihan raya negeri Sarawak dan apakah pelan yang sedia ada bagi memastikan perjalanan pilihan raya ini adalah telus dan adil terutamanya media massa tidak disekat agar hanya memberi laporan bagi pihak Barisan Nasional dan perbelanjaan calon tidak melanggar undang-undang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan percaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan dapat mengendalikan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan yang akan datang dengan baik. Pengalaman SPR yang telah mengendalikan sebelas kali Pilihan Raya Umum Persekutuan dan lapan kali Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak membuktikan kemampuan SPR tidak perlu dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak.

Berhubung dengan soal ketelusan dan keadilan pihak media massa untuk memberikan laporan aktiviti parti-parti politik, ianya terpulanglah kepada pengurusan pihak media massa itu sendiri kerana SPR tidak mempunyai kuasa untuk mengawal aktiviti mereka. Ianya bergantung pada hubungan baik di antara sesebuah parti politik dengan pihak media massa berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkara tersebut terlaksana, SPR telah mengadakan perjumpaan dengan pihak media massa di Kuching pada 12 Ogos 2005 dan meminta mereka membuat laporan yang adil untuk semua pihak yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak Kesembilan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perbelanjaan calon, ia jelas dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika calon-calon berbelanja semasa Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak melebihi RM100 ribu. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin hendak ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kerana bukan jawapan yang diberi sekarang tetapi kenyataan yang telah dibuat bulan lalu bahawa *local government* adalah sebagai samseng. *[Disorak]* Ini adalah satu kenyataan yang berani.

Seorang Ahli: Batu Api.

Seorang Ahli: Keluar tajuk, keluar tajuk.

Tuan Chong Chieng Jen: Sebelum soalan tambahan. Saya ingin ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri kepada berani mengucapkan satu kebenaran dan kegagalan Barisan Nasional. Dan, inilah soalan saya. *[Disampuk]* Okey, saya balik ke tajuk. Masyarakat kita sekarang berada dalam zaman informasi dan teknologi dan kerajaan selalunya menggalakkan rakyat agar bersungguh-sungguh memperolehi *knowledge and information*.

Oleh itu, saya ingin tahu sama ada konsep *knowledge and information, whether they are applicable also in election time*. Dan, soalan saya adalah adakah kerajaan akan mewajibkan bahawa stesen-stesen TV, soalan saya adalah mewajibkan bahawa stesen-stesen TV untuk memberi liputan yang seimbang kepada segala calon dan parti yang mengambil bahagian di dalam pilihan raya negeri Sarawak supaya rakyat jelata sedar dengan jelas berkenaan dengan calon dan parti yang akan mereka pilih atau tidak pilih.

Soalan keduanya ialah sama ada ...

Seorang Ahli: Berapa banyak soalan? [*Dewan riuh*]

Tuan Chong Chieng Jen: *Sub-question....* sama ada kerajaan sudi mengadakan - mewajibkan satu, perbahasan yang terbuka (*open debate*) di televisyen kerana ini ada di semua negara maju. Kalau negara kita hendak menghala ke status negara maju, kita juga mesti ikut apa yang diadakan dalam pilihan raya mereka. Sekian soalan saya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Kalau hendak mengucapkan tahniah buatlah dengan cara yang baik, tidak payahlah jadi "batu api". [*Dewan riuh*] Lagi satu fahamlah apa yang saya katakan, walaupun saya mengucapkan terima kasih - saya tidak tahulah, daripada Yang Berhormat itu adakah ikhlas atau tidak ikhlas. [*Ketawa*] Itu tidak tahulah.

Tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah kata, "samseng". Saya tidak pernah menggunakan perkataan "samseng". Saya hanya menggunakan perkataan – "perkara-perkara yang berlaku di peringkat majlis, kadangkala ia dikendalikan dengan cara sebagai satu persatuan (*society*) dengan cara rahsia". Apabila perkataan keluar sebagai "*secret society*", terjemahan dalam Bahasa Malaysia telah keluar sebagai "kongsi gelap". Itu bukan terjemahan saya, itu terjemahan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Chong Chieng Jen: [*Bangun*]

Datuk M. Kayveas: Duduk, duduklah dulu Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tidak apa, tidak apa. Terima kasihlah *you* sokong saya, terima kasih. Tetapi masuklah PPP, Sarawak belum ada PPP lagi. [*Ketawa*] Bagi *you* peluang ini. *You* sokong parti saya, *you* masuk.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Datuk M. Kayveas: *Much better than you*. DAP tutup kedailah, *no* modallah. *Local government* punya modal pun kita sudah ambillah. *You* sudah tidak ada modal lagi. Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: Batu Gajah duduk diam-diamlah.

Datuk M. Kayveas: Pergi baca sejarah PPP dululah - DAP belum wujud lagi. DAP baru wujud tahun 1968, PPP sudah wujud tahun 1953. Pergilah baca sejarah. Sebelum merdeka DAP tidak adalah!

Seorang Ahli: DAP boleh pi lah!

Datuk M. Kayveas: Okey, berkaitan dengan soalan yang kedua itu *knowledge and information*. *Knowledge and information* itu tidak perlulah kita gunakan hanya untuk pilihan raya sahaja. Ia perlu digunakan dalam *everyday life*, dengan izin, dalam semua perkara. Janganlah dalam pilihan raya sahaja hendak *use knowledge and information*. Tidak ada masalah.

Soalan yang lagi satu, tadi mengenai *open debate*. Kita faham *open debate* ini. Kita ada di seluruh negara. Tetapi *open debate* ini macam di Amerika Syarikat ia diberi peluang kepada Presiden sahaja. Kita di Malaysia ini ada 219 kerusi Parlimen dan 567 kerusi Dewan Negeri, bolehkah kita beri *debate* kepada semua calon? Tidak boleh, ini

bukan praktikal melainkan kalau ada soalan berbangkit, soalan yang praktikal. Terima kasih.

7. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperluaskan bidang kuasa Kementerian Penerangan agar ianya dapat memantau seluruh rancangan-rancangan televisyen terutama yang melibatkan stesen TV swasta.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, sejak setahun yang lalu Ahli-ahli Parlimen telah sering membangkitkan agar Kementerian Penerangan diberi semula tanggungjawab dan kuasa terhadap bidang penyiaran swasta serta memantau isi kandungannya. Pihak Kementerian Penerangan juga telah berjanji akan membawa perkara tersebut untuk dibincang dan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Pada 20 Julai 2005 yang lalu, pihak Kementerian Penerangan telah pun membentangkan satu memorandum Kabinet dengan hujah-hujahnya mencadangkan perkara yang sama. Memorandum itu telah dibincangkan secara mendalam dalam mesyuarat tersebut. Tetapi keputusannya adalah untuk melantik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membincangkan perkara tersebut secara lebih mendalam bersama-sama dengan menteri-menteri yang berkenaan seperti berikut:

- Menteri Penerangan
- Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi
- Menteri Keselamatan Dalam Negeri
- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan mesyuarat tersebut pada 1 Ogos 2005 yang lalu, dan pada akhir mesyuarat tersebut keputusan dibuat agar tanggungjawab serta kuasa tersebut dikekalkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Sebab utamanya adalah kerana medium untuk menyampaikan maklumat sekarang ini bukan melalui radio dan TV sahaja tetapi juga kian meningkat menerusi internet dan telefon. Medium ini juga kian berintegrasi atau *convergent*. Namun demikian satu jawatankuasa telah ditubuh dan diketuai oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, manakala Kementerian Penerangan menjadi ahli.

Tanggungjawab Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan adalah untuk memberi pandangan dan input mereka dari masa ke semasa kepada jawatankuasa tersebut tentang kod etika bidang penyiaran yang harus dipatuhi dan digalakkan sepanjang masa. Pihak Kementerian Penerangan telah pun mengemukakan pandangan kami kepada jawatankuasa tersebut pada 13 Oktober 2005 yang lalu.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya saya mengucapkan tahniah kepada TV1 dan TV2 dalam hal ini, kerana perubahan yang terlampau banyak dibuat dan juga banyak pembaharuan. Siaran 24 jam yang dilancarkan oleh TV1 menunjukkan bahawa TV1 ini jauh ke hadapan. Walau bagaimanapun ada banyak lagi perkara yang banyak telah diperkatakan terutamanya yang melibatkan siaran.

Kita tengok pada hari ini - hari ini kita banyak memperkatakan tentang TV kerajaan seolah-olah TV kerajaan tidak boleh buat apa, tetapi TV swasta macam boleh buat apa dia suka. TV8 kita tengok, rancangan *Mencari Cinta* umpamanya, positifkah rancangan ini, seorang perempuan keluar dengan ramai lelaki? Untuk yang akan datang kita bolehkah terima macam ini, Tuan Yang di-Pertua? Kita bolehkah terima? Jadi saya lontarkan perkara ini untuk kita fikirkan. Bukan saya kata tidak positif, tetapi positifkah?

Macam itu juga kita tengok penggunaan bahasa Melayu. Saya hendak bertanya apakah dasar kerajaan tentang penggunaan bahasa Melayu di TV? Di TV swasta, rancangan bukan bahasa Melayu ini banyak, bersepah-sepah. Adakah kita satu *percentage* - memang betul, sebab itu aku cakap. [*Dewan riuh dengan ketawa*] Kita tidak adakah satu *percentage* untuk mengawal - memang betul - untuk mengawal rancangan-rancangan ini, contohnya macam ini berapa *percent*. Ini TV swasta boleh buat apa dia suka. Cakap bahasa, semua dia hendak. TV kerajaan...

Seorang Ahli: Soalan?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Ini soalanlah, tidak faham? TV kerajaan, kita kena hentak. Sikit-sikit kena hentak, sedikit-sedikit kena hentak. Tetapi apakah dasar kerajaan tentang Bahasa Kebangsaan? Begitu juga apakah dasar kerajaan terhadap perancangan rancangan pelbagai bahasa? Pelbagai kaum? Ini swasta tidak buat, TV1 dan TV 2 sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka itulah jawapan tadi, kita telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semua perkara ini dan kita harap dengan adanya jawatankuasa ini kelak kita akan dapat melihat, kita akan dapat mengadakan kod etika yang lebih sesuai supaya TV-TV swasta tidak menimbulkan masalah. Tetapi walau apa pun saya percaya kita seperti mengadakan *speed limit*, tetapi pelanggaran-pelanggaran akan terus berlaku. Kita harus seterusnya menyedari dan mengawasi supaya perkara ini tidak berlaku. Tidak menjamin bahawa perkara-perkara ini tidak akan terus berlaku tetapi kerajaan memandang perkara ini serius, maka itulah kita telah membentuk jawatankuasa yang saya terangkan tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat. Cuma masalahnya ialah Akta Penerangan itu sendiri. Kalau dulu ia diletakkan di bawah Kementerian Penyiaran, tetapi pada hari ini Kementerian Penerangan, kalau ikutkan akta yang belum ada ini terletak di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Walaupun tadi Yang Berhormat mengatakan sebuah jawatankuasa dibentuk bagaimana kita hendak mengawal balik segala siaran rancangan TV-TV swasta. Itu adalah langkah yang baik, tetapi soalnya sekarang ialah kita tahu bahawa Akta Kementerian Penerangan itu sendiri masih belum digubal. Bilakah Akta Kementerian Penerangan dapat dibawa balik ke Parlimen ini untuk diluluskan supaya semua TV swasta yang ada dalam negara kita ini diletakkan balik di bawah Kementerian Penerangan, barulah mudah untuk Kementerian Penerangan menyelia atau mengawal mengikut segala program, rancangan yang diwujudkan oleh TV-TV swasta. Jadi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Yang Berhormat, sebenarnya soal ini sudah tidak timbul lagi apabila adanya mesyuarat yang saya telah terangkan tadi. Setelah banyak kekeliruan timbul, maka kerajaan telah mengambil langkah untuk menjelaskan kedudukan perkara ini berikutan kuasa yang telah diserahkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sejak lama dulu. Tanggungjawab, pelaksanaan dan penguatkuasaan itu telah pun diserahkan oleh kerana kerajaan memikirkan - telah diputuskan oleh Kabinet lama dahulu oleh sebab adanya *convergence*. Soalnya Kementerian Penerangan tidak lagi bertanggungjawab di atas dasar-dasar penerangan, tetapi oleh sebab masalah ini telah semakin besar dan tanggungjawabnya semakin luas, maka soal-soal IT itu diserahkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, tidak hanya di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan. Keputusan itu telah dibuat lama dahulu.

Oleh sebab timbulnya anggapan bahawa Kementerian Penerangan masih berkuasa, masih bertanggungjawab dalam semua dasar penerangan, maka itulah dibentuk sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan melantik semua menteri yang terlibat untuk mencari satu penyelesaian, melihat bagaimana masalah ini dapat dilaksanakan, bertanggungjawab bersama tetapi kuat kuasa itu tetap terletak kepada kementerian berkenaan yang saya sebutkan tadi.

[Soalan No.8 - YB Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

9. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor, jururawat dan kakitangan lain yang telah dijangkiti oleh penyakit TB di hospital-hospital kerajaan. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menangani masalah ini agar ia tidak kerap berulang.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Pada tahun 2004 sejumlah 106 kes TB, iaitu bersamaan sebanyak 0.7% telah dilaporkan di kalangan petugas perubatan atau kesihatan dan ia menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2% berbanding tahun 2003. Walau bagaimanapun daripada notifikasi melalui sistem *surveillance* penyakit, pekerjaan, hanya terdapat sebanyak 7 kes sahaja daripadanya mendapat jangkitan di tempat kerja. Susunan langkah pencegahan berikut adalah dicadangkan bagi mencegah jangkitan *Nosocomial TB* di fasiliti kesihatan:

- (i) kawalan pentadbiran - di mana kawalan pentadbiran merupakan langkah yang sangat penting dalam pencegahan jangkitan TB. Tujuan utama langkah pencegahan ini adalah bagi mengurangkan risiko pendedahan anggota yang tidak terjangkit daripada penyakit TB. Langkah-langkah kawalan ini merangkumi penyediaan pengamalan protokol yang efektif yang dapat mengenali, mengisolasi dan merawat dengan segera. Amalan kerja yang efektif telah diamalkan di kalangan anggota kesihatan dengan menekankan pendidikan kesihatan, latihan, kaunseling berkaitan TB, dan sebagai langkah tambahan semua anggota kesihatan dikehendaki menjalani pemeriksaan saringan bagi TB secara berjadual;
- (ii) kawalan melalui kejuruteraan - Langkah ini dapat mencegah penyebaran dan mengurangkan kandungan bakteria di dalam setiap titisan yang berjangkit;
- (iii) melalui pendekatan dengan izin, *personal respirator protection* - Kaedah ini di mana *respiratory mask* dipakai oleh semua anggota kesihatan apabila melakukan prosedur yang berisiko tinggi seperti dengan izin, *cough induction and bronchoscopy*.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kes-kes TB di peringkat global kini kian meningkat. Seperti yang disebutkan oleh WHO sebanyak 8 juta kes-kes baru pada setiap tahun dan 3 juta kematian juga bagi setiap tahun kerana penyakit TB ini. Terdapat juga bahawa ada bakteria TB yang *reristance* kepada *antibiotic* yang diberi sekarang.

Oleh itu pihak WTO amat bimbang tentang kes-kes TB yang berlaku di dunia ini dan menyarankan strategi baru yang dikatakan *directly observed treatment (DOT)*.

Adakah kementerian juga dapat mengamalkan strategi DOTSC yang diamalkan oleh WHO? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Saya kagum sebab Yang Berhormat bagi Mambong bukan sahaja mahir dalam hal-hal alam sekitar, tetapi juga mahir dalam hal-hal penyakit tibi (*Tuberculosis*). Ia ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, TB, "takut bini". [Ketawa] *Figure* yang diberikan oleh WHO itu tidak termasuk penyakit-penyakit inilah, yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, betul apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong. Justeru itu, kementerian sudah pun mendapatkan nasihat mengenai kaedah-kaedah baru bagi membendung penyakit tibi dan kita semua maklum, penyakit tibi yang kita

alami sekarang, 0.63% dalam trend negara-negara yang kelas ketiga adalah ekor dari penyakit tibi yang diimport, khususnya daripada pekerja asing dan ia juga meningkat kerana kes-kes HIV/AIDS juga meningkat dan kebanyakan mereka yang kena HIV/AIDS ini, dia juga berisiko tinggi untuk menghidap penyakit tibi.

Sistem DOT ini sudah juga diamalkan oleh kementerian di mana *Direct Observation Therapy* ini kita pastikan mereka betul-betul makan ubat dan diperhatikan sendiri oleh pegawai kesihatan. Terima kasih.

10. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah kegunaan cermin gelap bagi kenderaan-kenderaan begitu berleluasa dengan tiada kawalan, apakah peraturan ini telah dimansuhkan ataupun penguatkuasaannya mengikut musim.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, peraturan melarang penggunaan cermin gelap adalah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Larangan Penggunaan Jenis Kaca Tertentu) 1991 dan ianya masih berkuat kuasa. Pemasangan dan penggunaan kaca kenderaan yang melebihi kadar ketelusan cahaya yang telah ditetapkan di bawah kaedah ini adalah dilarang dan tindakan akan diambil sekiranya ia tidak dipatuhi.

Mengikut kaedah yang ada sekarang, kadar ketelusan cahaya cermin hadapan kenderaan ataupun *windscreen* hendaklah tidak kurang daripada 70%, manakala cermin sisi dan cermin besar bahagian belakang kenderaan hendaklah mempunyai kadar ketelusan, sekurang-kurangnya 50%. Penggunaan dan pemasangan cermin gelap yang tahap ketelusan cahaya kurang daripada tahap seperti yang ditetapkan adalah merupakan satu kesalahan di mana apabila seseorang itu disabitkan kesalahan ini buat pertama kali, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi dua minggu. Kesalahan kali kedua dan berikutnya boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi tempoh satu bulan.

Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan terhadap penggunaan cermin gelap pada kenderaan. Jumlah saman yang dikeluarkan oleh JPJ ke atas kenderaan yang menggunakan cermin gelap di seluruh negara dari tahun 2003 sehingga Julai 2005 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Saman
2003	425
2004	304
2005 Sehingga Julai	198

Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, hari ini cermin gelap boleh dikatakan semua kereta sudah pakai. Keliling bangunan Parlimen ini penuh dengan cermin gelap. Kalau hantar JPJ ke sini, saman sudah penuh, di jalanan begitulah juga. Dan juga kereta-kereta yang bernombor kecil, kereta-kereta baru yang *all black* dan sebagainya.

Jadi kereta penyangak atau penyamun dengan kereta orang besar pun sudah sama sekarang ini. Jadi apakah ini tidak membahayakan? Kadang-kadang kita tidak tahu orang yang di dalam kereta itu apakah jenis manusianya dan apa yang dia bawa.

Penguatkuasaan oleh pihak kementerian ini terlalu lemah. Jadi boleh tidak kita bekerjasama dengan pasukan polis dan JPJ, bila ada *road block*, *speed trap* dan sebagainya, kita tengok kalau cermin dia gelap, suruh polis tangkap dan beri saman. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang...

Tuan Yang di-Pertua: Periksa dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Periksa dahulu, baru keluarkan saman.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, periksa dahulu. Suluh tengok, kalau tidak masuk cahaya, tangkap. Kalau masuk cahaya, tidak apa.

Dan saya hendak tanya kepada timbalan menteri, orang-orang jenis macam mana yang boleh pakai cermin gelap. Ahli Parlimen ini sudah tentulah boleh pasal kita hendak fikir, tidak mahu cahaya masuk. *[Ketawa]* Ini hendak fikir ini, dalam perjalanan hendak buat kerja. Jadi bila cahaya masuk, dok kacau biji mata, tidak boleh fikir. Selain daripada Ahli Parlimen yang boleh, siapa lagi yang boleh? Siapa yang tidak boleh dan kalau hendak dibolehkan, macam mana? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dari segi penguatkuasaan ini ada kelemahan di situ dan insya-Allah, saya rasa kementerian akan memandang berat di atas perkara ini dan kita akan sedia mengambil maklum di atas saranan Yang Berhormat itu.

Bagi soalan yang kedua itu, siapakah yang layak. Ini apa yang kita lakukan iaitu cermin gelap ini adalah di bawah budi bicara Menteri Pengangkutan apabila mendapat pandangan daripada pihak JPJ, siapakah yang layak dan siapakah yang tidak layak. Kebiasaannya ialah kepada pemandu-pemandu yang mana ada kecacatan dari segi penglihatan, ia diberi prioriti dan juga kepada orang-orang yang tertentu yang mana mendapat sokongan daripada pihak polis ataupun JPJ dan dibawa kepada pihak Menteri Pengangkutan. Terima kasih.

11. **Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan menimbang peruntukan yang lebih daripada biasa di bawah RMK-9 untuk kawasan-kawasan mundur dan negeri-negeri yang kurang maju seperti di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak dan apakah strategi dan langkah-langkah untuk mengurangkan perbezaan pendapatan antara kaum dan antara kawasan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ke-9, selaras dengan Dasar Pembangunan Negara yang telah dilancarkan sejak tahun 1991, rancangan pembangunan yang dilaksanakan sentiasa memberi tumpuan kepada mewujudkan keseimbangan antara negeri, antara bandar dan luar bandar serta antara kaum. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi di antara negeri-negeri di Malaysia termasuk negeri-negeri di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.

Berdasarkan kepada Peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-8, negeri-negeri di Pantai Timur telah menerima peruntukan sebanyak RM15.2 bilion yang merupakan 9.5% daripada jumlah keseluruhan. Manakala Sabah dan Sarawak pula menerima peruntukan sebanyak RM24.6 bilion iaitu 15.3% daripada peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-8.

Pengagihan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan di kalangan negeri menunjukkan bahawa negeri Sabah merupakan negeri ketiga terbesar yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM12.7 bilion, manakala negeri Sarawak pula merupakan negeri keempat terbesar iaitu sebanyak RM11.8 bilion. Bagi negeri-negeri di Pantai Timur, Kelantan telah menerima RM3.7 bilion, Terengganu - RM4.3 bilion dan Pahang - RM7.2 bilion.

Usaha untuk mengurangkan perbezaan pendapatan antara kaum dilaksanakan melalui peningkatan pertumbuhan ekonomi di dalam menyediakan peluang-peluang yang lebih kepada semua kaum. Antaranya adalah melalui penyertaan di dalam skim-skim saham amanah, pemilikan ekuiti melalui program penswastaan, latihan pengurusan dan latihan keusahawanan, bantuan kewangan termasuk skim kredit mikro, peluang perniagaan di dalam industri kecil dan sederhana dan juga program latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah pembangunan seimbang antara kawasan diambil dengan mempelbagaikan asas ekonomi, membangunkan aktiviti berasaskan pengetahuan dan menyediakan infrastruktur sosial yang lebih baik. Penyediaan infrastruktur asas yang berkualiti akan dapat membantu menjana aktiviti ekonomi penduduk setempat, akan terus diberikan keutamaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini persoalan pemberian peruntukan. Memang kita akui pembahagian itu tetapi ada dua perkara di situ. Pertama dari segi keluasan sesuatu kawasan. Biasanya Sabah dan Sarawak akan disebut satu jumlah yang besar. Tetapi yang kita lupa ialah bahawa kedua-dua negeri ini keluasannya besar. Sarawak itu keluasan dia lebih kurang 124,000 kilometer persegi dan Sabah itu lebih kurang 76,000 kilometer persegi. Yang Tanah Semenanjung cumalah 133,000 kilometer persegi. Makna dia Sabah dan Sarawak itu hampir 70% daripada keseluruhan tanah Malaysia ini, dan ini memerlukan banyak infrastruktur sebagai contoh. Persoalan di sini ialah, kita memperakui dalam dokumen-dokumen ini semua sudah ada, Rancangan Malaysia Kelapan, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, semua di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Persoalannya dari segi mekanisme. Semua program-program tadi, yang ini, itu ada. Tetapi dari segi mekanisme dia, institusi pelaksana dia, itu persoalan kita. Jika sekiranya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, institusi itu juga tidak ada, memang susah. Sebagai contoh, Lembaga Kemajuan Wilayah tidak ada di Sabah dan Sarawak, tidak ada. Kita perlukan Lembaga Kemajuan Wilayah ini untuk melaksanakan itu.

Yang keduanya dari segi pemantauan. Bagaimanakah kita memantau dari segi penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh tadi ada jawapan dari segi penyertaan, peserta dalam Skim Latihan Graduan sebagai contoh. Bumiputera ada 4,000. Berapa pula dari Sabah dan Sarawak sebagai contoh? Bukanlah kita mahu perkauman dan sebagainya, kita mahu memantau dari segi penyertaan. Jadi persoalan di sini ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sudah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Apakah mekanisme. Itu yang menjadi persoalan-persoalan kita supaya kerajaan dapat menumpukan perhatian di mana yang diperlukan, seperti mana yang diperakui dalam dokumen ini. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor yang perlu diambil kira semasa kita memberi peruntukan kepada negeri-negeri masing-masing. Memang satu daripadanya ialah saiz. Tetapi kita juga perlu mengambil kira jumlah penduduk, kepentingan negara di mana misalnya walaupun Selangor telah maju ataupun Wilayah Persekutuan telah maju, tetapi kita perlu membina lapangan terbang yang besar di Selangor. Itu menyebabkan bajet seolah-olah diperuntukkan kepada Selangor agak tinggi dibandingkan dengan beberapa negeri yang lain, dan juga kita perlu mengeratkan *competitive advantage* sesuatu tempat untuk menggalakkan pertumbuhan industri, misalnya dari segi *manufacturing sector*. Yang patut kita bandingkan ialah pembangunan dari segi kemudahan asas. Kemudahan asas memang banyak peruntukan diberi kepada negeri-negeri yang lebih mundur. Dari segi

pemantauan, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan yang diperlukan membuat pemantauan dan sebagainya, tetapi kerajaan negeri juga. Itulah sebab kadangkala ada agensi di peringkat Wilayah Persekutuan ataupun di peringkat Persekutuan, tetapi tidak ada di peringkat negeri di Sabah dan Sarawak misalnya, kerana di negeri masing-masing kadangkala ada sistem ataupun agensi pemantauannya sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab pada pagi ini. Ada satu usul daripada Menteri. Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.14 pagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kesemua kementerian-kementerian menjawab di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat seperti...

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Yang Berhormat Menteri. Ini tunjuk *seriousness* yang patut diadakan. *Congrats* dia. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti usul yang telah diputuskan sebentar tadi, Dewan pada hari ini akan bersidang sehingga semua urusan diselesaikan.

Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Dewan akan ditempohkan bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam berbuka puasa dan yang selainnya dijemput untuk menikmati jamuan bersama-sama, iaitu sesiapa yang bertugas pada masa itu. Sebelah malamnya akan diadakan jamuan malam pula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Malam tadi tidak ada Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Malam tadi tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Malam ini akan diadakan. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Semalam ada, kena kebas.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006
Bacaan Kali Yang Kedua
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapen dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." [18 Oktober 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyambung jawapan.

11.17 pagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membahaskan Bajet 2006 di Dewan Rakyat, dan telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah seperti perkara-perkara berikut.

Isu kemasukan rakyat asing tanpa pasport di sempadan Sarawak oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, isu pemberian visa kepada pelancong asing di pejabat Konsulat Kedutaan Malaysia yang tidak diterima di lapangan terbang, juga oleh Yang Berhormat bagi Bintulu. Isu penyeludupan pekerja wanita yang melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Isu mengenai golongan *transsexual* yang tidak dibenarkan meminda maklumat jantina di kad pengenalan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Isu berkaitan denda yang akan dikenakan bagi penukaran MyKad selepas Disember 2005 oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, dan isu berkaitan rakyat negara ini yang tidak mempunyai anutan agama, dipaksa mengisi kolum tentang agama yang dianuti dalam borang permohonan di JPN oleh Yang Berhormat bagi Seputeh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu telah menyentuh mengenai tahap kawalan keselamatan di beberapa sempadan di Sarawak. Beliau mendakwa terdapat pegawai imigresen yang membenarkan rakyat asing keluar masuk walaupun tanpa pasport sehingga terdapat golongan yang menjalankan kegiatan jual beli

senjata api dari negara jiran. Beliau ingin tahu, apakah perancangan kementerian dalam menggubal mentaliti dan tanggungjawab pegawai imigresen mengenai masalah ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia memberi kemudahan masuk bagi pelawat asing tertakluk kepada akta dan peraturan imigresen seperti berikut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sikit.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Terlebih dahulu ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Membuat bising*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: "*Sudah gaharu cendana pula*". Selamat, tahniah, syabas kepada Yang Berhormat. Mudah-mudahan dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki dan sampai ke anak cuculah. [*Ketawa*]

Dato' Azmi bin Khalid: [*Senyum*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan saya Yang Berhormat, masalah yang timbul ini, apakah kementerian melihat pegawai-pegawai, kakitangan imigresen kalau dibolehkan, digilir-gilirkan, bergiliran dari segi pentadbiran supaya mereka tidak hanya duduk kekal sesuatu tempat itu, mereka lebih sehati dengan keadaan *environment*, dengan izin.

Ini boleh menyebabkan mereka terjebak, terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang mungkin kita lihat sebagai tidak begitu baik. Apakah pandangan Yang Berhormat, bahawa pihak kementerian melihat perkara ini boleh di sudut pentadbiran supaya pegawai dan kakitangan imigresen digilir-gilirkan di tempat-tempat lain, tidak hanya setempat dan ini menyebabkan mereka lebih sehati dengan keadaan yang setempat dan boleh menyebabkan mereka, mahu tidak mahu secara *direct* ataupun *indirect* dengan izin, terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak mengizinkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat kerana bukan sahaja di Imigresen, di jabatan mana pun kalau terlalu lama mereka berada di satu tempat kemungkinannya terlalu mengenali masyarakat setempat akan wujud atau akan timbul gejala-gejala yang dikatakan tidak sihat yang mencemarkan nama jabatan. Jadi, saya akan melihat perkara ini dari cadangan Yang Berhormat agar khasnya di kawasan-kawasan sempadan Sarawak dan Sabah. Saya dimaklumkan juga ada pegawai-pegawai yang terlalu lama di tempat-tempat berkenaan semoga dengan giliran yang akan kita buat ini akan dapat kita mengurangkan apa saja teguran-teguran atau pun kompelin yang diterima. Sememangnya jabatan sentiasa menukar pegawai, cuma sejauh mana dijalankan berterusan dari atas hingga ke bawah. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia memberi kemudahan masuk bagi pelawat asing tertakluk kepada akta dan peraturan Imigresen seperti berikut:

Pintu keluar masuk antarabangsa seperti Tebedu di Sarawak, pelawat seharusnya melapor di pintu keluar masuk Imigresen dengan mengemukakan *passport* antarabangsa. Pintu keluar masuk berupa pos kawalan seharusnya melapor di pos berkenaan dengan mengemukakan *border pass* atau *pass* lintas batas yang mengehendkan pergerakan pelawat kepada kawasan tertentu sahaja. Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemeriksaan pelawat di pintu keluar masuk dengan dokumen perjalanan yang teratur sebelum membenarkan pelawat masuk atau keluar. Di samping itu Jabatan Imigresen sentiasa membuat naziran dan operasi dalam usaha mengurang dan mengatasi kemasukan pendaatang tanpa izin atau pelawat yang menyalahi peraturan Imigresen.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan juga isu jual beli senjata api dari negara jiran yang dilakukan oleh rakyat asing yang keluar masuk tanpa menggunakan *passport* melalui beberapa pintu masuk Sarawak.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran.

[Y.B. Tuaran memberi laluan kepada Y. B. Padang Terap]

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ketahui bahawa di akhir-akhir ini berlaku pergolakan di Selatan Thailand. Persoalannya mungkin juga kebanjiran kemasukan masyarakat Thai ke Kedah, yang mana juga yang ada pintu masuk ke negara kita. Adakah benar dakwaan mengatakan bahawa apabila berlaku pergolakan di Thailand, ramai rakyat Thailand yang masuk ke Malaysia. Kalau ya, sejauh manakah memperketatkan kawalan di semua pintu masuk, kita tengok ramai orang Thai yang bekerja di restoran Tom Yam, terlalu ramai sangat, di akhir-akhir ini, adakah benar dakwaan itu, adakah kita hendak memperketatkan lagi kawalan di semua pintu masuk di negara kita. Terima kasih Dato'.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kawalan di pintu-pintu masuk sempadan Thailand dengan Malaysia sememangnya di kawal ketat khasnya dalam keadaan sekarang. Cuma saya pada masa ini tidak ada statistik berapa jumlahnya sekarang dan dulu, kemasukan harian.

Selain dari itu, saya minta maaf, segala urusan yang berkaitan dengan kemasukan warga Thailand ke negara kita akibat dari pergolakan di Selatan Thailand lebih baik soalan itu dibangkitkan di bawah Kementerian Luar Negeri, tapi sudah pun selesai Menteri Luar kita menjawab. Sebenarnya dalam Kabinet diizinkan hanya Menteri Luar berbincang atau pun memberi maklumat seterusnya berkaitan pergolakan antara dua negara. Untuk makluman Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Tuaran.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sekejap, bagi saya habiskan. Untuk makluman Yang Berhormat pegawai-pegawai imigresen pada amnya menjalankan tanggungjawab masing-masing mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan memberi perhatian khusus kepada ketulenan warga asing, tempatan yang keluar masuk melalui pintu-pintu sempadan. Soal jual beli senjata api sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa pihak polis yang sememangnya bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat di pintu masuk sempadan. Namun demikian pihak imigresen sentiasa memberi kerjasama dengan pihak polis dalam apa saja cara untuk membanteras sebarang aktiviti jenayah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin kembali kepada soal naziran tadi, dan soal memperketatkan sempadan, kemasukan dan sebagainya. Kita akui bahawa dari segi Akta Imigresen kita telah meluluskan pindaan-pindaan tertentu di mana dia lebih ketat dan hukuman yang lebih berat dan sebagainya, termasuklah yang sempadan dan sebagainya. Persoalan di sini ialah, bagi Negeri Sabah pendatang tanpa izin, kalau tiap-tiap klai kita baca surat khabar ada saja laporannya, serbuan dibuat, lepas itu kita nampak dan sebagainya. Tetapi dari segi majikan yang didakwa di mahkamah, kita belum pernah dengar di Sabah dan kita juga tidak tahu di mana mereka yang telah ditangkap, yang kita tahu dihantar ke pusat tahanan sementara, lepas itu kita tidak tahu. Persoalannya di sini ialah dari segi pintu kemasukan itu, lepas itu naziran tadi, bagaimana sebenarnya naziran dibuat, *inspection* dibuat seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi, mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ada dua isu Yang terhormat, iaitu pertama isu tangkapan dan kedua pendakwaan. Sebenarnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah pun mengutarakan cadangan agar pihak mahkamah mengambil tindakan yang lebih proaktif agar pendakwaan kepada majikan itu diperhebatkan. Sememangnya ini sedang dilakukan dan pula dimaklumkan bahawa jumlah pihak pendakwa juga tidak begitu banyak untuk menangani jumlah yang banyak yang datang secara haram. Jadi dua faktor ini, bertambah satu lagi ialah peguam-peguam yang membela pihak yang didakwa khususnya majikan kerap kali juga meminta ditangguhkan kes. Jadi kes yang tertangguh yang menyebabkan di pusat-pusat tahanan bahan-bahan bukti iaitu pendatang tanpa izin datang bekerja sebagai bukti disimpan ataupun ditahan di tempat-tempat tahanan tidak dapat dihantar pulang, maka pusat-pusat tahanan kita pun sudah ramai mereka yang menunggu menjadi saksi. *Backlog*. *Backlog* ini sedang diusahakan untuk dipercepatkan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat kalau semua pihak memainkan peranan untuk mempercepatkannya. Saya percaya usaha untuk membanteras pendatang asing dapat dikurangkan. Saya akan menghuraikan sebenar lagi apakah cadangan-cadangan lain yang sedang diusahakan untuk kita lebih mudah mengesan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, ada lagi?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ada satu sahaja Yang Berhormat Menteri. Dahulunya kita buat "Ops Sayang" lepas itu "Ops Tegas" di Semenanjung dan sedikit sebanyak kita telah berjaya dalam soal ini, tetapi saya ingin bertanya kenapakah "Ops Tegas" ini tidak dilakukan di negeri Sabah? Tidak setegas apa yang dibuat di sini. Maknanya RELA pun tidak terlibat dan Rukun Tetangga tidak terlibat dan kita terkilang masih lagi tiap-tiap hari ada laporan serbuan dibuat oleh pihak Jabatan Imigresen tetapi yang lain tidak terlibat. Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, RELA walaupun kita tidak menggembar-gemburkan perkara ini sekarang ini sedang berusaha dan sudah pun berjaya cuma tidak begitu luas melantik.

Kita mahu melantik sebanyak pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di kawasan-kawasan sempadan di daerah-daerah dan kita memberi kuasa kepada RELA kuasa menangkap pendatang asing tanpa izin. Setakat jumlah yang telah dilantik di seluruh negara dengan kuasa tersebut lebih dari 2,000 orang.

Kita sedang meneliti untuk memperbanyakkan lagi. Perkara ini kita tidak menggembar-gemburkan lagi selepas kuasa ini diperturunkan dan semua infrastruktur sudah pun lengkap maka kita akan dan semua mereka yang telah dilantik ini telah diberi latihan yang cukup bagaimana hendak menggerakkan ahli-ahli RELA di bawah secara efektif dan efisien. RELA dicadangkan diletakkan seorang pegawai yang berpangkat tinggi daripada Kementerian Pertahanan. Ini sedang dicadangkan dan diharapkan akan diterima oleh JPA dalam perjawatan supaya RELA akan ada dua bahagian iaitu satu bahagian Operasi dan satu lagi bahagian Pentadbiran untuk kita memperhebatkan lagi sistem operasi di bawah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya seronok hari ini kerana dua orang menteri datang walaupun pagi ini ada Mesyuarat Kabinet. Kita kena beri satu tepukan kepada kedua-dua menteri yang meninggalkan Mesyuarat Kabinet datang ke Dewan. *[Tepuk]*. Alhamdulillah. Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau semua datang Kabinet tidak ada mesyuaratlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha tu, tak pa tak pa. Bukan selalu kita bersidang dan kita pun sampai tengah malam. Terima kasihlah, terima kasih. Soalan saya pepatah kata "di mana ada gula di situ ada semut". Saya hendak tanya kepada

Menteri, peraturan yang kita buat dahulu di mana majikan yang ambil pekerja tanpa kebenaran ataupun mengambil pekerja haram ini hukumannya rotan – disebat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapa orangkah majikan kena sebat. Kalau tidak ada majikan maka tidak ada pendatang. Sekarang ini pendatang datang secara haram kerana dia tahu kalau datang secara haram pun dia boleh kerja sebab ada majikan yang hendak ambil dia. Dia *take the risk* datang tetapi kalau majikan ini kita ambil tindakan yang setegas-tegasnya, kita rotan dia, kita masukkan dalam jail, kita denda kemudian kita beritahu khalayak ramai ini dia orang yang ambil pendatang haram. Akhirnya pendatang-pendatang haram ini tidak datang secara haram tetapi akan datang secara halal.

Saya berpendapat pokoknya Yang Berhormat Menteri ialah majikan. Penguatkuasaan kena pegang majikan. Kalau dia pergi *raid* satu-satu kawasan ada tangkap pendatang haram maka tangkap taukenya sama, baru boleh selesai masalah. Kalau selagi kita hanya tangkap pendatang haram sementara tauke atau majikan terlepas sampai bila-bila pendatang haram datang. Kita bukan tidak mahu dia datang, datanglah rezeki ada ambillah hendak tumpang cari makan tetapi masuk datang secara sah. Masuk datang cara elok untuk cari makan. Ini pandangan saya. Macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri? Boleh kita berlaga sama pandangan kita ini?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Dua orang menteri ini datang dan tinggalkan Kabinet memang susah hendak buat keputusan sebab Kabinet merupakan tanggungjawab yang penting tetapi memandangkan banyak isu yang dibangkitkan maka kita sebagai Menteri melihat perkara-perkara yang serius. Kami minta izin kepada Perdana Menteri untuk hadir. *[Tepuk]*

Cadangan Yang Berhormat tadi bahawa majikan wajar diberi hukuman yang lebih berat terutama dengan memang sudah ada undang-undang untuk mereka disebat tetapi malangnya kementerian tidak ada kuasa kehakiman. Semuanya bergantung kepada hakim yang mendengar kes. Oleh kerana itu, kita sedang meneliti di manakah ada lagi kelemahan dalam undang-undang agar majikan yang menjalankan aktiviti pengajian pendatang tanpa izin ini dapat diambil tindakan yang lebih tegas tanpa memberi ruang budi bicara yang banyak sangat. Oleh kerana kalau mereka diberi hukuman denda sahaja dengan pembayaran puluh ribu ringgit mereka masih sanggup menjalankan perniagaan menggunakan tenaga tanpa izin. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh saya hendak cadangkan satu lagi?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekarang ini kalau pendatang tanpa izin ditangkap sayalah katakan sebagai tauke, pendatang tanpa izin bekerja dengan saya, bila kita tangkap pendatang tanpa izin ini pembiayaan dia dalam tahanan sebelum hantar balik sebelum hendak bicara tu, tauke itu kena tanggung. Bolehkah kita buat begitu?

Katakanlah Yang Berhormat Arau mengambil 5 atau 6 orang pendatang haram, bila tangkap pendatang haram itu maka Yang Berhormat bagi Arau kena bela daripada hari dia ditangkap sampai hari dia dihantar balik supaya lain kali dia tidak buat lagi dah. Sekarang ini bila ditangkap lalu kerajaan bela. Rakyat termiskin kita masih banyak lagi untuk dibela oleh kerajaan. Kalau bagus pandangan ini Yang Berhormat, saya perasan bagus, maka kerajaan akan *save cost*. Tanggungan oleh pihak majikan, fasal dia yang buka jalan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ok, terima kasih. Saya akan masukkan itu sebagai cadangan dari Yang Berhormat. Itu cadangan yang baik. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri yang telah menjawab. Saya hendak berbalik semula kepada masalah pengawalan sempadan tadi. Kita tahu banyak kawasan di sebelah Pantai Barat di sebelah Padang Besar kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita berada di masalah berkaitan dengan pendatang asing.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Pengawalan sempadan tadi disentuh sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya ambil kesempatan tadi. Tak apalah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Tentang adanya lorong-lorong tikus ataupun kawasan-kawasan penyeludupan di kawasan sempadan ini kebanyakannya kawasan itu dipagar dengan pagar dawai ataupun besi. Apakah cadangan pihak kementerian seperti mana yang dicadangkan oleh pasukan keselamatan kita letakkan kawasan itu digantikan dengan konkrit supaya tidak mudah dipotong, itu satu.

Yang keduanya tentang laporan semalam di mana ada majikan yang mengambil pendatang, bukan pendatang tanpa izin tetapi pendatang yang dengan izin atau pendatang halal tidak membenarkan mereka ini melakukan ibadat puasa misalnya. Ini seolah-olah didera supaya tidak melakukan puasa dan ditugaskan dengan tugas-tugas yang berat semasa bulan puasa. Apakah ada peruntukan di dalam bidang kuasa kementerian Yang Berhormat untuk majikan ini diambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, dari segi undang-undang sudah ada untuk tindakan yang tegas kepada majikan cuma pihak kementerian tiada kuasa dalam kehakiman. Kita tidak ada kuasa kehakiman maka bergantung kepada hakim yang mendengar kes. Soal Yang Berhormat mengenai sempadan, lorong-lorong tikus dan sebagainya memang kita mempunyai sempadan yang panjang khususnya di Sabah dan Sarawak. Begitu juga di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Memang panjang. Ada tempat-tempat yang dibina tembok-tembok batu tetapi dengan tembok batu pun masih ada penyeludupan kalau mereka hendak menyeludup.

Soalnya bagaimana kita hendak menjaga sempadan kita dan ini apa kita katakan pun setakat ini kita berjaya mengawal sempadan kita dengan gabungan tenaga semua pihak polis, askar dan rakyat sendiri melalui gabungan RELA dan JKKK. Cuma sejauh mana kita hendak menjaga sempadan yang sentiasa dibolos oleh kerana sejarah negara kita memang lalu lintas adalah laluan antara negara-negara jiran sentiasa berlaku. Kita melihat kepada keseluruhannya tidak memudaratkan maka apa yang kita buat itu boleh dikatakan terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bintulu juga ada membangkitkan isu pemberian visa kepada pelancong-pelancong asing dari Kedutaan pejabat konsulat di luar negara yang tidak diterima oleh pegawai-pegawai imigresen di lapangan terbang Malaysia misalnya di KLIA sehingga menyusahkan pelancong-pelancong. Beliau meminta supaya pihak kementerian mengambil perhatian dan tindakan dalam mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Seksyen 8, Akta Imigresen 1959/63 telah diperuntukkan bahawa kerajaan boleh menolak kemasukan pelawat-pelawat asing atas sebab-sebab berikut:

- (i) nama tercatat dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia;
- (ii) tidak mempunyai visa yang sah;
- (iii) kemasukan yang meragukan di mana pegawai Imigresen mengesyaki bahawa kemasukan seseorang rakyat asing adalah meragukan;
- (iv) tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai tempoh tinggal di negara ini.

Berdasarkan kepada sebab-sebab di atas pihak Imigresen boleh melarang rakyat asing memasuki negara ini sungguhpun visa dikeluarkan oleh kedutaan ataupun *consulate* kita di negara asal. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini pihak kementerian akan lebih berhati-hati dalam mengeluarkan visa kepada warga negara asing. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) memastikan pemeriksaan yang lebih ketat terhadap permohonan di negara asal;
- (ii) mempertingkatkan dan jika perlu merombak sistem maklumat komputer di Jabatan Imigresen dan kedutaan termasuk pejabat *consulate*, khusus bagi negara-negara yang warganegara mereka sering melanggar akta dan peraturan Imigresen. Ini satu sistem yang sedang dirancang Yang Berhormat iaitu sistem *biometric* di mana semua yang akan memohon, kita akan bincang dengan negara asal, akan diambil cap jari dan cap jari mereka akan dibandingkan dalam sistem rekod kita, sama ada dia telah keluar dari negara kita dahulu, yang telah pun diusir kerana telah menjalankan aktiviti tidak bermoral dan sebagainya. Mungkin juga kita gabungkan dengan rekod-rekod negara lain. Oleh kerana dikatakan *flash trade* mereka yang menjalankan aktiviti pelacuran khususnya, yang diusir daripada negara-negara lain juga perlu diadakan rekod yang sepadu. Ini sedang dirancang, insya-Allah, jika dipersetujui oleh semua negara yang terlibat kita akan melaksanakannya;
- (iii) sentiasa mengemaskinikan senarai syak Jabatan Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pula telah membangkitkan mengenai isu penyeludupan pekerja seksual wanita yang menjalankan aktiviti pelacuran, terutama sekali dalam penyalahgunaan pas di kalangan pelancong asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memandang serius terhadap kegiatan penyalahgunaan pas oleh pelawat asing untuk tujuan pelacuran dan aktiviti tidak bermoral.

Daripada operasi yang dijalankan oleh pihak penguat kuasa, didapati kebanyakan warganegara asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Mereka telah dibawa masuk ke negara ini oleh sindiket-sindiket pelacuran.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mempunyai perangkaan khusus untuk warganegara asing yang memegang pas lawatan sosial yang terlibat dengan kegiatan pelacuran atau tidak bermoral. Kesemua mereka ini digabungkan dalam kumpulan penyalahgunaan pas lawatan sosial. Walau bagaimanapun, perangkaan terkini dari Januari hingga September 2005, tangkapan warganegara asing, khususnya dari negara-negara Asia dan Asia Tenggara berjumlah 3,275 orang. Angka ini adalah khusus tangkapan dari pihak imigresen dan tidak termasuk tangkapan yang dibuat oleh pihak polis.

Antara faktor penarik yang menjadikan Malaysia sebagai negara *transfer* bagi penyeludupan manusia, khususnya wanita adalah kerana Malaysia merupakan negara yang aman dan mempunyai ekonomi yang stabil serta menawarkan pelbagai peluang pekerjaan melalui pelbagai sektor.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini daripada berleluasa adalah seperti berikut, pihak penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan mengadakan operasi berterusan berdasarkan maklumat yang diterima dari orang awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Kuala Krai ingin tahu mengenai dengan pendatang haram Burma Rohingya ataupun macam mana hendak sebut. Dahulu pihak Menteri sendiri ada menyatakan dia ada *special* untuk masuk ke sini. Tetapi terdapat beberapa warga ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini saya rasa tidak berkaitan dengan apa yang...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Tadi pendatang asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawab.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Pendatang asing, pendatang asing. Jadi, saya ingin tahu kalau dapat mengenai anak-anaknya yang tidak dapat bersekolah di sekolah-sekolah kebangsaan. Jadi, macam manakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan pendatang Rohingya ini. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah membuat keputusan pada dasarnya untuk melihat *refugees* ataupun pelarian. Bukan sahaja pelarian daripada Myanmar, khasnya Rohingya dan juga pelarian daripada Filipina di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan supaya sesiapa ingin meminta penjelasan, eloklah ada berkaitan dengan apa yang dibangkitkan kerana saya rasa ini akan menjimatkan masa supaya Menteri Pengangkutan Jalan juga dapat menjawab pada pagi ini. Kalau tidak ada beliau semalam tunggu sampai sekarang. Saya haraplah kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, biar saya habiskan, ya. Memang Kabinet telah membuat keputusan dasar dan perbincangan sedang berterusan. Mereka ini akan diiktirafkan sebagai pelarian dan anak-anak mereka akan diizinkan untuk disekolahkan dan mereka yang di luar umur persekolahan akan diberi latihan kemahiran. Walaupun mereka berada di sini tetapi mereka ada kemahiran dan tidak menjadi beban kepada ekonomi negara kita. Dan, walaupun hendak dibawa mereka ke negara ketiga oleh kerana ada kemahiran kemungkinan besar negara ketiga akan mudah menerima mereka.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Adakah berkaitan dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ya, ya. [Ketawa]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sebentar. Saya habiskan ini. Tidak habis lagi ini. Ayat tadi tidak habis tadi, saya *stop* tadi. Maklumat yang diterima dari orang awam atau yang disalurkan terus melalui maklumat risalah atau risikan. Biasanya tumpuan sasaran adalah seperti tempat-tempat yang mencurigakan seperti hotel-hotel yang kebanyakan bertaraf tiga bintang, pusat-pusat hiburan, rumah-rumah urut dan *private mess*. Ya, Yang Berhormat. Yang mana dahulu tadi?

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kita perlu membezakan wanita asing yang masuk ke negara ini dengan secara sukarela untuk menjalankan aktiviti pelacuran. Tetapi ada juga sudah banyak kes bahawa mereka ditipu, dibawa masuk seperti *trafficking*. Saya rasa inilah yang perlu kita mengadakan langkah-langkah untuk mencegahnya dan mereka tidak harus dilayan seperti sama. Kalau mereka yang ditipu dan dibawa masuk untuk aktiviti pelacuran, mereka sepatutnya diberi perlindungan. Mengapa kebanyakan mereka tidak pergi ke pihak polis tetapi mereka pergi memohon bantuan daripada Michael Chong.

Jadi, saya rasa adalah perlunya pihak kerajaan dan pihak kementerian Yang Berhormat memandang dan juga mengkaji apakah sebabnya dan perlu memberi perlindungan kepada golongan wanita yang di *traffic* masuk ke negara ini dan dipaksa untuk melakukan aktiviti pelacuran. Adakah kementerian Yang Berhormat telah mengadakan langkah menuju ke arah ini? *Thank you.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Mereka yang didapati datang secara sukarela dan bergiat dalam aktiviti pelacuran, ada satu cara tetapi mereka yang jadi mangsa dalam jawapan saya berikutnya akan saya sebutkan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Cara yang kedua ialah menangkap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...penganjur, pelindung atau operator kegiatan pelacuran dan mendakwa mereka di bawah akta yang berkaitan. Yang ketiga, minta maaf sekejap Yang Berhormat. Yang ketiga, kita membatalkan pas lawatan sosial atau pas pelajar warga asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengusir mereka pulang ke negara asal. Keempat, menyenaraihitamkan warga asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran. Kelima, mengadakan pemeriksaan lebih ketat di pintu-pintu masuk. Gadis atau wanita warganegara asing yang diragui kemasukan mereka akan dipendekkan pas mereka atau tidak dibenarkan langsung masuk ke negara ini.

Sila Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sudah dijawab, sudah dijawab.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Berdasarkan kepada operasi-operasi yang dijalankan oleh agensi penguat kuasa, antara cara penyalahgunaan pas yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) memegang pas lawatan sosial yang sah tetapi bekerja di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran - Menyalahgunalah itu;
- (ii) memegang pas lawatan sosial yang telah tamat tempoh dan tinggal lebih masa dan bekerja di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran;
- (iii) masuk ke negara ini tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah;
- (iv) bekerja di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran.

Untuk makluman Yang Berhormat mereka yang dikategorikan sebagai mangsa, ini jawapan kepada Bukit Mertajam, mereka yang dikategorikan sebagai mangsa sindiket penyeludupan wanita akan diselamatkan dan akan dihantar pulang ke negara asal setelah urusan dokumentasi selesai dijalankan. Selain daripada itu Kabinet telah mengarahkan 'Kementerian Hal Ehwal Wanita' membantu walaupun mereka di dalam

tahanan tetapi 'Kementerian Hal Ehwal Wanita' membantu dalam kaunseling, membantu dalam urusan penjagaan mereka sementara menunggu mereka dihantar pulang atau sementara menunggu mereka menjadi saksi dalam mahkamah. Jadi semuanya ini sudah pun ada disusun.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu golongan, ada lagi Yang Berhormat, tidak puas lagi? Ok.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam laporan media dikatakan Michael Chong telah menerima sekurang-kurangnya 10 kes di mana wanita asing dipaksa menjalankan aktiviti pelacuran dan mereka dihantar balik. Mengapa pihak polis tidak mengambil maklumat daripada mereka supaya orang yang sindiketnya dapat didakwa ke mahkamah kerana sampai sekarang saya rasa walaupun banyak kali membuat serbuan, banyaklah telah ditahan tetapi tak pernah lengang ada mana-mana sindiket didakwa ke mahkamah. Adakah kita ada kelemahan dan saya juga diberitahu ada kes tertentu di mana wanita dari China dia hendak masuk, dia sebenarnya hendak melawat tetapi dia ditahan di imigresen, dia di kastam tidak dibenarkan keluar sehingga ada orang pergi membayar kepada pegawai di sana dan dia dibenarkan masuk ke negara ini dia bukan hendak cari apa-apa aktiviti dia hanya hendak masuk untuk melawat.

Jadi saya rasa ada masalah di imigresen dan patut dilihat kerana mengikut protokol antarabangsa memang ada kelemahan, ataupun ada rasuah di imigrasi barulah sampailah sindiket ini boleh beroperasi dengan begitu berleluasa. Jadi apakah langkah kerajaan, adakah kementerian Yang Berhormat akan melihat akan mengkaji kelemahan di dalam imigresen sana.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat tadi Yang Berhormat puji, MCA tepuk tangan, orang MCA ini Yang Berhormat puji dia kata laporan dibuat oleh Michael Chong, tetapi saya tidak dapat laporan daripada DAP dari segi itu, itu bezanya. Terima kasih Yang Berhormat, itu memuji sikit, mana kawan-kawan MCA ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ahli Yang Berhormat MCA tak berucap, DAP yang berucap.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sekejap, sekejap. Saya tidak mahu polemik dari segi politik ya, di sini kita menjawab bagaimanakah jika kita hendak membanteraskan masalah sindiket yang menjual ataupun yang membawa wanita asing bukan sekadar ke Malaysia, menjadikan Malaysia sebagai *launching*, sebagai tempat persinggahan untuk dibawa ke luar negara. Jadi hari ini di seluruh dunia sistem maklumat, sistem maklumat perjalanan khususnya perjalanan *air travel* sedang dikemaskinikan di seluruh dunia, Malaysia pun akan melaksanakannya, jadi membolehkan orang yang hendak datang itu dikesan terlebih dahulu khususnya mereka yang pernah terlibat dalam sindiket mereka yang pernah terlibat dalam hantaran pulang, saya sebutkan tadi, hari ini kalau seseorang hendak memohon visa ke Malaysia, yang memohon visa adalah ejen bukan orang yang berkenaan.

Jadi wakil kita di kedutaan tidak melihat tetapi apabila mendapat orang berkenaan datang masuk ke pintu masuk memang inilah dilema, dilema yang dihadapi oleh pegawai imigresen. Jadi Yang Berhormat saya minta janganlah menuduh melulu. Mereka melihat, gerak *body language*, memeriksa sama ada mereka cukup wang atau tidak, sama ada alamat yang mereka mengatakan mereka akan berada itu wujud atau tidak dan sebagainya dan mereka yang benar-benar disyaki sahaja dihantar pulang tetapi ada juga rungutan dari pelancong yang tidak ada langsung kaitan dengan pelacuran kadang-kadang termasuk dalam kumpulan yang dihantar pulang.

Ini masalah kepada imigresen, oleh sebab itu Jabatan Imigresen telah diarahkan meletakkan pegawai-pegawai yang fasih dalam bahasa Cina. Kebanyakan mereka itu pelancong datang dari negara China yang banyak melibatkan diri dalam pelacuran di sini. Minta maaf saya bukan hendak menghina oleh sebab mungkin bilangan mereka banyak ...tetapi banyak sekali daripada negara yang saya sebut tadi. Saya minta izin terpaksa saya

sebut nama negara. Negara berkenaan memang tidak mahu tidak suka mendengar warganegara mereka terlibat dalam pelacuran.

Jadi yang dihantar pulang adalah mereka yang disyaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf sekejap Yang Berhormat. Jadi bermacam cara kita cuba membuat untuk menghalang mereka yang disyaki datang ke Malaysia untuk aktiviti yang tidak bermoral. Jadi kalau ada cadangan yang lebih baik daripada Yang Berhormat saya berharap Yang Berhormat tulis kepada saya. Beri cadangan-cadangan yang lebih *complete* dan saya mintalah jangan dituduh polis dan imigresen secara melulu oleh sebab kita juga tahu banyak juga sindiket telah pun ditangkap tetapi bukan sekadar tahu sahaja ada maklumat tetapi mereka selalunya mahu melihat gambaran yang meluas dari segi *connection internationally* dan sebagainya. Kadang-kadang satu kes itu memerlukan masa untuk dirangkaikan kesemua sekali. Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi, minta maaf.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam masalah menangani pelancong yang mahu melancur ini, itu saya tertarik dengan apa yang telah diterangkan oleh menteri sejak tadi. Sebenarnya kedatangan mereka ke negara ini tidak memberi kesan baik jelas kepada negara, memberi satu gambaran yang tidak sopan, tidak baik dan berbagai-bagai lagi andaian yang dapat saya sebutkan di sini dan saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah mengambil daya utama ataupun inisiatif untuk selain daripada mengesan, mengenakan beberapa tindakan tetapi yang saya lihat apa yang lebih berkesan iaitu kerajaan mesti bertegas dengan mereka, di mana pintu-pintu masuk ke negara ini melalui kapal terbang, melalui jalan darat dan sebagainya itu, mesti diberi penerangan kepada mereka supaya mereka tahu bahawa negara Malaysia ini bukan negara pelacuran.

Melancong bagus tetapi melacur suatu perkara yang tidak diizinkan baik dari segi agama ataupun nilai-nilai kemanusiaan. Jadi apa yang saya tekankan supaya...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta soalan Yang Berhormat, minta soalan..

Tuan Haji Ismail bin Noh: Soalannya setakat mana sekarang ini kerana mereka datang sini ada pelindung. Yang Berhormat Menteri saya minta contoh sedikitlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah Yang Berhormat, sebab masalah, saya minta maaf.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, saya tekankan supaya kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pelindung-pelindung ini kerana mereka tidak datang kalau tidak ada pelindung, jadi pelindung ini mesti - bukan sahaja bayaran tetapi mesti dipenjarakan mereka. Kalau dipenjarakan setahun misalnya mereka serik dan mereka tidak mahu lagi melakukan perkara-perkara sedemikian yang boleh membawa kepada perkara yang tidak baik kepada negara kita.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat, sememangnya undang-undang sudah pun ada. Kalau tahu siapa dia, cuma yang masalah tidak tahu siapa dia dan bagaimana. Modus operandi bertukar sentiasa, jadi mereka ini sentiasa bergerak. Oleh sebab itu pihak penguat kuasa polis dan sebagainya sentiasa mencari jalan untuk mengatasi dan membanteras.

Saya tidak berani mengatakan kita akan 100% dapat berjaya, tetapi selagi kita berusaha dan selagi ada sistem yang lebih dipertingkatkan, saya percaya kita akan dapat mengurangkan.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ada lagi Yang Berhormat? Tidak selesai lagi? Ok, *last one from you.*

Puan Chong Eng: Ya?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ok, soalan terakhir.

Puan Chong Eng: Masa ada lagi. Yang Berhormat Menteri tidak menjelaskan mengapa sampai hari ini begitu kurangnya sindiket didakwa di mahkamah dan ditangkap. Berapa yang sudah ditangkap? Yang kedua ialah saya berpendapat bahawa kita semua sudah tahu betapa *corrupt*nya di dalam pasukan polis dan juga di imigresen. Mereka adalah merupakan salah satu *department* yang paling *corrupt*. Jadi saya rasa, adalah patutnya pihak menteri mesti memandang serius kepada soalan ini dan bukan setiap kali pihak pembangkang yang membawa isu ini, dia dipandang sebagai dakwaan yang tidak berasas atau dikatakan ingin mempolitikkan. Jadi saya bertanya, adakah kerajaan akan menandatangani protokol yang mengawal *trafficking of woman* antarabangsa, *thank you*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat suka memberi gambaran terlalu negatif kepada kakitangan kita, pegawai Imigresen dan polis. Kalau kemungkinan ada seekor kerbau membuat lumpur, janganlah semua kerbau itu dilumpurkan. Kenalah kita sedar bahawa tanpa polis, tanpa imigresen Yang Berhormat sendiri tidak akan berada di sini dalam keadaan selamat. *[Tepuk]*

Jangan kita terlalu - majoriti kakitangan di semua agensi ada orang baik. Kalau ada segelintir, jangan digambarkan seolah-olah semua itu, memang ya.

Puan Chong Eng: Adakah saya kata semua?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Janganlah...

Puan Chong Eng: Inilah sikap menteri yang itulah sebabnya *delivery system* tidak boleh diperbaiki.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Jangan andai DAP sahaja *champion*. Perdana Menteri sendiri telah mewujudkan Institut Integriti dan seorang daripada ahli yang diletakkan di bawah satu jawatankuasa Parlimen, Ketua Pembangkang sendiri. Diletakkan untuk memberi cadangan. Jadi semuanya untuk membina, ini bukan cadangan DAP sahaja, kerajaan sendiri memandang serius, tetapi janganlah dilumpurkan kesemua. Saya tidak mahu berpolemik dengan Yang Berhormat kerana ini akan makan masa. Tolong....

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ada lagi soalan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Yang terakhir.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Memang kerajaan *committed* dan serius dalam isu ini dan *delivery system* kita berbincang dalam kabinet setiap minggu kita bincang. Bagaimana kita hendak mempertingkatkan *delivery system*.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya sudah kata *last* tadi.

Puan Chong Eng: *Last, last.*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ok, *promise last.*

Puan Chong Eng: Untuk isu ini sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya.

Puan Chong Eng: Kalau *Confucius* said: "Apabila moral sudah runtuh barulah kita mesti mempromosikan *morality*." Jadi sekarang kerana *corruption* telah begitu teruk, bagilah kita, kerajaan barulah ingin mengadakan integriti PIN ini. Ini menunjukkan apa yang dikatakan dari pihak sini adalah betul bahawa kalau kita tidak mengatakan semua *corrupt*, tetapi masalah korupsi ini adalah serius. Itulah yang kita hendak katakan, bukan kita katakan semua *corrupt*. Saya tidak kata menteri ini *corrupt*, bukan. Saya tidak kata.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tetapi, minta maaf...

Puan Chong Eng: Masing-masinglah kita sama-sama lebih rasional dan betul dan untuk membincangkan perkara ini, tidak mempolitikkan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya tidak mahu mempolitikkan tetapi Yang Berhormat mempolitikkan. Saya katakan tadi kerajaan bersungguh-sungguh berusaha membanteras di mana ada rasuah, tetapi janganlah digambarkan semua agensi, semua polis, semua imigresen ini, semua yang *corrupt*. Tidak. Saya rasa ini kesilapan Yang Berhormat. Jadi saya mintalah Yang Berhormat tidak begitu menghinakan pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu golongan yang menukar jantina, ini soalan Yang Berhormat - atau lebih terkenal sebagai golongan *transsexual* yang tidak dibenarkan meminda maklumat jantina di dalam kad pengenalan yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mengeluarkan dua dokumen bagi setiap orang yang mencatatkan jantina seseorang, iaitu dokumen sijil kelahiran dan dokumen kad pengenalan. Maklumat-maklumat dalam sijil kelahiran ialah berhubung keterangan semasa kanak-kanak dilahirkan, termasuk keterangan jantina. Maklumat jantina di dalam sijil kelahiran tidak boleh dipinda kecuali dengan ada alasan iaitu kesilapan perkeranian dan kesilapan teknikal. Pindaan ini dibenarkan mengikut sebuah seksyen Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sijil kelahiran, dokumen kad pengenalan juga mempunyai maklumat jantina, di mana maklumat ini dikaitkan dengan nombor terakhir MyKad. Walaupun Peraturan 14 membenarkan pindaan ke atas maklumat seseorang, tetapi pertukaran maklumat jantina melalui pembedahan tidak dibenarkan. Buat ketika ini, negara kita masih belum dapat menerima pertukaran jantina secara bebas melalui pembedahan kerana ia bertentangan dengan nilai-nilai sosial dan kekeluargaan negara kita. Oleh sebab itu permohonan pertukaran maklumat jantina di dalam dokumen kad pengenalan tidak dibenarkan.

Selalunya permohonan maklumat pertukaran jantina akan disertai dengan pertukaran nama kerana penggunaan nama di negara ini membezakan nama lelaki dan perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Seputeh...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ok, soalan dia, bagi *chance* kat dia.

Puan Chong Eng: Saya rasa apa-apa peraturan ataupun undang-undang boleh dipinda mengikut masa dan dalam perkara ini kalau keluarganya telah mengizinkan beliau menukar jantintanya, dan juga agamanya tidak membantah, jadi saya harap kerajaan boleh lebih terbuka dalam keadaan ini. Kerana kalau kerajaan tidak membenarkan ini akan mengakibatkan banyak kesusahan dan kepayahan kepada individu ini. Saya rasa tidak ada apa kesannya dia akan bawa kepada orang lain kalau membenarkan bilangan yang begitu kecil di negara ini. Saya rasa bilangan begitu kecil yang hendak menukar jantintanya dan telah berjaya menukar jantintanya. Jadi saya pohon supaya mereka yang telah mendapat restu keluarganya dan juga agamanya diberi kelonggaran. Bolehkah kementerian timbangkan (*consider*), permintaan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini undang-undang mengizinkan hanya satu sahaja penukaran iaitu kalau seseorang itu dilahirkan sebagai khunsa di mana alat kelaminnya tidak ditentukan, maka setelah dia sudah membesar baru diketahui yang mana satu, maka pindaannya boleh dibuat. Itu ada dalam sistem perundangan kita. Tetapi kalau dengan pembedahan, setakat ini, undang-undang kita tidak mengizinkan. Cuma satu kes sahaja yang telah diluluskan oleh kerana arahan mahkamah,

maka kerajaan telah meluluskan tetapi hanya satu. Tetapi setakat ini tidak ada lagi pindaan.

Saya serahkan kepada Dewan ini, kerana Dewan ini sahaja yang menentukan undang-undang. Tetapi kalau majoriti merasakan lelaki boleh diizinkan berkahwin dengan lelaki, wanita diizinkan berkahwin dengan wanita, maka Dewan ini yang akan menentukan, bukan DAP. Dewan yang menentukan. Jadi saya serahkan kepada Yang Berhormat untuk memikirkan.

Puan Chong Eng: Terakhir, akhir.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Berapa kali akhir ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sudahlah. *You* tidak ada haklah.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini Yang Berhormat Menteri telah menukar subjeknya kalau katakan lelaki berkahwin dengan lelaki.

Adakah Yang Berhormat Menteri tahu, sebelum menjalankan pembedahan ini, banyak ujian medical dia mesti melalui, dan dia dipastikan. Diuji dan dipastikan oleh doktor bahawa nilai psikologinya memanglah wanita, kalau lelakinya, memanglah lebih wanita ataupun lebih lelaki, barulah dia boleh dibenarkan menjalani pembedahan. Jadi bukan sahaja secara fizikal sahaja. Ialah *mentally, psychologically*, dia lebih condong kepada jantina itu barulah dia dibenarkan.

Jadi saya rasa adalah penting kita - Yang Berhormat pun mewakili rakyat juga, termasuk golongan ini. Jadi saya rasa adalah penting kita juga bukan sahaja untuk majoriti. Kita mesti membela kepentingan minoriti seperti ini. Jadi saya harapkan bahawa menteri boleh lebih terbuka minda walaupun mungkin agama Yang Berhormat adalah berbeza dengan saya. Terima kasih. *[Ketawa]*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak mahu berpolemik. Tetapi kalau itu pandangan Yang Berhormat atau pandangan parti Yang Berhormat, tidak mengapa. Cuma saya katakan nilai-nilai masyarakat. Segala perundangan yang dilaksanakan, digubalkan dalam sebuah negara itu bergantung kepada nilai dalam sebuah masyarakat. Tetapi kalau nilai itu tidak mengizinkan dan hendak diperundangkan, maka Dewan ini yang bertanggungjawab. Terpulang kepada Dewan ini menentukan.

Kalau Yang Berhormat boleh mempengaruhi semua ahli dalam Dewan ini, majoritinya, saya rasa tidak ada masalah. Cuma saya rasa pada ketika ini, dari segi apa yang suara-suara yang saya dengar, saya rasa susah untuk Yang Berhormat mendapat persetujuan. *[Menyampuk]* Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan sama ada pihak Kementerian akan mengenakan denda terhadap orang ramai bagi penukaran MyKad selepas 31 Disember 2005 ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan masih belum memutuskan sama ada untuk mengenakan denda atau tidak kepada mereka yang tidak menukar kad pengenalan kepada MyKad selepas 31 Disember 2005. Yang pastinya, ialah selepas 31 Disember 2005, semua urusan penukaran MyKad akan dikenakan bayaran kerana tempoh pengecualian yang diberikan oleh kerajaan telah pun tamat.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh juga telah mencadangkan supaya kementerian mengadakan kolum yang lain bagi mereka yang tidak menganut apa-apa agama. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam urusan mengambil maklumat kad pengenalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Maklumat agama amatlah diperlukan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Nanti kejap, kejap. Sebagai jabatan yang menyimpan rekod setiap individu. Okey, Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Amboi lembut ah! Sejuk je dengar. *[Ketawa]*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sejuk ka?

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sejuk. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita dengar bahawa kementerian terpaksa buat satu kempen 'Jom Tukar dan Menang'. Pasal apa sampai tahap itu kita kena buat? Adakah banyak masalah sangat rakyat Malaysia nak tukar ke MyKad ini? Jadi sejauh mana keberkesanan setelah kerajaan mempromosikan 'Jom Tukar dan Menang' ini. Adakah berjaya menarik minat rakyat biar tukar kepada MyKad?

Yang kedua, berapa ramai kalau ada statistiklah, berapa ramai lagi orang yang belum tukar ke MyKad. Satu lagi, kumpulan mana yang didapati masih ramai, group mana yang masih ramai belum tukar lagi MyKad ini? Saya hendak tahu apakah, mengapakah sampai kena buat kempen melalui cabutan bertuah supaya menarik minat rakyat untuk tukar MyKad ini. Adakah orang tak fahamkah, sampai terpaksa orang buat nombor bertuah untuk tajuk 'Jom Tukar dan Menang'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kerajaan sentiasa menimbang antara memaksa rakyat atau memujuk rakyat dalam urusan mengambil MyKad, menukar kad pengenalan lama kepada MyKad. Sememangnya kerajaan menggalakkan rakyat secepat mungkin menukarkannya. Tetapi didapati rakyat sentiasa menunggu pada saat-saat yang terakhir.

Dan didapati apabila ini berlaku, jabatan-jabatan pendaftaran di banyak tempat dalam negara sentiasa sesak. Dan di situlah timbulnya kompelin, timbulnya rungutan, dalam surat khabar dan lain-lain mengatakan menunggu ber*queue* berpanjang-panjang, daripada pagi sampai malam. Jadi untuk mengelakkan kesesakan oleh kerana rakyat telah dimaklumkan semua yang diizinkan untuk menukar MyKad akan berakhir tempoh pembayaran tanpa bayaran ini pada 31 Disember.

Maka kita andaikan, jika dibiarkan begitu, pada akhir pada Disember ini akan banyak kompelin akan timbul. Maka kerajaan mencari jalan untuk menggalakkan rakyat membuat penukarannya. Sebelum akhir Disember. Jadi cara selain daripada paksa, kita pujuk. Bagaimana nak memujuk, melainkan dengan ada insentif. Maka kita cadangkan dibuat satu kempen dan kempen itu dikatakan 'Jom Tukar dan Menang' dan sebagainya. Cuma dari statistik, kita dapati lebih kurang 1.4 juta orang lagi yang belum mengambil MyKad.

Jadi daripada 1.4 juta diperkirakan lebih dari 400 ribu yang tergolong dalam golongan yang susah untuk keluar. Mereka ini ialah tergolong di kalangan banduan di penjara, golongan yang ada di pusat-pusat serenti, pelajar-pelajar yang di luar negara dan orang-orang Malaysia yang di luar negara. Jadi, yang kemungkinan ada dalam negara yang tidak mempunyai MyKad lagi lebih kurang 1 juta orang.

Dan kalau kita anggarkan 1 juta orang untuk bulan Oktober, November, Disember ini, dari segi nisbahnya tinggi juga berbanding dengan pusat-pusat yang ada. Jadi kita menggalakkan setiap hari mereka datang oleh kerana kapasiti kita buat MyKad hanya 20 ribu satu hari. Jadi kita tidak mahu dilakukan oleh rakyat secara yang terdesak pada saat-saat akhir. Jadi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ilham mai sikit Dato'..

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ... sama ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ..sama ada perkara yang dilaksanakan oleh kerajaan itu, berkesan atau tidak, kita akan lihat pada akhir tahun ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ilham, ilham mai sikit, Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi yang mana Dato?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey, Seputeh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya ada dua soalan. Pertama ialah kenapakah kerajaan selalu menghendaki rakyat tukar kad pengenalan. Sebelum MyKad ada satu lagi yang dikatakan *type security*, ada semua *future* yang bagus lepas itu kena tukar MyKad lagi, ini memang menyusahkan khususnya orang tua. Dahulu bila kita memohon IC kita dapat IC pada umur 12 tahun, pada umur 18 tahun kita perlu tukar kerana wajah telah berubah. Jadi macam mana dengan MyKad sekarang, adakah mereka yang dapat MyKad pada umur 12 tahun, selepas enam tahun lagi mereka perlu dapat kad pengenalan yang baru.

Kedua ialah tentang agama, ada orang yang tidak suka menganut apa-apa agama tetapi selalunya pegawai di Jabatan Pendaftaran, bila orang Cina pergi dia tentu Buddhist, saya sendiri masih ingat bila saya isi borang di Parlimen juga, saya letak agama saya Kristian, tetapi bila saya dapat MyKad – Buddhist. Selepas itu saya diberitahu bahawa paderi di gereja dan ramai kawan Kristian saya mereka menghadapi masalah yang sama walaupun mereka letakkan dalam borang permohonan mereka adalah beragama Kristian tetapi selepas MyKad keluar mereka kena tukar lagi kerana diletakkan Buddhist. Jadi, saya hanya hendak tanya adakah ini dasar Jabatan Pendaftaran Negara bahawa satu cara untuk mengurangkan mungkin statistik dari segi penganut agama Kristian yang mana yang Kristian diletak di bawah column Buddhist. Saya berpendapat sebab pada pandangan saya yang orang yang tidak suka menganut apa-apa agama mereka harus diberi kebebasan, kita jangan paksa orang jadi Buddhist, Islam, Hindu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua dia bagi ucapan ini. Soalan dia saya sudah dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih. Sebenarnya Yang Berhormat, tidak ada paksaan. Kemungkinan kesilapan timbul tetapi dalam borang, saya baca di sini, "Berhubung rekod agama, setiap individu harus menyatakan anutan agama masing-masing. Sekiranya tidak mempunyai sebarang anutan agama, maka catatan mengenai keterangan anutan agama dalam borang akan dicatatkan perkataan lain-lain", tidak disebutkan agama apa pun tetapi lain-lain, "...di ruangan dalam borang. Rekod ini hanya disimpan dalam sistem rekod JPN dan ianya tidak dicetak di atas permukaan MyKad kecuali bagi mereka yang beragama Islam sahaja".

Jadi tuduhan Yang Berhormat mengenai kerajaan hendak mengurangkan agama itu dan ini tidak timbul. Kalau kesilapan, kita mengakui mungkin ada kesilapan tetapi tidak ada arahan ataupun tujuan oleh di mana-mana jabatan. Dan kalau ada benar ini berlaku, Yang Berhormat, bawa kepada saya dengan cara bertulis, jangan cara mulut dan kita akan siasat kerana ini tuduhan yang serius, kalau ada. Jangan Yang Berhormat hanya sebut di sini. Selepas ini saya hendak Yang Berhormat beri laporan bertulis yang khusus.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tadi daripada Yang Berhormat bagi Jerai, tadi saya minta izin. Bukit Mertajam sudah banyak sangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejaplah, Bukit Mertajam.

Dato' Azmi bin Khalid: Bagi Yang Berhormat bagi Jerai dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Jerai, yang lain sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu sekarang Menteri bagi saya.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak ada, ini tukar jantung, Saya ingat kalau mahu tukar jantung, you cuba tanya Yang Berhormat bagi Kepong, dia mahu atau tidak mahu tukar dahulu. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Bukan, kalau dia mahulah. Bukan saya suruh, minta sama Menteri, kata Kepong mahu tukar.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya Batu Gajah, *you* ini tidak romantik langsunglah, haiya. Bulan-bulan Ramadhan ini kena *slow* sedikit.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengok, patutlah... *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, saya hendak tahu daripada menteri. Tadi menteri kata dok kempen hendak pujuk. Kita kena disiplin rakyat kita, Dato'.. MyKad ataupun ID ini kalau di setengah-setengah negara dia jadi *important* bagi dia, dia hendak pergi bank pakai ID, pergi mana pun dia pakai ID. Jadi kita bagi, kalau rakyat tidak tukar kad ini pada tarikh sekian-sekian ataupun melambat-lambatkan pertukaran lepas daripada tarikh itu, kad itu tidak diperlakukan lagi. Jadi dia hendak pergi buat kerja apa pun tidak boleh, kerajaan kata, "*No!*" Pasal kad ini tidak tukar, kad ini tidak sah dipergunakan".

Jadi tidak payah, Dato', kita hendak buat hamper, apa semua, kesian belanja duit raya berapa. Yang ini kita disiplinkan rakyat kita supaya dia kekal macam itu. Maknanya *very important*. Kalau menyusahkan sedikit pun tidak apa kerana ID atau kad pengenalan ini adalah demi untuk keselamatan negara. Tambah dengan keadaan sekarang ini pendatang masuk mai, kalau ID kita tidak ada, kita akan dicampuradukkan dengan pendatang. Jadi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh tidak payah kacaulah. Yang Berhormat bagi Jerai, ringkaskan, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha jangan kacau, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. *[Bercakap dalam Bahasa Cina]* *[Ketawa]* Dengan izinlah. Maknanya dia kacau saya, idea saya lari pi lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak berceramah dekat luarlah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya supaya kita jangan pujuk tetapi kita gunakan aturan peraturan untuk mendisiplinkan rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat. Cuma pada peringkat awal ini kita pun telah bangkitkan perkara ini dalam Kabinet tetapi pada peringkat awal Kabinet tidak mahu menetapkan tempoh yang khusus untuk mengatakan selepas tarikh berkenaan kad pengenalan lama tidak lagi diiktiraf. Jadi akan ditetapkan tetapi di peringkat awal ini Kabinet masih belum buat keputusan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya hendak bagi jalan?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Last ya, saya bagi akhir ini, hendak bagi laluan kepada kawan-kawan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila gulunglah.

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya akan cepat. Yang Berhormat Menteri, saya sering kali menerima aduan daripada individu yang menyambut seruan agar menukar IC awal. Mereka yang telah tukar IC dua tahun yang lalu, mereka datang jumpa saya pasal MyKad. Mereka datang jumpa saya kata, "Tengok Yang Berhormat, sudah sekarang satu keping jadi tiga keping". Kerana kualiti MyKad yang dikeluarkan begitu lemah dan mereka kata kalau saya pergi buat gantian kerana rosak, mereka kena bayar, mereka kena bayar denda untuk buat gantian. Ini bukan satu tetapi ada dua, tiga kes, sudah banyak kes saya tahu. Apakah kerajaan boleh mengecualikan bayaran denda ke atas mereka yang memohon untuk menukar MyKad yang telah rosak kerana kualitinya rendah?

Perkara kedua ialah kawasan saya JPN, Jabatan Pendaftaran Negara adalah di tingkat atas. Jadi ramai datang kepada saya dia kata, orang kampung kata, "Di rumah saya ada orang tua, orang uzur, tidak boleh jalan bagaimana dengan MyKad, hendak buat MyKad. Apakah ada perkhidmatan *mobile*? Ini bukan kali pertama saya bangkitkan, pernah saya bangkitkan sebelum ini. Apakah perkhidmatan *mobile* akan diberi kepada orang-orang kampung yang uzur, warga tua yang tidak boleh jalan langsung naik ke tingkat atas sebab tidak ada *user friendly* punya perkhidmatan.

Perkara ketiga ialah apakah di masa kelak kalau hendak *upgrade* cip itu, orang ramai kena bayar jugakah? Buat masa kini kena bayar RM10 atau RM20, kalau tidak silap. Jadi di masa hadapan kalau kami hendak *upgrade* cip itu, apakah orang ramai kena bayar lagi untuk perkara ini?

Perkara yang satu lagi ialah cap jari, ada banyak kes. Kes ini saya juga melaluinya. Saya salah satu seorang daripadanya di mana kami telah membuat permohonan MyKad, lepas itu kami tunggu-tunggu untuk terima panggilan, lepas itu tidak terima panggilan, kami pergi tanya. Lepas itu pihak pegawai, kaunter kata, "Oh, MyKad ada masalah, tidak boleh proses". Saya tanya, "Mengapa tidak boleh hubungi pihak pemohon? Mengapa kena biar tiap kali mereka hubungi dan tanya apakah proses sudah siap, MyKad sudah siap?"

Jadi masalahnya ialah mengapa pihak JPN tidak ambil langkah yang pro aktif bagi menghubungi mereka apabila mendapati cap jari atau masalah lain wujud di dalam permohonan. Sebab saya sudah ada kes, mereka balik dari luar negara untuk buat permohonan. Tiap kali pergi tanya, tidak siap, tidak siap. Akhirnya bila tidak tanya lagi, dia kata, "Ada masalah, kena buat lagi". Jadi apakah masalah komunikasi dan kelemahan ini boleh dibaiki? Saya pohon penjelasan kepada perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Ada banyak perkara, memang ada banyak juga *complaint* mengenai kad yang rosak dan kita sudah melihat apakah punca-punca kerosakan. Jadi Jabatan Pendaftaran Negara telah diarah untuk memastikan kualiti kad dipertingkatkan cuma...

Cik Fong Po Kuan: Apakah denda boleh dikecualikan? Masalahnya ialah bayaran, orang marah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, kita akan melihat semuanya ini. Kadang-kadang kerosakan itu berlaku di tempat lain. Jadi hendak dikatakan kad yang salah ataupun orang yang mengguna yang salah. Tetapi tidak apalah, Yang Berhormat, cadangan ini akan teliti sekali lagi supaya semuanya mendapat layanan dan kualiti yang lebih baik.

Mobile, memang hari ini pun sudah ada unit-unit bergerak yang berjalan ke rata tempat khasnya pedalaman. Dan kita juga telah diminta untuk memberi layanan kepada orang-orang yang uzur, yang tidak berkesanggupan untuk keluar, bagaimana kita hendak mendapat cap jari dan mengesan wajah mereka dengan menggunakan kamera dan sebagainya. Ini sedang diteliti bagaimana cara yang terbaik.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan bangun.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Mengenai *upgrading of chip*, maknanya sekarang dipakai cip 32K hendak diupgradekan kepada 64K. Semuanya ini sedang diusahakan, cuma kalau hendak diupgradekan ialah untuk mereka yang mahu menggunakan lebih daripada satu *application*. Maknanya dia hendak menggunakan untuk JPJ, hendak menggunakan untuk pasport dan sebagainya. Jadi itu kehendak tuan punya, dia boleh pilih. Kalau dia tidak mahu mengupgradekan kadnya, dia ada pilihan. Kalau dia hendak, dia kena bayarlah kerana dia hendak menggunakan dengan cara yang lebih luas. Itu pilihan dia.

Cap jari memang kadang-kadang ada orang itu cap jarinya tidak jelas oleh kerana mungkin jenis kerjanya juga menggunakan ibu jari yang banyak dan sudah tidak ada lagi cap jari, ini menjadi masalah. Dan ini juga sedang diteliti bagaimana dan apakah cara untuk kita mengatasi masalahnya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ada kalanya kelemahan juga di jabatan di mana mereka gagal memaklumkan kepada orang yang ada masalah. Jadi cadangan Yang Berhormat supaya diproaktifkan saya akan membawa ini kepada jabatan berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pensiangan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sedikit lagi ,ada *last sentence*.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya sebenarnya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana telah membuat satu pergerakan yang jitu sekali di mana di kawasan Pensiangan mendapat kesempatan untuk membuat MyKad mereka.

Hanya kemusykilan, Yang Berhormat, yang perlu saya jelaskan di sini bahawa kebanyakan mereka ini tidak dapat membuat MyKad ini disebabkan mereka tidak mempunyai surat lahir. Jadi saya rasa ini perlu ada lagi satu gerakan untuk mereka ini mendapatkan surat-surat lahir untuk anak-anak mereka dan juga orang-orang dewasa. Kebanyakan di daerah Pensiangan, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat Malaysia ini tidak mempunyai surat lahir dan MyKad. Saya mengharapkan supaya ini dapat dilanjutkan di kawasan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat khasnya di Sabah dan Sarawak ini ada orang-orang di pedalaman yang pada tarikh lahirnya mereka tidak melaporkan diri untuk mendapatkan surat beranak, jadi ini menjadi masalah.

Di sini ketua-ketua kawasan, ketua-ketua kampung telah diminta bekerjasama untuk memberi pengesahan bahawa si polan-si polan itu asalnya dari situ dan sebagainya. Ada caranya jadi dia mintalah Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen termasuk dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mengambil peranan yang aktif dalam urusan ini, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ketua pembangkanglah ya, bagi *chance* Ketua Pembangkang kita sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Ipoh Timor sila, yang lain duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Memandangkan bahawa ada lagi beberapa juta orang yang belum memohon MyKad, adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk melanjutkan masa? Oleh kerana lagi dua bulan ialah akhir *dateline* untuk MyKad, bolehkah untuk *convenience* orang ramai atas beberapa sebab, satu, perlanjutan yang boleh dibuat awal, bukan masa akhir, enam bulan atau satu tahun *so public convenience*, saya rasa inilah *warranted* satu pertimbangan yang serius.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah kerajaan memberi galakan dengan bermacam-macam cara termasuk cabutan bertuah dan sebagainya untuk menggalakkan dan hari ini Ketua Pembangkang telah meminta supaya dilanjutkan lagi.

Saya percaya boleh dilanjutkan pada mereka yang berada di luar negara, oleh kerana urusan mendaftarkan mereka memakan masa, juga mereka yang berada di tempat-tempat yang terpencil, tetapi keputusan yang sebenarnya tidak dapat saya bagi di sini oleh kerana berpandu kepada arahan kabinet. Cuma kita tidak akan melonggarkan kepada semua pihak kerana galakan yang telah dijalankan ini sudah pun berjalan dengan lama dan seharusnya rakyat yang bertanggungjawab seperti kata Yang Berhormat Jerai tadi, mereka wajar dan bertanggungjawab mereka untuk mendapat kad ini oleh kerana ini menunjukkan, membuktikan dia adalah rakyat negara kita. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat Menteri satu soalan ya saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat semua hendak satu soalan.

Cik Fong Po Kuan: Bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah.

Tuan Lim Hock Seng: Habislah satu sahaja, *simple* punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Hock Seng: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua tidak izin.

Cik Fong Po Kuan: Satu sahajalah, satu sahaja, *no more*.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua saya pun tidak ada peluang bercakap, itu mahu tanya sesuatu pun tidak pernah.

Cik Fonh Po Kuan: Itu nombor digit, nombor digit, digit.

Tuan Lim Hock Seng: *Last number*.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak apalah.

Tuan Lim Hock Seng: Okey. Selalunya untuk lelaki nombor akhir untuk I/C itu ialah *odd* nombor, dan untuk perempuan nombor akhirnya ialah *even* nombor tetapi ada lelaki yang dapat *even* nombor, ada perempuan yang dapat *odd* nombor. Ini tidak ada masalah tetapi apabila sampai ke imigresen hendak meminta *international* passport, imigresen dia pertikaikan. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada ini sah laku dan supaya imigresen ikut apa sahaja ada dalam I/C itu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey, Yang Berhormat saya rasa ini soalan khusus *very specific question*. Kalau Yang Berhormat mengetahui seseorang itu mempunyai masalah begini, dia bukan umum, dia hanya berlaku segelintir sahaja.

Kalau Yang Berhormat tahu perkara ini bawalah perkara ini kepada - Yang Berhormat sendiri boleh menulis kepada saya memberi bukti. Jadi saya tidak boleh memberi *elaboration* dalam ruangan masa ini kerana saya rasa tempoh masa untuk saya membuat penggulangan ini telah pun berakhir. Kalau ada, Yang Berhormat, sila tulis kepada saya ya dengan memberi bukti.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

12.35 tgh.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya bagi pihak seluruh warga pendidikan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang terus memberi peruntukan yang besar untuk sektor pendidikan dan latihan iaitu sebanyak RM29 bilion atau 1/5 daripada peruntukan Bajet 2006.

Daripada jumlah tersebut, RM24 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan baki RM5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan yang besar ini merupakan usaha kerajaan untuk menambah baik modal insan demi kita memangkinkan kemajuan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sehubungan itu juga isu-isu pendidikan terus mendapat perhatian di sepanjang perbahasan Bajet 2006 dan saya amat menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan, saranan, malah teguran membina demi menambahbaikkkan sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan menjadi fokus utama Yang Berhormat Kuala Terengganu dan turut disentuh oleh Yang Berhormat Cameron Highlands. Sememangnya pendidikan merupakan teras kepada pembinaan modal insan yang berkesan. Saya setuju dengan saranan untuk memberi penekanan kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dan elemen-elemen ini akan terus diterapkan dalam sukatan pelajaran, modul panduan guru, dalam soalan peperiksaan dan dalam latihan pra perkhidmatan perguruan. Pengisiannya pula akan sentiasa dikaji, disemak dan ditambah baik dari masa ke semasa. Bagi merealisasikan dasar 60/40 sains sastera serta penerapan konsep *industrial training*, dengan izin seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi tumpuan khusus kepada pencapaian matlamat tersebut melalui peningkatan prasarana sains, teknologi dan vokasional.

Usaha akan dilaksanakan bagi menaik taraf makmal sains, mewujudkan lebih banyak sekolah berkonsep integrasi, memperbanyakkan sekolah teknik, memperluaskan aliran teknik dan vokasional ke semua sekolah, serta menerapkan elemen-elemen baru yang lebih relevan ke dalam kurikulum seperti bioteknologi dan mikro elektronik selain menggunakan kaedah kontekstual. Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan semakan semula, KBSM, Kurikulum Bersepadu Sekolah

Menengah (KBSM) dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang semakan semula ini bermatlamat untuk menjadikan sistem pendidikan kita ini bersesuaian dengan keperluan semasa negara dan juga keperluan di dalam globalisasi dan era ekonomi berpengetahuan.

Bagaimanapun, dalam keghairahan untuk melahirkan pemain global dan menjadikan sistem pendidikan kita bertaraf dunia, kita perlu sentiasa menjunjung wawasan untuk menjadi maju dalam acuan kita sendiri di mana kurikulum yang ingin kita bangunkan perlu mengambil kira keunikan sejarah dan kepelbagaian kaum serta agama di negara kita. Generasi baru yang ingin kita lahirkan perlu mempunyai keteguhan jati diri, integriti dan juga budaya sebagai bangsa Malaysia. Melalui kurikulum juga, aspek jati diri, budi bahasa, dan seni budaya diterapkan secara sisipan dalam tajuk-tajuk mata pelajaran yang bersesuaian dalam membina IQ pelajar.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu mengenai KBSR. Suku abad dahulu tahun 1981 adalah diperkenalkan, masa itu disifatkan sebagai 3M, supaya oleh kerana kurikulum dahulu tidak berkesan bahawa produk sistem keseluruhan rendah tidak memastikan bahawa murid-murid boleh baca, menulis dan mengira, *the 3M's, the 3R's*.

Dan itu akan diatasi dengan 3M, sudah 24, 25, suku abad sudah berlalu, sekarang kita mahu lagi buat satu kajian, kenapa ini sudah gagal? Kenapa tidak Kementerian Pendidikan mungkin merasa sebelum Yang Berhormat memegang jawatan Menteri, tetapi kenapa begitu tidak efektif, tidak cekap sehingga sekarang, kita baca surat khabar, perbincangan dalam Dewan yang mulia ini bahawa selepas beberapa tahun persekolahan pun tidak boleh baca, tidak boleh tulis, *educated illiterate*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Oh, *shut up!*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kacau-kacau, apa ini? Ini perkara yang serius you main-main ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main, ini serius, kalau main-main, you balik rumah - main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa selepas beberapa tahun mewujudkan *educated illiterate*. *Educated illiterate* perlu menjadi *illiterate* selepas beberapa tahun persekolahan, *something is very wrong*, apa cara dan tindakan boleh diambil supaya perkara ini boleh diselesaikan dengan *to the very roots*?

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai 3M atau 3R tadi, saya akan jawab kemudian kerana dibangkitkan dalam konteks penguasaan membaca, mengira dan menulis, yang saya bicarakan sekarang ini ialah berhubung kait dengan kurikulum dan apa yang dibangkitkan pada 1981, ialah berhubung kait dengan penyesuaian kurikulum kita pada ketika itu dan apabila dunia berubah dalam era globalisasi, era ekonomi pengetahuan hari ini, maka kita buat penyesuaian dan semakan semula kepada KBSR dan juga KBSM yang sedia ada, tidak ada kena-mengena dengan isu 3M dan 3R yang dibangkitkan dalam Dewan ini semasa perbincangan. Sebab itu 3M dan 3R akan saya jawab kemudian, dan saya hendak sentuh sekarang ialah tumpuan kita kepada kurikulum yang akan kita sesuaikan dengan tuntutan semasa untuk keadaan

sekarang bukan 1981 yang terdahulu, yang menekankan kepada 3M tadi membaca, menulis dan juga mengira dan sebab penyebabnya wujud masih lagi wujud, mereka yang tidak dapat menguasai 3M akan saya jawab kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Ipoh Timor, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri kata bahawa oleh sebab ada perubahan, era dan zaman globalisasi dan cabaran yang lain, itu tidak kena-mengena dengan hukum bahawa sistem persekolahan sama ada sekarang, dahulu ialah bahawa kemahiran yang pokok, *reading, writing, arithmetic* boleh disampaikan, itu *basic*. Tidak kira seribu tahun dahulu, dua ribu tahun dahulu atau sekarang atau dua ratus tahun akan datang, yang *basic* mesti diwajibkan, kenapa? Ini pun kita tidak boleh berjaya...

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: Ya, memang *basic* tetapi Yang Berhormat daripada Ipoh Timor mengelirukan Dewan ini dalam konteks 3R kerana masalah yang dihadapi, untuk menguasainya juga berkisar bukan sahaja kepada kurikulum, tetapi berkisar kepada perkara-perkara asas. Dalam keadaan sekolah di luar bandar tidak ada jalan, ianya tidak ada kena-mengena dengan kurikulum, ianya berhubung-kait dengan kita menyediakan infrastruktur kalau hendak membandingkan keadaan skop negara kita dengan negara-negara membangun yang lain, tidak ada sekolah pun di dalam kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar. *[Tepuk]*

Kalau tidak ada sekolah jangan cakaplah pasal 3R dan 3M, dan keadaan kita semenjak 48 tahun merdeka ini, infrastruktur yang kita sediakan, kawasan-kawasan yang terpencil telah pun wujud sekolah-sekolah, sekurang-kurangnya ada peluang untuk mereka memastikan dapat menguasai 3R, itulah yang membezakan kita dengan keadaan sekarang.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kubang Kerian Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: Sekejap, sekejap, biar saya habiskan, saya ada banyak ini. Tuan Yang di-Pertua, kurikulum yang ingin kita bangunkan perlu bersifat *holistic*, tetapi tidak boleh terlalu membebankan. Perlu menyeronokkan, tetapi mesti juga berkeupayaan untuk mengembangkan segala potensi dan minat anak-anak kita ke tahap maksimum. Dalam hal ini kita ingin masyarakat memahami bahawa kita tidak boleh lagi mengambil jalan pintas untuk menyelesaikan semua masalah kita dengan melambakkan pelbagai perkara di dalam kurikulum. Ia bukan sahaja akan membebankan pelajar, malah turut membebankan guru kita.

Kementerian Pelajaran Malaysia akan terus menilai, mengubahsuai dan menambah baik kurikulum sedia ada sesuai dengan keperluan zaman. Pada masa yang sama, usaha untuk menggerakkan peranan kokurikulum, peranan ibu bapa, peranan masyarakat dan peranan program-program lain di luar sekolah perlu berjalan serentak sebagai sokongan terhadap usaha untuk memperkukuhkan kurikulum kita. Melalui program-program sokongan ini kita berharap dapat melahirkan murid yang lebih seimbang, pembangunan sahsiah dirinya baik dari segi akademik dan kemahiran diri, akhlak dan disiplin, kepimpinan dan pengurusan, kesihatan dan kecergasan diri seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Berhubung dengan format peperiksaan yang kerap berubah...

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan.

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: ...biar saya habiskan perenggan ini dahulu. Berhubung dengan format peperiksaan yang kerap berubah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat perekaan bentuk *instrument* pentaksiran adalah berdasarkan sukatan pelajaran yang digubal. Maka semakan dari aspek kurikulum tentulah akan juga melibatkan perubahan dalam aspek pentaksiran atau peperiksaan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kubang Kerian, sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang memberi laluan kepada saya. Tadi Yang Berhormat menyentuh tentang penilaian semula KBSR dan KBSM dan menyatakan perlu untuk kita melihat semula tentang latar belakang sejarah, di mana kita bermula sebenarnya. Setelah 48 tahun kita merdeka Yang Berhormat, saya rasa perlu dilihat kembali tentang kontrak sosial. Saya merasakan generasi yang faham tentang kontrak sosial ini, mungkin yang ada telah meninggal dunia, ada yang mungkin sudah berumur. Yang sudah berumur pun kadang-kadang bercakap macam kurang ajar sebagai contoh, Presiden Gerakan dan mereka yang sewaktu dengannya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ipoh Timor, Ipoh Timor.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Saya merasakan ini perlu untuk dikaji semula. Kerana generasi ini yang bersekolah pada hari ini, dan generasi yang akan menjadi warga atau pemimpin negara pada masa yang akan datang, perlu faham kembali apa dia kontrak sosial, dari mana kita bermula. Perkara-perkara 150, 151, 152, Bahasa Melayu, teras ketuanan Melayu, agama Islam. Ini perkara yang tidak mungkin boleh kita bertolak-ansur untuk menjamin kepada negara yang akan kita bina pada masa yang akan datang. Jadi saya harap Yang Berhormat sebagai Menteri Pelajaran akan serius untuk memasukkan nilai-nilai ini kembali dalam mata pelajaran KBSR dan juga KBSM supaya siapa-siapa tidak tersasar jauh daripada matlamat pembinaan negara Malaysia ini, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: Saya setuju, saya setuju sangat. Pertama kali saya setuju dengan Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat, sememangnya - bukan kita perlu kaji semula kontrak sosial ini, tetapi kita perlu mengingatkan orang ramai berhubung kait dengan kontrak sosial yang meningkatkan dan yang memastikan kestabilan negara majmuk seperti negara Malaysia. Masalahnya kadangkala apabila polemik dan berpolitik mereka yang menanggung di air yang keruh mengambil kesempatan ini untuk melaga-lagakan dan untuk mengeksploitasikan keadaan.

Saya terharu apabila Ketua Pemuda PAS membuat kenyataan, tetapi pada masa yang sama ada juga mereka yang daripada parti pembangkang, yang akan mengambil kesempatan apabila berjumpa dengan pengundi dan rakyat yang berbilang kaum mengikut kaum, hujahnya berbeza. Termasuk juga daripada parti-parti yang mewakili kaum bumiputera, yang sekarang ini sanggup meniadakan hak keistimewaan, hendak meniadakan kedudukan kita yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Sri Hishammudin bin Tun Hussein: Dari pihak Kerajaan Barisan Nasional memang kita setuju, kita terima dan kita akan pertahankan. Saya harap bahawa pihak pemuda PAS juga akan menekankan kepada rakan-rakan lain di dalam parti-parti pembangkang yang lain untuk membuat sama seperti apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Minta penjelasan, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat Kubang Pasu bahawa sudah lahir satu generasi yang pandai bahasa...

Seorang Ahli: Kubang Kerian.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kubang Kerian *sorry*. Yang sudah pandai dalam bahasa dan menjiwai bahasa Melayu. Saya sendiri membuat Sastera Melayu di universiti. Maka tohmahan itu adalah satu yang tidak diingini. Maka itulah saya minta penjelasan satu mengenai apa yang dikatakan tadi.

Saya mengikut permintaan Yang Berhormat Menteri, kita minta supaya Yang Berhormat Menteri memastikan supaya perubahan-perubahan yang turut berlaku kepada kokurikulum dan peperiksaan supaya ada setengah darsa warsa *five years once*, bukan selalu ada perubahan. Saya tahu banyak cadangan dibuat dan Kementerian Yang Berhormat cukup sensitif dan bebanannya cukup besar. Minta bantuan dari sudut itu sahaja. Okey, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya tidak boleh jawab bagi pihak Yang Berhormatlah. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kena tanya dia sendiri. Yang penting sekarang ialah tidak mempolemikkan isu ini. Apa yang merupakan sejarah, sejarah, apa yang merupakan perkara yang telah kita warisi tidak boleh diubah-ubah. Tetapi pada masa yang sama kita kena rasional. Kita kena pastikan bahawa persefahaman itu tidak digembar-gemburkan untuk kepentingan politik sempit seperti apa yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan Yang Berhormat, beri jalan?

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Bung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya memang melihat bahawa memang ada keperluan untuk kementerian ini meletakkan kepentingan negara bermula daripada sekolah. Sebab kalau tidak isu ini akan dibangkitkan dan terus diungkit. Dalam keadaan sebegini, maka bertelagahlah antara beberapa pihak.

Kalau dibiarkan tidak dipupuk daripada awal, saya bimbang, suatu hari nanti akan tercetus lagi peristiwa yang tidak diingini. Kita Ahli-ahli Parlimen, memang menyokong supaya Menteri sendiri dapat menerapkan pendidikan nilai-nilai kontrak sosial dan juga hak ketuanan Melayu bumiputera di negara ini supaya daripada sekolah lagi difahami oleh pelajar-pelajar Melayu, bukan Melayu, pendatang, bukan pendatang dan sebagainya supaya isu ini tidak lagi diungkit bila-bila masa sebab mereka faham kewujudan negara kita.

Kalau ini tidak kita terapkan secara bijaksana, akhirnya bertelagah antara satu sama lain. Sebab isu ini dibangkitkan berpuluh kali sudah, di Dewan ini, di luar Dewan oleh pemimpin-pemimpin yang meneguk di air keruh yang sengaja mencari isu remeh-temeh seperti Ketua Pembangkang Ipoh Timor.

Seorang Ahli: Hah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada idea jadi dia membawa kita kepada isu yang boleh melaga-lagakan antara satu sama lain.

Ada juga pemimpin dalam kalangan Barisan Nasional tidak memahami sensitiviti kita, mereka mahu kita memahami sensitiviti mereka sahaja. Ini mengundang kepada kompilasi yang boleh mungkin mengakibatkan kita hilang sabar. Nasib baik Ketua Pemuda kita tidak hilang sabar dalam isu-isu sebegini. Kita bersetuju supaya Kementerian ini diterapkan nilai-nilai kontrak sosial kepentingan negara kita di bangku sekolah rendah lagi. Terima kasih, minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Memang sabar Yang Berhormat tapi kadang-kadang sakit dan sedih juga. Dalam keadaan untuk melihat kadangkalanya isu-isu sebegini rupa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan serius, dibawa kepada tahap yang memecah belah, yang berpolemik. Bagi saya, saya ada satu tanggungjawab.

Tanggungjawab saya adalah untuk memastikan setakat mana yang kita mampu menyediakan pendidikan kepada semua rakyat Malaysia tidak kira kaum dan agama.

Keduanya dalam konteks....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk dulu, sekejap, sekejap. Keduanya, saya rasa gembira perkara ini dibangkitkan awal penggulungan saya. Kita bincang berhubung kait dengan perkara ini dalam konteks kokurikulum, tidak emotif, tidak sensitif, bila isu berhubung kait dengan aliran sekolah jenis kebangsaan nanti, mengenai dengan modal, bantuan kepada sekolah berkenaan, mengenai dengan kokurikulum dan mata pelajaran tertentu maka lebih ketara lagi masalah ketegangan di antara kaum dan apa juga kita letakkan dalam kokurikulum kalau anak-anak kita dibezakan mengikut aliran, apa yang kita ajarkan tak akan sampai dan matlamat kita untuk memastikan integrasi nasional tadi, perpaduan di antara rakyat majmuk ini tak juga akan menjadi satu kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: ... mahu politikkan perkara, mahu polemik kan perkara ini dan bukan kita, kita mahu bincang mengenai pendidikan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa mengenai sosial kontrak, mengenai mahu mewujudkan sebuah negara bangsa Malaysia patutlah mencari falsafah dasar pendidikan. Kita sudah 48 tahun merdeka, bukankah kita patut merujuk kepada, kita bincang mengenai ketuanan Malaysia, daripada ketuanan Melayu. Saya hairan Yang Berhormat Kubang Kerian beliau kata ketuanan Melayu, apabila dia kata Parti Islam ketuanan Islam. Tidak ada ras tetapi sekarang dia kata ketuanan Melayu, dulu dia kata ketuanan Islam, berbeza daripada UMNO, saya tak tahulah, mungkin PAS pun sudah ubah.

Tapi saya mahu tanya ialah sosial kontrak, bukankah kita perlu memastikan bahawa rakyat atau generasi yang baru faham apa sosial kontrak, antaranya ialah negara ialah sebuah negara sekular bukan Islam. Yang apa disebutkan, ditegaskan oleh bapa Yang Berhormat Menteri, Tun Hussein Onn, saya ada bukti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Ipoh Timor, sudah politik, sudah politik You. Andaian tadi pelajaran, bukannya politik.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya tanya Yang Berhormat, saya belum habis. Saya belum habis. Nanti nanti, saya belum habis.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benarkan Ipoh Timor, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini lagu lamalah, lagu lama.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lagu lama, lagu lama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, sosial kontrak ...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya habiskan bahawa antara ...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita benarkan Ipoh Timor berhujah seperti ini, daripada isu berhubung kait ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua pun dah bagi, tak boleh tarik balik.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Daripada agama dan kedudukan status negara kita ...*[Dewan amat bising]*

Beberapa Ahli: *[Bangun membantah] [Dewan bercelaru]*

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Apa juga yang kita berbalik berkisar kepada isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, duduk. Yang Berhormat duduklah. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu habis ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lagu lamalah ini. Lagu lama.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya mahu tanya. Saya mahu tanya adakah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah. Macam korporan punyalah. Orang Melayu ...

Seorang Ahli: *Point of Order.*

Tuan Lim Kit Siang: *Social Contract* lah bukan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Social Contract, you tidak ada. [Dewan amat kecoh]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun] [Menyampuk]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekarang ni saya nak bahaskan, saya nak gulungkan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Bagi, sudah lepas ... bukan? Saya mahu tanya adakah isu ini ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You* tak mahu pakai

Tuan Lim Kit Siang: Ini saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal kontrak lah ...

Tuan Lim Kit Siang: *I have the floor.*

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, bukan saya mahu tanya adakah ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You all* sahaja tak mahu pakai ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal kontraklah ...

Tuan Lim Kit Siang: *I have the floor.*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang bangkitkan kontrak sosial ialah rakan Yang Berhormat daripada PAS, bukan Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang: *Apa? I have the floor*, saya mahu tanya sosial kontrak adakah kita rela ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, dia tahu ...

Tuan Lim Kit Siang: Bukan cukup tak cukup.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tak beri, saya tak beri ruang kalau hujahnya dalam konteks kita pecahkan kedudukan sekolah, saya tidak akan benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu Peraturan Mesyuarat, *I have the floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tak bagi lagi, tadi dia bagi dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, inilah mempolitikkan isu, tak ada isu lagi dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia dah tak bagi.

Seorang Ahli: Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh, PAS sokong sosial kontrak, ini apa hal DAP tak faham fasal sosial kontrak.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *The floor is really yours, and I ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang dia tak bagi Yang Berhormat, sila duduk Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan tak bagi, sudah bagi, sudah bagi. Saya boleh jawablah. Kalau *basic role*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini apa demokrasi begini? Orang punya hak pun, mahu cakap ...

Tuan Lim Kit Siang: Pendidikan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Wah banyak susahlah, kalau kerja sama DAP, banyak susahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak sebut apa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan tunjuk keris, goyang itu *Malay* keris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Daripada isu kokurikulum,

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ipoh Timor, ikut peraturan lah. Yang Berhormat tidak ikut peraturan juga, saya tegur.

Tuan Lim Kit Siang: *I have the floor*, dan Yang Berhormat Menteri ...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *You don't have to...*, saya tak percaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan masa cukup?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Macam-macam, lagi mahu tanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apek, apek.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Roket kita tak takut pun.

Tuan Lim Kit Siang: Apa guna?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dia takut keris, takut keris, apa keris pun takut ke. Haiya, Ipoh Timor takut keris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, *I have the floor*.

Seorang Ahli: Kita goyang keris, kita takut ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua duduk Yang Berhormat, semua duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Eh, aso, aso.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, semua duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk Menteri, baca jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua duduk, semua duduk. Waktu sekarang jam 1.00.

Tuan Lim Kit Siang: *Saya on the floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Dia mahu main politik, main politik. Dia Menteri Pendidikan atau dia Menteri Politik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Selesai, yang lain semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya ada *floor*, saya belum habis. *No such thing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, waktu sekarang jam 1.00, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menyambung jawapan.

2.32 ptg.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan beralih ke isu penguasaan kemahiran 3M dan keciciran murid. Yang Berhormat bagi Maran dan juga Yang Berhormat bagi Pensiangan ada membangkitkan mengenai penguasaan 3M di kalangan murid. Kementerian Pelajaran Malaysia memang sedar terdapat pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, kenyataan Yang Berhormat bagi Temerloh bahawa Kementerian Pelajaran tidak melakukan pemantauan adalah kurang tepat. Jumlah RM114,000 pelajar yang dikatakan tidak menguasai 3M, sebenarnya merupakan hasil dari langkah pemantauan oleh kementerian sendiri yang hanya merujuk

kepada pelajar tahap satu iaitu tahun satu hingga tahun tiga sahaja dan bukan merujuk murid tahun empat hingga tahun enam seperti yang didakwa.

Kita tidak boleh membuat andaian di peringkat tahap ini iaitu tahap satu, murid-murid yang tidak menguasai kemahiran tersebut, tergolong dalam buta huruf kerana murid-murid tersebut baru menguasai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Namun demikian, apabila pelajar-pelajar tersebut memasuki tahap dua iaitu tahun empat hingga tahun enam, penguasaan 3M mereka bertambah baik dan jumlah pelajar yang tidak menguasai 3M semakin berkurangan. Melalui program pemulihan khas Tuan Yang di-Pertua dan pendekatan klinikal untuk memulihkan masalah seawal yang mungkin, kumpulan pelajar tahun satu yang tidak dapat menguasai asas 3M ini, kita cuba kenal pasti untuk mengikuti program ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini soal pemantauan dalam penguasaan 3M. Seperti mana Yang Berhormat Menteri tahu bahawa di Sabah, jumlah PPDI ialah 36. Kawasan saya ada dua PPD. Salah satu PPD dia ialah PPD Tamparuli. PPD Tamparuli ini adalah terbaik dari segi keputusan UPSR. Pada tahun, lepas saya telah minta laporan daripada PPD tentang bilangan pelajar, calon UPSR yang belum menguasai *skill* membaca, kemahiran membaca. Saya dapati daripada 600 orang calon UPSR, masih lagi 60 orang yang tidak menguasai kemahiran membaca. Ini datang daripada PPD yang terbaik di negeri Sabah. Bagaimana pula di tempat yang lain?

Salah satu sekolah di PPD Tuaran di kawasan saya, SK Mengkabung, jumlah calon UPSR 100 orang. Jumlah pelajar seluruhnya 700 orang. Daripada 100 orang ini, satu kelas yang tidak mempunyai *skill* membaca. Saya boleh beritahu bahawa bagi pelajar-pelajar calon UPSR yang tidak ada *skill* membaca ini, *guarantee* dia tidak akan lulus UPSR. Persoalan di sini ialah dari segi pemantauan, bagaimana sebenarnya pemantauan dibuat. Kalau pemantauan dibuat, bagaimana pula dibuat kelas pemulihan. Bagaimana pemulihan dibuat? Itu persoalannya. Pada peringkat mana? Kalau dia sewaktu UPSR, bagaimana dibuat? Mana satu guru yang membuat dan kelas itu bila dibuat? Itu persoalan saya, Yang Amat Berhormat. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Sememangnya dalam jawapan saya kemudian ini, kita akan merujuk kepada beberapa kaedah yang akan diguna pakai untuk melihat kepada permasalahan penguasaan 3M ini. Keduanya, berhubung kait rapat dengan kedudukan Tuaran sendiri. Kementerian sedar bahawa Sabah dan Sarawak merupakan dua buah negeri yang kita memberi tumpuan kerana banyak masalah, bukan sahaja penguasaan 3M tetapi dalam isu keciciran yang akan saya sentuh selepas ini, juga ada hubung kait. Jadi selepas itu, mungkin Yang Berhormat boleh memberikan cadangan lagi atau mencelah.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, terima kasih. Berhubung dengan pemulihan dan murid-murid yang dikatakan lembap, *remedial* ini, saya ingin menyebut di sini bahawa kurikulum kita juga harus disemak. Kurikulum kita yang bersifat seragam, yang bersifat *standardized*, yang tidak memikirkan tentang faktor-faktor *indigenous*. Maka, dalam konteks ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya faktor-faktor tempatan, *local*, *indigenous pedagogy* itu juga haruslah diambil perhatian sebab apa yang berlaku sekarang ini, kurikulum kita seragam sahaja. Kadang-kadang anak-anak kita di luar bandar itu tidak dapat menguasainya kerana tidak sesuai dengan keadaan persekitaran dan suasana mereka. Maka, dalam konteks ini faktor *indigenous pedagogy*, kemudian pendekatan kepada guru-guru kita juga. Satu lagi ialah faktor guru-guru kita. Mungkin guru-guru kita itu yang datang daripada luar, daripada kawasan, tidak dapat memahami suasana

dan persekitaran di situ. Maka, latihan yang berasaskan kepada sekolah, latihan perguruan yang berasaskan kepada sekolah harus dijadikan sebagai satu strategi.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kurikulum, dua aspek. Kurikulum berhubung kait dengan kurikulum sekolah dan keduanya kurikulum berhubung kait dengan latihan guru. Kedua-dua aspek ini diambil kira dalam program pemulihan khas kita. Tumpuan akan diberikan dalam konteks latihan guru pula, mengenai kursus-kursus yang akan cuba menyuntik dan juga memberi kemahiran kepada guru-guru pemulihan kita, khususnya kepada tiga kursus. Kursus dalam perkhidmatan KDP. Ini akan kita tengok balik dalam konteks penguasaan 3M, Kursus Sijil Pengurusan Khas (KSPK). Yang ini agak lama, selama setahun dan Kursus Pendek Kelolaan Maktab (KPKM). Tetapi, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi saya ambil maklum dan sememangnya saya setuju sangatlah dengan saranan Yang Berhormat.

Walaupun apa yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih lagi belum puas hati dengan pencapaian kita selama ini. Jemaah Menteri awal tahun ini telah pun mengarahkan Kementerian Pelajaran untuk memantapkan lagi Program Pemulihan Khas kita dan juga telah tambah perjawatan guru-guru pemulihan. Maka, program-program yang baru dirancang, yang telah dapat kita laksanakan dalam masa terdekat selepas keputusan Jemaah Menteri tadi, termasuklah:

- (i) program pendidikan khas kanak-kanak bermasalah pembelajaran, khususnya *dyslexia* untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam *literacy*. Program baru ini masih di peringkat rintis menyebabkan 30 buah sekolah di seluruh Malaysia;
- (ii) program rintis masalah pembelajaran murid autism yang telah dilaksanakan di SK Setapak Kuala Lumpur, yang di sini melibatkan penyertaan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program ini dijalankan mulai baru bulan April tahun ini.

Dalam konteks *indigenous pedagogy*, dengan izin, yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, akan diambil kira dalam program-program yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedang berusaha mengadakan lebih banyak kelas prasekolah kerana kita sedar bahawa latihan daripada peringkat awal lagi, juga merupakan punca kalau tidak diberikan pendedahan di peringkat prasekolah. Penekanan yang akan diberikan oleh kementerian, khususnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman, di samping berusaha memantapkan lagi kurikulum prasekolah kebangsaan. Ini dengan memasukkan komponen bahasa dan komunikasi bagi mengenal huruf, mengenal bunyi vokal dan membina perkataan serta ayat mudah sebagai pendedahan awal sebelum murid-murid kita memasuki tahun satu.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar kebolehan menguasai kemahiran 3M amat berkait rapat dengan masalah yang dihadapi oleh kementerian bagi memberikan pendidikan berkualiti di sekolah-sekolah kurang murid yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan di kawasan pedalaman. Boleh dikatakan jumlah paling ramai murid yang belum menguasai 3M berada di negeri yang mempunyai jumlah sekolah kurang murid yang banyak. Misalnya di Sabah, yang 40% dari sekolah rendahnya adalah sekolah kurang murid. Didapati seramai 27,935 orang murid tahap satu yang masih belum menguasai 3M. Sarawak pula dengan 55% sekolah kurang murid mempunyai 15,496 murid tahap satu yang belum menguasai 3M dan Perak dengan 30% sekolah kurang murid mempunyai 13,430 murid tahap satu yang belum menguasai 3M. Menyedari masalah ini...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Selain daripada sekolah yang kurang murid yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, apa keadaan mengenai masalah ini dalam sekolah-sekolah yang lain. Yang kedua, adakah satu kajian yang mendalam, yang menyeluruh pernah dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk meninjau masalah ini, mengenai 3M sama ada sudah berjaya untuk menguasai 3R sejak pelancarannya pada tahun 1981 supaya boleh menjadi satu panduan, bukan sahaja untuk Kementerian Pelajaran tetapi untuk Ahli-ahli Parlimen dan ibu bapa, ibu bapa.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi, kajian yang dilakukan dan jumlah yang diumumkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh baru-baru ini bersandarkan kepada kajian kementerian sendiri, yang 114,000 jumlah yang disebutkan tadi berkisar kepada murid-murid di tahap satu, iaitu tahun satu hingga tahun tiga. Mungkin kajian berhubung kait dengan mereka yang berada di tahap dua iaitu empat hingga tahun enam, perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin dan ini akan saya bentangkan di Dewan yang mulia ini tidak lama lagi, insya-Allah.

Berhubung kait dengan sekolah kurang murid, ini merupakan satu fenomena yang jelas kita lihat, dapat ditangani dan suka tidak suka, seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tuaran tadi, ini merupakan golongan sasaran yang telah pun kita kenal pasti, tidak perlu kajian lagi dan usaha untuk mengurangkan sekolah-sekolah kurang murid, untuk menyediakan sekolah-sekolah kurang murid ini dengan tenaga pengajar yang berkebolehan dan juga untuk meyakinkan guru-guru kita berwibawa untuk mengajar di sekolah-sekolah berkenaan akan diteruskan. Tidak boleh sebut Tuaran. *[Ketawa]* Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat Menteri, soal masalah 3M ini, saya ingat kita tidak boleh kaitkan dengan masalah SKM, Sekolah Kurang Murid, saya ingat tiada kaitan sebenarnya. Saya ambil contoh, kawasan saya di Tuaran, SKM digabung adalah sekolah yang gred A, 700 pelajar, tetapi di situ, di sanalah masalah tidak menguasai membaca, SK paling bawah, ini sekolah Gred B. Jadi sekolah yang kurang murid sebenarnya kita dapati kelulusannya seratus peratus. Saya boleh - PPD Tuaran sebagai contoh, SK Tambulong seratus peratus tiap-tiap tahun. Calon UPSR hanya tiga orang, empat orang, lima orang. Jadi kita tidak boleh kaitkan. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa soal SKM ini adalah satu masalah yang amat besar dari segi memberi kemudahan infrastruktur dan satu kajian terperinci untuk mengatasi cabaran ini perlu dibuat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekolah Kurang Murid saya sebut dalam konteks yang lebih luas, bukan yang ditafsirkan 150 orang murid ke bawah. Sekolah kurang murid juga merangkumi sekolah-sekolah pedalaman dan sekolah-sekolah di luar bandar, di mana, masalah kita bukan sahaja hendak meletakkan guru-guru pemuliharaan untuk mengatasi masalah 3M ini, tetapi hendak meletakkan guru biasa pun menjadi satu perkara yang agak sukar untuk kita laksanakan. Jadi bila Yang Amat Perdana Menteri dalam belanjawan baru-baru ini telah menyatakan, satu-satu agenda besar kita ialah untuk mengurangkan jurang di antara pendidikan dan pendedahan pendidikan bandar dan luar bandar itulah maksudnya, bila saya sebut berhubung kait dengan SKM. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan isu SKM - sekolah kurang murid. Jadi baru-baru ini saya telah pun menyarankan agar Kementerian ini mengenal pasti mana-mana sekolah yang kurang murid ini, seperti di luar bandar. Matlamat kementerian dan kerajaan bukan memberi sekolah tetapi memberi pendidikan, bermakna sekolah yang kurang murid ini tidak perlu bangunan yang besar, yang menelan belanja, memadamkan kalau ada kelas pembelajaran. Di sinilah kementerian akan menjimatkan kosnya dari segi guru, perbelanjaan prasarana dan sebagainya. Jadi harus dilihat, tidak perlu saya rasa 'merge' ataupun digabungkan antara sekolah dengan sekolah yang lain, sebab di luar bandar ini, walaupun dia 10 kilometer, tapi perjalanannya berjam-jam sebab tidak boleh dilalui oleh kenderaan.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengguna bangunan-bangunan yang sedia ada ataupun *mobile building* untuk memberi sekolah kurang murid ini kelas pendidikan, sebab pendidikan kepada negara kita merupakan satu jurusan yang diutamakan untuk memberi pelajaran sepanjang hayat kepada pelajar-pelajar kita khususnya di luar bandar dan ini juga sekali gus boleh membantu mengurangkan jurang perbezaan pencapaian di antara pelajar bandar dan luar bandar. Terus terang katakan memang *advantage* dalam kelulusan peperiksaan kepada pelajar-pelajar di bandar dibandingkan dengan di luar bandar. Persoalannya banyak kekurangan yang dihadapi oleh guru-guru dan pelajar-pelajar sehingga ada juga yang pelajar begitu boleh dikategorikan sebagai cemerlang tetapi terkandas sebab kekurangan-kekurangan yang ada ini.

Jadi saya harap kementerian mengambil kira bagaimana sekali gus membawa jurang-jurang perbezaan ini, merapat jurang perbezaan ini. Sebagai contoh pelajar-pelajar di bandar juga mereka boleh memperoleh makanan tambahan seperti vitamin dan sebagainya tetapi di luar bandar, terus terang saya katakan di kawasan saya masih ada yang bangun pukul tiga pagi, kena berjalan kaki pukul lima pagi, sampai sekolah tujuh pagi, berjalan tujuh kilometer, ada yang tidak berkasut, kalau hujan tidak boleh pergi sekolah, kalau habuk, habuklah teman dia, ini masih berlaku. Di kawasan-kawasan lain mungkin belum berlaku, tapi di tempat saya masih berlaku persoalan yang sebegini. Inilah yang menjadi halangan-halangan kepada kemajuan mereka. Terima kasih. Minta penjelasan sikit.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Usaha kita untuk menangani sekolah kurang murid dan sekolah-sekolah pedalaman ini ada berbagai pendekatan. Selain daripada bantuan-bantuan tambahan yang akan saya senaraikan selepas ini, usaha untuk kita menyediakan sekolah berpusat sama ada sekolah berasrama penuh atau berasrama harian. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk melihat kepada, mungkin sekolah-sekolah mobile, sekolah-sekolah kecil-kecilan ialah satu pandangan yang perlu kita teliti. Isunya sekarang bukan sangat menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas dari segi bangunan, tetapi tenaga pengajar yang menjadi isu. Kita wujudkan sekolah mobile, tetapi jumlah muridnya tidak sampai dua puluh orang, nak meyakinkan seorang guru untuk berjalan kaki atau bersaman tiga hari sebelum sampai ke sekolah berkenaan bukan satu perkara yang mudah. Sebab itu, usaha kita sekarang ini untuk memartabatkan guru-guru kita yang mengajar di pedalaman telah bergerak dengan bersungguh-sungguh dan pakej tertentu yang lebih menarik mungkin dapat disediakan dan sekali gus dengan infrastruktur yang dicadangkan tadi kita dapat menyediakan kemudahan fizikal dan juga pengisiannya dari segi tenaga pengajar.

Cadangan tadi untuk melihat kepada bantuan-bantuan tambahan untuk kita meneliti semula, mungkin harus dilakukan, saya setuju. Bantuan makanan, bantuan tambahan susu contohnya telah dibekalkan kepada sekolah kita semenjak tahun 60'an lagi. Maka kalau kita sekarang ini menjurus kepada sekolah-sekolah tertentu luar bandar dan di bandar, Tuan Yang di-Pertua, mungkin pendekatan itu dapat diubah dalam masa terdekat.

Ini berhubung kait dengan sebelum Dewan ditangguhkan tadi, cadangan Yang Berhormat Cameron Highlands untuk melihat agenda kita dalam masa lima tahun atau lebih panjang dari itu, saya setuju dan telah pun mengatakan di bawah kepimpinan saya, di bawah Kementerian Pelajaran, kita hujung tahun ini akan membentangkan Pelan Perancangan Pembangunan Pendidikan Lima Tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, dan saya harap apa jua perubahan yang mendadak dan mungkin menyebabkan reformasi pendidikan ini akan diadakan sepuluh tahun kemudiannya menjelang tahun 2020. Ini perancangan saya dalam lima belas tahun akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh benarkan saya teruskan isu keciciran yang ada juga hubung kait dengan masalah 3M tadi. Tuan Yang di-Pertua, mengenai keciciran murid pula, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh, jumlah pelajar tahun 1 bagi cohort 1997 hingga tahun 2002 yang tidak meneruskan persekolahan hingga ke tahun 6 adalah sebanyak 4.36%. Namun demikian, pelaksanaan pendidikan wajib yang dimulai tahun 2003 telah menunjukkan kesan yang positif di mana kadar pelajar yang tidak

meneruskan persekolahan sehingga ke tahun 6 bagi cohort 2000-2005 menurun sehingga 1.98%.

Mengenai sekolah menengah pula jumlah pelajar tingkatan 1 cohort 1997 hingga 2001 yang tidak meneruskan persekolahan hingga ke tingkatan 5 adalah sebanyak 15.93% tetapi kadar ini telah berkurangan pada tahun-tahun berikutnya sehingga menjadi 9.55% bagi cohort 2001-2005.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Berkenaan dengan keciciran ini Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu adakah keciciran disebabkan oleh kemiskinan, adakah keciciran ini disebabkan oleh keadaan sekolah, lokasi sekolah yang jauh dan bolehkah saya tahu dari segi distribusi kaum, manakah yang paling banyak tercicir?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Soalan yang saya rasa perlu dijawab dan dijawab dengan kajian yang lebih terperinci. Bagi saya kemiskinan tidak boleh diberikan sebagai alasan untuk pendedahan kepada pendidikan dan saya telah berulang-ulang kali menyatakan dalam isu ini dengan kemudahan yang diberikan, bantuan yang diberikan tidak ada sebab mana-mana pihak yang tidak mahu ke sekolah, tidak boleh ke sekolah kerana isu kemiskinan. Jadi, kalau sekiranya ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat berhubung kait dengan mana-mana pihak yang tidak dapat ke sekolah kerana kemiskinan, perkara ini di bawa kepada kita, kerana saya tidak akan bertolak ansur dalam hal ini dan jumlah yang kita berikan, contohnya untuk bantuan tambahan begitu besar dan ianya mesti sampai kepada golongan sasar tadi. Contohnya, untuk tahun ini saja, 2005 jumlah yang diperuntukkan untuk bantuan-bantuan tambahan ialah RM1.3 bilion. Jadi kalau ianya tidak sampai kepada golongan-golongan mereka yang betul-betul memerlukan maka hasrat, objektif kita untuk memastikan *access* kepada pendidikan dan pelajaran itu tidak akan dapat dikecapi. Ini saya perlu kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat.

Berhubung kait dengan pecahan...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biarlah saya jawab tiga soalan dia tadi, tak selesai lagi, ada dua lagi. Mengenai hubung kait dengan pecahan kaum sekolah-sekolah kebangsaan dari segi angkanya merupakan sekolah yang majoriti berada di kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar dan dari segi pecahan tadi, saya tidak ada angka yang tepat, tetapi majoritinya di sekolah-sekolah kebangsaan merupakan anak-anak Melayu bumiputera dan negeri-negeri pecahan pun wujud dan saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat, berhubung kait itu tak perlu kajian lanjut kerana kita mempunyai angka dan faktanya. Okey, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan ada sampai kepada sasaran. Satu kumpulan saya minta perhatian Menteri ialah kanak-kanak yang kurang upaya. Saya rasa kumpulan ini telah diabaikan. Tidak ada cukup *facilities* nya, jadi ramai mereka tidak dapat pergi ke sekolah. Saya harap mereka menjadi sasaran utama kementerian. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini akan saya bangkitkan kemudian, kerana Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah pun bangkitkannya dalam perbahasan belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menunjukkan bahawa kadar murid yang tidak meneruskan persekolahan dari peringkat sekolah rendah, bila mereka beralih ke sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan turut berkurangan iaitu sebanyak 10.92% pada tahun 1998 kepada 8.12% pada tahun 2005. Ini pun tidak bermakna pelajar tersebut tercicir tetapi di sebaliknya ada di kalangan mereka meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah di luar pentadbiran Kementerian Pelajaran seperti sekolah-sekolah

menengah agama negeri, sekolah-sekolah menengah agama rakyat, sekolah-sekolah swasta, Maktab Rendah Sains Mara, sekolah antarabangsa dan lain-lain lagi termasuk mereka yang telah berhijrah ke negara lain atau tidak meneruskan pembelajaran kerana mereka berada di sekolah-sekolah pondok atau madrasah yang tidak berdaftar.

Dari segi angka yang diminta oleh Yang Berhormat Gombak tadi sekiranya murid yang hendak dikesan ini berada atau pada suatu ketika dulu berada di dalam sistem sekolah kita, mudah untuk kita kesan. Masalahnya golongan mereka yang tidak pernah di dalam sistem sekolah. Kita tidak mempunyai cara mekanisme untuk mengenal pasti mereka yang benar-benar tercicir. Di sini mungkin kita memerlukan *political will* dengan izin daripada pihak-pihak yang mempunyai rantai sehingga ke akar umbi untuk membantu kita mengesan daripada satu keluarga itu berapa ramai murid yang betul-betul tercicir dan untuk pengetahuan Dewan ini Pergerakan Wanita UMNO telah bersetuju menggunakan rantaianya yang mereka ada, untuk sedikit sebanyak dari rumah ke rumah, kita mula dengan perancangan FELDA mungkin mengenal pasti daripada satu keluarga itu berapa ramai dan punca sebabnya mereka tercicir. Kerana dalam satu buah keluarga itu daripada lapan adik beradik mungkin dua yang dah berjaya sampai ke IPT tetapi enam lagi yang mungkin tercicir. Ini tidak dapat dikesan kalau mereka tidak ada di dalam sistem persekolahan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Just to reinforce* dengan izin, di Pensiangan Yang Berhormat, kita telah membina Asrama Desa untuk memberi satu kesan yang lebih baik kepada murid-murid *especially* di pinggir-pinggiran luar bandar khususnya di Pensiangan. Disebabkan kawasan ini memang jauh selalunya anak-anak sekolah ini harus mengharungi sungai-sungai yang begitu deras airnya, maka Asrama Desa ini perlu kita dirikan di beberapa buah tempat di pedalaman. Saya telah membantu NGO untuk membina rumah-rumah Asrama Desa ini untuk membantu anak-anak kita supaya tidak tercicir.

Di antara faktor-faktor yang saya rasa keciciran anak-anak kita ini - biar pun Menteri tadi telah mengatakan kemiskinan itu bukan faktor yang utama, tetapi di bahagian pedalaman ini saya rasa faktor kemiskinan ini adalah yang amat getir sekali. Sebab orang-orang kampung di luar bandar di bahagian pedalaman itu rumah mereka tidaklah begitu buruk sebagai mana rumah-rumah panjang pun semua sudah usang. Disebabkan tekanan ekonomi di mana tanah-tanah tersebut bukanlah milik mereka dan untuk bercucuk tanam pun mungkin sukar bagi mereka, apatah lagi mendapatkan kewangan untuk membantu anak-anak mereka ke sekolah. Jadi keciciran anak-anak sekolah ini saya nampak Yang Berhormat disebabkan kemiskinan.

Yang kedua itu disebabkan kesukaran untuk mereka pergi ke sekolah-sekolah sebab sungai dan bukit bukau dan sebagainya yang harus mereka harungi. Saya minta dan saya cadangkan kepada kerajaan untuk memberi perhatian kepada anak-anak desa ini untuk mendapatkan Asrama-asrama Desa. Dengan itu sahaja saya rasa kita dapat membantu anak-anak kita di luar bandar untuk meneruskan perjuangan mereka dan saya pasti dalam tahun 2020 nanti yang kita idam-idamkan supaya kita mempunyai satu kumpulan masyarakat atau rakyat yang profesional.

Kedua, saya juga hendak sentuh sedikit mengenai dengan Sekolah Menengah sebab baru-baru ini saya telah pergi ke beberapa buah kampung di bahagian pedalaman yang nun jauh sekali. Kita melihat banyak budak-budak tercicir daripada *Form Three*, *Form Four* dan *Form Five*. Ini bukan disebabkan mereka tidak mahu melanjutkan pelajaran mereka tetapi disebabkan tidak ada wang. Bayangkan sahaja untuk membelanjakan RM1 untuk satu hari di Asrama Desa itu mereka tidak mampu, apatah lagi hendak meneruskan dengan berpuluh-puluh ataupun beratus-ratus ringgit untuk membeli buku dan serba-serbi.

Jadi saya mintalah kalau boleh, dalam suasana yang begini yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan RM1 bilion untuk mendapatkan dana untuk orang-orang di pedalaman khususnya bangsa Murut ini yang 80% daripada mereka itu. Orang-orang Murut ini sama juga dengan Orang Asli di Semenanjung ini yang serba ketinggalan dalam serba-serbinya. Saya minta ehsan daripada Menteri membantu Pensiangan ini untuk membangun dalam usaha kita Pensiangan 2020. Pensiangan 2020

ini antara lain adalah konsep saya untuk memajukan bangsa dan negara kita. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung sedikit. Ada persoalan yang hampir serupa dengan ini tadi. Sebenarnya ada model pendidikan untuk sekolah Pensiangan dan Salinatan ini. Saya kira model ini harus diperkembangkan sebab Kementerian sudah ada kegiatan-kegiatan serupa ini. Cuma satu perkara yang hendak saya sentuh di sini ialah tentang *access*.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa beliau sanggup menggunakan *political will*. Memang saya kira di sini kalau sekiranya untuk memberi dan meningkatkan keupayaan anak-anak yang daif sosial budaya ini tidak cukup hanya dengan menggunakan prinsip *to treat the unequal equally is not sufficient* – maksudnya perlu tambahan-tambahan perlu modal sosial dan juga modal budaya sekali gus di mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ertinya perlu banyak, sebab ini adalah merupakan satu usaha kita untuk membangunkan modal insan tetapi pembangunan modal insan tidak cukup hanya dengan modal material sahaja tetapi modal budaya dan modal sosial sekali gus.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak perlu jawab soalan Yang Berhormat bagi Pensiangan kerana Yang Berhormat Kuala Terengganu telah pun menjawab apa yang dibangkitkan. Yang Berhormat bagi Pensiangan menyebut berhubung kait dengan kedudukan sosial ekonomi dan kedudukan keluarga dalam konteks kemiskinan. Kementerian Pelajaran tidak mampu melihat kedudukan ekonomi sesebuah keluarga itu dalam usaha hendak menaik taraf kedudukan mereka dalam konteks ekonomi tadi. Yang saya sebut berkaitan dengan kemiskinan ialah untuk menyediakan apa jua bantuan-bantuan tambahan supaya sekurang-kurangnya walaupun mereka masih dalam kedudukan ekonomi yang agak daif tetapi kalau pemikiran dan penekanan mereka terhadap pendidikan itu masih lagi merupakan satu perkara yang dianggap serius, maka bantuan itu akan disalurkan untuk pendidikan anak-anak mereka. Yang menjadi masalah kadang-kadang ialah untuk mengubah sikap ibu bapa itu sendiri.

Baru-baru ini di sekolah Orang Asli di Bertam, Lipis, Pahang di mana guru-guru kita di sana terpaksa mengambil masa dari rumah ke rumah untuk menunjuk dan meyakinkan kepada ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka bersekolah tiap-tiap hari. Pada musim buah atau musim hujan mereka tidak bersekolah. Jadi sedikit sebanyak peranan keluarga dan ibu bapa harus juga diambil kira dan dalam konteks ini kepimpinan masyarakat setempat dan juga kepimpinan di sekolah memainkan peranan yang penting.

Selain daripada itu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, model Pensiangan tadi saya telah pun tahu dan dimaklumkan dan beberapa perkara yang telah pun kita laksanakan untuk menghadapi masalah pelajar yang tercicir ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya selesaikan dahulu. Kementerian akan terus berusaha agar keciciran ini akan dapat dikurangkan semini mungkin. Selain pelaksanaan pendidikan wajib di sekolah rendah kerajaan akan terus menyediakan pelbagai bentuk bantuan di peringkat rendah seperti mengadakan rancangan makanan tambahan, program susu sekolah, skim baucar tuisyen yang agak baru, tabung kumpulan wang amanah pelajar miskin akan diteruskan serta mengadakan Asrama-asrama Desa yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Bagi mengurangkan keciciran di peringkat Menengah pula selain mengadakan Asrama Harian, Asrama Desa, bantuan makanan, bantuan pengangkutan, biasiswa dan juga sekolah berpusat, kementerian turut menggubal kurikulum yang bersesuaian dengan kecenderungan dan minat pelajar seperti memperkenalkan mata pelajaran vokasional dan teknik untuk murid-murid yang kurang berminat dengan mata pelajaran akademik tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bersandarkan kepada fakta dan angka yang saya telah bentangkan dan maklumkan di Dewan yang mulia ini dengan cadangan-cadangan yang

saya juga telah cuba maklumkan kepada Dewan saranan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulung bahawa satu Jawatankuasa Kabinet diwujudkan buat setakat ini bagi saya tidak diperlukan - berikan ruang untuk kita memperbaiki apa yang sedia ada. Bantuan-bantuan yang sedia ada itu mungkin dapat disalurkan dan berikan tumpuan khusus kepada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Sila Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini soal latar belakang sosioekonomi ibu bapa dan peranan ibu bapa atau pun keluarga dalam menangani soal keciciran. Sebenarnya adalah amat penting untuk memahami soal sosioekonomi ini sebab peranan ibu bapa. Saya ambil contoh di kawasan saya di Tuaran. Saya mengadakan program motivasi tiap-tiap tahun di sekolah rendah dan sekolah menengah dan saya sendiri pun memberi motivasi juga di sekolah. Apabila saya mengatakan kepada ibu bapa bila anak balik dari sekolah tolong tanya apa yang dia telah belajar di sekolah pada hari ini. Dan ada ibu bapa semasa dalam program ini dia angkat tangan dan mengatakan: "Yang Berhormat, saya di laut, macam mana saya boleh tanya. Saya nelayan." Jadi saya kata tidak perlu. Kalau hari ini pun tidak sempat, besok atau lusa pun boleh asalkan bertanya.

Jadi soal sosioekonomi tadi amat penting. Saya akui bahagian kementerian telah membelanjakan begitu banyak duit dalam soal baucar tuisyen, makanan tambahan tetapi pada pengamatan saya perlu kita kaji secara khusus dalam soal-soal seperti ini. Misalannya soal baucar tuisyen, apakah ini efektif. Kalau tanpa perkhidmatan ibu bapa dalam keadaan ibu bapa yang tidak selalu di rumah sebab mencari nafkah dan sebagainya. Itu satu.

Yang keduanya, pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Gombak tadi tentang latar belakang etniknya. Di kawasan saya di Tuaran saya tidak segan menyatakan bahawa mereka yang amat memerlukan penumpuan ialah masyarakat Bajau iaitu anak-anak nelayan di pantai. Pencapaian mereka begitu rendah sebab ibu bapanya yang berpendapatan rendah bekerja di laut dan sebagainya, ini amat memerlukan perhatian. Barang kali di tempat lain ia perlukan asrama tetapi di sini penumpuannya lain. Ia harus dilihat bagaimana bantuan-bantuan yang begitu banyak yang dibelanjakan oleh kerajaan. Jadi saya mohon penjelasan bagaimanakah pihak kerajaan menangani soal kemiskinan tadi, sosioekonomi ibu bapa untuk dipastikan supaya keciciran dapat ditangani. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mungkin Yang Berhormat bagi Tuaran boleh ajukan soalan itu kepada menteri-menteri yang berkenaan. Kita mempunyai Kementerian Luar Bandar, Kementerian Kewangan sementara tugas saya ialah berhubung kait dengan pelajaran. Dan tugas saya bukan untuk meningkatkan kedudukan sosio ekonomi ini tetapi untuk meyakinkan walaupun mereka berada dalam keadaan yang serba kekurangan ini tidak bermakna bahawa mereka harus mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak mereka untuk memberikan pendidikan yang terbaik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Terutamanya saya hendak sentuh tentang baucar tuisyen. Baucar tuisyen ini memang bagus. Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan yang terpencil terutamanya di kawasan-kawasan penduduk Orang Asli. Saya rasa mungkin berlaku di Sabah dan Sarawak. Mereka apabila pulang waktu habis belajar mereka tidak akan kembali ke sekolah. Hendak duduk asrama mungkin tidak sesuai kerana kedudukan tidaklah terlampau jauh yang memerlukan mereka tinggal di asrama. Apabila mereka pulang mereka tidak akan balik, maka dengan itu skim tuisyen yang dijalankan akan gagal.

Saya pernah mencadangkan pihak Kementerian Pelajaran mesti membuat sesuatu untuk membolehkan mereka kekal di sekolah supaya tidak pulang. Salah satu perkara ialah dengan menyediakan makanan tambahan untuk tengah hari. Mereka balik kerana mereka hendak makan. Apabila mereka makan, mereka terus tidak pulang ke sekolah. Kalau pihak kementerian boleh menyediakan makanan tambahan waktu tengah hari jadi mereka tidak perlu balik, mereka akan tinggal di sekolah dan kita akan boleh memberikan tuisyen kepada mereka di waktu petang termasuklah ko-kurikulum dan sebagainya boleh kita berikan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Inilah yang membezakan mungkin skim projek tuisyen kita dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Terengganu dalam usaha mereka untuk meningkatkan pencapaian anak-anak mereka di negeri Terengganu yang telah pun mengecapi pencapaian UPSR yang terbaik empat tahun berturut-turut. Mereka menyediakan makanan tengah hari dan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi telah pun kita teliti. Isunya sekarang ialah isu kos, banyak beza di antara menyediakan makanan tengah hari untuk sebuah negeri daripada seluruh negara. Tengoklah macam mana keputusan pihak berkenaan berhubung kait dengan siling Kementerian Pelajaran untuk lima tahun yang akan datang ini. Dan sekiranya mempunyai ruang saya setuju sangat bahawa menyediakan makanan tengah hari itu dapat memastikan mereka berada di sekolah-sekolah sebelah petang, bukan sahaja untuk kelas-kelas bimbingan tetapi juga untuk menjayakan program-program ko-kurikulum dan sukan yang ingin kita hidupkan semula di sekolah-sekolah kita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya terkejut apabila Yang Berhormat ada menyebut di Terengganu sebagai contoh di mana empat tahun berturut-turut UPSR mendapat kejayaan. Saya hendak tahunya ialah bermula daripada tahun berapa sehingga tahun berapa dan zaman siapa memerintah bermulanya skim itu?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah tahu Yang Berhormat hendak ke arah mana. Tetapi kita dalam Barisan Nasional tidak kira sama ada kita pembangkang atau kita merupakan kerajaan yang memerintah dalam hal pendidikan kita terus membela dan memberikan sokongan kepada anak-anak kita. *[Tepuk]* Jadi sama ada ianya di bawah pemerintahan PAS atau tidak, usaha kita untuk memastikan anak-anak kita sentiasa mendapat pendidikan yang terbaik merupakan agenda yang tidak pernah kita kompromi.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa satu masalah kepada kanak-kanak ataupun pelajar yang kurang pintar dalam pelajaran ialah kerana kelas itu terlalu besar. Ada banyak sekolah di mana satu kelas ada 50 orang pelajar. Dengan kupon tuisyen ini, bolehkah saya cadangkan kita mengadakan mekanisme di dalam kurikulum di mana murid-murid yang lemah di dalam sesuatu pelajaran, mereka diberi tutorial seperti di universiti. Tutorial dan bukan kelas tuisyen dan juga kelas yang besar ini diberikan tambahan pembantu guru supaya kanak-kanak yang lemah ini dapat diberi perhatian. Saya rasa ini perlu ada satu rombakan sedikit dalam sistem pelajaran. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh dipertimbangkan dalam usaha kita untuk melihat kepada program pemulihan khas yang merupakan arahan jemaah menteri pun dalam konteks yang saya sebutkan tadi.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Perkara-perkara sebegini rupa penting supaya apa yang kita lakukan, kita sedar tidak ada satu formula yang boleh menyelesaikan semua masalah, isu-isu tempatan, isu-isu logistik dan kedudukan masyarakat setempat juga harus diambil kira dan pendekatan itu mestilah disesuaikan mengikut tuntutan tempat dan masa.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kemaman.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soalan tentang kejayaan di Terengganu tadi yang ada pihak yang cuba mengaitkan kerana itu usaha kerajaan negeri pada waktu itu. Saya rasa sebagai seorang yang

berpengalaman di Terengganu, sebenarnya program yang dimaksudkan tadi ialah program Kerajaan Persekutuan yang dibuat di negeri Terengganu.

Arkitek kepada program untuk memberikan kejayaan yang begitu cemerlang kepada pencapaian UPSR di negeri Terengganu sepanjang tempoh tersebut sehingga sekarang ialah Pengarah Pendidikan Negeri pada waktu itu. Pengarah Pendidikan ialah pegawai persekutuan bukannya kerajaan negeri dan pengarah tersebut sekarang ini menjadi Ahli Parlimen bagi Kuala Terengganu. Saya hendak beritahulah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman menyatakan apa yang saya tidak sempat sebut sebentar tadi. Beralih ke isu pelajar berkeperluan khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, mengharapkan peluang sama rata terhadap pelajar kurang upaya dalam melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pelajaran tidak pernah menyisihkan pelajar kurang upaya dalam sistem pendidikan negara. Sebaliknya menyediakan kemudahan pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas atau pelajar kurang upaya melalui tiga jenis program di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Khas. Ini khusus di bawah Jabatan Pendidikan Khas iaitu pertamanya sekolah pendidikan khas diwujudkan, program pendidikan khas integrasi bagi murid bermasalah penglihatan, pendengaran dan juga permasalahan pembelajaran di peringkat rendah dan menengah dan juga pendekatan *inclusive*. Kanak-kanak *syndrome down* atau *Autism* dan lain-lain kategori permasalahan secara yang setara, yang *mobile*, yang boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain diterima belajar dalam program pendidikan khas kelolaan Kementerian Pelajaran di mana mereka mengikuti program ini di sekolah biasa. Kita memberi peluang kepada mereka berinteraksi dengan pelajar normal lain dan dapat membina keyakinan diri dengan lebih baik.

Saya hendak beri keyakinan kepada Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, saya sendiri dan Jabatan Pendidikan Khas telah mengesyorkan kepada kerajaan bahawa peruntukan tambahan dan lebihan akan diberikan kepada pendidikan khas tadi dan usaha ini akan kita umumkan, insya-Allah awal tahun depan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kuala Selangor.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berbalik sedikit sekejap kepada konsep asrama desa di mana Kementerian Pelajaran akan memperbanyakkan asrama desa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Bukan sahaja untuk mengatasi masalah keciciran tetapi untuk melahirkan pelajar-pelajar cemerlang khususnya untuk mendapatkan keputusan UPSR yang lebih ramai dan juga untuk mewujudkan sekolah *feeder* bagi menyediakan pelajar yang baik apabila mereka masuk ke sekolah menengah.

Tetapi persoalannya hari ini, umpamanya di Kuala Selangor, terdapat sebuah sekolah asrama desa yang pada mulanya dipilih dari kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang yang agak miskin. Tetapi hari ini sudah berubah konsepnya bahawa sekolah itu memilih di kalangan anak-anak guru dan pemilihannya diserahkan kepada guru besar berkenaan. Pemantauan dibuat oleh Pejabat Pelajaran Daerah.

Jadi kalau boleh, sekolah asrama desa ini dapat dikembangkan di kawasan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman dan kalau boleh setiap DUN diwujudkan sebuah sekolah asrama desa dan ditempatkan untuk pelajar-pelajar yang mempunyai masalah keluarga khususnya anak-anak petani, penternak, nelayan dan juga anak-anak ibu tunggal. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor akan saya siasat. Sebenarnya usaha kita menyediakan sekolah-sekolah asrama desa ini ialah untuk membantu mereka yang tidak berupaya ke sekolah-sekolah yang lebih berprestij dan latar belakang mereka sentiasa diambil kira tetapi saya perlukan maklumat untuk menyiasat perkara ini.

Berhubung kait dengan menyediakan sekolah-sekolah asrama desa ini kepada semua DUN dan sebagainya, daripada perbahasan kita hari ini pun kita tengok cadangan yang pelbagai.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ada yang mencadangkan sekolah *mobile*, ada yang mencadangkan sekolah asrama penuh, ada yang mengharapkan sekolah asrama desa, sekolah berpusat, sekolah model dan macam-macam. Ini akan kita rumuskan dan saya tidak ada perkara yang hendak sembunyikan. Dalam lima tahun pelan yang kita hendak bentangkan untuk pendidikan lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan ini, asas-asasnya akan kita umumkan kepada khalayak orang ramai nanti. Pada ketika itu kita tengoklah keberkesanan formula yang terbaik. Tidak ada satu formula yang boleh menyelesaikan semua masalah yang dibangkitkan kepada saya sebelum ini. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Menteri, tidak ada satu formula akan menyelesaikan semua masalah. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri juga ingatkan perkataan ini apabila ingin mencari penyelesaian untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam mengajar matematik dan sains.

Saya memang tahu ada beberapa program untuk kanak-kanak yang kurang upaya. Tetapi pada sekarang masih kekurangan *facilities*. Selalu yang ditanya-tanya ialah *teacher to pupils ratio* dan juga latihan kepada guru, adakah ia cukup? Saya tidak tahu bagaimana kementerian Yang Berhormat membuat rancangan kerana sampai sekarang kita tidak ada statistik berapa orang kanak-kanak yang *autistic* dan berapa di antara mereka ialah *down syndrome* kerana kita tidak mendaftarkan mereka mengikut kategorinya. Saya rasa ini adalah amat penting. Kalau kita tidak tahu bilangan kanak-kanak seperti ini walaupun ada peruntukan, macam mana hendak membuat rancangan?

Lagi satu, saya harap Yang Berhormat Menteri masih ingat di universiti dan juga di sebuah sekolah menengah di Alor Setar apabila ada seorang pelajar tingkatan dua, dia tidak dapat pergi ke sekolah kerana tidak ada kenderaan dan juga kerana kelasnya berada di tingkat dua. Dia tidak dapat naik ke kelas itu. Masalah ini hanya diselesaikan apabila disiarkan di dalam surat khabar.

Saya harap kementerian dapat memberitahu dan mengarahkan semua guru besar di dalam sekolah supaya masalah seperti ini mereka dapat menyelesaikan dan beri keutamaan kepada pelajar yang kurang upaya supaya mereka tidak menghalang mereka pergi ke sekolah. Saya tahu ada pelajar di sekolah Bukit Mertajam yang memang menghadapi masalah seperti ini dan ibu bapa segan hendak pergi beritahu guru besar. Kerana segan, nanti anak dia *divictimize*. Saya rasa kalau bolehlah minta Yang Berhormat Menteri memberitahu ataupun macam mana hendak sampaikan maklumat ini kepada semua guru besar. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan beritahu semua guru besar seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Keduanya, formula yang pelbagai itu memang saya tidak akan lupa tetapi dalam merestui atau membuat keputusan berhubung kait dengan formula berkenaan ia tidak boleh berkisar kepada polemik, isu perkauman atau aliran-aliran sekolah tertentu. Dan ketiganya ialah berhubung kait dengan fakta angka mereka yang kurang upaya tadi, sekarang kita sedang berusaha bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang juga bertanggungjawab untuk melihat kepada perkara ini dan NGO-NGO tertentu, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mendapat kedudukan yang sebenarnya. Saya setuju tidak guna kita mendapatkan peruntukan tambahan kalau sekiranya kita tidak dapat memastikan golongan mereka yang betul-betul kita hendak bantu dan kita hendak bela.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih ke isu peruntukan pembangunan sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Keprihatinan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat bagi Bentong dan Yang Berhormat bagi Cheras terhadap hal ehwal SJKC dan SJKT dan sekolah mubaligh, *mission school* merupakan sumbangan daripada pihak kerajaan dalam bentuk bantuan modal di bawah peruntukan pembangunan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tanah dan bangunan sekolah-sekolah berkenaan dimiliki dan diuruskan oleh Lembaga Pengurus Sekolah. Manakala kementerian hanya membantu menyediakan tenaga pengajar, kakitangan sokongan dan peruntukan bagi kerja-kerja fizikal secara bantuan sahaja dan ini termaktub dan sejajar dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996.

Mengenai peruntukan RM10 juta, sekolah-sekolah tidak selamat untuk diperbaiki yang dikatakan tidak mencukupi oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Perlu dijelaskan bahawa peruntukan ini merupakan peruntukan khas yang disalurkan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan segera ke atas bangunan sekolah-sekolah bantuan modal yang telah dikenal pasti. Ia hanya bagi tempoh hingga hujung tahun ini iaitu tempoh baki Rancangan Malaysia Kelapan. Ianya bukan satu peruntukan yang merupakan jumlah yang akan disalurkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi dalam masa tidak sampai tiga bulan ini untuk menangani isu keselamatan, kerajaan telah memberikan peruntukan khas untuk menanganinya.

Keutamaan peruntukan khas RM10 juta ini akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan kerja baik pulih dengan kadar yang segera. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah mendapatkan kerjasama daripada pihak JKR untuk mengenal pasti skop kerja yang diperlukan bagi menilai kos sebenar kerjapembaikan. Senarai sekolah-sekolah yang dikenal pasti sebagai tidak selamat ini telah pun dikumpul dan disaring oleh Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran saya dan juga Setiausaha Parlimen kementerian.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: [Bangun]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tindakan susulan telah diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan peruntukan khas RM10 juta ini dapat memberi manfaat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Sekejap, minta penjelasan sedikit.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...secara langsung kepada sekolah yang memerlukan. Kementerian Pelajaran amat dukacita apabila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mendakwa pihak Kementerian Pelajaran lalai sehingga menyebabkan kematian seorang guru di Kedah baru-baru ini. Sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa kes di Sekolah Keat Hwa adalah satu tragedi dan tidak harus dipolemikkan. Seluruh warga kementerian berasa sedih terhadap kejadian tersebut dan merasakan satu kehilangan besar adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak khususnya pihak pembangkang yang mempolitikkan isu tersebut tanpa mengambil perasaan pihak-pihak lain termasuk keluarga mangsa itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, apabila kita kata bahawa adalah kelalaian ini bukan kata persendirian, peribadi tetapi sebagai *consequence* satu polisi yang ada ketepikan atau anak tirikan SRJK(C) dan tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai tanah yang dipunyai oleh *board of management* sekolah dan sebab itu adalah layanan yang berbeza dalam *treatment capital*, bantuan modal kepada sekolah-sekolah tersebut.

Memandangkan bahawa sekolah-sekolah ini sungguhpun harta benda khasnya tanah dipunyai oleh *board of management* tetapi memandangkan ini mereka ada buat *contribution* selama 40 tahun kepada negara, *contribution* yang tidak sesiapa yang boleh nafikan dan sebenarnya perlu diakui. Bukankah masa telah sampai di mana satu dasar yang adil ialah untuk memberi layanan yang sama rata dengan semua sekolah mengenai *capital expenditure* supaya semua murid-murid di Malaysia tidak kira apa-apa aliran boleh menikmati layanan yang sama, itulah semua yang minta oleh sebab kalau ini tidak

diluluskan, ini dianggap bukan sahaja pihak di sini tetapi oleh orang ramai dan sebenarnya oleh rakan parti-parti komponen Barisan Nasional, MCA, Gerakan, MIC pun bahawa inilah *unfair treatment* sungguhpun mungkin mereka tak berani berdiri kata begitu tetapi dalam hati mereka di luar Dewan ini mereka kata, surat khabar, mesyuarat Yang Berhormat Menteri dan saya percaya ada laporan itulah mereka berani kata ini *unfair* di luar Dewan, dalam Dewan tak berani, dalam Kabinet tak berani, dalam Barisan Nasional tak berani, kita berani itu perbezaan.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya ingat masa Yang Berhormat mula tadi ingat cara rentak nadanya agak rasional tetapi hujung-hujung dia bersemangat balik semula.

Tuan Lim Kit Siang: Kerana tadi Yang Berhormat ada buat tuduhan tadi.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tetapi peringkat awal itu saya agak simpati juga dengan hujahnya. Inilah bezanya kita dengan pihak pembangkang, DAP, Ketua Pembangkang sendiri, wakil-wakil rakyat lain dalam membincangkan pendidikan tidak lain berkisar kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan apa yang kita bincangkan di peringkat Barisan Nasional ialah memastikan bahawa semua pihak mendapat pembelaan. Nada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi penghujungnya dan daripada ceramah-ceramah yang saya dengar berbau perkauman, isu ayat-ayat tidak adil, layanan berbeza seolah-olah kalau kita tak beri...

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*, saya rasa berbau perkauman, inilah 36(6)...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tunggulah, saya tengah cakap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini *offensive*, tidak benar. Jangan, ini sensitif. *Point of order* saya rasa ini *offensive and insulting* dan saya tak mahu guna perkataan-perkataan semacam ini, saya boleh pun menggunakan pembalasan dengan nada itu, saya tidak, kalau ada perkara yang tidak adil kita kata tidak adil, bukan kita kata apa-apa perkauman atau apa-apa. Saya harap dalam perbahasan di sini kita...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Yang Berhormat sendiri pun yang nada sebegini rupa, selalunya Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini daripada pagi tadi...

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu elak itu...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya, terima kasih. Kalau kita hendak mengelak itu Yang Berhormat kena terima status dan kedudukan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Yang Berhormat tidak memaklumkan kepada orang ramai dari segi jumlah SJKC yang sebenarnya 884 kalau hendak dibandingkan dengan Sekolah Kebangsaan 5,789. Saya tahu angka 1,200 digunakan untuk SJKC tetapi 400 lagi merupakan sekolah bantuan penuh SJKC yang mendapat bantuan sama sahaja daripada Sekolah-sekolah Kebangsaan yang lain.

Yang Berhormat juga tidak menyatakan, saya hendak tanya daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang 884 ini, berapa sekolah yang tidak ada elektrik 24 jam, mungkin tidak ada, semua dah dibekalkan elektrik tetapi Sekolah Kebangsaan kita 794 sekolah masih lagi tidak ada api. Saya hendak tanya Yang Berhormat daripada Ipoh Timor, dalam Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yang Berhormat perjuangkan selama ini berapa sekolah Yang Berhormat yang tidak ada bekalan air awam, mungkin jawapannya semua dibekalkan dengan air, tetapi saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini pada hari ini Sekolah Kebangsaan 1,555 sekolah tidak ada bekalan air awam.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat sekolah-sekolah SKJC berapa sekolah daripada 884 ini tadi yang tidak mempunyai makmal komputer, mungkin semua dah dibekalkan dengan makmal komputer. Saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa - dia tak mahu dengar angka-angka fakta ini kerana Yang Berhormat inilah yang disembunyikan daripada orang ramai bila membangkitkan isu SJKC, seolah-olah hendak jadi hero kepada golongan tertentu.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat...

Tuan Yang di-Pertua: Apa peraturan mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang: Apa bising itu?

Seorang Ahli: Apasal tak pasang *mic*? Syok sendiri kah?

Tuan Lim Kit Siang: 36(6), kita bukan MCA tahu, kita bukan MIC tahu, kita DAP. Tak begitu senang untuk ditakut-takutkan...

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua kalau dia hendak buat apa...

Tuan Lim Kit Siang: 36(6) yang kata bahawa, "*No member shall impute improper motives to any other member*" Yang Berhormat buat satu *improper motives* bahawa kita di sini, bahawa saya berjuang untuk *Chinese school* sahaja, tak pernah berjuang untuk semua sekolah dalam Dewan ini, beberapa tahun ini saya kemukakan soalan sebelum Ahli-ahli Parlimen ada kemukakan soalan mengenai sekolah rendah kebangsaan yang tidak ada air, tidak ada *electricity*, ini ada dalam Hansard boleh check, kita ada berjuang kenapa mahu ambil satu pendirian bahawa kita berjuang untuk sekolah satu aliran Cina sahaja tidak sekolah kebangsaan, kita berjuang untuk keadilan untuk segala semua sekolah, semua aliran itu, saya harap boleh beri sebab-sebab *arguments* tetapi janganlah buat sangkaan jahat, jangan buat sangkaan jahat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bulan Ramadhan ini tidak dibenarkan buat sangkaan jahat pun dan dalam hal ini kalau itu merupakan pendirian Yang Berhormat saya rasa lega tetapi yang saya sebut bukan saya tuduh Yang Berhormat sengaja melakukannya tetapi persepsi seolah-olah dalam hujah-hujah yang diperjuangkan seolah-olah itu yang menjadi perkara yang menjadi belenggu. Ini tidak bermakna...

Tuan Lim Kit Siang: Persepsi salah, okey? Persepsi salah, ada bukti.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini tidak bermakna bahawa rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional MCA dan Gerakan tidak memperjuangkannya juga. Kita berbincang perkara ini dan yang paling penting ialah bukan untuk mendapat *mileage* tetapi untuk mendapat jalan penyelesaian dan inilah yang saya nyatakan bahawa usaha kita dan telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bentong dalam perbincangan kali ini bahawa dalam hal-hal seperti ini kita akan teruskan usaha kita. Yang saya hendak sebut di dalam Dewan ini, yang saya hendak rekodkan bahawa tanggungjawab saya sebagai Menteri Pelajaran ialah untuk adil kepada semua sekolah yang sedia ada.

Sebab itu bila kita membincangkan kalau tengok dari segi masa, berapa banyak masa yang digunakan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan kalau hendak bandingkan dari sekolah jenis kebangsaan, 5,789 sekolah kebangsaan yang terpaksa diperkasakan. Ada di antara sekolah-sekolah kebangsaan yang tidak ada api dan air, ada sekolah-sekolah kebangsaan kita yang tidak ada makmal komputer, ada sekolah-sekolah kebangsaan kita yang keadaan lebih daif daripada sekolah yang paling daif di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Yang saya harapkan ialah adil dalam konteks itu sahaja. Kalau sekiranya jumlah, walaupun jumlah begitu besar yang diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran, jumlah sebesar mana pun kalau kita hendak tengok kepada 10 ribu sekolah, jumlah itu taklah begitu besar dan saya mesti pastikan bahawa saluran dan bantuan kepada sekolah-sekolah ini mesti adil dan kalau kita sama-sama bersetuju bahawa sekolah-sekolah di luar bandar supaya isu 3M, 3R, 3M itu dapat diselesaikan, masalah keciciran dapat diselesaikan, peruntukan diberikan ke arah itu maka tumpuan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang berada di luar bandar sama ada sekolah jenis kebangsaan atau sekolah kebangsaan. Itu saya rasa lebih logik cara bagaimana kita dapat tangani isu dan masalah pendidikan pada masa-masa yang akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mendengar hujah Yang Berhormat dan saya berharap Yang Berhormat benar-benar *holistic* dan mengira semua kaum dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila berlaku keruntuhan di Keat Hwa itu saya mencadangkan RM250 juta diperuntukkan untuk semua aliran, bukan perkauman kerana anai-anai tidak mengira sekolah mana dan bolehkah Yang Berhormat memastikan peruntukan penyelenggaraan untuk semua sekolah dipertambahkan dan mengadakan. *[Disampuk]*

Dengan sikap macam ini tentulah setengah-setengah mundur, tentulah setengah-setengah sekolah mundur kerana dikacau sangat termasuk menteri itu. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ini untuk menyelenggarakan semua sekolah termasuklah bekalan elektrik. Sedekad yang dulu kita di sini menyeru supaya - Yang Berhormat Menteri belum lagi jadi menteri - kita menyeru supaya semua sekolah diadakan bekalan elektrik termasuk yang terpencil sekali. Kalau kita check *Hansard*, check *Hansard* ini *[Disampuk]*... memang itu... ini belum ada di Dewan pun. *[Terus disampuk]*

Saya mencadangkan Yang Berhormat baca Rukun Negara. Yang kelima, prinsip yang kelima itu apa prinsip itu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, ada lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Kesopanan dan Kesusilaan. Itulah dan saya mencadangkan selain daripada kita ada sistem untuk menyelenggarakan, kita mesti memastikan semua Ahli Parlimen membaca Rukun Negara, sekian terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh, boleh dalam konteks Rancangan Malaysia Ke-9, dalam konteks agenda kita yang lebih luas penyelenggaraan diperlukan dan keduanya dalam kita melihat kepada isu-isu tertentu saya lebih berminat kalau kita bahaskan dalam isu yang lebih besar dalam konteks sekolah Keat Hwa, sebagai contoh isu keselamatan seperti Yang Berhormat Kepong sebut tadi anai-anai tidak membezakan aliran sekolah dan kalau keselamatan menjadi isu yang kita hendak tangani bersama saya setuju sangat dengan apa yang disebutkan oleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan..

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya percaya, saya percaya bahawa peruntukan yang akan disalurkan kepada Kementerian Pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dalam konteks yang lebih besar tak kira aliran, keselamatan, konteks disiplin, dalam konteks luar bandar dan pedalaman, dalam konteks pendidikan guru, dalam usaha kita hendak memartabatkan profesion perguruan itu akan diperjuangkan tidak kira aliran...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang masalah perbekalan elektrik di sekolah-sekolah terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Menteri, ini cara penyokong Barisan Nasional buat kenyataan. *[Disampuk]* Kita bagi input yang positif dan konstruktif, sama-sama berbincang, bukan hentam sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya memandang dari sudut bagaimana bekalan elektrik ini boleh disampaikan satu, yang kedua bagaimana bekalan elektrik ini apabila telah ada di sekolah-sekolah tersebut, disenggarakan. Kalau kita kaji secara terperinci masalah dialami oleh Sabah dan Sarawak ini di mana sekolah-sekolah yang telah diberi bekalan elektrik melalui gen- set pun tidak dapat kekal lama kerana set-set penjana tenaga ini perlu dijaga, perlu disenggarakan dengan teliti, Yang Berhormat Menteri.

Jadi bolehlah kalau saya cadangkan pernah menerima tawaran daripada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran menyatakan kalau ada idea, bagi idea iaitu apabila gen-set ini dibekalkan kepada sekolah-sekolah, bekalkan sekali mereka ini dengan pegawai ataupun dipanggil *chargeman*, orang menjaga jentera elektrik supaya bekalan elektrik yang dijana dari jana kuasa yang memang disenggarakan oleh mereka yang berkepakaran dan berpengetahuan tentang penjanaan elektrik. Jadi letakkan sedikit peruntukan.

Jangan guru besar yang jaga, kadang-kadang tukang kebun jaga dan sebagainya kerana...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Idris bin Haji Haron: Belum, biar saya jelaskan sedikit. Kita lihat dari sudut yang lebih luas. *Electricity*, bekalan elektrik kita tidak tahu pun bekalan elektrik ini datang daripada sama ada jana kuasa bebas ataupun daripada grid. Yang penting bekalan elektrik ada bersama kita dan ia perlu *continuous* berterusan dan berkualiti. Jadi gen-set yang tidak *continuous* itu, adalah disebabkan oleh orang yang menjaga gen-set itu tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran terhadap perniagaan gen-set tersebut. Jadi kalau kita bekalkan mereka ini dengan orang yang berkepakaran dan berkebolehan untuk menjaga gen-set, saya yakin gen-set tadi daripada umurnya pendek akan lebih panjang dan boleh membekalkan tenaga lebih cekap dan berkesan.

Ini saranan saya Yang Berhormat Menteri. Kalau hendak mengatasi masalah ini, dalam jangka masa yang pendek, kalau jangka masa panjang bolehlah kita sediakan grid dan sebagainya yang memerlukan perbelanjaan berjuta-juta. Yang Berhormat bagi Kepong, ini cara Barisan Nasional bagikan saranan, diberi secara konstruktif dan positif, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Kepong hendak cakap lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengalu-alukan. Tuan Yang di-Pertua, saya berhadapan dengan beratus-ratus ibu bapa di Jinjang.

Beberapa Ahli: Berapa ratus?

Dr. Tan Seng Giaw: Sekurang-kurangnya dua ratus. *[Disampuk]* Saya hendak tahu pula itu. Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menumpukan lebih perhatian....

Beberapa Ahli: *[Ganggu]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tolong diam sekejap sahaja, bagi saya peluang sedikit. Kalau ada dengan suara di belakang itu susah sedikit hendak berucap dengan bernas.

Beberapa Ahli: *[Ganggu]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan di sini, saya baru sahaja di hadapan dengan ibu bapa kerana tidak dapat menerima cadangan jabatan pelajaran untuk menempatkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang jauh daripada tempat kediaman. Walhal ada sekolah menengah di kawasan berhampiran. Di sini, saya faham bahawa sekolah tidak cukup, sekolah yang ternama tidak cukup, yang kurang bernama banyak. Ibu bapa ini anak mereka yang popular sahajalah. Misalnya di sini Sekolah Menengah Jinjang ini sangat popular, Jinjang popular. Saya hendak minta tolong daripada Yang Berhormat untuk seluruh bukan sahaja di Jinjang, banyak di Kedah pun ada, di kampung pun ada juga. Terutama di Arau pun ada.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tidak ada...

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada? Semua ibu bapa berpuas hati di Arau? Oh..., itulah ada kegagalan pelajaran. Semua puas hati. Kalau semua puas hati pelajaran itu gagal. Memang gagal. Ya. Sudah gagal Yang Berhormat Sembrong. Kalau semua puas hati ini bermakna sistem pelajaran itu gagal sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana pendidikan itu berdasarkan kepada kadang-kadang kala ketidakpuasan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Balik kepada asal.

Dr. Tan Seng Giaw: Asal itulah, Sekolah Menengah Jinjang misalnya...

Beberapa Ahli: *[Ganggu]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejaplah, tunggu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak. Ya, ya. Saya mencadangkan Yang Berhormat mengadakan satu kursus khas bagi mereka yang suka mengacau. *[Ketawa]*

Kursus para pengacau. Ini memang popular. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sembrong,...

Beberapa Ahli: *[Ganggu]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Pihak Jabatan Pelajaran sudah berikhtiar untuk menambahkan kelas kepada 16. Tetapi masih tidak cukup. *[Ketawa]* Terlalu ramai ibu bapa yang hendak sekolah itu juga dan apakah formula yang digunakan oleh pihak Yang Berhormat di seluruh negara? Saya percaya bukan di Jinjang sahaja, di seluruh negara macam itu. Apakah cara untuk mengatasi hal seperti ini sebab saya setiap tahun menghadapi masalah, krisis. Saya ada satu perkara lagi...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini mewakili semua di negara ini, bukan Jinjang sahaja, termasuk Kinabatangan. Sekejap, setengah minit sudah cukup, separuh minit cukup bagi saya. Ada di sini, daripada Sekolah Menengah Jinjang sini, ini untuk pelajar bapanya warga negara, ibunya warga negara asing dan pelajar itu warga negara juga. Sebab apa dia perlu meminta kebenaran belajar? Ayah dia warga negara, walaupun ibu bukan tetapi ayah itu warga negara, sebab apa dia mesti minta kebenaran untuk terus belajar? Saya pun tidak faham. Sebelum itu dia mesti mengisikan menyempurnakan borang-borang dan membayar RM25 atau RM350 membayar fee. Saya tidak faham. Ini semua ini balik ke kawasan untuk menyiasat sama ada berlaku hal ini?

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Masakan tidak ada. Saya terima di sini. Yang Berhormat bagi Sembrong, kita bagi kursus khas bagi para pengacau ini supaya mereka faham apa yang disebutkan sebagai pendidikan. Sangat kurang kesedaran, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Oleh kerana surat yang diterima oleh Yang Berhormat bagi Kepong itu hanya khusus kepada Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh panjangkan surat itu kepada saya, saya tengokkanlah kes spesifik. Berhubung kait dengan saranan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Pertamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan yang telah pun memberi jaminan bahawa kesemua sekolah dalam masa terdekat ini, saya harap dalam setahun ini dapat terus dibekalkan dengan air dan juga elektrik. Cara bagaimana kita hendak laksanakan itu, kita akan fikirkan bersama.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat selaku menteri yang bertanggungjawab dalam pendidikan. Apakah Dasar Pendidikan Negara yang kita ada pada hari ini dan apakah Dasar Pendidikan Negara ini telah kita implementasi secara berkesan. Sebab saya mendengar hujah daripada pembangkang, memastikan kementerian memberi peruntukan kepada semua sekolah. Kalau ini berlaku, apa akan terjadi sekiranya sekolah Iban minta 100%, sekolah orang Sungai, sekolah saya minta 100%, Sekolah Dato'

Salim Bajau minta 100%, Tuaran, Dusun minta, lain-lain bangsa minta, Bidayuh minta, Malanau minta, apa akan jadi dengan Dasar Pendidikan Negara kita?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ada, boleh minta. Kalau ada peruntukan kita boleh minta. Sekolah Jawa minta, sekolah Bugis minta, Malanau minta. Kita harus kembali kepada Dasar Pendidikan Negara, teras dia ada. Teras dia Sekolah Kebangsaan, keutamaan. Tetapi kita tidak menghalang kewujudan sekolah-sekolah lain. Jadi ini harus kita faham dalam kontrak sosial kita. Kalau kita benar-benar ikhlas, sama-sama kita duduk memikirkan bagaimana martabatkan sekolah kebangsaan, Cina sana India sana, Dusun, Sungai, Bajau semua duduk sana, apa masalah, daripada kita bertengkar. Sebab itu kita harus menengok Dasar Pendidikan Negara kita. Macam mana dasar dia? Kalau kita faham dasar dia, rasa saya pembangkang tidak bercakap kosong sahaja, macam Yang Berhormat bagi Kepong minta semua RM250 juta, semua sekolah dapat. Kalau ini ada memang sekolah-sekolah budaya kita, bahasa kita memang sudah ada. Iban pun minta, mana mahu tinggal. Jadi ini kita harus.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sana pula satu pun kacau. Ini pun kena masuk kursus juga. *[Ketawa]*

Minta Menteri memberi penjelasan sedikit Dasar Pendidikan Negara kita supaya kita semua maklum. Jadi kita boleh menyatakan apa juga yang kita perbincangkan berdasarkan Dasar Pendidikan Negara kita. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya semua pun tahu apa Dasar Pendidikan Negara. Isunya ialah berhubung kait dengan pelaksanaan dan bagaimana kita dapat salurkan peruntukan yang terhad itu seadil-adilnya. Itu merupakan tugas yang terpaksa kita pikul bersama dalam masa 15 tahun sebelum kita mengisytiharkan negara kita maju. Sebab itu lebih penting selain daripada Dasar Pendidikan Negara, selain daripada pelan pembangunan pendidikan pendidikan kita untuk 10 tahun dari 2001-2010 telah pun dibekukan.

Kita harus juga sedar bahawa dalam 15 tahun akan datang ini kekurangan, kelemahan dan perkara-perkara yang terpaksa ditangani segera mesti dilakukan dengan bersungguh-sungguh tanpa mengira isu-isu lain yang mungkin menjejaskan pelaksanaan tadi. Sebab itu usaha untuk melihat kepada keselamatan, usaha untuk mengurangkan jurang di antara bandar dan luar bandar, isu kemiskinan dalam pendidikan, semua ini telah pun diambil kira dan saya setuju sangat dengan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Penjelasan...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau kita pegang kepada agenda yang lebih luas, isu-isu polemik, isu-isu politik, isu-isu kaum tidak akan timbul dan yang akhirnya kan menjejaskan pelaksanaan yang kita tidak ada masa lagi dalam 15 tahun yang ada ini untuk menyediakan negara kita dengan tenaga mereka yang akan mencorakkan dan mewarnakan sebuah negara maju Malaysia tahun 2020. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ini isu baru. Walaupun saya sentuh beberapa isu dalam teks ucapan saya, tetapi Yang Berhormat Menteri hanya memberi kepentingan kepada pembangkang. Itulah tugas menteri Barisan Nasional ini dia tidak mengira, ahli-ahli dari Barisan Nasional atau pembangkang, tetapi dia beri lebih perhatian kepada wakil-wakil rakyat daripada pembangkang.

Kami ni faham, ya. Saya ada menyentuh soal, walaupun Menteri sudah menjelas tadi, jawapan yang saya hendak tanya tadi. Berkenaan dengan sekolah-sekolah yang usang yang daif di kawasan saya, yang mana saya sudah beberapa kali ada menyebut hal

yang berbahaya yang mengakibatkan kemalangan. Yang sekolah di Skitangsau dan yang saya telah melawat dalam ini saya paparkan dalam gambarkan dalam web site saya. Putatan. bbc.com.

Gambar-gambar di situ ada. Yang mana yang saya gambar dengan bumbung, beam itu sungguh membahayakan. Saya ada berbuat beberapa nasihat kepada Pegawai Pelajaran Daerah dan Pengarah untuk melawat, tengok sendiri kawasan itu. Saya telah melawat lagi, tapi malangnya pegawai dari kementerian ini tidak begitu mengambil berat, ya.

Saya sungguh sedih lah. Lagi bukan sahaja itu, saya punya soalan di sini adalah bagaimana kah pendekatan yang lebih efektif oleh kementerian ini terhadap rintangan dan halangan-halangan yang harus dibuat oleh kementerian terutama sekali dengan penggunaan tanah. Ada satu kes yang Jabatan Pelajaran Negeri Sabah memohon sebidang tanah untuk kawasan padang untuk sekolah di Pulau Gaya. Telah direject. Ditolak. Saya berhubung dengan Pengarah tersebut, maka dia macam *give up*. Tidak mahu meneruskan permohonan itu. Ini sedih.

Maka permohonan dari PIBG di kampung itu amat menyedihkanlah. Saya harap kementerian dapat membuat satu pendekatan yang lebih efektif terhadap kepentingan jabatan-jabatan kerajaan negeri supaya ini dapat ini dilaksanakan dengan segera. Soal lampu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu tadi, memang berlaku di Pulau Gaya. Air itu tak ada. Waktu musim kemarau teruk. Jana kuasa kadang-kadang tidak ada, rosak, komputer tak berjalan. Budak-budak terpaksa mandi air laut. Saya mintalah kalau ini diberi perhatian yang serius oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: Sebenarnya, saya baru hendak jawab berkaitan dengan tenaga teknikal yang perlu dibekalkan di sekolah-sekolah di luar bandar. Kerana jelas dari pemantauan kita, guru-guru kita bukan sahaja khususnya di kawasan pedalaman, bukan sahaja terpaksa mengajar, tetapi melihat kepada generator, memegang sumbu-sumbu tersumbat, tengokkan makmalnya yang kadang-kadang meletup kerana generator yang digunakan ada *search* dengan izin, *electricity* yang keterlaluan. Semua ini sedang diambil kira oleh jawatankuasa beban guru yang dipengerusikan oleh Tan Sri KSU saya sendiri dan perkara-perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Ahli Yang Berhormat bagi Putatan itu tadi diambil maklumlah dan diambil kira dalam kementerian kita. Berhubung kait dengan isu-isu baru..

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan., sebelum Yang Berhormat beralih ke isu baru.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: *Can you just wait ...* biar saya habiskan dulu, ya..

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan isu-isu yang dibangkitkan baru sahaja dibangkitkan dan agak terlalu spesifik, saya agak saya akan perelaskan kepada ahli-ahli yang berkenaan secara bertulislah.

Tuan Lim Kit Siang: Soal-soal tambahan ialah, sungguhpun kita persetujui dan kita pernah kemukakan isu-isu, masalah-masalah yang dihadapi oleh semua sekolah khasnya oleh Sekolah Rendah Kebangsaan mengenai perbekalan air dan *electricity* dan semua alat-alat, tetapi ini tidak bererti bahawa tuntutan sekolah SRJK(C) mengenai layanan yang adil tak patut diberi perhatian yang sewajarnya.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa adalah cara penyelesaiannya perkara ini dalam Barisan Nasional. Adakah oleh kerana ini tidak seorang ahli Parlimen Barisan Nasional, daripada MCA, Gerakan, MIC yang berdiri dalam perbincangan ini. Mereka semua diam. Itulah cara penyelesaian. *We keep quiet*. Adakah ini caranya?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, saya tidak mahu layan lagi hujah sebegini rupa. Banyak lagi perkara yang saya nak gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: MCA dah cakap dah, dengan lantang dan jelas.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: MCA dalam perbahasan dah bercakap dah. Saya tengok, saya mengikuti secara dekat apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat daripada Bentong, Ketua Pemuda MCA. Perkara yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat pun telah disuarakan dari luar dan di dalam.

Bagi saya yang paling penting ialah jalan penyelesaian dan kalau boleh berhubung dengan kita cara baik, kita lebih mudah mendengar, bukan nak saya kata kita akan menyelesaikan semua perkara, tetapi masalah pendidikan yang akan diberi tumpuan semenjak merdeka lagi. Tak boleh diselesaikan dalam sekelip mata. Tetapi dari segi *urgencynya* dengan izin, saya nak tekankan di sini bahawa kita kena ketepikan perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor. Kerana dalam 15 tahun yang akan datang, kita kena anjakkan kedudukan pendidikan sekolah-sekolah kita itu kepada tahap negara maju. Kalau kita masih lagi dibelenggu dengan polemik sebegini, ini yang saya tidak akan layan.

Yang Berhormat boleh teruskan dengan hujah-hujah seperti itu, tetapi saya hanya akan melayani mereka yang rasional yang melihat kepada agenda yang lebih besar seperti apa yang Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut dan agenda itu telahpun akan termaktub dan akan dibentangkan di khalayak orang ramai untuk melihat dan menilainya sendiri. Yang Berhormat, biar saya teruskan lah ya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai membendung salah laku disiplin murid, langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Yang Berhormat bagi Setiu, Yang Berhormat bagi Maran. Ketika ini, kementerian telah mengadakan satu *platform* melibatkan pelbagai pihak untuk membantu menangani masalah disiplin dan jenayah di kalangan pelajar. Iaitu melalui Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin dan empat Jawatankuasa Bertindak yang akan melaksanakan pelbagai langkah, tindakan dan program melalui pendekatan-pendekatan yang melibatkan isu-isu di sekolah di mana saya mempengeruskannya sendiri.

Melalui pendekatan perundangan dan penguatkuasaan, melalui pendekatan masyarakat dan melalui pendekatan psikologi dan kesihatan. Jawatankuasa bukan sahaja dianggotai oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran sahaja, tetapi turut dianggotai oleh pakar-pakar dari pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pengajian Tinggi termasuk pakar-pakar psikologi kanak-kanak dari Hospital-hospital Universiti, Pertubuhan bukan kerajaan, Kesatuan Ibu Bapa dan Guru, serta Kesatuan-kesatuan Guru.

Dengan pelbagai program dan kerjasama pelbagai pihak, kita dapati masalah disiplin di sekolah masa ini terkawal. Bukan saya kata memuaskan, tapi terkawal. Pada tahun 2004, peratusan salah laku murid keseluruhan adalah pada kadar 2.07%, iaitu menurun sebanyak 0.04% berbanding 2.11% pada tahun 2003. Dengan kerjasama PDRM kadar ponteng sekolah juga didapati menurun sebanyak 0.23% iaitu daripada 0.86% pada tahun 2003 kepada 0.63% pada tahun 2004. Pada waktu yang sama, jumlah aduan yang diterima oleh talian aduan terus yang telah diwujudkan selepas kematian Allahyarham adik Farid tahun lepas, kita tengok bahawa aduan pun telah menurun dari 283 aduan sepanjang tahun lepas kepada hanya 73 aduan sejak Januari hingga September tahun ini.

Kita lihat bahawa dalam usaha ini Jawatankuasa-jawatankuasa yang kita wujudkan, kita dapat kekalkan sebagai wadah dan juga saluran di mana orang ramai dapat menyuarakan kebimbangan mereka dan kita mempunyai pakar-pakar bukan sahaja di bawah kementerian tetapi juga daripada luar daripada kementerian-kementerian berkenaan

untuk membantu kita cuba mengatasinya. Jelas, ada penurunan dari segi insiden-insiden tertentu tetapi banyak lagi yang kita perlu lakukan, saya setuju.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, isu keberkesanan pelaksanaan PPSMI masih dapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, dan dalam perbincangan Bajet 2006 ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kubang Kerian, kajian penilaian tahap kefahaman murid dalam pembelajaran Sains dan Matematik di bawah program pengajian..

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana dapat mengadakan Jawatankuasa yang saya kira begitu banyak peranannya dalam mengatasi masalah disiplin pelajar kerana masalah disiplin ini sering ditimbulkan yang lepas. Tetapi, saya perhatikan bahawa Jawatankuasa ini lebih di peringkat pusat, peringkat kementerian. Masalah disiplin yang banyak berlaku ini ialah peringkat sekolah-sekolah di separuh bandar dan di luar bandar.

Saya boleh katakan bertemu banyak kes-kes disiplin ini. Saya nak minta supaya pihak kementerian dapat memberikan perhatian. Kita di peringkat daerah, kita ada satu Jawatankuasa yang dikenali dengan Jawatankuasa Permuafakatan. Antara guru-guru, ibu bapa, dan juga melibatkan agensi lain seperti Pejabat Daerah, Polis dan sebagainya. Saya juga perhatikan, apabila berlaku masalah disiplin ini, kadang-kadang ibu bapa tidak dapat menerima, seolah-olahnya tidak adanya penemuan dalam Jawatankuasa Permuafakatan ini. Sedangkan sepatutnya apabila Jawatankuasa Permuafakatan telah bermesyuarat, berbincang, maknanya ibu bapa tahu bahawa di sekolah ada disiplin. Tetapi kadang-kadang apabila tindakan diambil oleh guru kepada anak mereka, maka mereka tidak boleh menerima. Bermakna permuafakatan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa itu tidak berkesan. Walaupun mungkin sebahagian dari Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat, tidak berbincang, bagaimana sama-sama mencari jalan supaya masalah disiplin ini kadang-kadang bukan masalah guru, bukan masalah sekolah. Tapi masalah anak kita. Tapi mereka tidak boleh menerima sebagaimana mereka tidak boleh menerima hakikat ini. Sebaliknya datang ke sekolah, marah kepada guru dan sebagainya. Saya minta supaya pihak kementerian khususnya Menteri Pendidikan memberikan penekanan pada Jawatankuasa di peringkat daerah. Terima kasih.

Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, kita akan pastikan bahawa rantai yang kita wujudkan di peringkat pusat ini dengan Kesatuan Guru di peringkat nasional dan Kesatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang diwakili di peringkat nasional juga disarankan untuk memastikan kaedah yang kita wujudkan di peringkat nasional ini dibawa turun ke peringkat daerah seperti apa yang dilaksanakan di Daerah Maran. Tahniat, Yang Berhormat. Kembali kepada PPSMI tadi, berdasarkan ujian yang telah kita lakukan, prestasi mata pelajaran sains pelajar Tahun 1 luar bandar adalah pada tahap 69.1%, dan 68% bagi Tahun 2. Bagi sekolah menengah, pencapaian murid Tingkatan 1 adalah sekitar 41.1%, dan bagi Tingkatan 2 adalah sekitar 43.2%.

Dalam mata pelajaran matematik pula, pencapaian murid Tahun 1 adalah pada tahap 55.8%, dan murid Tahun 2 adalah pada tahap 55.4% bagi murid Tingkatan 1 pencapaian mereka adalah pada tahap 42.1%, dan bagi murid Tingkatan 2 adalah pada tahap 53.5%. Kementerian sedar bahawa pencapaian murid bagi sekolah menengah di luar bandar masih lagi menghadapi masalah dan perkara ini adalah di dalam jangkaan kerana perbezaan ini pulan telah wujud sebelum PPSMI dilaksanakan lagi. Dalam proses transisi ini, kementerian juga sedar terdapat keperluan untuk mengemaskan lagi aspek pelaksanaan PPSMI.

Saya lihat dalam konteks tenaga pengajar, latihan guru dan penggunaan alat-alat yang disediakan sama ada *note book*, *LCD projector* oleh mereka yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini, ia belum sampai ke tahap yang kita boleh banggakan. Beberapa program untuk meningkatkan keberkesanan PPSMI telah dijalankan bermula Disember 2004 tahun lepas lagi, dan tahun ini program intervensi PPSMI telah mula dilaksanakan pada Jun 2005. Kedua-dua ini program meliputi pelbagai strategi ..

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap ya. YB. Kedua-dua program ini meliputi pelbagai strategi dan aktiviti jangka pendek dan juga jangka panjang bagi meningkatkan lagi pencapaian murid dalam kedua-dua mata pelajaran ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Saya sekali lagi berdiri untuk meminta penjelasan tentang prestasi pelajar-pelajar kita yang menghadapi masalah dalam pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris ini. Dan pada saya kita perlu ada satu hujah dan bukti-bukti yang *empirical* supaya anak bangsa kita yang belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini tidak menjadi mangsa baik dari segi mangsa jangka panjang ataupun mangsa jangka pendek. Dan izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk membacakan beberapa kajian akademik yang saya rasa kementerian boleh dengan rasa terbuka menjadikannya sebagai *the second opinion*, dengan izin. Ini untuk kebaikan kita bersama dan kalaulah ini memberikan kesan buruk kepada anak-anak bangsa kita khususnya di luar bandar, saya rasa kita jangan malu untuk kembali ke pangkal jalan.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada dua badan yang memiliki integriti dalam memberikan pandangan mereka yang kita kena dengar dengan penuh sadar dan dada yang terbuka. Saya rasa dua badan ini tidak perlu dipertikaikan tentang wibawanya. Yang pertama ialah tentang pandangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan yang kedua daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah berjaya membuktikan kepada rakyat Malaysia bahawa sebuah universiti yang boleh bangun dengan pengantar Bahasa Melayu - bahasa ilmu. Kajian yang dibuat oleh Dr. Nor Hashimah Jalaludin tahun 2004 yang membuat kajian yang *empirical* bahawa 75% pelajar tidak setuju Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris. 77% bersetuju bahawa bahasa Melayu mampu menyampaikan Sains dan Matematik dengan berkesan. 71% berminat Sains dan Matematik kalau diajar dalam bahasa Melayu.

Kemudian kajian yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan UKM, kajian berkembar ini tahun 2004, dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Dua dalam subjek Sains dan Matematik ini, Tingkatan Satu tahun 2003 dalam bahasa Inggeris. Peratus pelajar yang mendapat gred cemerlang, gred A bagi mata pelajaran Sains hanya 11.9% dan Matematik hanya 16.9% dan ini majoritinya dihadapi dan dialami oleh pelajar di luar bandar. Ini yang saya harap bahawa dengan kajian yang seperti ini saya mengharapkan supaya aspek pembelajaran ini di luar bandar mesti diambil kira. Dan kita sedang menunggu keputusan PMR tahun ini yang akan membuktikan dan sekiranya ianya membuktikan bahawa murid luar bandar jauh tercicir, saya minta satu suruhanjaya bebas untuk mengkaji semula tentang pelaksanaan ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua daripada sejumlah 181,340 orang guru di sekolah rendah pada tahun 2004 kira-kira 80,000 orang terlibat dalam pengajaran Sains dan Matematik ini. Kajian oleh DBP juga menunjukkan pada tahun 2004, 242 buah sekolah menengah seluruh negara menunjukkan guru tidak mempunyai kesediaan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Jadi saya mengharapkan rakan sejawat saya supaya dapat mengambil fakta-fakta ini dan tidak memandang lekeh terhadap dua kajian badan yang penuh integriti ini, dan perjuangan mereka saya lihat Tuan Yang di-Pertua, golongan akademik ini saya rasa bukan mereka berjuang untuk hendak jadi wakil

rakyat, tidak. Mereka bukan berjuang hendak jadi menteri, tetapi mereka membuat kajian bertungkus-lumus siang malam untuk membuktikan bahawa memang anak bangsa kita di peringkat luar bandar menghadapi masalah dan menjadi mangsa kepada sistem ini. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Kubang Kerian. Kedua-dua kajian ini saya sedia maklum satunya berhubung kait dengan Dewan Bahasa dan Pustaka agensi yang di bawah Kementerian Pelajaran. Dan keduanya daripada UKM.

Saya setuju sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat, keputusan PMR tahun ini penting untuk melihat ini merupakan *cohort* pertama yang telah melalui PPSMI, yang akan melalui ujian awam dan kita tunggu hujung tahun ini melihat dan kita akan meneliti sedalam-dalamnya kesan dasar pelaksanaan PPSMI. Bagi saya setakat kajian yang ditunjukkan dari segi pencapaian anak-anak kita, yang membimbangkan di peringkat Tingkatan Satu dan sekolah di peringkat sekolah menengah, dan ini satu perkara yang dijangkakan.

Keduanya berhubung kait dengan mereka yang berada di luar bandar iaitu intervensi dan juga usaha untuk kita membantu supaya mereka tidak merupakan mangsa peralihan atau transisi proses dasar ini tidak akan berterusan.

Saya agak terbuka kalau perbincangannya berhubung kait dengan pelaksanaan kajian-kajian yang dibuat bersandarkan pada angka dan fakta tertentu, PMR itu tadi penting. Dan keduanya berhubung kait dengan apa yang kita hendak laksanakan tahun hadapan. Kalau sekiranya dalam konteks SJK(C), di mana MCA sendiri telah menyuarakan dalam konteks penerbitan buku-buku percetakan, buku-buku teks dalam bahasa Mandarin memerlukan keputusan terkini daripada saya, saya tidak teragak-agak kalau hendak cetak isunya pelaksanaan - terus cetak. Satu lagi masalah glosari saya pun sudah setuju ianya digunakan, tetapi dalam konteks dasar itu sendiri memerlukan kajian dan penelitian yang lebih mendalam dan peluang yang terbaik ialah kita tunggu keputusan selepas PMR nanti.

Bagi saya apa yang dibangkitkan oleh Bukit Mertajam mengenai pelaksanaan PPSMI, saya percaya ini berhubung kait dengan formula yang sedia ada, yang masih diguna pakai bagi tahap dua. Penelitian berada di peringkat akhir, ia sedang dijalankan dan keputusan mengenainya akan dibuat oleh kerajaan sebelum bermulanya sesi persekolahan tahun 2006. Ini saya sudah umumkan pada orang ramai formula-formula daripada semua pihak telah pun kita terima, tunggulah satu dua bulan ini untuk kita membuat keputusan berhubung kait dengannya.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa itu satu pendekatan yang baik. Tidak ada satu formula untuk semua kerana kita semua datang dari latar belakang yang tidak sama. Jadi saya berpendapat bahawa adalah sangat penting dalam pelajaran ialah menguasai satu bahasa. Kalau kita hendak menguasai bahasa Inggeris patutlah kita belajar Inggeris dan bukan belajar *Maths and Science* melalui Inggeris. Saya berasal dari luar bandar dan dahulu dalam pelajaran saya tahu bagaimana susahnyanya hendak belajar bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh lebih peka kepada mereka yang tidak tahu langsung bahasa Inggeris, macam mana hendak belajar *Maths and Science* dalam bahasa Inggeris. Jadi saya harap, khasnya untuk peringkat pertama dari Darjah Satu ke Darjah Tiga lebih baik mereka pelajari bahasa Inggeris dahulu dan selepas itu mungkin mulai Darjah Empat barulah *introduce terms* yang Inggeris dalam *Maths and Science* supaya mereka yang dalam sekolah menengah boleh *familiar* dengan *terms* dalam bahasa Inggeris.

Jadi saya haraplah jangan kita tunggu lama khasnya kepada mereka yang di estet, di kampung, di pedalaman Sabah dan Sarawak dan juga kampung baru-kampung baru. Kanak-kanak kita tidak ada peluang untuk mempelajari bahasa Inggeris, jadi biarlah mereka mempelajari bahasa Inggeris dahulu. Jadi saya harap bolehlah kita mengkaji balik formula

ini untuk mempelajari *Maths and Science* dengan bahasa Inggeris. Bukan semua *scientist*, ada *scientist* menggunakan bahasa Jepun, bahasa Rusia, bahasa Mandarin dan *mathematician* juga. Semua bahasa adalah kunci kepada pengetahuan bukan bahasa Inggeris sahaja. Jadi saya harap asas ini, prinsip ini boleh dipakai dalam pendidikan kita. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Bukit Mertajam isu-isu yang dibangkitkan yang telah pun dibincangkan sebelum ini dan menyentuh berhubung kait dengan dasar PPSMI itu sendiri. Yang penting sekarang saya setuju dengan Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, kita tengok dari segi kajian-kajian penelitian yang penting supaya tidak ada mereka yang menjadi mangsa kepada dasar ini. Sama ada ianya berhubung kait dengan kedudukan bahasa Inggeris, bahasa Mandarin atau Bahasa Kebangsaan itu sendiri, saya telah minta Dewan Bahasa dan saya bekerjasama rapat dengan Yang Berhormat Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Walaupun kita meneruskan atau kita melihat kepada dasar ini usaha untuk memperkembangkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu itu sebagai satu bahasa integrasi merupakan banyak lagi ruang yang boleh kita tengokkan. Dalam usaha kita mengkaji, meneliti PPSMI usaha-usaha seperti itu perlu diteruskan sama juga bahasa Mandarin yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat.

Keduanya dalam konteks dunia pada hari ini, saya berbincang dengan rakan-rakan sejawatan saya baru-baru ini dengan Menteri daripada China dan beliau maklumkan kepada saya bahawa China akan mula program PPSMI mereka tidak lama lagi. Saya bincang dengan Menteri Pendidikan Qatar mereka telah pun mulakan dengan jumlah kewangan yang begitu besar untuk meneruskan Program E-Ten atau PPSMI mereka di Qatar. Sebab itu dalam kajian penelitian kita, jangan kita beremosi, pegang kepada rasional-rasional yang bernas dan supaya jangan pula nanti kita khuatir atau kita ralat satu idea, satu dasar yang telah kita perkenalkan akhirnya orang lain lebih berjaya maju dan *over take us*. Banyak sudah dasar-dasar sebelum ini datang daripada kita, tetapi negara-negara yang mula kemudian daripada kita sekarang ini lebih maju dalam konteks pelaksanaan tadi. Saya lebih mirip dalam konteks ini untuk melihat kepada pelaksanaan. Banyak perkara yang dijanjikan melalui *note book* dan komputer sebelum ini tidak kesampaian. Kita masih lagi melihat kepada betapa pentingnya guru-guru dalam melaksanakan dan menjayakan program ini, betapa pentingnya dari segi istilah yang digunakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Sebab itulah saya tidak teragak-agak bila diminta untuk digunakan glosari dibekalkan secepat mungkin, gunakan untuk percetakan buku-buku dalam bahasa Mandarin kita teruskan. Dan ini saya mengalu-alukanlah perbincangan sebegini rupa berterusan supaya kita sentiasa mendapat *feed back* berhubung kait dengan dasar ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita sudah melaksana iaitu dasar ini selama tiga tahun. Bolehkah Yang Berhormat membentangkan satu kertas putih di sini untuk semua ahli ingin mengkaji dengan teliti keberkesanan dasar ini. Saya tidak mahu mempertikaikan di sini sebab di Singapura misalnya dia *home language* ialah English dan dengan dasar ini mereka sangat berjaya kerana tahap mereka tinggi. Di Malaysia memang keadaan berlainan, dan *home language* ataupun bahasa rumah itu di kampung-kampung pun bukan English, memang bukan English. Dengan sedemikian selain bantahan daripada pencinta bahasa, kita perlu mengetahui keberkesanannya. Tiga tahun cukup kita tahu sudah di mana kelemahan, di mana kejayaan. Saya berharaplah tidak lama lagi kita dapat satu kertas putih dengan butiran siasatan pihak kementerian. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, boleh dipertimbangkan, keduanya seperti apa yang dibangkitkan tadi tidak perlu kita tunggu lama sangat pun keputusan PMR tahun ini sedikit sebanyak akan menggambarkan kedudukan murid-murid kita yang telah melalui BPSMI ini tiga tahun sebelum ini, jadi bagi saya menunggu keputusan PMR dan saya percaya perbincangan ini akan berterusan bersandarkan kepada keputusan yang berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mengalu-alukan sekali lagi bahawa usaha untuk membincangkannya secara berterusan. Tuan Yang di-Pertua sudah agak dua jam lebih mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh maklumkan kepada saya berapa lama lagi yang saya dibenarkan supaya saya dapat menyesuaikan hujah saya ini berkaitan dengan masa yang ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita masih ada lagi 14, 15 kementerian, jadi saya memang haraplah. Sebenarnya ini Yang Berhormat sendiri telah berikan satu jawapan yang begitu lengkap, jelas, kalau boleh...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita ringkaskanlah ya?

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkaskan, kalau boleh sekarang pun boleh gulunglah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudahlah habis kalau macam ini hendak gulung macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bukan, bukan satu bab sahaja.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya haraplah, tidak apa, tidak apa saya *because* kalau saya hendak gulung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan berterusan, jawatankuasa lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya takut tertinggal, jadi kalau tertinggal sakitlah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ok!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya bimbang takut tertinggal kerana baru-baru ini saya ada cakap berkenaan dengan bantuan berkapita dan bantuan modal kepada SAR. Dapat pihak menteri pada hari ini memberi penjelasan sejauh manakah kerajaan sudah mempertimbangkan kedudukan sekolah swasta ini sama ada yang berdaftar dengan kementerian ataupun yang tidak berdaftar dengan kementerian, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang saya ringkaskan dan saya terus gulunglah ya Ahli-ahli Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai bantuan Sekolah Agama Rakyat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat buat masa ini bantuan masih terus diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat tidak sepenuh masa yang melaksanakan kurikulum PAFA. Manakala bagi Sekolah Agama Rakyat sepenuh masa kementerian sedang dalam proses untuk mendaftarkan sekolah-sekolah yang berminat bagi membolehkan sekolah-sekolah tersebut mendapat bantuan lebih menyeluruh dan bermakna.

Sebagai jawapan kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang setakat ini sehingga September 2005 terdapat sebanyak 42 buah Sekolah Agama Rakyat iaitu 38 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), dan 4 buah Sekolah Rendah Agama Rakyat yang telah didaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Keprihatinan kerajaan terhadap pendidikan agama tidak boleh dipertikaikan apabila menambah peruntukan kepada pengurusan KAFA dalam bajet 2006 iaitu menaikkan elaun Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) daripada RM500 sebulan kepada RM750 sebulan

dan menetapkan elaun bagi guru-guru KAFA sebanyak RM500 sebulan. Mengenai pembangunan sukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau yang menjurus kepada sukan *rugby* khususnya, tetapi saya hendak jawab dalam konteks pembangunan sukan secara menyeluruh.

Sukacita saya menyatakan di sini bahawa Kementerian sedang berusaha untuk merealisasikan matlamat pembangunan sukan negara berteraskan kepada dua aspek, satu sukan untuk semua dan satu lagi sukan berprestasi tinggi. Untuk makluman, Kementerian baru-baru ini menganjurkan Sukan Institusi Pendidikan (SIKMA), supaya sukan yang berkisar kepada institusi-institusi pendidikan tidak bergantung kepada SUKMA lagi. Kita mempunyai kejohanan kita sendiri dan saya harap bahawa ini menjadi kemuncak kepada pertandingan-pertandingan yang akan kita adakan di peringkat akar umbi. Penglibatan SIKMA ini disertai oleh 6 kontinjen, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MAKSUM), Majlis Sukan Maktab Perguruan, Majlis Sukan Politeknik, Majlis Sukan Kolej Komuniti, Majlis Sukan Matrikulasi, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Menerusi sekolah sukan, Kementerian Pelajaran telah berjaya melahirkan atlet yang mewakili negara di peringkat Sukan SEA dan kebanyakan pingat yang dikecapi oleh kita, penyumbang terutamanya ialah daripada sekolah sukan kita dan di Sukan SEA Kuala Lumpur baru-baru ini misalnya pungutan pingat emas ini 25% daripada keseluruhan pingat emas kontinjen negara datangnya daripada sekolah sukan. Saya bercadang untuk tambah lagi dua buah sekolah sukan dalam rancangan Malaysia Kesembilan dan satu-satunya akan kita tempatkan di Negeri Perlis, satu lagi belum ditentukan lagi mungkin kita boleh beri tumpuan kepada sukan *rugby* di sana. Usaha membangunkan sukan di kalangan murid akan dipertingkatkan lagi melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan melibatkan beberapa Kementerian yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Selain itu keputusan jemaah menteri untuk menjadikan ko-kurikulum dan sukan sebagai syarat merit kemasukan ke IPTA juga akan membolehkan kedua-dua bidang ini dimantapkan kerana tanpa kerjasama daripada ibu bapa, penekanan ibu bapa sendiri kepada sukan dan ko-kurikulum, saya percaya kebanyakan mak bapa, ibu bapa kita akan lebih mirip menekankan kepada pencapaian akademik dan usaha kita untuk melihat pendidikan secara *holistic*, secara menyeluruh mengambil kira sukan dan ko-kurikulum akhirnya tidak akan berjaya.

Yang Berhormat bagi Ampang ada meminta yuran ko-kurikulum sebanyak RM1.60 dikaji semula kerana kadar tersebut telah lama diguna pakai dan sudah tidak relevan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kadar bayaran yang ditetapkan ini merupakan bayaran yang dibayar oleh setiap murid.

Kita sedar bahawa kadar tersebut memang tidak relevan, tidak mencukupi untuk menampung aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah. Bagaimanapun, jika kadar tersebut dinaikkan sudah pasti akan membebankan ibu bapa terutamanya ibu bapa yang mempunyai ramai anak di sekolah. Kementerian Pelajaran telah menyediakan satu memorandum yang akan dibentangkan di Jemaah Menteri bagi mencadangkan peruntukan yang lebih besar bagi pelaksanaan kegiatan ko-kurikulum selain mencadangkan pendekatan menyeluruh untuk memantapkan lagi pelaksanaan program ko-kurikulum, jadi usaha kita melalui Jawatankuasa Kabinet, usaha kita untuk melihat sukan sebagai sebahagian daripada ko-kurikulum yang kita hendak hidupkan dengan keputusan Kabinet melalui memorandum yang saya hendak bentangkan insya-Allah ianya dapat mengecapi hasrat-hasrat Yang Berhormat. Perkara-perkara tertentu akan saya sentuh penghujung nanti berhubung kait dengan padang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai profesion keguruan pula saya lihat sudah banyak sudah dibincangkan tadi berhubung kait dengan usaha kita hendak memartabatkan profesion keguruan, kita boleh menyediakan teknologi yang terkini dengan *note book* dan sebagainya tetapi akhirnya gurulah yang akan melaksanakan, gurulah yang akan diamanahkan, gurulah yang akan menentukan kejayaan dan kecemerlangan anak-anak kita di sekolah. Sebab itu baru-baru ini maktab-maktab perguruan di naik taraf, kita melihat usaha untuk menaik pangkat guru-

guru ke JUSA 'C' tetapi dikekalkan di sekolah. Semua ini keputusan-keputusan yang bermula daripada agenda kita hendak memartabatkan profesion perguruan itu.

Mengenai guru-guru sandaran, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pengambilan GSTT adalah disebabkan keperluan mengisi kekosongan guru-guru terutamanya di sekolah-sekolah di kawasan pendalaman dan juga bandar-bandar besar yang kos sara hidupnya terlalu tinggi, isunya ialah keperluan.

Pada tahun 2005 keperluan GSTT paling ramai adalah di negeri Selangor, Johor dan di Perak. Bagaimanapun perkhidmatan GSTT akan dihentikan sebaik sahaja kementerian mempunyai cukup guru sebab isu pokoknya ialah keperluan. Mengenai GSCT pengajian China pada pengambilan November 2005 akan datang nanti kementerian akan melatih 300 GSTT pengajian Cina melalui program latihan perguruan berasaskan sekolah LPBS.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seramai 420 orang lagi diunjurkan untuk mengikuti program sepenuh masa pengambilan Januari 2006 dari segi penempatan guru terlatih pada tahun hadapan seramai 3393 guru sekolah rendah dan 177 guru sekolah menengah terlatih opsyen pengajian tinggi akan ditempatkan ke sekolah pada tahun 2006 dan penempatan itu dijangka dapat memenuhi keperluan semua sekolah.

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok: Baik Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat boleh?

Puan Chong Eng: Saya rasa, Yang Berhormat Menteri tidak mendapat apa yang saya katakan dengan betul. Saya bertanya mengapa di Johor, pendidikan negeri tidak membenarkan sekolah mengupah atau menggaji guru sandaran walaupun PIBG yang membayar upah ini, mengapa? Adakah Yang Berhormat Menteri tahu masalah ini?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan Johor Bahru sahaja tetapi dari segi dasar dari segi pendirian saya sendiri kalau guru-guru sandaran ini hendak memperbaiki kedudukan mereka kalau mereka hendak meningkatkan kemahiran mereka saya tidak ada halangan dan dalam hal ini saya mengalu-alukan sebenarnya mereka yang ingin menceburkan diri dan melibat bersama dengan melatih anak-anak kita.

GSTT dari segi dasarnya guru-guru sandaran ini ialah untuk mengisi keperluan dan saya percaya dan saya cukup yakin dan saya bangga dengan Kementerian Pelajaran sama ada dalam konteks sekolah-sekolah jenis kebangsaan atau sekolah kebangsaan sendiri dalam masa terdekat ini saya yakin masalah kekurangan guru ini dapat ditangani.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ditangani sepenuhnya mungkin mustahil, lebih banyak yang kita telah lakukan ke arah itu, jadi STTT sekolah guru-guru sandaran tadi yang ingin memperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang lebih bagi saya tidak ada masalah kalau itu Johor Bahru merupakan satu perkara bawa jumpa dengan saya, saya akan tengokkan sendiri.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan ya...

Dato' Razali bin Ismail: Penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itu sudah mula satu tidak berhenti itu.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, satu agenda Yang Berhormat besar di Kementerian Pelajaran ialah tentang pelaksanaan IPG ataupun Institut Pendidikan Guru sebagai satu program di mana akan menawarkan ijazah sarjana muda perguruan kepada guru-guru kita, ini adalah merupakan satu langkah yang amat dialu-alukan di kalangan guru-guru kita.

Cuma satu perkara iaitu tentang kita perlu memastikan bahawa pensyarah-pensyarah di maktab perguruan yang 70% daripada mereka adalah yang sudah pun memiliki sarjana dan PHD harus diberi pertimbangan yang sewajarnya dari segi perjawatan, dari segi kelayakan akademik mereka dengan dari segi imbuhan yang perlu diperolehi oleh mereka sebab mereka sekarang tidak lagi mengendalikan program peringkat diploma mahupun *certificate of education* tetapi menawarkan sarjana muda pendidikan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Institusi pendidikan guru ini telah diperjuangkan puluhan tahun dan keputusan kerajaan untuk meluluskannya baru-baru ini menunjukkan keseriusan kita untuk melihat kepada profesion perguruan, jadi saranan Yang Berhormat ingin melihat kepada pensyarah tadi saya ambil maklum dan ambil kira dan saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam konteks pendidikan guru, dalam konteks tenaga pengajar saya sendiri akan memantau dan akan menerajui.

Tuan Loh Seng Kok: Yang Berhormat Menteri saya hendak sedikit

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah ya.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudah cukuplah ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukuplah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, perkara-perkara lain yang berkait dengan pembangunan sekolah, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan saya tidak lupa ada catat di sini.

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kelana Jaya cukuplah, cukuplah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan jawab secara...

Tuan Loh Seng Kok: Saya sudah bangkitkan soal guru sandaran tetapi tidak dijawab, tentang dibayar gaji untuk guru...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak payah jawablah, tidak akan habis kalau tidak...

Tuan Loh Seng Kok: Sorry, iyalah, saya duduk.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudah tiga jam lagi tidak faham apa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah menjawab tiga jam, dia...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nanti jawab bertulislah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ha, Ok. [Ketawa] Boleh saya teruskan? Ada perkara-perkara yang menyentuh berhubung kait dengan sekolah-sekolah luar bandar hanya saya hendak iktirafkan dibangkitkan oleh Ahli-Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat bagi Sepanggar, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya kita ambil maklum dan kita akan melihat kepada perkara-perkara yang dibangkitkan.

Setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas kesabaran semua pihak mendengar penggulungan saya hari ini yang panjang lebar, perkara-perkara yang perlu penjelasan yang lebih saya tidak keberatan mendengar dan menerimanya buat masa-masa yang akan datang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih, Ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkanlah atau menasihatkan Ahli Yang Berhormat, ini segala

soalan ataupun permintaan penjelasan yang tidak berkaitan dengan jawapan yang disampaikan oleh menteri saya tidak akan membenarkan.

Ini adalah bertujuan untuk menjimatkan masa dan juga sesuai dengan kehendak Peraturan Mesyuarat. Sebenarnya Peraturan Mesyuarat 37(2) juga memberikan kuasa kepada Speaker untuk membuat demikian, jadi saya mohon kerjasama oleh kerana kita ada lagi 15 kementerian untuk kita selesaikan pada malam ini. Kerjasama amat dihargai. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Yang Berhormat Menteri sila.

Puan Chong Eng: Kurangnya membenarkan dua, tiga atau empat soalan jangan terus tidak membenarkan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini memang benarkan, saya hanya kata soalan itu tidak berkaitan dengan jawapan.

Puan Chong Eng: Oh, tidak berkaitan, Ok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.44 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memberi jawapan ringkas di atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan fungsi ataupun bidang tugas dan peranan kementerian ini.

Kita mulakan dengan pandangan dari Yang Berhormat dari Ipoh Timor, yang mengaitkan tentang animasi dalam sektor perfileman dan dalam pembikinan filem serta industri budaya yang beliau menyatakan perlu dipertingkatkan.

Cadangan ini amatlah murni dan kementerian menerimanya dengan sepenuh azam serta penghargaan. Oleh kerana ia bersesuaian sangat dengan rangka pembangunan yang bakal dilaksanakan oleh kementerian khususnya menerusi kerjasama dan tindakan Perbadanan Perfileman Nasional atau FINAS. Filem-filem cereka misalnya telah mula menggunakan isian IT dalam beberapa judul dan kesemua filem ini mendapat penerimaan serta perbandingan yang amat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Sri Gading sekali lagi menimbulkan tentang lagu Negaraku yang beliau katakan berkaitan dengan nyanyian oleh seorang individu bernama Hattan dan beliau mahukan penjelasan berkaitan dengan tindakan yang wajar diambil oleh kerajaan di atas beberapa perilaku ataupun gerak-geri ataupun penyampaian yang didapatinya bercanggah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Sukacita saya meneruskan jawapan dahulu, kemudian baru disanggah. Jawapan yang telah dapat kami simpulkan ialah bahawa Encik Hattan yang dikaitkan dengan nyanyian lagu tersebut menyampaikan lagu itu memang bukan menurut lirik ataupun nada yang sebaiknya. Hanya pada perenggan terakhir didapati bahawa nada beliau meninggi dan mungkin itu yang ditegaskan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan pencapaian atau lunak lagunya yang tidak kena.

Kami telah melihat pita rakaman tersebut dengan Ehsan RTM, dan didapati bahawa kesalahan yang mirip kepada Seksyen 8 Akta berkaitan dengan lagu kebangsaan tidak dapat kita kenakan tetapi ada segolongan rakyat di sekitar beliau yang memang tidak menghormati lagu tersebut. Malangnya kita tidak dapat mengenal dan menyusul mereka dari hal individu. Justeru, tidak dapat kita ambil tindakan terhadap orang ramai tersebut. Walau bagaimanapun, kami telah menguruskan supaya Encik Hattan pada masa-masa

akan datang tidak lagi menyanyikan lagu itu sekiranya tidak bersedia menyanyikannya menurut lirik serta nada yang diperlukan. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Hattan sudah berlalu. Baru-baru ini, mungkin Yang Berhormat Menteri perasan juga di mana saya sendiri rasa kecewa, marah dan sedih berhubung dengan gelagat radio ERA yang telah menyiarkan kononnya lirik ataupun irama lagu *Negaraku* ini diciplak dari muzik Hawaii. Dan, radio ERA telah berkesempatan bertanya dengan mana-mana pendengar, apa komen anda berhubung dengan irama lagu *Negaraku* ini diciplak dari Hawaii. Ini amat menyedihkan dan saya meminta Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan kepada radio ERA. Radio ini adalah radio *private* sebab dia tidak ada sensitiviti langsung terhadap negara kita. Mana boleh sebuah radio yang menjadi pendengar yang teramai di negara kita ini boleh menyiarkan dan mempersendakan lagu negara kita. Ia kata mana yang betul, *Negaraku* atau irama yang ditiru ini?

Jadi, ini amat menyedihkan kita dan radio ERA harus diambil tindakan dengan segera sebab tidak boleh mereka dengan sesuka hati menyiarkan isu-isu yang sebegini, seharusnya ia dibincang dan dirujuk apa implikasinya, khususnya kepada mereka yang benar-benar memegang kepada nasionalisme. Mereka marah dan meminta saya menyampaikan hasrat ini kepada Dato' Menteri supaya diambil tindakan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Penyerlahan, peranan ERA ini, juga telah disampaikan kepada kami, cuma di perenggan ini bentuk tindakannya belum lagi selesai. Kami akan menyusul perkara ini seterperinci mungkin dan sekiranya didapati bahawa pihak yang berkenaan sengaja mempersenda kedudukan lagu kebangsaan kita maka kami dari kementerian akan menggunakan apa jua kuat kuasa di bawah undang-undang Akta Lagu Kebangsaan 1965.

Dalam pada itu, kita harus menggariskan bahawa perbuatan mensia-siakan lagu kebangsaan *Negaraku* dengan perbandingan satu hal. Hal yang kedua ialah mengatakan bahawa lagu itu diciplak adalah amat serius dan sekiranya ERA tidak dapat membuktikan pendiriannya yang jelas, maka langkah-langkah yang sempat saya sebutkan ini akan kita laksanakan, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai dibangkitkan pula berkaitan dengan pakaian kebangsaan Melayu yang menurut beliau tidak ramai artis menggunakan selengkapnya yakni tidak mengenakan songkok, kadangkala tidak mengenakan sampung dan sebagainya. Oleh sebab tidak ada undang-undang yang dapat kita kuatkuasakan bagi mereka yang menggunakan pakaian Melayu selengkapnya, kita hanya dapat melaksanakan langkah-langkah positif untuk memberi pandangan kepada mereka.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pakaian ini adalah penting mencerminkan budaya dan juga sahsiah kita, laporan yang menyatakan bahawa mereka tidak memakai songkok tetapi memakai pakaian Melayu, bersamping dan lain-lain memang tidak lengkap dan kami akan memberi pandangan ini seserius mungkin kepada pihak yang berkenaan.

Mengenai penggunaan bendera untuk upacara pengebumian, bendera Persekutuan katanya, harus diletakkan di bahagian tengah kemudian di kiri dan kanan diikuti pula oleh bendera-bendera lain dalam suasana kematian ataupun dalam suasana yang memerlukan tindakan rasmi. Susunan bendera-bendera adalah mengikut susunan kekananan raja-raja Melayu. Peraturan ini, diamalkan bagi semua majlis rasmi kerajaan. Semasa upacara pengebumian misalnya, bendera Persekutuan hanyalah digunakan untuk menutup keranda bagi upacara yang diberi taraf negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands mengemukakan pandangan dan persoalan beliau untuk mendapatkan penjelasan berkaitan penggunaan bendera dalam fesyen. Bendera, khususnya bendera Malaysia, tidak harus difesyenkan, oleh kerana penggunaannya bertentangan dengan pendirian yang rasmi serta kedudukan kenegaraan kita. Walau bagaimanapun, penggunaan bendera dalam fesyen tidak kena dengan suasana dan juga tidak akan menyempurnakan sesuatu tujuan bagi mempamerkan pakaian ataupun penyerlahan fesyen yang berkenaan. Selain itu ia

bertentangan dengan Akta 193, yakni Akta Lambang Kebangsaan Kawalan Terhadap Pameran 1949.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengemukakan beberapa pandangan serta *query* kepada kementerian ini berkaitan dengan kedudukan dalam pembangunan modal insan, terutamanya modal budaya dan modal sosial. Beliau juga mengemukakan pandangan dan *query*nya berkaitan dengan kedudukan Bahasa Melayu yang dituturkan oleh sekian ramai umat manusia dan beliau berpendapat bahawa bahasa tersebut adalah sesuatu yang akan mengukuhkan tanah air dan masyarakat kita.

Pandangan Yang Berhormat itu memang kami terima dengan hati yang terbuka dengan galakkan dan harus dinyatakan di sini, di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahasa kebangsaan yakni Bahasa Melayu akan terus mendapat tempat dan ia akan diwibawakan menerusi pembudayaan bahasa. Aspek ini Kementerian Kebudayaan akan laksanakan dengan Kementerian Pelajaran serta agensi-agensi lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, serta Perpustakaan Negara. Menerusi rancangan-rancangan supaya masyarakat Malaysia tidak lupa malah terus mencintai bahasanya sama ada menerusi bahasa persuratan ataupun menerusi galakkan yang boleh kita semangatkan menerusi bacaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Arau menyarankan agar dibuka sekolah-sekolah seni untuk belajar *theater*, muzik dan seni. Pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau sekarang telah dipendekkan dengan nama KEKWA, K.E.K.W.A., Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekolah seni di tanah air. Tidak ada mata pelajaran tentang *theater* dan juga tidak ada khusus persekolahan untuk mengkaji dan mendalami muzik di peringkat yang rendah.

Dalam hal Yang Berhormat sedemikian, maka memberi tahniah kepada rakan saya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah pun mengumumkan bahawa beberapa sekolah asas akan melibatkan kegiatan menerusi pembelajaran seni khususnya muzik, *theater* dan lain-lain. Sekolah-sekolah ini, sama ada yang bertempat di Sarawak, di Selangor, ataupun di negeri-negeri lain, akan menyumbangkan graduan-graduan sederhana kepada satu institusi yang sekarang berada di bawah kementerian ini, iaitu Akademi Seni Kebangsaan.

Akademik Seni Kebangsaan ini, sekarang akan kita perbesarkan dan Kabinet telah pun meluluskan kertas dasarnya supaya ASK atau Akademi Seni Kebangsaan merupakan institusi yang tertinggi memberi pembelajaran berkaitan dengan seni, budaya dan warisan. Tidak perlu bagi saya menerangkan satu persatu oleh kerana aktanya akan digubal dan juga bidang kuasa serta bidang tugasnya juga akan diperhalusi supaya pandangan umum bahawa masyarakat Malaysia harus mempunyai latihan seni budaya warisan sendiri dapat kita sempurnakan, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Razali bin Ismail: Mohon penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang ini berhubung dengan manifestasi seni dan *theater* dalam diri pelajar kita, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah merupakan sesuatu yang cukup penting sekali dalam usaha kita melahirkan manusia yang lebih bersepadu sifatnya. Maka, setakat ini, apakah kerjasama yang telah pun wujud di antara kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Pelajaran dalam membina *soft culture* di kalangan anak-anak kita ini.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya antara Kementerian Kebudayaan dan Kementerian Pelajaran beberapa lunas kerjasama telah dan sedang dilaksanakan, terutamanya pada masa sekarang berkaitan dengan bacaan umum, yakni yang berkaitan dengan Kempen Membaca, itu satu perkara.

Perkara lain ialah di bidang seni budaya dan warisan. Kita dapati, semasa kita memacu kemajuan di tanah air, kita memerlukan modal insan yang melentur kehidupan ke

arah masyarakat yang mempunyai nisbah dan nilai hidup yang seni ataupun *the artistic aspect of the Malaysian society*, dengan izin. Setelah merealisasikan perkara ini sebagai masalah masa hadapan, yakni jika kita tidak mewujudkan *journal* atau jenis masyarakat seperti ini, maka kita mungkin kehilangan pokok dalam budaya kita.

Oleh sebab menyedari hal inilah maka sekolah atau institusi yang sempat saya sebutkan ini merupakan satu langkah dan Kementerian Pelajaran memberi sepenuh kerjasama setakat ini. Menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka juga, keadaannya bertambah menggalakkan oleh kerana budaya menerusi bahasa atau pun pembudayaan bahasa itu sendiri akan menjadi sebahagian daripada pemupukan kita di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas kita dapati persoalan berkaitan dengan batik dan pandangan beliau supaya usaha-usaha untuk menampung keperluan dan usaha-usaha memperbanyakkan kilang batik dapat dipertimbangkan oleh kementerian.

Perusahaan batik kini bukan hanya tertumpu di Kelantan sahaja tetapi di seluruh negara. Berdasarkan kajian kraf, yakni Kraf Tangan Malaysia tahun 2004 yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan itu, pengusaha-pengusaha batik di seluruh tanah air telah meningkat kepada 340 orang pada tahun 2004 berbanding dengan hanya 270 pada tahun 2000. Daripada jumlah tersebut bilangan pengusaha batik di Kelantan sahaja pada tahun 2000 adalah seramai 143 orang dan bilangan ini telah meningkat kepada 210 orang pada tahun 2004.

Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan yang berperanan sebagai agensi peneraju industri kraf negara telah dan akan meneruskan pelbagai aktiviti dan program untuk membangunkan industri kraf tempatan termasuk bidang batik. Antara usaha-usaha yang dijalankan ialah penyelidikan dan pembangunan baru dan penambahbaikan reka bentuk atau produk sedia ada.

Kedua, mewujudkan lebih banyak projek satu daerah satu industri (SADSI) di bidang kraf di seluruh tanah air. Ketiga, menyediakan program bimbingan teknikal dan latihan tenaga kerja dalam pelbagai bidang kraf. Keempat, mewujudkan program pentahapan (*standardization*) usahawan kraf termasuk bidang batik. Kelima, memperbanyakkan aktiviti promosi dan pemasaran produk. Keenam, akhirnya, melatih para belia untuk mengikuti pembelajaran di peringkat diploma dan sijil dalam bidang kraf.

Usaha-usaha ini digabungkan supaya ia dapat memberi impak yang lebih berkesan dan menyeluruh dalam membangunkan industri kraf tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Pengkalan Chepa yang menyatakan bahawa kononnya tidak ada pusat kraf tangan dan batik kata beliau yang bertanggungjawab untuk *design* atau cipta. Sukacita Kementerian menyatakan Kraf Tangan Malaysia sedang membangunkan pusat rekaan krafnya. Pusat rekaan di London, digunakan sebagai penanda aras atau *benchmark* kepada pembangunan pusat rekaan kraf ini. Fungsi utama ialah menyediakan khidmat pangkalan data dan produk seperti kemudahan rujukan kepada pengusaha-pengusaha kraf dalam aspek-aspek data maklumat dan produk, koleksi produk contoh, dan rekaan kraf tangan sendiri. Pusat ini juga menyediakan kemudahan rujukan kepada pengusaha-pengusaha kraf dalam aspek pembangunan teknologi dan hasil kajian bahan.

Berikutnya, kraf tangan juga telah membuat pengagihan peruntukan tahun 2006 bagi tujuan memperluaskan kemudahan di pusat rekaan kraf yang akan mula beroperasi pada penghujung tahun ini juga. Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan oleh Yang Berhormat itu supaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Rantau Panjang.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya habiskan sekejap, memohon. Cadangan beliau supaya menjemput pakar-pakar dari luar negara untuk membantu membangunkan produk-produk bagi pasaran global. Pandangan beliau ini setepat mungkin

nampaknya oleh sebab Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan di bawah kementerian ini telah mendapatkan kepakaran dari beberapa buah negara termasuk dari Paris, dari Bangladesh dan lain-lain. Dari Bangladesh misalnya, kita dapati kepakaran untuk mewarnai menerusi pewarnaan asli dan dari Paris seorang yang bernama Mr. Eng Ornell akan menyediakan bentuk rekaan semasa yang boleh kita jana bersama untuk dipakai dan dilaksanakan menerusi pusat rekaan kraf yang dimaksudkan ataupun menerusi program-program asuhan yang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Memandangkan keadaan sekarang ini harga kain putih yang diimport khususnya daripada negara China untuk dijadikan bahan kain batik dan juga bahan-bahan kimia yang diimport ke luar negara terlalu tinggi sekarang ini. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi ataupun diberi kecualian cukai kepada bahan-bahan tersebut bagi membantu perusahaan batik ini tidak akan berkubur dan saya ingin tahu sejauh manakah generasi baru yang dilatih seperti mana yang disebutkan oleh pihak menteri tadi, minat untuk mengusahakan atau menconteng, sama ada melukis batik-batik Malaysia sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, mula dari soalan di bawah saya cuba huraikan sedikit. Generasi muda yang berminat dalam bidang hiasan, dalam bidang reka bentuk, dalam ukiran, lukisan industri dan sebagainya kian meningkat. Pusat latihan kraf tangan yang berada di negeri Selangor misalnya, mengeluarkan setiap tahun tidak kurang dari 270 ke 320 orang. Dan ini dipuncakan dari semua negeri termasuk dari Perlis, Kelantan dan setiap negeri di Semenanjung sampailah Sabah dan Sarawak.

Hasil rekaan mereka misalnya, diperakui oleh beberapa institusi yang bertauliah, salah satu daripadanya ialah Universiti Kolej Lim Kok Weng misalnya telah memberi perhitungan yang tinggi terhadap mereka. Ini menunjukkan kita harus meneruskan program latihan seperti ini di samping memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan pelajaran sehingga ke seberang laut.

Segmen kedua soalan ini berkaitan kain putih iaitu bahan asas kepada reka bentuk produk batik kita. Sememangnya soalan Yang Berhormat ini amat rapat dengan jiwa perjuangan seni kita di kementerian ini. Dan pada masa ini memang penghasilan yang kita perolehi dari industri batik sama ada yang berbentuk sutera ataupun yang berbentuk kapas didatangkan dari negeri China kebanyakannya. Negara kedua ialah dari India dan ada juga kita import dari beberapa negara jiran. Gambaran seperti itu memang kurang menyenangkan dan kami sedang berusaha supaya melihat dari beberapa aspek kemajuan industri ini sama ada memohon agar kadar yang dikenakan bagi cukai masukannya dikurangkan atau dikecualikan supaya menyemarakkan industri tersebut atau kita sendiri mengunsurkan atau mensumberkan bekalan ini daripada negara-negara Timur Tengah seperti Mesir dan lain-lain. Tetapi keputusan belum didapati.

Saya dan rakan-rakan akan berbahas, berbincang dengan pengindustri-pengindustri kita sebelum mengambil langkah-langkah yang lain. Masalah ini juga berkaitan misalnya dengan industri tembaga di Terengganu. Alhamdulillah, kerajaan telah bersetuju baru-baru ini untuk mengecualikan cukai importnya. Di samping itu, Kementerian Pertahanan telah komited untuk memberi bekalan kepada pengusaha-pengusaha di Terengganu dengan kadar yang amat memuaskan. Dengan cara-cara ini diharapkan industri kraf kita bercambah dan kami akan berusaha setegas dan serajin mungkin untuk menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penyampaian ringkas saya dan diharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, galakan, maka saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, wassalamualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

5.08 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutama kepada Yang Berhormat daripada Jerai, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Yang Berhormat dari Tebrau. Segala pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijadikan panduan dalam merangka dasar dan menyusun program yang sesuai untuk kumpulan sasaran kementerian sehingga ke peringkat akar umbi.

Yang Berhormat dari Tebrau telah membangkitkan isu berkaitan dengan warga emas. Beliau menyarankan agar Kementerian menyediakan dasar dan polisi yang lebih menyeluruh mengenai warga emas supaya mereka tidak berimejkan lesu, lemah dan uzur. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebajikan dan kesejahteraan warga tua merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sehubungan itu, bagi memberi imej yang berharga dan dihormati kepada golongan tua, kerajaan telah bersetuju supaya istilah "warga tua" ditukar kepada istilah "warga emas" dan diguna pakai secara meluas mulai bulan Julai 2005. Walaupun buat masa sekarang penduduk di Malaysia masih dianggap muda, berbanding negara-negara maju namun negara kita dijangka menghadapi penuaan penduduk dalam masa 30 tahun lagi. Pada tahun 2020, jumlah penduduk yang berusia 65 tahun ke atas dijangka berjumlah 2.1 juta orang atau 7% daripada jumlah penduduk negara yang dijangka insya-Allah berjumlah 33.4 juta pada masa itu. Dengan unjuran jangka hayat yang semakin meningkat iaitu 71 tahun untuk lelaki dan 76 tahun untuk wanita, ianya akan menimbulkan implikasi berikut kepada kerajaan.

Pertama, pertambahan keperluan sumber tenaga manusia misalnya *care givers* dengan izin, bagi menjaga warga emas. Kedua, pertambahan keperluan pakar-pakar *geriatric*. Ketiga, peningkatan keperluan infrastruktur misalannya perumahan, pusat-pusat jagaan harian warga emas serta pusat-pusat aktiviti warga emas dan keempat, pertambahan keperluan kewangan bagi menanggung kos perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada warga emas.

Sebagai langkah proaktif, kerajaan telah menggubal dasar warga emas pada tahun 1995. Dasar ini bertujuan mewujudkan masyarakat warga emas yang sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimalkan potensi yang ada pada mereka serta menentukan mereka menikmati semua peluang di samping dapat penjagaan dan perlindungan. Berikutan penggubalan Dasar Warga Emas Negara (DWEN), satu Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PTDWEN) telah dirangka pada tahun 1998 dengan tempoh pelaksanaannya selama tujuh tahun iaitu sehingga tahun 2005. PTDWEN mengandungi pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan warga emas oleh setiap individu, pertubuhan sukarela, masyarakat setempat, agensi kerajaan dan pihak swasta.

Prinsip-prinsip asas kepada PTDWEN adalah sejajar dengan strategi dengan yang telah digariskan di bawah Dasar Warga Emas Negara. Di samping itu, kementerian telah menubuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan pada Mei 1996 untuk membantu kerajaan menentukan dasar dan strategi dalam meningkatkan martabat dan kesejahteraan golongan warga emas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai. Yang Berhormat, adakah berkaitan dengan warga emas?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Warga emas, saya pun satu hari akan jadi warga emas juga, itu saya nak tahu.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, soalan terus.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, haiya, jangan ganggulah. Ipoh Timor lagi dua, tiga tahun warga emaslah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Batu Gajah lagi 10 tahun, warga ranum. *[Ketawa]*

Okey Yang Berhormat, pertamanya saya nak ucapkan tahniahlah seorang manusia jaga dua kementerian. Terima kasih, tahniah lah no. Jadi maknanya, dak pasai ini Menteri dia punya senyum banyak bagus.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa yang susah hati sangat? Tu dialah orang PAS, dalam Islam kan dia kata puji memuji tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau tak ada soalan sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu orang ganggu. Jadi saya nak tahu seperti kita sedia maklum warga emas ini bila kita sebut emas Yang Berhormat, dia bernilai, sebab itu kita sebut emas, kalau tidak baik kita sebut warga ranum, makna dia tua ataupun dah lama. Tapi bila kita sebut warga emas, bermaknanya depa ni bernilai dan boleh tak boleh saya ingin mencadangkan dalam rangka apa Yang Berhormat kata tadi tu, kita anggap warga emas ini menjadi sebagai penasihat kepada masyarakat.

Contohnya mereka jadi orang tua-tua, orang lama-lama pi nasihat anak-anak muda supaya menjauhi dadah dan sebagainya. Kadang-kadang orang muda menasihati orang muda, depa tidak berapa boleh pakai. Depa kata, hang pun samalah lebih kurang. Tetapi kalau orang yang warga emas ini, yang sihatlah, warga emas yang tidak sihat kita hendak kena jaga dia pula. Jadi yang sihat ini, yang masih waras, yang masih ada pemikiran yang baik, kita ambil depa ini sebagai penasihat kepada aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh kerajaan ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan baik saya ini? Terima kasih. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak lama bila dia warga emas, dia tidak boleh nasihat. Dia kacau banyak.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang hebat cadangan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya memang setuju, sebab apa saya datang daripada generasi di mana kita menghormati warga emas. Saya kadang-kadang khuatir kalau kita tidak jaga, akan datang suatu masa di mana kita tidak peduli langsung warga emas yang ada di negara kita, sebab kalau kita hendak berkat dalam hidup, salah satu prinsipnya ialah kita mesti menghormati warga emas yang ada di negara kita.

Tetapi alhamdulillah, daripada peninjauan kementerian setakat ini, keadaan masih terkawal di mana kalau kita tengok, secara umumnya generasi muda kita masih menghormati golongan warga emas. Tetapi kita mesti berhati-hati. Kalau kita terikut-ikut dengan budaya yang lain-lain, sama ada dia warga emaskah yang muda menganggap yang warga emas ini sama baya, sama setaraf. Kalau kita tidak jaga-jaga, kita mempertahankan nilai dan budaya orang Asia ini, saya agak khuatir kita akan kehilangannya.

Jadi saya setuju betul-betul dengan Yang Berhormat kalau warga emas ini sanggup untuk berkongsi pengalaman. Jadi bila Yang Berhormat sudah mencecah usia warga emas, saya rasa lambat lagilah. Beritahulah kepada kami di kementerian, mana-mana yang nampaknya, majlis-majlis mana Yang Berhormat hendak jadi penasihat itu, *no problem* Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak ucapkanlah tahniah kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana menjawat satu lagi kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun hendak jadi penasihat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri selepas itu akan terus menjawab mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini Ipoh Timor warga emaskah bukan?

Tuan Lim Kit Siang: Yang kedua mengenai warga emas. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu peluang supaya mereka boleh belajar perkara-perkara yang baru, khasnya bahasa, bahasa Inggeris sebab warga emas mempunyai *vocabulary* yang terhad. Baru tahu lima perkataan, "*damn bloody stupid old man*". Baru tahu lima perkataan sahaja. Tidak ada *vocabulary* yang lain. "*Damn bloody stupid old man*". Itu lima perkataan sahaja. Mahu memperluaskan pengetahuan warga emas macam ini, sebenarnya bukan emas, warga emas ini bukan warga emas. Tetapi tidak apalah, supaya mereka ada *vocabulary* yang lebih baiklah. Bukan sahaja "*damn bloody stupid old man*".

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Pertamanya untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya hanya akan menggulung untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan insya-Allah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan akan menggulung bagi pihak kementerian itu. Saya hanya memangku sahaja Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat...

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik tentang perkataan, "warga emas" tadi, hendak tukar "warga tua" kepada "warga emas". Jadi saya mengharapkan bahawa proses itu tidak menjadi "indah khabar daripada rupa", sebab bila kita melihat tentang ilmu perkembangan manusia, *human development*. Ada satu proses dinamakan proses *gerontology*.

Ilmu-ilmu tentang penemuan ini dan dia bersabit dengan nilai, *value*. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa nilai kasih sayang, nilai kesopanan, nilai kesusilaan ini dia menghakis, kalau tidak kita jaga dengan betul. Pertambahan bilangan rumah-rumah orang-orang tua, selepas hari ini akan disebut rumah-rumah warga emas dan bilangan warga emas yang akan menghuni rumah-rumah seperti ini adalah satu *indicator* yang mesti diperhatikan supaya nilai ini tidak terhakis, kalau kita mahu bicara tentang warga emas. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, bahawa proses ini mesti dikaji. Jangan nanti sampai "indah khabar" warga tua, warga emas tetapi nilai kita hancur, dari segi nilai. Itu pandangan saya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebenarnya kalau kita cakap tentang pembelajaran, ia bukan dihadkan hanya kepada warga emas, sama ada generasi mudakah, warga emaskah, sesiapa jua. Saya rasa kita sampai akhir hayat, kita tidak akan berhenti daripada mempelajari. Jadi...

Tuan Lim Kit Siang: Yalah. Buat warga emas, mereka ada terhad, "*absorbing capacity*" terhad. Orang baru tahu, "*damn, damn*". Lain pun tidak tahu. Dia dengar. Kemudian ada dengar dalam Dewan ini, "*damn, damn, damn*" Lain tidak tahu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sikit? Minta penjelasan sikit.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, *last one* ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya. Yang Berhormat kena duduk. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, menteri bangun bererti tidak beri laluan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia bagi Yang Berhormat. Itu cara kami bulan puasa. Yang Berhormat, saya hendak tanya pasal warga emas ini. Kadang-kadang ia cukup mengelirukan. Tidak tahulah, kalau sebelah sana tidak keliru. Apa yang dimaksudkan "veteran", dari segi kategori warga emas, adakah mereka yang telah mula berpencen? Bagaimana mereka ini diiktirafkan?

Boleh Yang Berhormat tolong perelaskan sikit yang dimaksudkan kategori warga emas itu tadi, adakah mereka ini yang sudah kurang sihat. Tidak bolehlah saya sebut dalam ini, nanti marah pula, *very sensitif*. Macam Yang Berhormat bagi Keponglah katakan. Kepong ini tidak tahu Larut di mana. Dia kata Larut di Johor, sedangkan Larut ini di Perak. Adakah ini tergolong sebagai warga emas? Minta maafah Kepong. Jadi tolong sikit minta penjelasan daripada Yang Berhormat, supaya tidak mengelirukan, kategori bagaimana yang disebutkan warga emas, veteran dan apakah pengiktirafan yang dibuat ke atas mereka ini supaya mungkin suatu hari nanti, tidak ada yang akan ambil kesempatan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia ada dua pentakrifan. Kalau kita mengikut umur, di sini kita kata 60 tahun ke atas. Ada sesetengah negara dia gunakan 65 ke atas. Tetapi sebenarnya kepada saya, itu semua bukan yang mustahak. Yang mustahak ialah sikap mereka. Walaupun kita umur 80, tetapi kalau semangat kita ada, untuk sama ada berjuang ataupun apa jualah, maka dia sentiasa mudahah, ibaratnya. Jadi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, perbetulkan sikit Yang Berhormat. "Semangat dan perkakas" Yang Berhormat, itu kena ada. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Lim Kit Siang: ... sedikit terakhir Yang Berhormat, terakhir, terakhir. Dari pandangan Yang Berhormat, siapa sebenarnya lebih warga emas? Bekas Perdana Menteri atau Ketua Wanita UMNO? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, seperti mana saya kata, sebenarnya kalau kita hendak tengok ya, erti kata sebenar "warga emas" ialah mereka yang mempunyai semangat. Kepada saya, kedua-dua mereka masih muda. Bekas Perdana Menteri dan juga Ketua Wanita UMNO Malaysia yang kami amat hormati dan sayangi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya anggap ini soalan tambahan terhadap isu warga emas? Selesai soalan tambahan tadi.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, habis dah cerita ya. Tetapi bagi menghormati Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya hendak nyatakan bahawa sebab dalam jawapan saya tadi, saya kata sebab itu dari segi pentadbiran kerajaan, kita tidak boleh ambil sambil lewa isu penuaan negara. Sebab, kalau kita sudah tahu negara itu akan menghadapi penuaan, maka kita mesti mengambil tindakan seperti merancang sama ada perancangan bandar, perancangan desa dan lain-lain supaya kita mengambil kira. Takut-takut suatu hari nanti, kita terpaksa menghantar warga emas kita duduk di institusi dan jika masa itu berlaku, kita mesti tentukan penjagaan itu adalah yang terbaik sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung semula.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okeylah. Saya *last chance* sebab apa, Yang Berhormat sama dengan saya daripada Kepong, saya bagi *chance*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Warga “bean”, warga “bean”.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang ada soalan. Yang Berhormat biasanya warga emas ini, setelah berhenti kerja, ada yang dapat wang daripada KWSP. Selepas keluar itu, dalam satu, dua tahun sudah habis semua. Ada juga bila berhenti kerja, tidak ada pendapatan langsung. Apakah dasar warga emas kementeriannya untuk menyelesaikan masalah ini? Walaupun saya nampak elaun bagi yang termiskin sudah tambah kepada RM200 sebulan. Itu lain kira. Saya hendak mengetahui, apakah itu dasar untuk jangka panjang bagi mereka yang tidak ada pendapatan langsung? Sama ada Yang Berhormat akan mencadangkan kita memperuntukkan RM500 juta bagi mereka setiap tahun ataupun cara yang lain.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita akan mengkaji semula dasar yang ada pada masa kini, kita akan mengadakan satu dasar yang lebih terkini dan lebih relevan kepada kehendak zaman ini. Di antara idea yang kita sedang bincang ialah pertama, untuk memberi peluang untuk mereka melabur dan sebagainya. Jadi, saya akan mengambil kiralah cadangan Yang Berhormat tadi dan insya-Allah, apabila dasar yang baru ini dirangka, saya percaya ianya akan membawa manfaat kepada warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai pula minta kementerian prihatin tentang masalah ibu tunggal, terutamanya dalam masalah pemberian bantuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian amat mengambil berat perkara ini dan sentiasa memastikan bantuan diberikan dengan cepat. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan untuk mengkaji semula prosedur pengurusan bantuan secara menyeluruh. Tindakan untuk menyediakan perkhidmatan bantuan yang cepat dan cekap juga sedang diusahakan melalui pembangunan teknologi maklumat dengan pembangunan sistem pengurusan bantuan kebajikan yang menguruskan segala urusan bantuan, dari peringkat permohonan hingga bayaran dan kaji semula kes melalui aplikasi berkenaan. Kementerian sentiasa memberikan perhatian serius dalam perkara ini untuk memastikan penerima bantuan tidak menghadapi sebarang masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sikit sahaja pasal... Saya ucap tahniah dan terima kasih Yang Berhormat kerana sistem baru ini. Tetapi adakah sistem baru ini juga akan jadi macam sistem lama. Kadang-kadang dia dapat sebulan, dua bulan tidak dapat. Selepas itu, dia dapat pula sebulan, dua bulan tidak dapat. Jadi orang-orang tua ini Yang Berhormat, kasihan. Itu yang pertama. Yang keduanya, kadang-kadang depa hendak tarik balik *welfare* itu, depa tidak habaq dekat orang tua ini. Orang tua ini terkejut. Tunggu tidak mai, tunggu tidak mai. Dia terlepas mai dekat wakil rakyat.

Jadi kita *check* balik, depa kata pasal anak dia sudah kerja. Kadang-kadang anak dia kerja pun Dato', bukan banyak mana, lepas bela dia sahaja, buat kerja kampung. Jadi, bolehkah tidak warga-warga emas ini, bagilah depa. Bukan lama sangat hendak hidup. Kadang-kadang mai meja saya, saya ada dua meja. Satu wakil DUN, satu Parlimen. Dia silap mata, dia rabun dah. Pi meja DUN, panggil saya. Saya kata, “Tang ini mak long ooi, mai tang ini”. Jadi bolehkah tidak kementerian tidak usahlah, yang sudah bagi itu, bagilah. Kecuali yang anak sudah tiga empat orang kerja. Begitu juga ibu-ibu tunggal Dato', kasihan.

Saya cukup kasihan kerana pertamanya itu saya hendak, kalau boleh kementerian tolong buat macam Amanah Ikhtiar buat bagi depa berniaga sedikit sebanyak. Baru-baru ini mai seorang pelajar, baru bernikah anak dua orang, bercerai hendak mengaji sambung balik. Macam mana kita hendak bantu dia. Jadi yang inilah saya minta dan saya terima kasih kepada kementerian bagi duit *welfare* untuk kami tolong yang terkejut, tergepar ini, alhamdulillah. Jadi kalau boleh, duit-duit *welfare* ini terus-teruslah sampai bila-bila Yang Berhormat. Terima kasihlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil segala rungutan ini dengan begitu serius sekali dan saya telah ada beberapa

kali perbincangan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Insya-Allah, kita akan sentiasa menaikkan prestasi perkhidmatan kita. Saya hendak maklumkan, sebenarnya sekian lama Jabatan Kebajikan Masyarakat mereka mempunyai bidang tugas yang begitu besar sekali.

Tetapi Alhamdulillah, kita baru dapat kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam di mana akan ada pengagihan kerja. Kita ada 10 Bahagian di bawah Jabatan sekarang, di mana kita mengagihkan mengikut kumpulan sasaran. Kita sekarang akan ada unit untuk warga emas, unit kanak-kanak unit untuk orang kurang upaya dan lain-lain dan kita akan menghantar pegawai kita untuk *training* supaya mereka menjadi *expert* di dalam kumpulan yang harus mereka berkhidmat. Jadi dengan adanya sistem yang baru ini, peningkatan ini, saya harap bahawa isu-isu seperti Yang Berhormat kemukakan tadi, lambat dan kalau kita nak tarik, kita mesti maklumkan dulu, kita tidak akan hadapinya. Saya faham sebagai Wakil Rakyat, saya sendiri di kawasan, yang paling mencabar ialah isu kebajikan kepada saya dan kita tahu kita akan mengambil tindakan. Cuma satu Yang Berhormat saya nak maklumkan lah, kita mesti ingat kepada kita semua bahawa Malaysia bukan satu Negara *welfare* dalam erti kata bahawa semua orang harus diberi bantuan, tidak. Kita membantu kepada mereka yang memerlukan bantuan. Jadi kalau ada kes-kes di mana anak-anak dah bekerja atau pu cucu-cucu, misal kata, kaum keluarga mampu untuk mengambil alih tanggung jawabnya mereka tidak boleh lepas tangan, sebab, kalau ada satu kes, katalah anak dia dah *graduate* atau cucunya dah *graduate* dah boleh bantu, kes itu, duit yang kita bagi tu kepada penerima ini kita boleh bagi kepada yang lain.

Jadi kalau kita bagi kepada seorang saja sampailah bila-bila, maka dengan izin, *we will be depriving* penerima yang lain, bukan kerajaan nak ambil simpan sendiri, tapi nak bagi kepada yang lain. Tapi saya memang tahu, memang susah kalau kita sudah mula bagi kepada satu penerima, kita nak tarik balik kita kena, apa orang kata, tarik benang dalam tepung. Saya sudah minta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, *next time* kalau ada kes macam itu, mungkin kita bagi tahu awal. Kalau kita sudah tahu ada anak dia sudah bekerja, misal kata menjadi seorang doktor, jagalah ibu itu, betul tak? Kita ada sistem yang baru, kita bagi notis yang baru supaya dengan izin, *they can make the paperation*., Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu dengan izin, *sexual worker* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pihak Kementerian ingin menjelaskan bahawa pekerja seks atau *sexual worker* adalah tidak diiktirafkan sebagai pekerjaan yang sah di negara ini, dengan itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Mas, berkaitan dengan apa Yang Berhormat?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, yang telah menghuraikan sedikit sebanyak berkaitan dengan tanggung jawab masyarakat dan tanggung jawab anak sendiri bila mereka dapati ayah mereka atau ibu mereka sudah menjadi orang tua. Saya rasa dan saya yakinlah kerajaan perlu membuat rangsangan dan galakkan melalui JAKIM supaya anak-anak mengambil tanggungjawab khususnya kita orang Islam. Tidak munasabah seorang anak sudah berjawatan, tiba-tiba meninggal ibu bapanya dalam keadaan merana, sepatutnya mereka sedar bahawa adanya mereka kerana ibu bapa mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, saya akan pergi kepada soalan atau pun cadangan. Jadi sejauh manakah tindakan kerajaan bagi menyedarkan masyarakat kita supaya masing-masing mengambil tanggung jawab - saya tidak kata tidak sepatutnya dimainkan oleh kerajaan, tetapi yang pentingnya dimainkan oleh anak itu sendiri, bagaimana rangsangan kerajaan kepada anak-anak ini supaya mereka mengambil tanggung jawab selaras dengan agama kita agama Islam (*sambil membaca sepotong ayat Quran*) iaitu kepada ibu bapa mereka, mereka hendaklah melakukan kebajikan dan kebaikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita lihat tamadun mana-mana negara, kalau sesuatu bangsa itu dia atau masyarakatlah, dia mempunyai agama, tradisi dan budayanya cantik, insya-Allah tak payah kita nak ada program, nak mengajar pula anak macam mana nak menyayangi ibu bapa atau menghargai keluarga. Saya rasa sedih kalau kerajaan terpaksa mengadakan program-program khusus supaya nak mengajar, mendidik anak-anak macam mana nak sayang, melindungi dan memelihara ibu bapa mereka. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita tidak boleh biar perkara ini berlaku dan saya berdoa supaya Malaysia tidak akan menjadi salah satu negara di mana kerajaan terpaksa mengajar dan membuat program-program spesifik untuk menentukan anak-anak menghormati dan menjaga ibu bapa mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya nak sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, saya baca baliklah sebab ia di tengah jalan tadi ya. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pihak Kementerian ingin menjelaskan bahawa pekerja seks atau *sexual worker* adalah tidak diiktiraf sebagai pekerjaan yang sah di negara ini. Dengan itu pekerjaan ini adalah satu kesalahan di bawah undang-undang negara. Dalam hal ini statistik yang diperoleh adalah berdasarkan tangkapan pihak berkuasa polis. Bagi tahun 2002 hingga 2004 tangkapan ke atas pekerja seks tempatan adalah seperti berikut:

Tahun 2002 -353 orang

Tahun 2003 -257 orang

Tahun 2004 -159 orang

Manakala tangkapan warganegara asing yang disyaki menjalankan aktiviti pelacuran adalah seperti berikut:

Tahun 2002 - 5,149 orang

Tahun 2003 - 5,575 orang

Tahun 2004 - 5,783 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi dan menangani masalah ini pihak kementerian telah menganjurkan beberapa seminar dan forum bagi memberi pendidikan dan pendedahan kepada wanita mengenai bahaya dan kesan buruk aktiviti seksual termasuk melibatkan diri sebagai pekerja seks. Pada masa yang sama, jika tidak ada pelanggan, maka tak adalah aktiviti ini.

Menyedari bahawa kebanyakan wanita kurang memahami hak mereka di sisi undang-undang, program Literasi Undang-undang telah dilaksanakan bagi melindungi mereka daripada menjadi mangsa diskriminasi. Selain dari itu, bagi melindungi pendatang asing yang dipaksa melacur, kementerian telah membawa isu ini kepada Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kesaksamaan gender dan Jawatankuasa Kabinet berkenaan telah pun bersetuju supaya diadakan sebuah pusat perlindungan khas bagi mangsa-mangsa tersebut. Kementerian kini sedang menyemak dan mengkaji undang-undang sedia ada selain mengenal pasti premis bagi mewujudkan pusat perlindungan tersebut.

Bagi melindungi isteri-isteri yang dijangkiti HIV/AIDS daripada suami yang menjadi pelanggan kepada pekerja seksual, kementerian melalui jabatan mengenai wanita, giat menganjurkan kempen kesedaran HIV/AIDS khusus untuk memberi pendedahan kepada mereka mengenai penyebaran HIV/AIDS. Selain itu, kementerian sentiasa bekerjasama

dengan agensi berkaitan bagi mencari pendekatan yang lebih *holistic* dan komprehensif untuk menangani penularan HIV/AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakam ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan dan cadangan yang membina terhadap pelbagai isu yang menyentuh kementerian.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah pendekatan yang lebih *holistic* akan termasuk juga mendidik pekerja-pekerja seks tentang kegunaan kondom dan juga adakah mungkin seperti di Thailand bahawa semua pelanggannya mesti dipujuk menggunakan kondom, kalau tidak tak boleh layan pelanggan seperti ini, atau pun pelanggan ini akan dihukum kalau ditangkap. Jadi adakah kementerian Yang Berhormat akan timbang supaya demi menjaga bukan sahaja pekerja-perkara seks?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah Yang Berhormat

Puan Chong Eng: Tetapi juga pelebaran HIV dan penyakit-penyakit yang lain.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, setakat ini kita tidak ada rancangan untuk program seperti itu sebab banyak program seperti ini dijalankan melalui Kementerian Kesihatan. Untuk kementerian kita melihat tentang polisi-polisi yang membabitkan isu ini. Namun begitu, pihak kementerian kita akan bekerjasama khususnya dengan Majlis HIV/AIDS untuk menentukan apa-apa jua program yang dijalankan, kumpulan sasarannya seperti *sex workers* ini mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa berusaha untuk memperbaiki jentera pelaksanaan dan sistem penyampaian dari masa ke semasa supaya perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik kepada golongan sasaran dan memastikan tidak ada pihak yang berasa terpinggir atau diketepikan.

Pandangan dan saranan Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian bagi kementerian ini untuk melakukan yang terbaik demi rakyat dan negara. Sekian dan saya ucapkan terima kasih dan selamat berpuasa kepada semua yang hadir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

5.40 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah banyak memberikan cadangan dan pandangan serta membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Saya juga amat menghargai minat dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa depan ekonomi negara kita tidak boleh terus bergantung kepada sumber-sumber pertanian yang murah seperti getah dan kelapa sawit dan industri yang berasas kepada upah yang murah. Negara perlu bergerak ke arah ekonomi baru iaitu k-ekonomi yang berasaskan kepada pengetahuan dan nilai tambah yang tinggi. Kita perlu memberi penekanan kepada penguasaan pengetahuan dalam bidang-bidang ekonomi baru seperti bioteknologi, ICT dan nano teknologi. Melalui penemuan-penemuan baru ini harapan kita negara akan dapat menghasilkan teknologi dan produk-produk bagi perwujudan peluang-peluang pekerjaan dan kemakmuran ekonomi negara di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima cadangan dan saranan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor agar kerajaan cuba mempertingkatkan dalam jangka masa yang panjang pada tahap dinaikkan peratus sumbangan pada R&D ke tahap 2.5%, 2.5 peratus dijangka yang panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Sebelum itu, tadi permulaannya tadi di mana Yang Berhormat Menteri kata bahawa masa depan bergantung kepada *resources* yang lama bahawa k-ekonomi *k-worker* yang sangat mustahak dan bukan perkara benar bahawa sudah jatuh dalam tanggung jawab bidang kementerian Yang Berhormat Menteri, yang bertanggung jawab untuk menarik apa yang boleh disifatkan sebagai *'The World Stock K-Workers, the most creative, most skill'* dan ada satu sasaran yang ditetapkan sejak 2002. Setiap tahun, dengan izin untuk menarik *Five thousand top k-workers, extraordinary world citizen, extraordinary talent, extraordinary creativity, extraordinary knowledge, extraordinary skill, extraordinary net working and other, capabilities as the whole area of human capital is critical to out of performance and global competitiveness*. Setahun lima ribu yang termahir pekerja sekali di dunia boleh tarik mereka datang ke Malaysia supaya boleh *propel* k-ekonomi, sudah empat tahun, adakah kita berjaya? Adakah mengikut sasaran itu dua puluh ribu, adakah kita dapat dua puluh?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, sebab itu Yang Amat Berhormat telah mengumumkan cadangan menubuhkan sebuah Institut Pembangunan ICT sebagai contoh untuk melihat isu-isu ini. Nantilah, Yang Berhormat kalau dibenarkan saya sentuh perkara ini kemudian.

Kalau saya berbalik kepada isu yang dibangkitkan, sebagai sejarah. Pada Rancangan Malaysia Ketujuh, kita membelanjakan RM0.39 sahaja dari segi statistiknya GNP untuk R&D, Rancangan Malaysia Kelapan RM0.69 dan insya-Allah, kerajaan sedar ini amat rendah. Oleh sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam ucapan belanjawan mengumumkan untuk tahun 2006 sahaja satu peruntukan yang amat besar sekali iaitu RM868 juta untuk R&D. Ini merupakan satu peruntukan yang merupakan satu lonjakan yang amat besar sekali dalam sejarah negara.

Kalau kita lihat dari segi sejarah pula, pukul rata hanya RM200 juta setahun sebelum ini, tapi untuk 2006 RM868 juta. Ini apa yang disarankan oleh Yang Berhormat merupakan satu komitmen kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri merasa komited bahawa kita mesti mengangkat peruntukan dana-dana kita untuk R&D dan untuk akan datang ini insya-Allah kita akan cuba secepat mungkin untuk masa akan datang sampai ke tahap seperti yang kita lihat di negara-negara maju iaitu pada tahap 2.5%.

Dato' Razali bin Ismail: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang penting kepada kementerian ini adalah tentang inovasinya. Saya hendak tahu setakat manakah kita telah membina stok ilmu ataupun stok pengetahuan ataupun *knowledge stock* ini. Setakat manakah kementerian telah berhasil melalui penyelidikan yang telah dibuatnya itu telah membina stok ilmu ini dan sejauh manakah pula stok ilmu yang ada itu dikongsi bersama dengan pelbagai agensi yang lain sama ada di universiti ataupun agensi-agensi yang lain sebab daripada *knowledge stock and sharing of this knowledge stock* adalah merupakan satu *indicator* yang menjanjikan kejayaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Satu pandangan yang baik. Kita memang dari segi statistiknya ada dua bentuk statistik. Satu, kepakaran yang ada, jumlah, katalah saintis yang ada di negara kita berapa jumlah yang ada Ph.D, berapa jumlah yang ada *master*. Kita baru bermula di bawah satu agensi di bawah Kementerian MOSTI tetapi kita belum lengkap lagi, kita belum puas hati.

Yang keduanya pula, *the stock taking of the knowledge* yang ada ini pun baru kita mula. Yang kita ada di kementerian hanya R&D yang ada hanya kertas-kertas kerja atau IP-IP ataupun penemuan-penemuan yang diusahakan ataupun dibiayai oleh dana kita sahaja. Tetapi mana-mana kajian yang dibuat oleh swasta ataupun institusi-institusi yang lain tidak ada. Oleh itu memang benar saranan Yang Berhormat, kita sedang bermula. Pertama, *to take stock of all the scientist*, kepakaran mereka dan di mana mereka, sama ada di Malaysia atau di luar negara, di bawah konsep *brain gain* tidak lama lagi yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang kedua, *stock taking* dari segi penemuan-penemuan dan ilmiah-ilmiah yang ada - *papers* yang kita *published*, IP yang kita *apply* yang kita ada *somebody in* Malaysia

ataupun di luar negeri. Insya-Allah bagilah masa, kita akan berusaha melaksanakan secepat mungkin.

Terakhir untuk R&D ini, saya ingin mengajak para saintis tempatan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Let me finish this sentence.* Saya ingin mengajak para saintis tempatan dan swasta, begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu R&D ini hanya boleh diusahakan dan diinisiatifkan oleh para saintis tetapi sekarang ini oleh kerana kita hendak membawa isu bahawa satu permasalahan yang kita ada sekarang ini, apa dia ilmu atau penemuan yang ada amat kurang sekali kita bawa ke dalam pasaran. Sebab kalau kita lihat dari segi ekonomi baru yang akan datang, kita mesti menjana peluang pekerjaan dan kita kena menjana kemakmuran negara.

Kalaulah penemuan-penemuan atau *research* itu hanya tinggal di makmal sahaja, tidak dibawa ke dalam pasaran, bermakna pelaburan itu tidak membawa pulangan kepada negara. Oleh kerana itu perkara yang kedua yang saya lupa saya hendak beritahu Yang Berhormat tadi bahawa kita juga bukan ambil stok sahaja tetapi mahukan stok ini dibawa kepada *end gamenya* untuk menjana kemakmuran dan peluang pekerjaan negara. Oleh itu saya merayu kepada para saintis tempatan dan pihak swasta supaya marilah kita mengambil peluang daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengumumkan RM868 juta dana R&D untuk sama-sama kita membangunkan teknologi produk masa depan demi menjana kemakmuran negara.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai R%D dan peruntukan RM868 juta. Adakah kementerian berkenaan ada rancangan spesifik dan konkrit untuk menyertai bidang yang baru semacam menubuhkan satu institusi bioteknologi, oleh kerana ini adalah satu bidang yang baru termasuk Institusi *Nano Technology*. Oleh kerana cabaran dan *nano science*, *monocular* dan nanoteknologi adalah bidang yang sangat mustahak dan bukannya benar bahawa di universiti-universiti, IPTS yang sudah mengabaikan R&D dan adakah usaha untuk memperkukuhkan usaha ini dalam universiti-universiti kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar dari segi kita hendak menyelaraskan supaya pendekatan kita *holistic* dan untuk *biotech* kita telah menubuhkan *Biotech Corporation*. Ini sudah ditubuhkan. Mungkin nanti kalau Yang Berhormat hendakkan maklumat, saya boleh bagi taklimat sedikit tentang *Biotech Corporation*.

Tuan Lim Kit Siang: Nanoteknologi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanoteknologi pada prinsipnya Kabinet telah bersetuju ditubuhkan satu Institut Nanoteknologi. Namun demikian kita masih lagi melihat kapasiti yang ada di universiti-universiti. Banyak universiti yang baru-baru, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa melihat satu pusat nanoteknologi di Johor Bharu, di Universiti Teknologi Malaysia telah mengumumkan kerajaan akan menubuhkan satu Institut Nanoteknologi Negara. Kita juga ada kepakaran nanoteknologi di universiti-universiti yang lain. Saya sedang berbincang dengan Menteri Pengajian Tinggi bagaimana kita hendak menyatukan usaha kita dengan mengadakan satu institut di peringkat Persekutuan. Pada masa yang sama kita jangan lupa dengan kapasiti yang ada di universiti-universiti dan diselaraskan dalam satu usaha negara yang terselaraskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kembali kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Temerloh dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang isu-isu ICT dan khususnya kepada badan pelaksanaanya, MSC. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sejak pembangunan ICT dilaksanakan di negara kita, MSC telah berjaya berkembang dengan pesat. Kita ada 1,354 syarikat yang telah dianugerahkan status MSC dan begitu juga kita telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 26,434 pekerja berilmu di syarikat-syarikat MSC. Kita juga telah berjaya di mana syarikat-syarikat ini membuat penjualan atau mewujudkan penjualan kira-kira RM6 bilion, manakala jumlah eksport MSC untuk tahun

2004 adalah sebanyak RM1.57 bilion. Oleh kerana itu, tidak begitu adillah tuduhan Yang Berhormat bila dibandingkan dengan *silicon valley*.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya baca satu komen blok saya mengenai MSC dan saya relevan untuk dapat balasan ialah seorang *software engineer*, dengan izin, dan dia kata "*Particularly observant about the progress of the software development field in Malaysia. As far as my personal observation is concerned, quite a number of software firms granted with MSC status are performing below expectation in term of technology, utilization and quality assurance*". Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu apa langkah yang diambil untuk memastikan bahawa *MSC status companies* yang terlibat dalam *software development at the high end, not at the low end*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, kita memang dari masa ke semasa kita mesti ada *benchmark* membandingkan kita dengan negara yang lebih maju atau pusat-pusat yang lebih maju. Namun demikian kalau kita melihat, Yang Berhormat bandingkan dalam *Hansard* Yang Berhormat tentang *silicon valley*. *Silicon valley* yang dimajukan dalam negara adalah yang paling maju di dunia dan mempunyai access, infrastruktur dan model kewangan dan model ilmu yang terbaik. Oleh kerana itu kita perlulah juga bagi *recognition* kepada kemajuan yang dibuat oleh MSC. Kalau tidak nanti, kasihan anak-anak Malaysia kita yang cuba berusaha di MSC sana.

Tentang apa Yang Berhormat katakan tadi kita berusaha untuk meningkatkan lagi usaha-usaha bagaimana untuk meningkatkan lagi, sebagai contoh, untuk maklumat Yang Berhormat, kita ada 53 syarikat antarabangsa yang telah berpangkalan di MSC dan lebih kurang 1,000 syarikat tempatan yang berdaftar sebagai MSC. Selain daripada itu juga kita telah bangukan 7 aplikasi perdana dan membangunkan juga dengan mencapai jualan sekurang-kurangnya syarikat ini seperti yang saya katakan tadi, bukan sahaja menjual sehingga USD1.6 bilion tetapi telah eksport kepada negara-negara OIC, ASEAN, Timur Tengah dan juga dalam MASDEC sendiri, *market capitalization* syarikat ICT ini melebihi RM1.5 bilion. So dengan izin, *I think you elok juga will take pride* tentang kejayaan kita. Ini akan memberikan satu sumbangan suntikan moral yang amat baik kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang kita bangga kalau ada lebih 50 syarikat antarabangsa di dalam MSC kita. Cuma kita hendak tahu apakah produk yang mereka hasilkan di Malaysia ini dan juga yang terbesar sekali ialah Bill Gate mengapa dia lari ke Bangalore dan ke negara-negara lain, tidak berminat di dalam MSC Malaysia. Hanya ada syarikat kebajikan sahaja yang bermodal kecil. Kalau kita begitu berjaya, mengapa gergasi macam ini kita tidak dapat tarik ke negara kita, ini penting sekali. Saya hendak menyaksikan Yang Berhormat berusaha untuk menarik mereka ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Sebelum saya menjawab, sedikit latar belakang tentang kejayaan. Kita ada *MyKad*. Ini aplikasi perdana, *government multi purpose smart card*, dengan izin. Ini telah digunakan di Malaysia oleh 16 juta orang dan sekarang banyak negara lain mahu menggunakan produk yang kita bina ini. Kita juga bina aplikasi-aplikasi yang lain. Ada syarikat-syarikat yang kita sungguh bangga sekali seperti syarikat sampai ke tahap antarabangsa seperti syarikat bernama REDtone Telecommunications, Green Packet Sdn. Bhd., Iris Technologies (M) Sdn. Bhd. yang membuat pasport kita dan memasarkan produk mereka ke luar negara.

Namun demikian, Yang Berhormat bagi Kepong, saya menerima hakikat kita jangan hanya berpuas hati dengan kejayaan yang kita ada. Namun demikian kita tidak menolak juga bahawa kita terus berusaha untuk meningkatkan lagi seperti membawa tokoh-tokoh yang besar misalnya Microsoft. CEO Microsoft akan datang ke Malaysia tidak lama lagi, bulan hadapan dan saya sendiri akan berjumpa dengan beliau. Saya akan bawa beliau berjumpa dengan Perdana Menteri dan kita juga akan membuat *public talk* sedikit. Saya akan bawa mereka untuk *luncheon talk* bagaimana CEO Microsoft akan berjumpa dengan kita. Dan ini juga kita dalam pelaksanaan isu *open soource* tadi. Saya akan sentuh nanti. Ini penting juga. Kalau kita hanya *embrace totally open source*, tolak *commercial*

software, macam mana kita boleh menarik Microsoft. Dasar-dasar ini kita perlu imbang supaya pada masa yang sama kita kena bina industri tempatan dan kita jangan lupa membawa pelabur terus datang ke negara seperti juga Microsoft.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya akan bincangkan lebih *detail*, lebih terperinci mengenai pihak teknologi pada peringkat Jawatankuasa. Cuma ini tadi Yang Berhormat ada menyebut mengenai MyKad. Dengan pengalaman Yang Berhormat seperti Ph.D di McGill itu baiklah. Bolehkah Yang Berhormat mengkaji siapa membekal MyKad ini, syarikat apa, apakah kos MyKad ini dan sebagainya dan menerangkan kepada Dewan ini macam mana kita berjaya untuk melaksanakan MyKad yang *inventoried* ataupun dipelopori di Malaysia, bukan *rinvention* dia, ambil teknologi yang lain dan juga ada inovasi, bukan *invention*, inovasi. Memang ada inovasi tetapi saya hendak mengetahui siapa yang membekal dan apakah kosnya? Bolehkah kita dapat MyKad yang lebih murah lagi, kualiti dan juga setakat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Akhir sekali, satu soalan sahaja. Bolehkah diklon MyKad ini? Adakah setakat ini didapati ada *cloning*?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Memang pada peringkat awal dia punya cip, sebagai contoh, ia tidak dibina oleh *fabrication plant* kita, sama ada di Seltara ataupun di Sarawak. Sekarang sudah ada arahan semasa saya di Kementerian Kewangan supaya mereka menggunakan cip kita sendiri. Memang kita akan terus meningkatkan nilai tambah tempatan kita dan pada masa yang sama kita hendak tinggikan juga kurangkan kos. Ini usaha berterusan yang kita buat.

Yang sebenarnya kita baru mengeluarkan sedikit R&D dana untuk mereka bagaimana hendak meningkatkan lagi dia punya kemudahan-kemudahan supaya menghindarkan daripada isu-isu seperti *cloning*, tambahkan lagi dia punya kemudahan, *facilities and options*. Ini peningkatan dari masa ke semasa. Sebab itu kita bagi sedikit peruntukan kepada mereka supaya dapat dieksport produk ini. Kita mahu lebih banyak aplikasi dimasukkan dalam *MyKad* ini. So bagilah masa kepada mereka. Sekurang-kurangnya mereka sudah dapat mengedar produk mereka ke luar negara dan untuk keluar negara itu mereka perlu membina facilities atau kemudahan-kemudahan yang lain seperti juga kemudahan keselamatan tambahan supaya menghindar daripada apa yang dinyatakan tadi seperti *cloning* dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang R&D. Saya sudah sebut, memang kalau tidak ada R&D, tidak mungkin kita wujudkan produk-produk yang baru yang kita bangga seperti syarikat REDtone Telecommunications, Green Packet Sdn. Bhd., Iris Technologies (M) Sdn. Bhd. dan semua ini mendapat dana daripada R&D kita di bawah Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan MSC bernama MGS dan *MSC Strategic Thrust Area In Research (STAR)*. Dengan dana yang kita beri itu mampu mereka mengeluarkan produk ini dan kita bangga mereka telah eksport produk-produk ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor bahawa bila kita membangunkan ICT atau pelaksanaan ICT negara tidak mahu hanya tertumpu kepada kawasan tertentu. Ini sudah menjadi hasrat Yang Berhormat Perdana Menteri. Beliau tidak mahu mana-mana kumpulan tertinggal kawasan tertinggal dari pelaksanaan ICT ini.

Oleh kerana itulah baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan fasa kedua. Kalau peringkat awal kita terpaksa tumpukan ke kawasan tertentu MSC kerana lapan tahun dahulu bila kita melancarkan pelan pelaksanaan ICT negara, negara kita tidak ada prasarana. Oleh kerana itu kalau kita hendak laksanakan semua negara tidak semestinya kita dapat tumpukan pembangunan kita. Oleh kerana kita tumpukan kawasan MSC, Cyberjaya dan sekarang sampailah masa kepada kita peringkat kedua kita hendak *roll out*, kita perlu pastikan pelaksanaan di seluruh negara pula.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya adakah Yang Berhormat Menteri ingat itulah kritikan saya tujuh lapan tahun dahulu bahawa itulah kelemahan MSC tidak boleh terhad di dunia *borderless world, borderless world*. Kita mahu *border* MSC. Itu bukannya satu *contradiction* bagaimana boleh *border* MSC dalam satu *borderless world*. Itulah sebabnya kenapa MSC sekarang satu *real estate* sahaja, tidak lebih daripada satu *real estate*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, kalau kita melihat dalam sejarah banyaklah ulasan-ulasan kita. Tapi biarlah saya tumpukan kepada ini yang sebenarnya sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasa amat penting sekali tumpuan diberi juga ke luar kawasan MSC kita di Cyberjaya.

Sebagai contohnya baru-baru ini kita ada lancarkan di Pulau Pinang dan Kulim yang juga kawasan *cyber* dan begitu juga memandangkan negeri-negeri lain juga yang berminat Yang Berhormat seperti Johor, Melaka, Terengganu dan Pahang. Kerajaan juga bersetuju menubuhkan MSC *cyber city* dan MSC *cyber centre* bagi kawasan-kawasan yang mahukannya dan penghuni juga boleh berinfrastruktur yang boleh memenuhi MSC *built guarantee*.

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tanjong. Ini bakal yang mengambil alih DAP akan datang.

Tuan Chow Kon Yeow: Suka hatilah. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Mengenai jawapan Yang Berhormat tadi mengenai *cyber city* di negeri Pulau Pinang dan lain-lain tempat di negara ini. Saya ingin Yang Berhormat memberitahu Dewan ini sama ada berapakah *cyber city* yang mungkin dan akan diwujudkan di negeri Pulau Pinang.

Kita sudah tahu bahawa sudah ada pengumuman untuk ada satu *cyber city* di bahagian selatan Pulau Pinang dan baru-baru ini saya pun nampak dalam *brochure* pemaju-pemaju hartanah di negeri Pulau Pinang meletakkan Bertam dan juga Kulim sebagai *cyber city* kedua dan *cyber city* ketiga. Sama ada ini benar membayangkan hasrat kerajaan untuk menubuhkan *cyber city* di tempat-tempat ini ataupun memang ini cuma *sales pitch* yang dilakukan oleh pemaju-pemaju hartanah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak tahulah. Ipoh Timor hendakkan kita laksanakan ICT di seluruh negara tapi Tanjong tidak bersetuju pula.

Cik Fong Po Kuan: Tanya sahaja!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa] Macam mana hendak ambil alih DAP? Bos cakap pun dia tidak bersetuju, dia tidak sokong. Di Pulau Pinang Yang Berhormat Tanjong, kita bersetuju hanya di Bayan Lepas setakat ini. Tetapi kita...

Cik Fong Po Kuan: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Batu Gajah ini sokong benar Tanjong ini, ada pakatan hendak ambil alih DAP ke?

Cik Fong Po Kuan: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, menteri teruskan menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *You interrupt*. Saya hendak jawab. Bagilah saya jawab. Bagi saya jawab. Kita bersetuju hanya...

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *I don't want to start. Yes I am serious but....*

Tuan Chow Kon Yeow: Menteri mesti ada standard...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada.

Tuan Chow Kon Yeow: ...khususnya Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak menjawab tapi...

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tidak ada standard janganlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada. Tapi Tanjong punya question.....

Tuan Chow Kon Yeow: Itu kementerian yang amat penting.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *No, no, no. I answer you but* dengan izin Tanjong punya *question contradicting* Ipoh Timor.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak ada.

Cik Fong Po Kuan: Mana ada!

Tuan Chow Kon Yeow: Saya cuma nak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Mana ada *contradiction*. Kalau pengumuman yang sahlah dibuat saya terima. Tetapi di Bertam di Kulim saya ingin tahu dari...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya...

Tuan Chow Kon Yeow: ...kementerian dan kerajaan apakah sudah diumumkan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada satu...

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan membiarkan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: ...pemaju hartanah menggunakan perkara-perkara ini untuk jual hartanah mereka.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu pandangan yang baik.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu yang penting untuk rakyat dan pembeli-pembeli hartanah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tanyalah...

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan memberi maklumat yang palsu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Tanjong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah.

Tuan Chow Kon Yeow: Jawablah!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk dahulu. Yang Berhormat tidak mengikutkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan di Pulau Pinang bahawa kawasan Bayan Lepas dijadikan satu kawasan MSC *Cyber City*, di Pulau Pinang sendiri. Mungkin Yang Berhormat tidak ada di Malaysia. Tapi saya terima pandangan Yang Berhormat tadi, hendak tanya dua point. Saya terima pandangan Yang Berhormat bahawa kadang-kadang...

Tuan Chow Kon Yeow: Bila saya cakap?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah jawab.

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya jawab. Tetapi kalau ada syarikat-syarikat hartanah yang memberikan maklumat yang salah, mengatakan kawasan-kawasan mereka *cyber city* untuk meningkatkan nilai harga sila buat laporan kepada saya. *No problem*. Kita boleh ambil tindakan. Kita terima pandangan kadang-kadang syarikat hartanah menyalahgunakan mengatakan kawasan mereka kawasan *cyber city* dengan harapan mendapatkan nilai hartanah mereka tinggi, itu tidak sewajarnya berlaku. Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah pun pukul 6 petang, Yang Berhormat Ipoh Timor ada membangkitkan isu tentang *digital divide*. Banyak telah diperkatakan isu ini. Ringkasnya ialah memang dari segi isu *digital divide*, kalau kita hendakkan model yang Ipoh Timor sebutkan semalam Korea, mengapa Korea punya *penetration rate is very high unlike* kita. Ini berlaku semasa berlaku kegawatan ekonomi dalam negara mereka. Kita jangan lupa dahulu mereka menggunakan *pump priming* mereka membina bangunan-bangunan dengan fizikal infrastruktur mereka *optical fiber*. Itu satu tindakan negara pada ketika itu oleh sebab itulah negara mereka amat tinggi dari segi *penetration* ratenya.

Di Malaysia kalau kita hendakkan juga satu *broadband penetration* yang tinggi, kalau kita menggunakan satu sektor dan strategi yang sama kemungkinan kita akan mengambil perbelanjaan yang amat besar sekali dan kita tidak mampu. Oleh itu, satu teknologi baru yang kita lihat mempunyai satu masa depan yang baik iaitu teknologi tanpa wayar itu *wiremax*. Kita telah cuba *roll out* satu *test bid* baru-baru ini di Kepala Batas pula pinang melihat bagaimana *wiremax* ini sebagai *wireless of broadband connection*.

Kalau ini berjaya, dijangka boleh ditunjukkan di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dapat *broadband connection* sehingga 8km. Tetapi dijangka teknologi ini akan terus maju, *mature*, dengan izin sehingga kira-kira dua tahun lagi sampai tahap 40km. Kalau ada *broadband connection wireless* 40km, insya-Allah, saya yakin bahawa kemungkinan kita sudah ada satu *solution*, satu pendekatan insya-Allah di luar bandar juga kita boleh mendapat satu *connection broadband*. Ini kerana apa tuntutan negara seperti Yang Berhormat bersetuju mengapa luar bandar itu tidak dapat *broadband connection* walaupun mereka tidak pergi sekolah.

Saya harus buat satu cerita mengatakan Orang Asli di kawasan saya dan dia mahu menjual ikan katakan *the ornamental fish*. Kalau *with broadband connection* dia boleh *just* ambil gambar ikannya, masuk dalam *whatever the fish market* yang ada *virtual fish market*, orang di New York atau Singapore boleh beli ikan yang saya nyatakan tadi, *the ornamental fish*. Bermakna nanti rakyat yang dahulunya dalam ekonomi yang pertama boleh melonjak ke ekonomi yang ketiga, tidak payah masuk lagi ekonomi yang kedua. Sebab itulah amat penting sekali kita pastikan seluruh negara kita mendapat *broadband connection* ini secepat mungkin dengan cara ala kadar insya-Allah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dengan adanya teknologi *wireless* ini kita nampak dapat mempercepatkan apa Yang Berhormat sarankan juga dahulu...

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...dan seperti dasar kita sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi satu keterangan kenapa South Korea lebih maju dalam *broadband*. Kita sudah hilang lapan tahun. Sekarang kita harap bahawa *wireless* ini pun boleh membantu kita mendapat

penetration rate yang tinggi. Tetapi empat tahun South Korea akan lebih ke hadapan. *We will be just catching somebody's tail*. Tapi apa yang mustahak sekarang ini bukanlah teknologi. Teknologi baru akan wujud tetapi ialah sama ada *political will* untuk memperkenalkan satu sistem.

Kedua, dan ini kita lihat baru-baru ini rakan Yang Berhormat Menteri ada cadang, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi ada cadang supaya tiga kementerian yang ada bertanggungjawab dalam bidang ini kementerian digabungkan supaya satu kementerian yang efisien dapat diwujudkan. Ini saya bersetuju. *Rationalize*. Siapa akan menjadi Menteri itu hal yang lainlah. Oleh kerana komunikasi, penerangan dan sains semua kelimah kabut. Ada isu-isu yang jatuh ketiga-tiga kementerian. Bagaimana kita boleh efisien? Bagaimana teknologi kita boleh *advance* apabila kita begitu *bureaucratically mad*. Tiga kementerian. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahulah dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...bagaimana ini tidak *dirationalize*kan. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa patutlah ketiga-tiga kementerian ini digabungkan supaya lebih efisien.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu kita ada kabinet. Sebab itu di sinilah kita akan bincangkan setiap hari Rabu apa jua isu-isu kerjasama atau pertindihan atau pengurusan antara kementerian. Sebab itu kita ada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk menyelaraskan isu ini dan kita juga ada juga kabinet *subcommittee*...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua...[*Ketawa*] Saya jawab dia tidak bersetuju. Kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskan jawapan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Teruskanlah. Dia memang pembangkang memang tidak bersetuju apa jua yang kita katakan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab tadi satu dari segi *wireless connection*. Yang kedua, dua lagi perkara yang kita perlu selesai. Kalau hendakkan hapuskan jurang digital antara luar bandar dengan bandar ialah dari segi pembangunan *content* itu, kandungan itu sendiri.

Sebab dalam kandungan ini kadang-kadang kita banyak anak-anak muda sekarang ini sudah berkecimpung dalam minat membina *content* sedikit-sebanyak disentuh oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tadi bahawa di MDC juga menjadi satu tanggungjawab mereka membina *content development* di negara kita dan untuk menggalakkan ini tidak lama lagi MOSTI melalui MDC akan dibina satu rangka ataupun infrastruktur *content* yang dipanggil *engine content development* untuk kita bina supaya anak muda kita dapat menggunakan, supaya mereka dapat mencungkil bidang *content development* ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua dari segi *digital divide* ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Kepong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya habis dahulu? Hendak habis nanti saya jemput. Iaitu kita mesti ada satu *device* anak-anak orang luar bandar yang mampu membelinya sebab PC amat mahal *at the lowest* sekarang dapat RM1,000. Harapan kita dapat satu produk lebih kurang RM500. Orang kampung boleh membelinya dan boleh menggunakannya bukan sahaja sebagai *hand phone* tetapi boleh juga menggunakan untuk akses digital mereka kepada internet. Kalau mereka ada satu *device* satu alat pada angka RM500 *content*nya boleh diisikan dan *content*nya itu juga boleh *content* dalam bahasa Malaysia, boleh menggunakan dalam bahasa Malaysia dan

ada *connection* dengan *broadband*, insya-Allahlah. Bermakna orang itu di luar bandar mereka mampu memasuki alam ekonomi baru melalui internet dan untuk mereka memasuki k-ekonomi ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang mahu buka puasalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, saya tahu. Saya pun hendak buka puasa juga. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: ...penjelasan, penjelasan. Ini memang bernas. Saya hendak tolong Menteri kita...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak payah!

Dr. Tan Seng Giaw: Kerana dia ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus Yang Berhormat Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bernas itu beras?

Dr. Tan Seng Giaw: Tolong dia sama-sama kita membangunkan negara. *Digital divide* ini ada *software*, ada banyak alat dan sebagainya hendak dimajukan dan sebagainya. Cuma satu soalan, apakah koordinasi di antara kementerian dengan Kementerian Pendidikan kerana yang penting sekali ada *software*, ada alat itu satu perkara. Yang penting sekali bolehkah alat dan perisian ini dapat digunakan dengan berkesan di seluruh pelosok negara kita. Ini penting sekali. Saya nampak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: ..pendidikan tidak cukup. Memang tidak cukup. Ketinggalan zaman.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang bernas. Saya tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: ...dia tunjukkan alat itu apa gunanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak tahu macam mana digunakan di seluruh negara dengan berkesan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Kepong. Selain daripada yang dinyatakan tadi kita boleh bawa perkara ke dalam kabinet. Kita ada jawatankuasa khas untuk ICT. Jawatankuasa pelaksana peringkat Kabinet yang dipanggil *Implementation Council* ICT dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan Menteri Pendidikan, Menteri Kesihatan ada bersama. Dalam *council* ini nanti perkara-perkara yang dinyatakan oleh Kepong dapat dirumuskan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, okey terakhir. Dua perkara ini okey, oleh sebab Yang Berhormat Menteri bersetuju, ini mustahak supaya melibatkan lebih orang termasuk Ahli-ahli Parlimen dalam perkara ini supaya lebih *conversion* dalam ini, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dan akan menyokong dan menyampaikan kepada Kabinet, menubuhkan satu *Parliamentary Select Committee* mengenai *information technology* tak payah? Oh, "*stupid bloody old man*" – enoughlah...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, cukup.

Seorang Ahli: *Yes, that is you...*

Tuan Lim Kit Siang: Cukup tak payahlah, ini mustahak, tak payahlah, itu tinggalkan, ini *information technology*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita mungkin tak bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timor kerana dia Ketua Pembangkang, tetapi hendak menindakkan diri Yang Berhormat sampai begitu pun tak manis, kita mungkin tak bersetuju, tetapi peribadi Yang Berhormat ada juga pemikiran yang baik, walaupun tak bersetuju antara dasar *so, do not for you to say like that, not nice*.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *No, no* diri you, you kata diri you sendiri tadi kan? *You* kata, "*Stupid old man*" tadi? Ada orang kata, diri you.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *No, no* saya takut Yang Berhormat kata diri Yang Berhormat begitu, saya kata tak manis. Saya salah dengar.

Tuan Lim Kit Siang: "*Stupid*" tetapi ada orang yang ada *vocabulary* lima perkataan sahaja "*damn bloody stupid old man*". Itu oranglah atau orang itu. Itu orang Barisan Nasional.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, oleh kerana menjimatkan masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Lim Kit Siang: Dahulu Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah. Sekarang Timbalan Yang di-Pertua dalam UMNO pun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Ipoh Timor oleh kerana menjimatkan masa Yang Berhormat ada membawa perkara tentang isu-isu perisian sumber terbuka dengan isu *software*, boleh saya buat secara bertulis tak jawapan? Sebab menjimatkan masa ya, saya ada nota dua muka, saya akan tulis kepada Yang Berhormat *two pages on this issue of open source*, dengan...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...bagilah masa saya banyak lagi hendak sentuh ini bagilah, kita hendak habis 6.15.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat isu tentang *open software*, dengan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey, terima kasih. Saya hendak sentuh sedikit sebanyak tentang biotek, biotek ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mambong, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Pendang, dan Yang Berhormat Kelana Jaya dan seperti kita maklumkan dasar biotek telah diumumkan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 April 2005, makna tertubuhlah biotek negara satu badan agensi dipanggilkan Perbadanan Bioteknologi Malaysia, Biotek Corporation.

Saya akan edarkan sedikit brosur tentang Biotek Corporation ini untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat tentang perancangan dia, pelan-pelan dia, sasaran dia. Sebagai contoh bagi tahun 2020 kita sasarkan supaya biotek merupakan lima peratus daripada GDNP kita, itu sasaran kita.

Sedikit tentang *Malaysian Life Sciences Fund* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. *Life Sciences Fund* ini ialah menghayati bahawa kadang-kadang penemuan-penemuan yang kita buat ini kadang-kadang menghadapi masalah membawa pada pasaran, tak ada dana untuk membawa kepada pasaran.

Sebab itu diwujudkan satu dana khas untuk dibawa keluar di pasaran dipanggil *Malaysian Life Sciences Fund*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan RM100 juta, harapan kita nanti, kita akan kemukakan kepada EPU itu pun mungkin dalam masa lima tahun sampai *target* kita RM1 bilion. Dana-dana ini kita dapat daripada badan-badan PNB, khazanah supaya badan ini menjadi satu badan komersial dan harapan kita mana-mana yang melabur dan *returnnya* dia sekurang-kurangnya 25 peratus.

Ini satu usaha bukan sahaja kita hendak adakan dana untuk buat penemuan, tetapi kita mesti ada dana juga membawa penemuan itu kepada pasaran. Banyak ini yang dipakai *innovation*, tadi Kepong ada mengatakan *invention, discovery and innovation*. *Discovery* penemuan idea, *innovation* bawa idea *to market*. Itu beza *innovation* dengan *discovery* sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila menambahkan nama kementerian saya Sains dan Teknologi, *discovery* - penemuan, *innovation to take to market, to create job, to create wealth* - kemakmuran negara.

Itu yang dimaksudkan *innovation*, tetapi biarlah, mungkin saya akan jelaskan lagi secara yang terperinci di masa yang lain tentang isu ini, begitu juga kita mencadangkan supaya pensyarah-pensyarah kita diberikan insentif bila mereka membuat penemuan-penemuan mereka, antara yang kita lihat sekarang ini saya telah berbincang, kementerian kita sedang berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Domestik, Trade bagaimana hendak menggunakan model-model yang ada seperti Amerika, *buy don't act* dan juga akta-akta yang lain di mana saintis ini diberikan hak kepunyaan mereka *ownership* IP yang mereka buat itu nanti bila IP itu dikomersialkan dia ada hak kepada *intellectual property* yang mereka bina.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Jerai tentang isu *early warning system, national tsunami early warning system*, iaitu telah diputuskan tentang pelaksanaan sistem amaran awal tsunami negara peruntukannya RM19 juta, inya-Allah akan siap beroperasi pada hujung tahun ini, harapan kita akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan juga bukan sahaja mendapatkan maklumat itu, kita juga ada sistem untuk menghebahkan maklumat-maklumat yang ada sebab itu sekarang ini dalam masa 15 minit, kalau ada gempa bumi yang kemungkinan akan menyebabkan tsunami dalam masa 15 minit akan dihebahkan melalui media massa, sama ada melalui *caroler* ataupun *breaking news* supaya rakyat Malaysia dapat mengetahui maklumat ini secepat mungkin dan kita cuba juga mewujudkan bagi kawasan-kawasan luar bandar mungkin pukul 3 pagi, TV pun dah tutup, bagaimana?

Sebab kita cuba cadangkan supaya kita boleh menyalurkan maklumat ini melalui pembesar-pembesar suara masjid-masjid di luar-luar bandar, so masjid-masjid ini akan disampaikan maklumatnya terus kepada satu *black box* di masjid masing-masing dan pembesar suara itu akan *diactivatekan*, dan itu akan diumumkan kepada masyarakat di luar bandar ini antara satu usaha yang kita buat bagi memastikan maklumat itu disebarkan kepada seluruh rakyat Malaysia bila berlaku gempa bumi terutama sekali gempa bumi yang kemungkinan mengakibatkan kepada tsunami.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulung tentang RazakSAT, cadangan kita ialah kita hendak melancarkan lebih awal oleh sebab sedikit masalah teknikal tentang pelancar yang kita peroleh daripada Amerika, dan insya-Allah dijadual baru yang kita cadangkan pada Oktober 2006, RazakSAT ini akan dilancarkan daripada Kwajalein Atoll di Republik Kepulauan

Marshall. Yang Berhormat Parit Sulung saya akan buat secara bertulis maklumat-maklumat lain banyak juga maklumat teknikal Yang Berhormat perlukan, misal mengapa teknologi yang asalnya diambil daripada *Cambridge University* sekarang kita pula mengambil teknologi daripada Korea insya-Allah saya akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat Parit Sulung.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan semua mengenai usaha-usaha program strategi Kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu Kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat Malaysia, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingin menjemput Timbalan Menteri Pengangkutan.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan ya penjelasan, boleh? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini mana menteri? Semua menteri yang lain boleh datang, kenapa Menteri Pengangkutan tidak boleh datang? Ya, kita ada hak tahu.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berada di luar negara pada ketika ini menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-pertua, ingin saya merujuk kepada soalan Yang Berhormat Ipoh Timor berhubung dengan kos projek landasan berkembar elektrik Rawang Ipoh yang dikatakan telah meningkat daripada RM4.6 bilion kepada RM6 bilion dan adakah unsur-unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek tersebut.

Bagi makluman Yang Berhormat Ipoh Timor setakat ini tidak ada peningkatan kos terhadap kos projek tersebut memandangkan kerajaan masih membuat penilaian ke atas kos projek bagi menyiapkan baki kerja yang tertangguh oleh pihak kontraktor DRB Hicom. Berhubung dengan isu mengenai sama ada terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek tersebut adalah dimaklumkan tidak terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam pelaksanaan projek ini kerana sebarang peningkatan kos projek perlu mematuhi arahan Perbendaharaan, di samping ianya perlu mendapat kelulusan daripada agensi pusat seperti Unit Perancangan ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Selain daripada itu pelaksanaan projek ini sama ada dari segi fizikal sentiasa dipantau dan dikawal selia secara terperinci oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan bagi menjamin kelancaran pelaksanaannya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah ini satu penjelasan yang tidak bermakna oleh kerana kalau benar pertama bahawa pelaksanaan ada dipantau oleh Kementerian Pengangkutan, masalah kelewatan empat, lima tahun pun tidak akan timbul, bukan kah ini sebenarnya patut electric fight double tracking daripada Rawang ke Ipoh patut disiapkan pada tahun 2003 dan apabila Yang Berhormat Menteri yang pergi ke luar negeri sekarang dia ambil tugas sebagai – September 2003 dia ada mengumumkan bahawa double tracking ini kan disiapkan pada akhir 2005 supaya boleh digunakan awal 2006. Sekarang 2007 pun tidak boleh siap. Masa itu bukannya benar bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang baru ada menggunakan satu fast track untuk habiskan dan

nampaknya ini buat history – the slowest fast track project. Sampai sekarang belum tahu. UEM telah ambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, jangan berucap, tanya sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu tanya adakah UEM telah ambil alih daripada HICOM tetapi tidak ada kerja dibuat sampai sekarang. Pertama menunjukkan keterangan bahawa Menteri Pengangkutan ada memantau pembinaan tidak bermakna. Serupa pun penjelasan bahawa Kementerian kewangan ada EPU ada periksa daripada segi kewangan supaya tidak ada penyelewengan pun tidak ada bermakna oleh kerana kalau berkesan tidak ada timbul perlu tambah belanja daripada RM4.6 sehingga RM6 bilion, sungguhpun satu figure akhir belum ditetapkan tetapi lebih daripada RM6 bilion dan siapa akan bayar? Tax payers akan bayar. Ada penyelewengan pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimanakah kita boleh dapat satu mega skandal, bagaimana kita boleh dapat satu akauntabiliti dalam perkara ini?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa dakwaan Yang Berhormat itu tidak tepat dan tidak berasas kerana Kementerian Pengangkutan bersama Kementerian Kewangan sentiasa membuat pemantauan, itu sebab apabila kita menengokkan pihak DRB-HICOM tidak dapat meneruskan usaha dalam masa yang telah ditetapkan, itu sebab Kementerian ini telah membawa perkara ini ke Kabinet dan Kabinet telah memutuskan menamatkan kontrak DRB-HICOM ini. Itu sebab pada ketika ini kerajaan setakat ini telah menilai balik sama ada kos ini dapat dikekalkan dengan apa yang diputuskan oleh Kabinet di mana kalau diteruskan tidak akan meningkatkan lagi perbelanjaan untuk menyiapkan atau menyediakan double tracking Rawang-Ipoh ini. Jadi dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu adalah tidak benar kerana Kementerian amat memberi perhatian yang begitu serius terhadap apa yang berlaku. Apa yang dilakukan oleh pihak DRB-HICOM apabila kita mendapat laporan-laporan daripada sub-sub kontraktor yang telah dibayar oleh DRB-HICOM secepat mungkin Kementerian bertindak.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata di sini bahawa kos asal RM4.6 bilion ini, dua-dua bahagian dalam pembinaan projek *double tracking* Rawang-Ipoh tidak akan tambah. Tidak akan tambah. Adakah ini satu jaminan yang kukuh atau tidak lama lagi akan balik ke Dewan ini kata akan tambah RM1 bilion. Ini jangan main-main, ini serius. Jangan kata belum tahu. Saya kata tentu lebih kurang akan tambah RM1 bilion. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri nafikan? RM1 bilion bukan satu angka yang kecil.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat, kita tidak boleh buat jaminan di sini. Tetapi apa yang kita ketahui pada ketika ini *package infrastructure* setakat hari ini, yang telah diusahakan oleh DRB-HICOM dahulu memakan belanja RM2.579 ribu juta dan *package system* yang dilakukan oleh MISVY berjumlah RM1.6 bilion. Jadi keseluruhannya adakah RM4.249 bilion setakat hari ini.

Dengan keadaan yang berlaku pada hari ini, tidak sesiapa boleh mendugakan *the exact amount*. Tidak sesiapa saya rasa di dalam dunia ini apabila dia melakukan sesuatu projek dia boleh menduga dengan tepatnya sesuatu kos apabila projek ini adalah sesuatu projek yang mega. Saya rasa tidak ada negara yang boleh memberi suatu perbelanjaan yang tepat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang menghairankan, satu projek apabila dimulakan kata RM4.346 bilion. Apa ada *delay* 4 tahun, sekarang kata tidak tahu apa angka untuk projek ini. *What is this?* Mula tahu *cost*, apabila ada empat tahun *delay*, sekarang kata tidak tahu apa kos. Ini bukan tidak serius mengenai wang rakyat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat, lebih kurangnya kos itu kita sudah tahu, tetapi angka yang tepat kita belum tahu. Itu sebab

kerajaan menilai balik apakah kos yang kemungkinannya, sama ada meningkat atau kekal. Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Apa terma..[*Bercakap tanpa pembesar suara*] mengenai bila habis *double tracking*. Tentu ada terma atau *blank* cek bagi kepada UM sahaja, apa terma itu?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Memang di dalam sesuatu perjanjian mesti ada terms-terms nya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau saya hendak huraikan ini semua di sini, sudah tentu makan masa yang begitu panjang, sudah ada terma-terma.

Tuan Lim Kit Siang: Ciri-ciri utama sahaja. Kita tidak mahu kandungan *contract* yang baru. Ciri-ciri yang mustahak.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ciri-ciri *package* masa itu sudah, saya ada di sini tetapi...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh bagi secara bertulis.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya bagi secara bertulislah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bertulis, beritahu sekarang.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya hendak mencari ini.. memang ada, saya akan bagi bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Buka puasa, lepas itu ada masa. Kita masih bincang perkara ini, *be fair enough*. Kita *fair and square*.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya bagi secara bertulis ya. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah menyentuh berkaitan dengan isu pembelian tanah di Pulau Indah oleh Lembaga Pelabuhan Klang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Kementerian saya menjelaskan bahawa nilai tanah berkenaan pada tahun 1998 ialah RM13.50 satu kaki persegi.

Walau bagaimanapun, memandangkan kerja-kerja asas akan dilakukan ke atas tanah seperti menambun tanah, membina jalan masuk utama, perparitan, menyediakan sistem bekalan air dan berdasarkan terma-terma bayaran balik dalam tempoh 15 tahun, nilai tanah sesuainya adalah RM25 sekaki persegi dan bukannya RM27 sekaki persegi seperti apa yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab...

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada berkata inilah RM25 satu kaki persegi dan bukan RM27. Tetapi bukannya benar bahawa sebelah tanah itu yang seribu ekar yang bernilai RM1.8 bilion. Di sebelah itu tuan punya yang ada jual tanah kepada KPA Klang Authority, rela membeli tanah itu dengan harga 1/3. Di sana beli KPA, Klang Port Authority beli RM1.8 bilion. Walhal, sebelah tanah harga pasaran pada masa itu 1/3. bukannya ini menunjukkan ada penyelewengan yang besar dan bukannya benar bahawa ini menjadi teguran Ketua Audit Klang Port Authority yang menunjukkan yang pertama harga ada masalah, kedua KPA tidak ada wang. Tidak ada wang untuk bayar RM1.8 bilion. Selain daripada dapat wang dari Kerajaan Persekutuan, bagaimana KPA boleh *commit* beli RM1.8 bilion sungguhpun tidak ada peruntukan kewangan itu. Tetapi sepuluh peratus sudah dibayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Ipoh Timor, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Ini menunjukkan penyelewengan, akhirnya bukannya benar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada pergi diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri berjaga pelabuhan-pelabuhan dan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi

tanya mengenai perkara ini yang akan timbul skandal-skandal Yang Berhormat menteri mengarahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri janganlah campur tangan dalam perkara ini.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat, penilaian ini dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan Malaysia. Setakat ini tidak ada unsur-unsur penyelewengan yang berlaku dan kalau kita pergi kepada prinsip *a willing a buyer and willing a seller*. Jadi pada saya, kita kena terimalah. Kita hanya sebagai kerajaan apabila penilaian dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan Malaysia, kita terima penilaian ini, ini adalah penilaian daripada jabatan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lama lagi hendak jawab?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya rasa ini dua perkara sahaja yang khusus selepas itu saya boleh teruskan selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu. Salah satu kenapa boleh *willing buyer willing seller* atas satu harga yang dua 2/3 price *higher than the market price*. Inilah salah guna kuasa, ini *criminal bridge of trust*. Siapa yang terlibat dalam ini? Bukankah bena bahawa Tun Ling Liong Sik ada terlibat dalam perkara ini? Adakah benar?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ini adalah dakwaan Yang Berhormat. Yang saya kata kita sebagai kerajaan, kita akan ikut penilaian dibuat oleh Kementerian Kewangan. Kalau Kementerian Kewangan mengatakan kita boleh beli tanah ini dengan harga itu, kita akan beli. Kalau kita sebagai seorang *buyer* sanggup membeli dan *the seller is willing to sell*, kita akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup. Kita berehat. Yang Berhormat, kita berehat untuk berbuka puasa. Saya ingin mengucapkan selamat buka puasa kepada kaum Muslimin Muslimat. Saya ingin tangguhkan Dewan ini dan kita akan bersidang semula pada jam 7.30 malam.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 6.39 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 7.32 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Yang Berhormat, 10 minit cukupkah?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup ya.

7.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa terdapat unsur-unsur rasuah...

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dapat jawapan yang dijamin, datang untuk jawapan mengenai perkara ...

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Bertulis? Bukan bertulis, mana bertulis?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Bertulis, ya..

Tuan Lim Kit Siang: Ada pegawai bukan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya janji tadi bahawa saya akan beri jawapan secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, jawapan bertulis. Kalau begitu bolehkah saya menerangkan untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya boleh dapat maklumat yang lebih lengkap mengenai *double track*. Rawang dan Ipoh *double track*. Tadi, Yang Berhormat ada kata RM4.2 bilion, bukan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, RM4.2 bilion.

Tuan Lim Kit Siang: RM4.2 bilion. Ya. Kenapa, saya tak tau bagaimana boleh dapat angka ini, kerana *construction project* bukannya RM2.58 bilion dan untuk signal line ialah RM1.9 bilion, dan jumlah patutlah RM4.48 atau RM4.5 bilion. Kenapa boleh dapat RM4.2 bilion? Mungkin ada silap di sana, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh semak. Dan kedua, untuk *construction* pakej, RM2.58 bilion, yang sekarang diserahkan kepada UEM, bukannya benar bahawa UEM sekarang mahu satu tambahan, *variation of cost* RM1.1 bilion. RM1.1 bilion, satu angka yang sangat besar dan sebab itu kita mahu tahu apakah terma mengenai *completion*, bila *complete*, dan *total* kos itulah.

Oleh kerana kalau tidak boleh dapat jawapan yang jelas, ini nampaknya satu skandal, satu mega skandal. Dan, mengenai *Klang Port Authority*, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa akan semak dan akan beri jawapan bertulis. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa harga tanah itu satu ribu ekar ialah RM1.8 bilion atau *twenty five*, RM25 *per square foot*, dan oleh kerana ini include infrastructure, jalan dan lain-lain, saya ada diberi maklumat bahawa ini tidak betul. Dan, kalau ini tidak betul, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah melanggar hak-hak keistimewaan, *bridge of privilege* oleh kerana memberi maklumat yang tidak tepat. Ini kerana apa yang dibeli ialah tanpa, tanpa *development*, dan selepas pembelian tanah itu RM1.8 bilion. KPA adalah meluluskan satu angka untuk *development* tanah itu adalah untuk jalan lain yang bernilai RM1.3 bilion.

Bererti untuk tanah itu RM3.1 bilion yang sangat besar. Walhal untuk sebelah punya, ialah harga ialah one third RM1.8 bilion. Oleh kerana kalau sudah *developed* patut lebih tinggi. Inilah merupakan satu skandal yang besar dan saya harap bahawa dalam jawapan bertulis boleh dapat satu penjelasan yang sepenuhnya supaya KPA Pulau Indah, tanah di Pulau Indah ini tidak menjadi satu skandal terbesar yang kali yang pertama di bawah pucuk pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Perdana Menteri. Ada dua skandal nampaknya di sini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh siasat dengan mendalam dan saya harap boleh dapat *return reply* sebelum *committee stage*.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah berjanji untuk menjawab secara bertulis berkaitan dengan *double tracking*. Berkaitan dengan tanah di Port Klang itu pada saya perkara itu saya sudah jawab tadi iaitu yang mana nilai RM13.50 adalah tanah kosong. Nilai yang dibuat oleh pihak penilaian pada tahun 1998. Kalau mengikutkan dari segi usaha yang dibuat untuk memajukan dengan mengadakan berbagai-bagai infrastruktur, kosnya atau nilai itu pergi ke RM25.00 satu kaki persegi. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang: ... *development* sampai RM3.1 bilion. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh siasat oleh kerana ini sangat mustahak.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, Yang Berhormat, mengikut pada *Hansard* yang saya diberitahu, Yang Berhormat hanya hendak tahu tentang nilai

tanah itu. Jadi, saya dah beri dari segi penilaian tanah itu, ya. Ya, saya sudah beritahu tadi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, iaitu tanah kosong sahaja ialah RM13.50. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng: Ya, sila.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bahawa terdapat unsur-unsur rasuah dalam mengenal pasti pemeriksaan di PUSPAKOM. Suka saya memaklumkan bahawa sehingga kini, tiada seorang pun kakitangan PUSPAKOM yang didapati bersalah dan terlibat dengan amalan rasuah dalam menjalankan pemeriksaan kenderaan. Ini adalah disebabkan, walaupun terdapat tuduhan bahawa kakitangan PUSPAKOM terlibat dalam rasuah, ianya susah untuk dibuktikan kerana pengadu tidak mahu tampil dan memberikan butir-butir yang lengkap bagi membolehkan PUSPAKOM mengambil tindakan ke atas kakitangannya yang terlibat.

Seterusnya, bagi mengatasi masalah rasuah yang dikatakan berlaku di kalangan kakitangan PUSPAKOM, pihak PUSPAKOM telah mengambil pendekatan bekerjasama dengan badan pencegah rasuah. Selain daripada langkah-langkah seperti memperkenalkan peraturan, setiap kakitangan hanya dibenarkan membawa wang tidak melebihi RM50.00 pada satu-satu masa, memperkenalkan peraturan *non-contact area*, di mana kenderaan perlu diletak di tempat khusus sebelum diambil oleh pemeriksa dan memperkenalkan prosidur sebuah kenderaan, dengan satu set dokumen dan seorang pemandu sahaja dibenarkan masuk ke PUSPAKOM.

Berhubung dengan tindakan susulan yang diambil dalam membendung kematian akibat kemalangan jalan raya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kerajaan telah menubuhkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya pada 16 November 2004. Dengan tujuan mengatur strategi yang lebih berkesan dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya, dan kadar kematian akibat daripadanya. Selain daripada itu, langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan kempen media mengenai keselamatan jalan raya;
- (ii) menggalakkan pemakaian topi keledar;
- (iii) mengadakan kempen bersepadu semasa musim perayaan yang melibatkan agensi-agensi penguat kuasa; dan
- (iv) menjalankan program kejuruteraan iaitu *road safety audit* di kawasan yang kerap berlaku kemalangan dan menjalankan kerja-kerja pembaikan.

Hasil daripada langkah-langkah yang disebutkan itu, bilangan kematian sehari pada tahun 2004 telah dapat dikurangkan kepada 12.5 kematian berbanding dengan 17 kematian sehari pada tahun 2003.

Walaupun kepadatan trafik telah meningkat daripada 500,000 sehari kepada tahun 2003 kepada 1.5 juta sehari pada tahun 2005. Jumlah kemalangan ringan juga telah menurun sebanyak 11%, iaitu daripada 22,163 kemalangan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2004, kepada 19,953 kemalangan bagi tempoh masa yang sama pada tahun ini. Jumlah kemalangan keseluruhannya pada Januari – Ogos, 2004 adalah 213,580 dan daripada Januari-Ogos 2005 adalah 214,791 orang iaitu kenaikan sebanyak 0.56%.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu sejauh manakah keberkesanan dan larangan penggunaan telefon bimbit semasa memandu, adalah dimaklumkan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan penguat kuasa terhadap pemandu yang menggunakan telefon bimbit dari semasa ke semasa. Ini dapat dibuktikan di mana perangkaan yang terkumpul dari tahun 2003 hingga Ogos 2005 menunjukkan sejumlah 15,906 pemandu yang didapati menggunakan telefon bimbit telah dikeluarkan saman dan dikenakan denda sebanyak RM300.00.

Tidak ada pertindihan fungsi yang dijalankan di antara PUSPAKOM dengan Jabatan Pengangkutan Jalan berhubung dengan pemeriksaan kenderaan perdagangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan. Ini adalah disebabkan sementara PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan kenderaan perdagangan sebagaimana yang ditetapkan di bawah perjanjian konsesi, JPJ pula perlu menjalankan pemantauan ke atas PUSPAKOM bagi memastikan PUSPAKOM mematuhi prosedur dan tahap pemeriksaan yang ditetapkan oleh JPJ.

Berhubung dengan tempoh masa pemeriksaan yang lama ketika kenderaan dihantar untuk menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM, ia berlaku disebabkan oleh beberapa perkara seperti pemilik tidak mengikut temu janji menjalani pemeriksaan. Kenderaan hadir pada waktu puncak iaitu antara 10.30 pagi hingga 12.00 tengah hari sedangkan masa temu janji mereka adalah lebih awal dan dokumen untuk pemeriksaan tidak lengkap.

Pada keseluruhannya hampir 90% kenderaan yang hadir pada pemeriksaan hanya perlu menunggu sekitar satu jam untuk menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM sebagaimana yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan PUSPAKOM. Bagi mengatasi masalah kesesakan di PUSPAKOM langkah-langkah pro aktif diambil oleh PUSPAKOM ialah seperti memulakan operasi lebih awal iaitu pada jam 7.00 pagi walaupun waktu operasi rasmi adalah jam 8.00 pagi. Meneruskan operasi pada waktu tengah hari antara 1.00 hingga 2.00 petang dan menambah pemeriksa kenderaan di samping menambah lorong pemeriksaan di cawangan-cawangan utama PUSPAKOM.

Tuan Yang di-Pertua menjawab pada pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Lanang yang menyentuh tentang isu berkenaan *Malaysian Airlines* ataupun MAS jumlah penumpang MAS pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti berikut 2003 ke 2004 bulan April ke Mac adalah 15.4 juta, 2004 ke 2005 antara bulan April dan Mac adalah 17.5 juta, suku pertama April ke Jun tahun 2005 adalah 2.3 juta. Jumlah kerugian MAS pada tahun 2005 antara 2004 ke 2005 bulan April ke bulan Mac adalah 326 juta, suku pertama April ke Jun 2005 adalah 274 juta. Kerugian berlaku dari sebab utama yang kenal pasti punca kenaikan harga minyak adalah kos bahan bakar yang telah meningkat sebanyak 58% iaitu bersamaan dengan 407 juta. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan mengenai MAS. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri - adakah beliau tahu dan bolehkah beliau menerangkan kenapa moral di MAS begitu rendah. Bukan sahaja menyebabkan *mess resignation* di satu masa ketika mengenai *pilot-pilot* tetapi juga di semua peringkat kakitangan sangat *low* moral. Oleh kerana satu masa dahulu apabila MAS diambil alih penswastaan ia menjadi satu alat untuk memperkayakan pemenang penswastaan itu sahaja dan bukan untuk kepentingan MAS.

Kedua sekarang apabila kerajaan perlu beli balik *nationalize* kerugian MAS dengan harga yang begitu tidak berpatutan tidak ada satu semangat yang baru untuk mempertingkatkan moral. Tidak ada meritokrasi tidak ada komitmen tidak ada profesionalisme, bukankah ini perlu satu perubahan yang besar supaya MAS boleh bertanding dengan dunia - MAS, *our national career* bukan semacam sekarang nampaknya menghadapi krisis yang begitu teruk.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Berbagai andaian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat itu kemungkinan ada yang benar ada yang tidak benar. Tetapi bagi Kementerian Pengangkutan pada ketika ini memanglah kita mengambil satu perhatian serius terhadap perkembangan di Malaysian Airline. Saya tidak mengatakan MAS tidak berhadapan dengan pelbagai masalah, bahkan baik buruk itu

sudah tentunya berlaku di dalam sesuatu organisasi. Tetapi bagi kita di pihak kementerian dan pihak MAS kita begitu *confident* bahawasanya segala masalah dalam MAS pada hari ini akan dapat diatasi dengan secepat mungkin demi kebaikan penerbangan negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sekarang kita mendapat penjelasan akhirnya. Sekarang kita ada seorang CEO yang baru dan kita ada diberi jaminan di Dewan ini bahawa GLC akan *Key Performance Index* (KPI) Link bahawa akan ikut meritokrasi. Bolehkah satu jaminan diberi bahawa dalam MAS sekarang akan bermula satu dasar di mana ada meritokrasi di mana pelantikan, *promotion* kakitangan-kakitangan MAS mengikut merit dan bukan mengikut sesuka hati sesiapa yang ada berkuasa. Dan ini satu cara yang sangat baik untuk memulihkan, meninggikan moral perkhidmatan dalam MAS. Kita tidak ada GLC, *Key Performance Index* baik dalam kakitangan pun begitu.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Yang Berhormat mintalah bersabarlah sedikit kerana pelantikan walaupun CEO ini baru dilantik dan dia pun belum bertugas lagi. Dia hanya akan bertugas pada bulan Disember jadi bagilah peluang kepada beliau untuk bermula bertugas, ya. Dan bagi saya hendak mengatakan apa perkembangan yang berlaku apabila mendapat seorang CEO yang baru ini sudah tentunya saya tidak dapat menjawab soalan Yang Berhormat pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi Kenapa pentadbiran sekarang di bawah Pengerusi Dr. Munir Majid tidak boleh melaksanakan jaminan itu bahawa bermula sekarang semua keputusan mengenai *staffing* di MAS akan mengikut meritokrasi oleh kerana GLC perlu mengikut arahan kerajaan mengikut KPI. Bolehkah ini dibuat?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya rasa ini semua akan dibuat Yang Berhormat, tolong memberi masa sedikit. Yang Berhormat memang mengatakan pada hari ini dengan moralnya yang *low* itu pelbagai andaian Yang Berhormat buat baru-baru ini, jadi bagi peluang kepada MAS untuk dia *reorganize* balik dalam segi apakah perancangan mereka di masa depan untuk meningkatkan lagi mutu khidmat MAS kepada penerbangan kita. Jadi saya minta Yang Berhormat bersabar dahululah sedikit untuk kita membetulkan keadaan ini, ya. Saya minta teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila. Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Adalah dalam empat lima. Kalau saya tidak di *interrupt* dengan izin saya boleh teruskan dalam masa 10 minit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Arau berkenaan dengan permohonan kepada MAS supaya dapat menyediakan ruang-ruang dalam pesawat kargo bagi membawa hasil pertanian seperti buah-buahan yang memerlukan penghantaran segera, MAS sentiasa memberi perhatian berat terhadap hasil pertanian seperti buah-buahan dengan memberi ruang-ruang ke destinasi tertentu dan kadar harganya lebih murah daripada kargo biasa. Kami berkomunikasi dengan pertubuhan-pertubuhan dan agen-agen yang berkaitan untuk memahami keperluan mereka. Sokongan telah diberi kepada hasil pertanian tempatan ke negara Jepun, China, Australia dan Eropah.

Pihak MAS juga telah menyokong promosi-promosi luar negara yang dianjurkan oleh FAMA dan agensi kerajaan lain dengan pengangkutan percuma untuk kuantiti terhad. MAS juga telah mendirikan operasi khas untuk mengendalikan hasil pertanian di KLIA. Perhatian ini untuk mengurangkan kerosakan dan mempercepatkan pengangkutan ke kapal terbang. Mengenai pengambilan seorang wanita warga negara Kanada yang berpengalaman sebagai *Sales Manager* di Bangkok, MAS adalah...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Berkaitan dengan pertanian tadi, salah satu produk yang telah dikeluarkan oleh FAMA ialah misal kata jem, hasil-hasil tani kita. Tetapi kalau kita lihat di MAS sekarang ini masih menggunakan produk keluaran luar negara. Misal kata jem strawberi adalah produk daripada Australia. Adakah rancangan MAS untuk mengambil produk-produk tempatan jem nanas, jem rambutan dan sebagainya untuk digunakan di dalam penerbangan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini pernah kita berbincang dan kita kemukakan kepada MAS untuk dia mempromosikan buah-buahan tempatan kita. Apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi memang usaha di peringkat kementerian dan telah berbincang dengan MAS kalau boleh dapat kita kemukakan atau kita mempromosikan buah-buahan daripada tempatan.

Mengenai pengambilan seorang wanita warga negara Kanada yang berpengalaman sebagai *Sales Manager* di Bangkok MAS adalah sebuah syarikat global yang mempunyai pekerja lebih daripada 35 bangsa dari negara asing. Setiap pekerja adalah aset atau *human capital*, penting kepada syarikat. Pihak syarikat telah menyediakan program pembangunan untuk setiap pekerja MAS di seluruh dunia tetapi keutamaan diberikan kepada rakyat Malaysia untuk mengikuti program tersebut.

Peluang-peluang yang diberikan kepada rakyat tempatan diberi peluang untuk mengetuai pejabat-pejabat daerah MAS seperti di Amsterdam, Nagoya, Fukouka, Adelaide dan Qalsium di mana seketika dahulu pengurus daerah hanya diisi oleh rakyat Malaysia. Bagi jawatan Pengurus Daerah MAS di Thailand ia disandang oleh seorang kakitangan MAS seorang warganegara Kanada.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya diberitahu ialah warga negara Kanada ini adalah *Area Manager* Bangkok. Soalan saya takkanlah selepas 33 tahun kita tidak ada pegawai dalam MAS warga negara Malaysia yang setaraf atau lebih tinggi daripada itu. Oleh kerana saya percaya kita memang ada, kenapa kita mesti ambil, walhal pada tahun 80-an kita ada mengambil warga negara daripada Belanda untuk menjadi *Area Manager* di *Benelux Country* dengan izin. Tetapi itu adalah oleh kerana *localization* pada masa itu tetapi bila kita letakkan orang pegawai daripada Kanada ke Bangkok, maka dia adalah menjadi seorang pegawai yang *expatriate* yang memerlukan MAS memberi *overseas allowance*, *Canadian salaries skill* dengan izin, dengan *retirement* dia pun 65 tahun, *Canadian Labour Law*, *housing* pun diberi, *education* untuk anak-anak dia, *company car* dan segala-galanya. Perbezaan *income tax* di antara Kanada dengan Thailand punya dibayar oleh MAS. Kalau kita letak pegawai kita warga negara Malaysia perbezaan di antara *income tax* daripada Malaysia dengan Thailand itu sedikit bezanya. Dan saya ingat lebih untung, lebih jimat sekiranya kita letak orang kita sendiri. Yang saya masih lagi percaya kita ada, kenapa tidak pilih orang kita sendiri? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil maklum pandangan Yang Berhormat itu. Apa yang dimaklumkan kepada saya iaitu mereka ini ada yang tidak begitu ramai. Mereka ini sudah berkhidmat begitu lama sebagai *Sales Manager* di beberapa tempat terutama di rantau ini. Mereka ini sudah 10 tahun ataupun lebih daripada 10 tahun bersama dengan MAS jadi mereka tidak ada peluang untuk dinaikkan pangkat lagi. Jadi mereka pada hari ini hanya kekal sebagai *Sales Manager* dan mereka pula di *promote* kan untuk menjadi *Area Manager*. Apa yang MAS lakukan ini kerana tidak hendak kehilangan mereka dari segi pengalaman kerana mereka sudah begitu mahir kerana lama bersama dengan MAS dan mereka sudah begitu faham

tentang sebagai seorang yang berkhidmat di dalam MAS mereka mengekalkan khidmat mereka.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya masih lagi kekalkan dengan saya punya pendirian oleh kerana saudari yang datang daripada Kanada itu hanya *Sales Manager* di Toronto, dengan tiga pegawai sahaja pengamalan apa? Tidak ada *landing right* Malaysia di Toronto, terus pergi ke *Area Manager* di Bangkok di mana banyak *landing* di situ, ramai pegawai-pegawai kita kerajaan dan swasta pergi ke sana. Dan sebagaimana yang saya kata ini melambangkan bahawa kita tidak ada orang hendak pegang bendera Malaysia. Ini penting kepada saya, walhal saya rasa boleh kita ambil dia kalau untuk pengalaman dia letak sebagai nombor dua atau nombor tiga di Bangkok. Kita patut letak orang kita sendiri. Saya tidak kiralah bangsa apa pun, asalkan orang Malaysia.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mengatakan saya tidak terima pandangan Yang Berhormat itu. Saya kata saya akan sedia mengambil maklum dan apa yang dimaklumkan kepada saya oleh MAS setakat ini insya-Allah, saya akan bawa perkara ini kepada MAS apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat. ya. Insya-Allah kita akan dapat memberi satu jawapan yang lebih orang kata memuaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Arau bahawa tidak kira apa-apa *circumstances*, mesti ada seorang Malaysia untuk mengetuai pejabat MAS di Thailand. Saya rasa ini tidak selaras dengan tujuan kita yang mahu dapat persaingan di dunia. Kalau tidak ada orang Malaysia yang layak, kita patutlah rela menerima seorang warganegara luar negara untuk mengetuai pejabat MAS di Thailand.

Tengok itu *Nissan*, siapa mengetuai *Nissan*? Seorang orang Putih, bukan Jepun dan ini tidak akan merosakkan nama baik Jepun. *The best man for the job*, kita perlu mengadakan sikap itu dan saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Arau, kita perlu ada a *global mind*. Kalau kita mahu menghadapi globalisasi, kita perlu ada *global mind* dan bukan terlalu *nationalistic mind*. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju? Tetapi kalau ada orang yang layak, ada rakyat Malaysia yang layak memegang jawatan itu patutlah dia dapat keutamaan itu dan bersetuju tetapi kalau tidak kita patut rela untuk serahkan jawatan itu kepada *the best in the world, we want the best in the world*, tidak kiralah Malaysia atau bukan Malaysia demi kepentingan negara Malaysia.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sebelum saya bersetuju dengan Yang Berhormat saya kena rujuk pada MAS dahululah ya?

Tuan Lim Kit Siang: Hah?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sebelum saya bersetuju dengan Yang Berhormat, saya kena rujuk pada MAS dahulu. Saya kena rujuk pada saya punya MAS *because* kita di Kementerian Pengangkutan *we work as a team*, kita ada prinsip.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kita ada prinsip sebelum saya bersetuju. Ya sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, *time* buka puasa ini ilham sudah mai, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini *stewardesses* ini, pramugari-pramugari dan pramugara-pramugara, pasal terutama sekali pramugari-pramugari ini depa kata bila sampai umur 40 depa kena berhenti. Jadi kesian dekat depa, umur 40 ini kira dok kemas lagilah kan? Jadi dok okay lagi kalau kita tengok syarikat-syarikat penerbangan Amerika, *British Airline*, kadang-kadang yang had dok *serve* kita pun ranum sudah. Itu pun dia dok kerja lagi.

Jadi adakah pihak MAS akan mempertimbangkan kerana dia orang berpengalaman. Kalau umur 40 digroundedkan mereka, jadi pengalaman yang depa dapat itu rugi. Kita hendakkan *the best service* kerana orang bila naik penerbangan dia hendak servis yang terbaik. Jadi dengan pengalaman yang depa ada bila sampai umur 40 sudah kena dihentikan, jadi pengalaman itu terbuang begitu sahaja. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menasihati pihak MAS supaya mengkaji semula, lagi pun ini hak-hak wanita, *rights* depa. Jadi depa pun dok kita kena pertahankanlah wanita ini, kerana wanita banyak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa, ini putera dengan putera ini saya hendak masuk, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, perkara ini rasa saya perlulah kita bincangkan dan kita akan terus berbincang dengan pihak MAS. Saya diberitahu juga kebanyakannya penumpang-penumpang dalam MAS ini dia hendak tengok orang muda, pramugari-pramugari yang muda, yang sudah berumur ini kalau boleh kita jadikan dia sebagai dengan izin, *ground hostess*, ya. Tetapi saya akan mengambil maklumlah pandangan Yang Berhormat itu, tetapi pernah kita bincang berkali-kali dengan pihak MAS ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan? Ada sedikit lagi, sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi saya ingat sudah habis.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Belum lagi, belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum habis ha? 5 minit ya? 5 minit habislah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada memohon pandangan pihak MAS berhubung dengan cadangan supaya syarikat penerbangan MAS mengadakan kontrak jangka panjang bagi tujuan bekalan minyak yang kini semakin meningkat dan perancangan MAS dalam mempertingkatkan lagi jumlah penumpang.

Di dalam pelan korporat MAS, MAS telah mengenal pasti negara-negara yang berpotensi dalam industri pelancongan. Di negara-negara tersebut, MAS merancang untuk menambah frekuensi dan kapasiti supaya dapat menampung permintaan yang semakin meningkat. MAS juga sedang mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti jualan dan pemasaran di negara-negara tersebut ke Malaysia. Di samping itu MAS juga mengambil bahagian di dalam ekspo-ekspo pelancongan antarabangsa dan ini dapat memberi manfaat yang sama. MAS menaja dan menganjur pelbagai acara di peringkat domestik dan antarabangsa supaya dapat meningkatkan kesedaran mengenai jenama MAS dan juga Malaysia sebagai satu destinasi yang terunggul di rantau ini.

MAS kini telah beroperasi lebih daripada 100 destinasi di seluruh dunia. Ini termasuk destinasi yang beroperasi atas sebab-sebab munasabah untuk kepentingan negara. MAS memenuhi hasrat kerajaan supaya dapat membangunkan industri pelancongan di dalam negeri dan juga meningkatkan *accessibility* ke Malaysia. Oleh yang demikian MAS telah dan sedang beroperasi ke beberapa destinasi yang tidak menguntungkan. Oleh kerana keadaan ekonomi dunia dan harga minyak yang semakin meningkat pihak MAS sedang berbincang dengan pihak kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian di mana hasrat-hasrat kerajaan dapat dicapai berkenaan dengan operasi ke destinasi-destinasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, MAS telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama berbentuk *quote share* dan *joint service* dengan syarikat penerbangan lain untuk meningkatkan tahap pencapaian destinasi-destinasi yang prestasinya tidak memuaskan. Kerjasama ini membabitkan operasi oleh dua atau lebih syarikat ke sesuatu destinasi ataupun kerjasama di mana membabitkan syarikat penerbangan lain beroperasi ke sesuatu destinasi yang tidak menguntungkan bagi MAS. Kerjasama di atas bukanlah hanya tertumpu kepada kerjasama bagi laluan berkenaan sahaja, *specific route corporation* tetapi juga *feeder services* bagi laluan tersebut. MAS kini mempunyai 24 kerjasama kod syer ataupun *joint service* dengan syarikat penerbangan yang lain.

Secara am, MAS sedang mengambil inisiatif untuk mencari kerjasama baru dengan syarikat penerbangan lain untuk destinasi baru dan juga di mana ada potensi tetapi tidak memadai untuk MAS beroperasi. Yang Berhormat bagi Arau juga ada memberi cadangan supaya dipertingkatkan *landing rights* bagi destinasi penerbangan yang menguntungkan. Perjanjian perkhidmatan udara untuk *landing rights* adalah berdasarkan perundingan di antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan lain. Dalam kajian untuk penambahan penerbangan atau destinasi baru MAS akan menggunakan dan mempertimbangkan *landing rights* yang sedia ada. Jikalau *landing rights* tidak wujud ataupun tidak mencukupi, MAS akan memaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan. Seterusnya Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan akan merancang dan mengadakan rundingan udara dengan kerajaan untuk memperolehi *landing rights* berkenaan.

Mengenai cadangan supaya kontrak membekal makanan kepada syarikat penerbangan asing dikaji semula sama ada ianya menguntungkan atau sebaliknya, pemilihan syarikat pembekal makanan pada waktu ini dijalankan dalam tempoh maksimum 3 tahun melalui proses tender. Ini dilakukan untuk memastikan MAS akan sentiasa mendapat sebut harga yang berpatutan dan terkawal yang amat berhubung rapat dengan untung dan rugi.

Pada peringkat antarabangsa, pemilihan yang dilakukan adalah lebih rumit terutamanya dari segi halal dan kualiti makanan tempatan yang disediakan mengikut selera Malaysia. MAS memastikan pada setiap waktu penawaran kontrak membekal makanan di dalam atau luar negeri dimestikan melalui beberapa kriteria yang telah ditetapkan, antaranya adalah;

- (a) harga yang ditawarkan;
- (b) halal;
- (c) kualiti makanan; dan
- (d) keupayaan syarikat pembekal yang dipilih.

Pemilihan syarikat pembekal makanan sama ada di dalam negeri atau asing perlu dibuat atas beberapa sebab,

- (i) keselamatan dan kebersihan;
- (ii) mutu makanan; dan
- (iii) proses penyediaan rumit.

Berhubung dengan kenyataan bahawa pihak MAS telah memvendorkan kerja-kerja yang boleh dilakukan sendiri kepada syarikat-syarikat yang terbukti, tiada kredibiliti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang ataupun outsourcing atau memvendorkan kerja-kerja yang bukan menjadi main core of MAS business dijalankan untuk mencapai cost efficiency di mana perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat tempatan lebih rendah dari apa yang disediakan oleh MAS sendiri. Kerja-kerja itu akan dioutsource kepada syarikat-syarikat berkenaan. Beberapa syarat-syarat ketat dikenakan bagi syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan tertentu. Mereka harus memenuhi garis-garis panduan atau kriteria yang ditetapkan oleh syarikat. Selepas kontrak ditawarkan MAS tidak teragak lagi membatalkan kontrak jika ia tidak dapat memenuhi atau

melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Ada lagi? Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, baik.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:dan saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Lim Kit Siang: Itu saya mahu tanya bila itu *written explanation* boleh disiapkan, disediakan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Secepat mungkin Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Secepat mungkin?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Secepat mungkin.

Tuan Lim Kit Siang: Satu minggu?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Secepat mungkin.

Tuan Lim Kit Siang: Satu minggu sangat panjang ya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *Thank you, thank you.*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat 15 minit.

Dato' Zulhasnan bin Rafique 15 minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 15 minit, bolehkah?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ya? Baik.

8.10 mlm.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]: Bismillahir rahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan saya akan perelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkaitan kesesakan lalu lintas di Putrajaya yang berpunca dari perancangan kurang teliti dari segi plot *ratio* pembangunan, infrastruktur, pengangkutan awam dan pembinaan rumah, untuk makluman Yang Berhormat, kesesakan lalu lintas Putrajaya sebenarnya adalah tidak seberapa. Sedikit kesesakan yang kadang-kadang berlaku bukanlah berpunca daripada perancangan kurang teliti dari segi *plot ratio* pembangunan, infrastruktur, pengangkutan awam dan pembinaan rumah disebabkan pada ketika itu penyediaan sistem pengangkutan awam masih belum siap sepenuhnya. Masalah kesesakan lalu lintas Putrajaya berlaku di sekitar *oval* atau Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah di waktu puncak sebelah pagi di antara jam 7.45 pagi sehingga 8.15 pagi.

Kedadaan ini berlaku berpunca daripada sebahagian besar kenderaan awam menggunakan kenderaan persendirian dan kedatangan mereka ke pejabat juga tertumpu pada waktu tersebut. Selepas daripada tempoh tersebut tidak ada sebarang masalah kesesakan lalu lintas dikenal pasti dalam kawasan Putrajaya. Di samping itu masalah ini juga timbul kerana bandar Putrajaya masih lagi dalam proses pembangunan di mana masih

terdapat jalan-jalan yang belum siap sepenuhnya pembinaannya ataupun masih belum dibuka untuk kenderaan awam. Keadaan ini membawa kesan terhadap kelancaran penyebaran trafik di dalam dan sekitar Putrajaya. Namun begitu beberapa langkah telah diambil oleh Perbadanan Putrajaya bagi mengatasi masalah kesesakan ini seperti berikut.

- (i) dari segi kemudahan infrastruktur, beberapa jalan utama telah dibuka kepada orang awam sepanjang bulan September yang lalu. Jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut, kalau kita tengok daripada peta Putrajaya daripada arah Utara-Timur, jalan melalui pintu satu iaitu jalan yang menghubungkan Kampung Abu Bakar Baginda ke Precinct 1 melalui Precinct 14; dan
- (ii) Jalan Persiaran Timur dari persimpangan bertingkat menuju ke Alamanda sehingga Jambatan Seri Setia. Dengan pembukaan beberapa jalan tersebut, kenderaan-kenderaan ke Core Island yang sebelum ini menggunakan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Lebuhraya Sentosa melalui Jambatan Seri Wawasan yang kini mempunyai laluan tambahan untuk ke destinasi tersebut. Keadaan ini sudah pasti akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah dan jalan menuju ke Jambatan Seri Wawasan.

Dari segi kemudahan perkhidmatan awam bagi memastikan pengguna kurang bergantung kepada kenderaan persendirian, beberapa langkah telah diambil seperti berikut.

- (i) kelulusan laluan bas telah diberi kepada beberapa syarikat dari kawasan luar Putrajaya ke kawasan pejabat Precinct 1,2 dan 3 dan ini pun saya sudah terangkan dalam perbincangan peruntukan tambahan pada 2 minggu yang lalu;
- (ii) mempertingkatkan pemantauan bas Nadi Putra;
- (iii) menyediakan perhentian-perhentian teksi sementara yang menjadi tumpuan awam seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Masjid Putra dan Laman Perdana;
- (iv) menyediakan kawasan-kawasan terbuka sebagai tempat letak kereta awam, kelima menambahkan bilangan bas bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam. Pada masa kini pembinaan Putrajaya di dalam peringkat akhir proses tender pengeluaran bas baru sebanyak 55 buah; dan
- (v) pihak Kementerian Pengangkutan dijangka akan menyambung semula pembangunan monorail Putrajaya di Rancangan Malaysia Kesembilan.

Langkah-langkah lain ialah:

- (i) menambah bilangan bas Nadi Putra daripada 25 buah kepada 75 buah;
- (ii) "*Park n Ride*" di Precinct 7 yang akan siap pada tahun 2006; dan
- (iii) pihak JKR melaksanakan pembinaan jalan berhubung daripada Lebuhraya KL-Seremban ke Putrajaya di Precinct 17. Langkah ini akan mengurangkan kenderaan yang datang dari arah selatan memasuki Putrajaya melalui Persiaran Utara.

Dengan itu Yang Berhormat, satu lagi isu daripada segi teknikal ialah perancangan infrastruktur jalan dan lalu lintas Putrajaya adalah berdasarkan kepada ruang lantai maksimum yang dijangkakan bagi setiap guna tanah terutama pejabat dan komersial dan keadaan nisbah plot bagi setiap plot yang dibenarkan dikenal pasti.

Ini bermakna masalah kesesakan lalu-lintas Putrajaya bukanlah berpunca dari perancangan kurang teliti dari segi plot ratio pembangunan, infrastruktur, pengangkutan awam dan pembinaan rumah. Sebelum itu di jangka bahawa masalah kesesakan lalu-lintas saya percaya adalah hanya bersifat sementara. Masalah ini dapat dikurangkan setelah sistem pengangkutan awam lebih sempurna, jaringan jalan serta kemudahan-kemudahan awam dapat disiapkan sepenuhnya selaras dengan perancangan pembangunan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada isu kesesakan di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usaha mengatasi kesesakan lalu-lintas di ibu kota Kuala Lumpur, kerajaan telah menyediakan pelan strategik merangkumi pelan tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Berapa pelan tindakan jangka masa pendek seperti;

- (i) pembinaan rangkaian jalan raya terutamanya dengan izin missing links bagi tujuan menyuraikan trafik;
- (ii) kemudahan-kemudahan yang menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam seperti rangkaian pejalan kaki, berteduh ke stesen rel;
- (iii) kemudahan perhentian bas, teksi yang selesa;
- (iv) kemudahan dengan izin, *park and ride*.

Projek seperti ini dijalankan secara berterusan dan sesetengahnya memerlukan masa yang agak lama untuk disiapkan. Namun begitu, projek-projek jalan dan jejambat sedang berjalan dengan lancar dan senarainya saya ada di sini dan siapa hendak tahu dengan lebih mendalam, saya akan terangkan di luar dewan nanti. Pelan tindakan jangka masa panjang – projek *Integrated Transport Information System (ITIS)* juga sedang dalam proses pelaksanaan bagi tujuan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan rangkaian jalan raya dan juga membantu penggunaan jalan raya dalam perjalanan mereka supaya mereka dapat memilih jalan alternatif penolakan kesesakan jalan raya. Inilah satu projek daripada EPU dan difikirkan hanya menjadi penyelaras atau projek ini telah 55% siap...

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: ... dan akan siap dengan sepenuhnya pada hujung tahun 2005. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Jadi saya tidak akan ganggu dengan banyak. Cuma kita sama-sama hendak habiskan tetapi nampaknya banyak lagi, esoklah kita habiskan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan...saya cadangkan itu...

Seorang Ahli: Soalan, soalannya?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan memang ada. Saya memang berharap rancangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dapat dijayakan tetapi walau bagaimanapun dengan jejambat sehingga sekarang kita MRR2 belum selesai lagi. Jejambat ataupun jalan kaki dan sebagainya itu memang baik, kita mesti adakan, tetapi kalau pengangkutan awam tidak diperbaiki lagi macam mana kita boleh mencapai matlamat untuk mengurangkan trafik kita, mustahil kerana misalnya bas *rapid* KL itu walaupun hendak ditambahkan bas-bas dan sebagainya masih slow KL dan sebagainya. Saya berharaplah Yang Berhormat ada satu rancangan lagi, untuk dengan bersungguh-sungguh memperbaiki pengangkutan awam termasuk bas, LRT, Monorail dan sebagainya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Jawapan saya ini saya baru mulakan jawapan ini dan jawapan kepada Yang Berhormat ada tertakluk dalam jawapan saya di sini, ya. Dengan itu, selain daripada itu kerajaan juga sedang menyediakan satu rancangan komprehensif untuk mempertingkatkan kecekapan

perkhidmatan pengangkutan awam merangkumi penubuhan jawatankuasa pemandu integrasi dan penyusunan semula sistem pengangkutan awam di Lembah Klang atau dinamakan INSPEC di bawah Kementerian Kewangan untuk merancang dan menyelaraskan semua perkhidmatan-perkhidmatan awam di Lembah Klang terutamanya di Kuala Lumpur, dan juga melaksanakan program-program pemindahan sistem pengangkutan bersepadu dan pemanjangan perkhidmatan sistem rel di koridor utama lain.

Antara strategi yang dilaksanakan di bawah projek ini adalah penyusunan semula industri pengangkutan awam melalui pengasingan pemilik aset dan pengusaha aset. Pilih aset LRT Star, LRT Putera, bas Intrakota dan bas Cityliner telah diambil alih oleh Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB) dan pengusaha aset-aset tersebut adalah syarikat rangkaian pengangkutan integrasi Deras Sdn. Bhd. iaitu rapid KL, bukan *slow* KL. Strategi ini juga merangkumi penubuhan satu badan kawal selia berpusat bagi mengendalikan berapa fungsi utama termasuk penguatkuasaan, pemantauan, penyelarasan, rancangan dan penentuan dasar bagi meningkatkan lagi prestasi sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Ini juga termasuklah menambahkan lokasi-lokasi kemudahan *park and ride* di stesen-stesen transit rel termasuk LRT Putera, LRT Star, ERL dan KTM Komuter. Masalah kesesakan lalu-lintas adalah masalah berterusan disebabkan pertambahan kenderaan setiap masa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, jumlah kenderaan yang didaftar di luar kawasan Kuala Lumpur pada empat tahun yang lalu daripada tahun 2002 sehingga 2005, ialah 11,226, 826 dan inilah juga satu angka yang tinggi dan masalah kesesakan lalu-lintas juga tertakluk kepada sikap masyarakat itu sendiri. Dalam ucapan Yang Berhormat Segambut, beliau pun telah menyentuh sedikit sebanyak tentang kereta-kereta dan kenderaan yang telah meletakkan kenderaan mereka di garisan-garisan kuning dan juga pada garisan-garisan yang tidak sepatutnya diletakkan. Dengan itu penguat kuasa daripada Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan ini tidak berlaku.

Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini, pengguna-pengguna jalan raya juga perlu memainkan peranan dengan mematuhi peraturan-peraturan lalu-lintas yang tidak meletakkan kenderaan sewenang-wenangnya yang boleh menghalang aliran lalu-lintas serta sentiasa bersedia menggunakan perkhidmatan awam untuk ke pusat bandar.

Yang Berhormat Segambut juga sentuh tentang masalah kesesakan di sekitar Puduraya. Di sekitar Puduraya Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah masalah bas-bas yang berbaris-baris yang diletakkan di jalan sekitar Puduraya ini dan punca masalahnya ialah ada banyak syarikat bas-bas persiaran, bas pelancongan dan bas ekspres yang diberi kelulusan untuk beroperasi dalam terminal bas Puduraya yang telah melebihi keupayaan operasi terminal bas Puduraya. Terminal bas Puduraya adalah di bawah pengurusan pihak UDA...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut dari Wilayah Persekutuan kah Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang bas ini Yang Berhormat, saya tahu ia di bawah lembaga lain dan perbadanan yang lain. Cuma saya hendak minta Yang Berhormat kalau bolehlah sama ada Dewan Bandar Raya setuju supaya Puduraya tidak sesuai lagi, sudah berapa puluh tahun sudah. Mereka mengutip keuntungan yang begitu besar, berjuta-juta ringgit, berpuluh-puluh juta ringgit, beratus juta ringgit. Apakah Dewan Bandar Raya melihat perkara ini supaya mencadangkan kepada UDA segera digantikan bangunan yang tersebut yang lebih sesuai dari segi keselesaan, bukan sahaja untuk mengaut keuntungan tetapi juga untuk memberi keselesaan kepada penumpang dan kepada orang ramai masyarakat bandar raya terutamanya. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya Dewan Bandar Raya segera mengajukan cadangan kepada pihak pemilik Puduraya ini supaya dapat menggantikan dengan bangunan yang lebih baik? Terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat dari Larut. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur selalu berurusan dengan pihak UDA untuk menentukan seakan jalan iaitu masalah-masalah bas yang diletakkan di jalan sekitar Puduraya tidak menjadi masalah kepada orang ramai dan UDA telah diberitahu untuk mengambil tindakan ke atas masalah ini. Dengan itu juga kerajaan telah melaksanakan tiga buah intercity terminal pengangkutan awam;

- (i) Salak Selatan;
- (ii) Gombak; dan
- (iii) Jalan Ipoh;

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bas-bas ekspres dan pelancongan akan diagih-agihkan kepada ketiga-tiga *intercity* terminal itu dan masalah kesesakan oleh bas tersebut mungkin dapat diatasi. Lantaran itu pihak penguasaan akan menguruskan serta menambahkan tindakan penguasaan untuk mengatasi masalah ini. Cadangan Yang Berhormat Segambut untuk menaikkan jumlah kompaun ke atas kesalahan-kesalahan dan juga cadangan untuk mewujudkan *central business district* (CBD dan zon terhad akan dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Wilayah Persekutuan akan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan atas isu ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Yang Berhormat Menteri ambil 15 minit cukuplah.

8.25 mlm.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang telah bersama-sama membahaskan Bajet 2006 dan telah menyentuhkan beberapa perkara di bawah Kementerian Pelancongan dan seterusnya memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada kami khususnya untuk membangunkan industri pelancongan di negara kita. Saya percaya perkara-perkara yang ditimbulkan ini mencerminkan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu kementerian melaksanakan tanggungjawab menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang unggul di dunia khususnya melalui tema Malaysia Truly Asia serta melalui Cuti-cuti Malaysia, cuti dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sandakan pada 4 Oktober 2005 telah membangkitkan isu membangun industri pelancongan di Sabah khususnya dengan adanya tempat-tempat alam semula jadi yang menarik seperti pusat pemulihan orang utan dan sebagainya. Dalam hal ini daerah Sandakan sememangnya telah lama dipromosikan sebagai pintu masuk utama bagi pelancong-pelancong yang ingin melawat tempat-tempat tarikan semula jadi di Sabah, contohnya ialah pusat pemulihan orang utan Desa Piluk yang terkenal di dunia dan sebab juga kemasyhurannya menjadi satu tarikan yang boleh dikatakan terbesar di Sabah dan juga telah meningkatkan penglibatan pihak-pihak dari segi penginapan dan juga penginapan asas di kawasan-kawasan itu. Perkembangan demikian adalah wajar dan sejajar dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor pelancongan melalui pelaburan dan penglibatan syarikat swasta di kawasan berpotensi untuk pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rasah pada 10 Oktober telah membangkitkan mengenai usaha-usaha untuk menarik pelancong ke bandar-bandar di Negeri Sembilan seperti Seremban, Port Dickson dan Kuala Pilah. Bagi kita menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara Kementerian Pelancong telah dan sedang menjalankan perbagai usaha bagi mempromosikan industri pelancongan termasuklah mempromosi Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan.

Antaranya ialah mempromosikan bandar Nilai, program *fan trip* iaitu seperti jejak perpatih di mana kita mengendalikan program-program seperti ini kepada media-media luar negara supaya ia dapat memberikan maklumat kepada menarik pelancong-pelancong ke

negara kita. Dan juga program misi jualan domestik di Sabah, di Kuala Lumpur untuk Negeri Sembilan dan Demata Fair Negeri Sembilan termasuk juga di Kuala Lumpur. Aktiviti mempromosikan juga kita adakan masa *travel pepadat* pada 28 hingga 30 September 2005, ini diadakan di Kuala Lumpur Convention Center. Begitu juga Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Admiral Marina Port Dickson mengadakan Port Dickson International Triathlon pada bulan Mei 2005.

Kita juga mempromosikan program *homestay* iaitu melibatkan kampung-kampung yang terkenal di Negeri Sembilan pada masa kini ialah Telegong di mana kita telah melancarkan program ini, *the best homestay* di Felda Serding Hilir dan juga *homestay* kampung tapak Laman Pingkanan pada bulan Mei. Inilah program-program yang boleh saya sebutkan di sini dan banyak lagi promosi kita adakan untuk membangunkan industri atau menggalakkan industri di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, juga yang mengambil bahagian ialah Yang Berhormat dari Baram pada 11 Oktober yang menyentuh isu mengenai peranan yang dimainkan oleh sektor pelancongan bagi meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di negeri Sarawak. Kita memang menumpukan kegiatan-kegiatan pelancongan di semua peringkat termasuk di luar bandar dan juga bukan di Sarawak sahaja, di seluruh negara kita di mana kita menggalakkan kegiatan-kegiatan *small* dan *medium* industri yang melibatkan pembangunan kegiatan industri makanan kecil, industri manik-manik dan juga kraf tangan dan sebagainya supaya ia dapat juga terlibat menerima tourism dollar yang masuk ke dalam negara kita dan inilah cara kita membukakan ruang-ruang baru untuk rakyat kita dapat mencari *new source of income* atau *growth of wealth* dan keseluruhannya menjadi satu punca *foreign exchange* ke dalam negara kita.

Pelaksanaan program *home stay* juga adalah melibatkan kawasan-kawasan luar bandar dan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar, di mana kita sama-sama menumpukan supaya program ini ditingkatkan lagi *valuenya* selain dari tempat penginapan, tetapi juga memberikan gambaran dan suasana yang diinginkan oleh pelancong-pelancong yang suka duduk bukan di *five stars* hotel, tetapi di kawasan luar bandar dan di kampung-kampung di Malaysia.

Selain dari itu, kita juga dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dan juga menerusi program eko pelancongan, di mana kawasan-kawasan yang terlibat, di mana adanya kita mewarisi tarikan semula jadi, kita membangunkan kawasan seperti ada *hot spring*, *tropical rain forest*, ada tempat *mangrove swamp*, ada tempat kelip-kelip dan sebagainya, kawasan-kawasan tempat itu akan menggalakkan kegiatan-kegiatan ekonomi kecil dan juga melibatkan pekerja-pekerja yang dalam *service industry* itu.

Inilah dengan keunikan dan kekayaan budaya kita terutama di kawasan luar bandar, kita mampu untuk membantu mengekalkan adat dan budaya sesuatu bangsa serta memperkenalkan lagi kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Di sini kita menggalakkan kegiatan-kegiatan dalam ukiran tradisi, kegiatan-kegiatan membentuk bahan-bahan kraf tangan tradisi termasuk juga mempamerkan semula sebanyak-banyaknya kegiatan-kegiatan yang melibatkan seperti mengikut budaya-budaya pelbagai etnik yang ada di Malaysia ini, seperti lumba perahu, lumba kerbau dan sebagainya dan juga makanan-makanan, mengeluarkan makanan tempatan di masa pesta-pesta tertentu yang melibatkan adat-adat resam dalam pelbagai *ethnicity* di negara kita ini. Dan ini kita pasarkan kepada negara-negara luar yang ingin melihat kewujudan dan juga gambaran-gambaran sesebuah negara yang pelbagai kaum, pelbagai latar belakang dan *very colorful* dan *friendly country*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Baram juga telah ...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Semua program ini adalah baik, tapi adakah kita mempunyai *tourist guide* yang profesional kerana baru-baru ini

dikatakan *tourist guide* tidak dibayar *professional fees*, mereka hanya dibayar dengan komisen kalau mereka membawa *tourist-tourist* ini ke kedai untuk membeli. Jadi mereka terpaksa untuk membawa semua pelancong ini pergi ke *shopping* dan bukan pergi ke tempat-tempat pelancongan.

Jadi adakah kementerian akan mengadakan peraturan atau garis panduan supaya *tourist guide* ini diberi ganjaran yang sepatutnya, supaya mereka boleh lebih profesional lagi.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat telah membawa isu ini keluar, saya boleh sediakan jawapan. Walau bagaimanapun bagus jugalah saya beritahu Yang Berhormat, kerajaan telah merancang satu program yang akan dikendalikan mulai tahun ini. Dalam program tiga tahun meningkatkan prestasi dan *service industry* kita termasuk *tourist guide*, dari segi *accreditation* mereka, dan juga meningkatkan profesionalisme mereka yang boleh memberikan perasaan, boleh dikatakan *more quality service* kepada *tourist-tourist* kita yang datang. Khususnya ...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: ...kerana banyaknya produk di Malaysia ini bukan sembarangan produk tetapi seperti *ecotourism*, warisan budaya, pelbagai budaya dan juga taman-taman yang kita ada adalah satu produk yang bukan boleh dikendalikan sembarangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pendek sajalah, nak tolong Kementerian Pelancongan sekarang. Dan saya ada nampak kenyataan Yang Berhormat mengenai para pelancong misalnya daripada negara China. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa itu *tour agency* kadangkala membawa *low end*, iaitu pelancong daripada China dan di sini dieksploitasikan. Kadangkala passport-pasport mereka disimpan oleh *tour operator* dan kemudian mereka dibawa ke tempat-tempat yang tak sesuai untuk beli-belah dan sebagainya.

Dan dengan sedemikian adakah Yang Berhormat sedar ini akan menjejaskan pelancongan daripada China? Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah daripada berlakunya eksploitasi sedemikian dan termasuklah di KLIA baru-baru ini, Kabinet ada membuat keputusan untuk mengadakan kakitangan terutamanya bila menghadapi pelancong yang dapat bertutur di dalam bahasa Mandarin. Bolehkah Yang Berhormat kaji semula, bukan sahaja satu, dua di depan untuk menerima pelancong, bahkan juga kita mesti tambahkan kakitangan bukan untuk bahasa Mandarin sahaja, untuk bahasa Arab, bahasa yang lain. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya memang sedar bahawa keadaan, usaha pihak yang menjalankan *zero tour*, *zero cost tour* itu yang telah menyeleweng dari *tourism* asal. Jadi kita telah mengambil tindakan dan menerusi satu badan *Chinese Tour* dari China punya program di Malaysia ini, kita telah menyatakan pada mereka untuk mengambil tindakan dan ada juga yang masih berjalan, itu adalah bukan *not registered tour agencies*, *not even licensed some of them*. Jadi inilah kita mendapatkan, yang telah mengambil bahagian seperti ini tetapi sekarang mereka sudah memahami, selepas saya berjumpa dengan *Chairman of the Chinese National Tourist Agency*, kita telah berbincang dan sama-sama telah berusaha untuk membasmi keadaan seperti ini.

Jadi masa kini kita memang telah mengambil tindakan untuk memansuhkan kegiatan yang membawa *tourist*, yang tidak begitu teratur mengikut *the ethic of tourism agency* yang kita harap pada masa ini. Dan mereka ini bukan menjadi ahli mana-mana *tourism agency*, dan saya katakan ada juga mereka yang tidak berlesen. Jadi mengenai *airport* kita, Malaysia Airport telah memberi sokongan yang baik, kita telah mendapatkan supaya menggunakan pelbagai bahasa untuk *announcement* dan juga kegiatan mengikut *season tourism tourist* yang datang ke negara kita. Begitu juga kita telah

menambahkan lambang atau *signage in Japanese, in Chinese, in Mandarin, in Arabic*, semua sudah ada di lapangan KLIA kita.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa di KLIA kita ada dengar pengumuman yang dibuat dalam bahasa Arab, tetapi oleh sebab kita sekarang berminat untuk menarik pelancong-pelancong dari negeri China, tidak ada pengumuman dibuat secara menyeluruh di seluruh *airport* di negara Malaysia dalam bahasa Cina, KLIA dan *airport* yang lain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Kita telah berusaha membuat itu dan kita telah bersetuju untuk membuatkan semua bahasa dan ini mengikut musim juga Yang Berhormat. Kerana *there are certain period where there is in-flow of certain tourists from certain countries of origin*. Jadi ini mengikut kemampuanlah pihak Malaysia Airport Berhad juga. Ini kita cuma memohonkan kerjasama dan pada masa kini memang mereka membuatkan seperti yang Arab itu, kita mengambil pekerja *part time workers also* dalam musim itu juga.

Jadi Kementerian Pelancongan juga akan terus mempromosikan kegiatan-kegiatan termasuk yang saya sebutkan kepada pihak Yang Berhormat Baram tadi. Dalam mempromosikan kesenian, kebudayaan dan warisan kita, kita bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan turut menganjurkan misi galakan pelancongan menggunakan pertunjukan batik, persembahan kumpulan kebudayaan dan promosi makanan rakyat Malaysia. Dan kita juga terus menjalankan program-program di luar negara menerusi pejabat kita, pejabat pelancongan di luar negara untuk menyediakan kegiatan kebudayaan kita supaya, satunya mengurangkan kos dan juga keduanya, kita melibatkan pelajar-pelajar kita yang minat dalam mengadakan persembahan kebudayaan dan juga menarik bersama pelajar-pelajar asing di negara mereka belajar itu, dan di mana melibatkan mereka juga supaya mengenali kebudayaan tarian dan kebudayaan Malaysia.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga telah menyentuh mengenai promosi batik. Seperti yang saya katakan tadi, kita mengadakan promosi ini bersama misi *tourism* kita di luar negara dan membawa supaya juga dipertontonkan kepada masyarakat pereka-pereka batik tempatan kita dan juga telah kita dapat melibatkan banyak pereka-pereka fesyen yang terkenal juga termasuk sekarang batik juga dikenali di Itali dan juga di United Kingdom dan termasuk juga di negara-negara, di mana juga termasuk ada juga pereka-pereka fesyen daripada Barat yang telah mengambil material ini untuk menjadi fesyen mereka pada hari ini. Ini adalah penggalakan kepada kita, juga kita menganjurkan aktiviti seperti ini di 30 buah pejabat-pejabat *tourism* Malaysia di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan batik juga kerap digunakan dalam acara pesta makanan, pameran perdagangan, seminar pelancongan di peringkat antarabangsa.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik tadi industri batik dan saya hendak tanya, apakah kerajaan berhasrat atau bercadang untuk hendak memperluaskan destinasi pelancongan ini terutama di Tok Bali, di tepi pantai persisiran yang cukup menarik untuk ke Pulau Redang dan saya yakin kalau kita boleh Tok Bali itu jadi destinasi pelancongan, batik kita perhebatkan dan budaya yang ada di sini, budaya Kelantan ini cukup mewah. Kita tapis mana yang sesuai dengan nilai-nilai murni, kita cuba kekalkan. Apakah Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian bercadang untuk jadikannya. Itu sahaja pandangan saya.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Inilah program-program yang saya mahu dikemukakan kerana saya sebagai Menteri Pelancongan tidak dapat pergi ke semua tempat di Malaysia sama sekali. Tetapi kalau ada cadangan-cadangan yang di bawah membangun semula atau mewujudkan semula tradisi kita, kekayaan warisan kita yang menjadi, kerana

pada hari ini pelancong-pelancong dari luar negara memang minat melihatkan kekayaan, kesenian kita dan dari segi budaya kita. Dalam budaya itu maknanya, cara pakaian kita, cara ukiran kita, cara makanan kita dan suasana kita hidup di Malaysia ini juga menjadi satu tarikan. Yang pentingnya sejauh mana yang saya telah menjelajah di mana kita melihatkan bahawa perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dicantumkan sebagai satu industri atau satu produk kepada pelancongan. Saya akan suka melihat kalau boleh dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Untuk Yang Berhormat dari...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sini, sini. *The chair*, sini, Tuan Yang di-Pertua. Panjang lagi? Ya? Okey, baik. Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang. Yang Berhormat, baru-baru ini di Kinabatangan kita mengadakan satu karnival iaitu Pesta Sungai. Yang sedihnya sebetulnya saya telah memaklumkan kementerian Yang Berhormat dua bulan sebelum acara ini dilaksanakan. Tetapi nyata pada tarikh yang sama, Yang Berhormat pun sibuk, Timbalan Menteri pun sibuk. Jadi tidak adalah wakil. Walau bagaimanapun, program itu kita teruskan.

Pada masa-masa yang akan datang, memandangkan Kinabatangan ini merupakan satu lembah pelancongan, telah *digazette* dan sehingga pada hari ini, tiap-tiap hari sama ada di kawasan Sukau, Bilit dan Batu Putih, dianggarkan lebih kurang 200 hingga 300 pelancong tiap-tiap hari. Saya memintalah kementerian ini kalau boleh serius sedikitlah dalam menangani isu ini sebab kalau tidak ada perhatian langsung terhadap industri pelancongan di luar-luar bandar ini, ini bermakna telah mendiskriminasikan industri itu sendiri. Saya meminta Yang Berhormat supaya lebih prihatinlah berhubung dengan anjuran-anjuran yang sebegini diberi perhatian sebab ini merupakan satu anjuran yang menjadi *state wide* dan perlu diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kalau saya telah menyatakan maaf kepada Yang Berhormat. Sebenarnya ada dua program yang terjadi masa itu dan satunya adalah kedua-duanya dianjurkan oleh saya. Saya berharap Yang Berhormat dapat juga menjadi wakil kementerian juga, ahli Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, memang kita serius. Kalau saya tidak serius, saya tidak akan memberi peruntukan juga. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat ya, jangan marah, ya. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Yang Berhormat adalah boleh dikatakan saya telah mengambil perhatian kerana pada masa saya berbincang dengan *foundation* di New York, mereka pun telah mengenal pasti Kinabatangan adalah satu kawasan, harus kita jaga dan telah banyak warisan yang dapat menarikkan pelancong khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Jadi itu sahaja. Harapan untuk kawasan Yang Berhormat adalah cerah, jangan khuatir.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau telah menyentuh mengenai pelancongan Gunung Senyum, pusat pembiakan Seladang dan pusat di kawasan Jenderak selatan dan projek *home stay* di Desa Murni, Kerdau dan Jengka 25. Walau bagaimanapun, pada masa kini tidak ada projek di kawasan berkenaan tetapi projek ini dapat dimasukkan dalam permohonan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di negeri Pahang.

Yang Berhormat bagi Gerik menyentuh mengenai *Royal Belum*. Ingin saya katakan di sini bahawa Kementerian Pelancongan sentiasa memberi tumpuan dan sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi projek pembangunan pelancongan eko untuk Royal Belum.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah memohon Rancangan Malaysia Kesembilan juta untuk meneruskan program pembangunan Hutan Belum ini. Pada masa kini, sebanyak 500 ekar telah diusahakan di bawah projek ini di bawah pihak negeri Perak dengan Kementerian Pelancongan. Yang Berhormat bagi Kuala Krau juga telah menyentuh mengenai sebahagian daripada cukai yang dipungut dari pelancong di salur kepada kerajaan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita menyalurkan peruntukan kepada negeri melalui peruntukan Kementerian Pelancongan untuk membangunkan produk-produk pelancongan di negeri masing-masing dan di bawah kawasan tertentu dan kita menerusi Rancangan Malaysia Kelapan dan juga melalui Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang.

Kementerian Pelancongan juga menyalurkan peruntukan RM1 juta setiap tahun untuk Majlis Tindakan Pelancongan Negeri yang telah ditubuhkan dengan kerjasama pihak kerajaan negeri bagi menyelaraskan usaha pembangunan industri pelancongan di negeri seta melaksanakan projek aktiviti dan cara pelancongan di peringkat negeri.

Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan pinjaman melalui tabung khas pelancongan RM1.2 bilion dan tabung infrastruktur pelancongan RM1.2 bilion untuk memudahkan para usahawan yang berkecayaan mendapatkan pembiayaan kewangan untuk memulakan atau mengembangkan projek dan perniagaan mereka dalam bidang pelancongan di negeri-negeri masing-masing.

Dalam aspek promosi pula, *Tourism Malaysia* telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan negara sebagai sebuah destinasi pelancongan dan kita menggalakkan kerajaan negeri menyertai misi-misi tersebut untuk menonjolkan satu imej, *brand name* yang sama dan konsisten serta dapat menjimatkan kos, tenaga dan kewangan. Inilah cara kita bekerjasama dengan pihak-pihak negeri dan seterusnya untuk membangunkan industri dan terus mempromosikan.

Itulah sahaja, jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana yang saya belum jawab, saya harapkan kita akan mengambil tindakan seterusnya dan terima kasih sekali lagi atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan pandangan dan teguran kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada enam lagi kementerian untuk memberi jawapan mereka dan saya harap setakat mana yang boleh diringkaskan jawapan itu kerana kalau boleh kita hendak tamatkan majlis malam ini pada pukul 11.30 malam lebih kurang. Saya jemput Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk memberi jawapan.

8.50 mlm.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyampaikan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, Sandakan, Putatan, Temerloh, Arau dan Sri Aman yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2006 dan telah menyentuh perkara-perkara di bawah kementerian saya.

Yang Berhormat bagi Mambong menyentuh mengenai penglibatan Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB dan juga Lembaga Getah Malaysia (LGM) sebagai institusi yang penting dalam bidang bio-teknologi pertanian. Berhubung dengan penglibatan institusi penyelidikan di bawah kementerian saya di dalam bidang bio-teknologi pertanian, sukacita saya memaklumkan MPOB terlibat dalam penyelidikan bio-teknologi untuk menghasilkan pokok kelapa sawit yang berpotensi menghasilkan minyak Orien bermutu tinggi yang mengandungi *unsaturated fat*, *fatty acid* dan *high stearic acid* dan menghasilkan *bio-degradable plastic*. Bagi LGM pula penyelidikan dalam bidang bio-teknologi adalah untuk menghasilkan pokok getah baru yang berkeupayaan mengeluarkan *latex* yang mengandungi produk yang bernilai tinggi seperti vitamin E.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bio-diesel seperti yang diuraikan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, bio-fuel adalah sumber bahan bakar yang dihasilkan daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui seperti minyak sayuran dan keluaran daripadanya seperti *biomass*, *ethanol* dan sebagainya. Ianya bukan sahaja boleh memperbaharui atau *renewal*, dengan izin, tetapi juga lebih mesra alam berbanding dengan bahan bakar yang terhasil daripada *petroleum fossil*. Manakala bio-diesel sawit pula adalah dirujuk sama ada dalam bentuk *metal ester* yang dihasilkan daripada minyak sawit mentah atau CPO yang boleh digunakan 100% untuk menggantikan *diesel* biasa atau mengadunnya pada peratusan tertentu dengan *diesel* biasa dan adunan *Refined Bleached Deodorized Palm Oil* atau RBDPO dengan *diesel* biasa pada peratusan tertentu seumpamanya, 5% RBDPO dengan 95% *diesel* biasa.

Mengenai kesesuaian biodiesel untuk digunakan oleh kenderaan sekarang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, biodiesel yang diasaskan oleh minyak sawit adalah setanding dengan minyak *diesel* yang berasaskan *petroleum*. Ini adalah berdasarkan hasil kajian penggunaan biodiesel sawit yang telah dijalankan oleh MPOB atau Lembaga Minyak Sawit Malaysia, ke atas 31 buah bas komersial yang menggunakan enjin *Mercedes* dan telah meliputi jarak perjalanan sejauh 300,000 kilometer setiap satu tanpa menghadapi masalah dari segi prestasi dan enjinnya.

Mengenai saranan Yang Berhormat bagi Mambong, supaya kerajaan menggubal dasar dan Akta Biofuel Negara dengan segera bagi mempercepatkan negara ini menghasilkan biodiesel dan untuk merebut peluang pasaran biodiesel di dunia hari ini. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya kini sedang menggubal dasar dan Akta Biofuel Negara untuk persetujuan kerajaan dalam sedikit masa lagi. Di samping itu, langkah-langkah persediaan lain juga sedang diambil untuk melaksanakan penggunaan biodiesel di Malaysia dan adalah dijangkakan Malaysia mula menggunakan biodiesel pada awal tahun 2007.

Mengenai kegelisahan yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan, kerana ekonomi negara kita, khususnya Sabah yang terlalu bergantung dengan tanaman sawit yang boleh membawa masalah sekiranya harga komoditi itu jatuh. Saya percaya Yang Berhormat, melalui penggunaan dan penghasilan biodiesel sawit nanti, bukan sahaja dapat mengurangkan penggantungan negara kepada *petroleum fossil* yang harganya semakin meningkat dan bekalannya yang berkurangan, malah ianya juga dijangka ...

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap ya. Dijangka dapat menjamin harga minyak kelapa sawit berada di dalam paras yang tinggi. Sila.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya membaca artikel Yang Berhormat Menteri tentang pilot projek biodiesel di Malaysia, dikatakan 30 syarikat telah pun diidentifikasi untuk mengendalikan projek biodiesel ini. Dan, kajian makluman daripada Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa ketiga-tiga syarikat ini merupakan syarikat yang berada di Semenanjung. Saya cuma bertanya mengapa, apa rasionalnya, sedangkan Sabah dan Sarawak merupakan pengeluar kelapa sawit yang besar di Malaysia.

Mengapa tidak kedua-dua negeri ini dikenal pasti untuk dijadikan projek pilot yang mengendalikan penyelidikan terhadap biodiesel ini. Satu lagi soalan saya, dasar biodiesel ini diumumkan bahawa yang dirangka sekarang ini, bila agaknya perkara ini akan dijadikan Akta dan dibawa ke Parlimen untuk dibincang kerana kita melihat kelambatan kita berbuat demikian kita akan ketinggalan berbanding dengan negara-negara yang lain yang juga sedang mengkhusus terhadap teknologi baru itu. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan pertama iaitu kenapa tiga syarikat yang sekarang dikenal pasti adalah datang daripada syarikat-syarikat yang sekarang beroperasi di Semenanjung. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sudah melakukan satu *tender bidding* supaya kita boleh memilih tiga syarikat untuk berusaha sama dengan pihak MPOB untuk mengadakan tiga kilang *pilot* atau tiga kilang pertama yang diwujudkan di Malaysia ini.

Di antara 10 syarikat yang telah mengutarakan atau memberikan tender kepada MPOB, 3 syarikat ini telah dikenal pasti sebagai syarikat yang memberikan syarat-syarat yang terbaik untuk diusaha sama dengan pihak MPOB. Ini juga termasuk pengalaman mereka dari 3 syarikat ini dan juga *supporting services*, dengan izin, di mana tiga syarikat ini telah mengadakan kilang yang memproses CPO itu untuk menjadikan RBD *Palm oil*. Dan, sebab itu syarikat-syarikat ini mempunyai asas yang kukuh supaya kita boleh mengadakan percubaan daripada 3 syarikat ini untuk mewujudkan biodiesel di Malaysia. Tetapi pada masa yang sama, kita tidak menghalang syarikat-syarikat yang tertentu di Sabah atau di Sarawak yang minat untuk mendirikan kilang biodiesel ini.

Dan pihak-pihak yang ada minat digalakkan untuk menghantar *proposal* mereka kepada MPOB untuk dikaji dan akhirnya diberikan kelulusan jika sesuai. Mengenai Akta biodiesel ini Yang Berhormat kita bercadang untuk membawa Akta ini ke Parlimen dalam Mac tahun hadapan dan sebelum itu kita akan memberikan satu taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya memahami Akta ini dengan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua ...

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa bio diesel walaupun dengan 100% RBDPO boleh dipakai dengan tiada adunan. Kalau ini memang sudah berjaya direka oleh MPOB mengapa seharusnya kita akan mengadakan *pilot project*? Mengapa tidak terus mengeluarkan biodiesel sahaja dan menggalakkan juga syarikat-syarikat yang lain untuk menceburkan diri di dalam bidang ini kerana saya yakin pasaran ini memang besar di Eropah, di negara-negara yang menandatangani protokol Kyoto. Mereka ingin mengurangkan pengeluaran karbon dioksida daripada tahun 2008 hingga ke tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Dr. James Dawos Mamit: Jadi mohon jawapan daripada Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, maksud saya ialah tiga kilang yang kita akan dirikan. Ini bermakna kilang-kilang ini akan menjadikan usaha sama (*joint venture*) dengan izin, dengan MPOB kerana MPOB ini ingin hendak melabur sejumlah RM60 juta dengan ketiga-tiga syarikat ini supaya kita boleh mengeluarkan 180,000 tan biodiesel untuk eksport. Saya hendak tekankan kepada eksport ini kerana dasar *biofuel* sekarang kita wujudkan ialah dua cabang. Satu ialah untuk kegunaan di Malaysia di mana akan mengandungi 5% RDBPO dengan petroleum diesel yang biasa supaya digunakan di dalam negara kita. Tetapi untuk biodiesel ini kita menggalakkan biodiesel yang kita hasilkan itu dieksport ke negara-negara di Eropah kerana kita juga ingin mendapatkan satu *growth area* dengan izin supaya biodiesel menjadikan satu lagi *growth area* bagi industri kelapa sawit di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita lihat akhir-akhir ini apabila biodiesel dalam gambaran kita tetapi kita tengok kementerian agak *slow*, walhal ini *new source of economy growth*. Biodiesel diperlukan dengan begitu banyak di Eropah. Mengapa hanya dua tiga syarikat sahaja. Saya kira sampai masa dan ketikanya supaya kementerian buat penekanan kepada semua *players* industri ini supaya *go to biodiesel*. Ini *income* baru kepada negara dan inilah masanya. Kalau ini kita terlepas, maka habis dan orang lain akan pergi dengan biodiesel, dengan bentuk lain seperti '*jatopra*' dan lain-lain bahan sementara kelapa sawit ditinggalkan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Ini bukan bermakna kita tidak menggalak. Saya sebut tadi kita memang menggalak tetapi pada masa yang

sama kita perlu juga berhati-hati kerana kegunaan biodiesel buat masa sekarang di Eropah ialah berdasarkan kepada biodiesel yang dikeluarkan daripada *Canola* iaitu *rapeseed* bukan palm sebab kita wujudkan palm ini yang datang dari Malaysia ini palm adalah dia punya asas atau dengan izin dia punya *feedstock* adalah lain sebab kita gunakan palm RBD atau CPO sebagai *feedstock* untuk mengeluarkan biodiesel. Ini adalah sedikit berbeza dengan *feedstock* daripada biodiesel yang dikeluarkan di Eropah di mana *Canola* adalah *feedstock*. Sebab itulah kita perlu berbincang dengan pihak-pihak yang menggunakan biodiesel di Eropah supaya dia boleh terima.

Baru-baru ini, saya baru datang daripada Germany di mana saya pergi tengok satu syarikat lokomotif kereta api di mana sekarang *biofuel* itu yang kita hasilkan itu digunakan oleh syarikat tersebut. Kita cubalah menggalakkan syarikat-syarikat yang besar yang menggunakan biodiesel yang banyak untuk menggunakan palm biodiesel adalah berbeza sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat bagi Sri Aman telah mencadangkan supaya kementerian saya menyediakan bantuan dari segi anak benih kelapa sawit serta khidmat nasihat berkaitan dengan penanaman pokok kelapa sawit kepada penduduk pedalaman di bahagian Sri Aman sebagai langkah untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan kadar penghijrahan dan juga pengangguran.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sri Aman kerajaan melalui Lembaga Minyak Malaysia telah mengenal pasti satu skim bantuan anak benih sawit. Skim ini diberi keutamaan kepada pekebun kecil di Sabah dan Sarawak termasuk kawasan Sri Aman yang mempunyai keluasan kebun tidak melebihi 10 ekar dan berpendapatan kurang daripada RM600 sehingga RM650 sebulan sama ada untuk tujuan tanaman baru atau tanam semula. Bagi maksud ini kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta melalui MPOB. Permohonan daripada para pekebun kecil termasuk yang dimiliki oleh tanah NCR untuk mendapatkan supaya skim ini dibuka pada 1 September sehingga 30 Jun 2006 nanti. Permohonan boleh didapati daripada pejabat-pejabat MPOB di dalam negeri-negeri berkenaan.

Untuk memastikan para pekebun kecil sawit mengikuti amalan penanaman yang baik bagi menjamin hasil yang berkualiti dan dapat pendapatan yang baik MPOB telah pun menubuhkan pasukan tunjuk ajar sawit (TUNAS). Petani akan diberi nasihat dalam semua aspek pengurusan ladang bermula pada peringkat semaian, pembajaan sehinggalah ke peringkat penuaian.

Petani-petani yang memerlukan khidmat nasihat TUNAS, bolehlah menghubungi mana-mana pejabat cawangan MPOB yang berhampiran. Di samping itu, dalam usaha untuk menjamin pendapatan para pekebun kecil sawit, kementerian saya juga menggalakkan para pekebun kecil sawit menubuhkan Skim Kumpulan Baja Terselia atau KBT. Skim KBT ini adalah satu konsep rangkaian berhubung kerjasama antara pekebun kecil, pengilang buah sawit dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Melalui Skim KBT ini semua pihak akan mendapat faedah di mana para pekebun kecil boleh mendapat kemudahan kredit baja yang disediakan oleh pihak pengilang yang bertindak sebagai pemayang untuk membeli baja bagi membolehkan mereka mencapai hasil dan produktiviti yang lebih tinggi serta kualiti buah tandan yang lebih bermutu. Pengilang pula akan menikmati kualiti buah sawit yang lebih tinggi serta hasil yang lebih banyak. Bayaran kredit oleh pekebun kecil akan dibuat melalui potongan hasil jualan buah sawit kepada peniaga atau pengilang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Temerloh mengenai kesan *unpeg* ringgit terhadap eksport terutamanya minyak sawit saya ingin mengatakan bahawa sejak ringgit di~~unpeg~~, dengan izin, nilai ringgit tidak naik secara ketara berbanding dengan nilai US Dollar. Oleh itu eksport kelapa sawit tidak begitu terjejas. Pada masa ini negara harus mengambil peluang untuk menambahkan eksport kelapa sawit yang dalam keadaan kekurangan bekalan kacang soya akibat malapetaka ribut seperti Rita dan Katrina di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun peluang ini hanya boleh dieksploit untuk jangka masa yang singkat sahaja. Dalam jangka masa panjang adalah penting bagi kita meningkatkan daya saing minyak kelapa sawit dengan mempelbagaikan kegunaan sawit dan berusaha memperkukuhkan pasaran-pasaran sedia ada seperti India dan China dan menerokai pasaran terbaru seperti Timur Tengah.

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang eksport kelapa sawit. Kita lihat sekarang ini US, di Eropah, ada gerakan kesedaran mengenai *trans fatty acid* ini, tentang kesihatan yang menjadikan lebih ramai masyarakat di sana *will be health conscious* terhadap *trans fatty acid*. Saya ingin tahu sama ada produk kelapa sawit kita ini dikesani oleh gerakan kesedaran kesihatan terhadap *trans fatty acid* yang sedang giat berlaku di Amerika dan Eropah sekarang.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita sudah memperkenalkan minyak kelapa sawit ini adalah satu minyak yang tidak menghadapi masalah seperti kacang soya sebab kita memang tidak ada *trans fatty acid* dan bahan ini tidak dikesan sebagai satu bahan yang besar atau yang banyak dalam minyak sawit ini. Sebab itu buat masa sekarang keperluan untuk menandakan label-label di produk-produk yang dikeluarkan daripada minyak sawit ini memang kita menggunakan peluang itu supaya kita mempamerkan bahawa produk-produk yang dihasilkan daripada minyak sawit ini adalah *free trans fatty acid* dan sebab itu buat masa sekarang, produk yang dihasilkan daripada sawit ini telah dijual dengan baik dan diterima dengan baik di pasaran Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila akhiri ucapan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat dalam tajuk-tajuk yang di bawah Kementerian saya dan segala pandangan dan juga teguran yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat sekalian akan diambil kira dalam pelaksanaan dasar-dasar di dalam Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sila.

9.15 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 terutamanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Permatang Pauh dan Ledang kerana membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Timur menyentuh tentang kadar inflasi yang berada pada paras 3.7 untuk bulan Ogos 2005 adalah tertinggi dalam rekod untuk tempoh enam bulan dan setengah tahun yang lepas yang bermula daripada Februari 1999. Kadar pertumbuhan yang rendah dan inflasi yang tinggi telah menyusahkan banyak rakyat Malaysia, khususnya golongan yang sederhana dan rendah pendapatan mereka. Manakala Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan Belanjawan 2006 telah gagal menjawab kebimbangan utama rakyat iaitu mengenai kenaikan terus harga barangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin kepada golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik. Kementerian telah mengambil langkah positif bagi memastikan harga barangan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya oleh pihak pengeluar dan juga peniaga. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengekang kenaikan harga barangan telah mengambil kira cara untuk membendung kos *push inflation*, dengan izin. Daripada kajian yang dilakukan terhadap struktur kos industri makanan dan pengangkutan, didapati kesan kenaikan bahan api terdapat struktur kos inflasi adalah minimum. Maka dalam hal ini kos *push inflation*, dengan izin, tidak boleh

dijadikan sebagai alasan oleh setengah pihak yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga barangan mereka dengan sewenang-wenangnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar inflasi bagi bulan September mencatat ke paras 3.4%. Peningkatan kadar inflasi sebanyak 3.4% pada bulan September 2005 berbanding dengan September 2004 adalah disebabkan oleh peningkatan tinggi dalam tiga indeks iaitu indeks makanan, indeks sewa kasar bahan api dan kuasa beli, indeks pengangkutan dan perhubungan. IHP bagi bandar utama menunjukkan Kuala Lumpur mencatat peningkatan IHP tertinggi...

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ...bagi bulan Ogos 2005 berbanding dengan Ogos 2004 iaitu 4.5%, manakala Kota Kinabalu mencatat 3.7% dan Kuching 2.3%.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu sebab ini rungutan daripada masyarakat. Apakah implikasinya di atas kenaikan harga petrol dan diesel dan impaknya kepada inflasi negara? Sebab rata-rata kita melihat harga barang telah meningkat naik. Makanan di hotel-hotel, bufet dahulu RM30 hingga RM50, sekarang RM60 hingga RM120, ia naik, ikan masin naik, minuman ringan naik, makanan naik, semua naik.

Jadi ini kalau tidak dikawal secara keseluruhan mungkin akan mempertingkatkan lagi inflasi di negara kita dan ini akan menjejaskan ekonomi negara keseluruhannya. Jadi apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh kementerian sebab kita tidak boleh bergantung pada kawalan harga barang tetapi dalam masa yang sama pihak penguatkuasaan tidak melaksanakan secara total dan ini membimbangkan rakyat kita dan juga penganalisa ekonomi. Justeru itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa langkah-langkah drastik ke arah memastikan bahawa inflasi tidak meningkat dan suasana suka hati menaikkan harga barang ini tidak berlaku dan dapat dikawal secara total. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya bagi contoh di tiga tempat di bandar utama Kuala Lumpur contohnya kadar inflasi kita catat yang tertinggi iaitu 4.5%, di Kota Kinabalu 3.7%, di Kuching 2.3%. Purata dia dalam lingkungan 3.4%. Keadaan ini tidak seimbang di sesetengah tempat walaupun ada peningkatan seperti yang saya sebutkan di Kuala Lumpur begitu mendadak. Langkah-langkah yang akan kita ambil saya akan jurus ke arah apa yang telah dibangkitkan dalam jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi untuk makluman yang Dewan ini keadaan inflasi yang dicatat oleh Malaysia masih rendah berbanding dengan negara Thailand - 5.6%, Filipina - 27.2%, Indonesia - 8.3%. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam menangani masalah kenaikan harga ekoran daripada kenaikan harga bahan api dunia. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menangani isu kenaikan harga barangan adalah seperti berikut;

- (i) mengadakan majlis perundingan dan perbincangan dengan pihak industri yang terdiri daripada pengeluar dan pengimport; Pengusaha-pengusaha *super market* dan *hypermarket* seta kumpulan yang terlibat dalam penawaran, pemasaran barangan kepada pengguna di negara ini. Melalui pertumbuhan yang diadakan kementerian menasihatkan industri terlibat supaya tidak mengenakan harga tinggi atau menaikkan harga produk keluarannya;
- (ii) mengadakan kempen membeli barangan harga rendah dengan kerajaan *hypermarket*, *supermarket* dan persatuan pengusaha restoran Indian Muslim; dan
- (iii) langkah yang drastik yang kita ambil, penetapan harga siling bagi 23 jenis barangan di bawah skim kawalan harga barang-barang pengguna 2005/2006 yang berkuat kuasa daripada 15

Oktober 2005 hingga 28 Februari 2006 dan mengambil tindakan ke atas penjualan lebih daripada harga siling yang berkenaan.

Selaras dengan apa Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebutkan tadi, pemeriksaan telah kita lakukan di 23,426 premis di seluruh negara dan lesen kita keluarkan untuk barangan kawalan ini sebanyak 27,676 dan kes sepanjang daripada mulai 15 Oktober 2005 melibatkan 152 kes dan kita telah rampas barangan sejumlah RM12,443.55 dan kita genapkan kompaun RM10,510. Ini sebahagian daripada tindakan-tindakan tegas yang telah diambil baru-baru ini oleh pihak kerajaan. Di samping itu juga, kita mengambil tindakan kerana;

- kegagalan meletakkan tanda harga oleh peniaga-peniaga seperti yang saya sebutkan tadi;
- memperhebatkan langkah-langkah penguatkuasaan di premis-premis perniagaan terutamanya yang menjual barangan keperluan;
- pemeriksaan rapi dibuat terhadap harga 255 jenis barangan keperluan harian pada setiap minggu dan melibatkan sejumlah 63 pusat kutipan harga.

Misalnya dalam tempoh 1 Januari 2005 hingga 10 Oktober 2005 sejumlah 786,208 premis perniagaan telah diperiksa mengakibatkan sejumlah 2,921 kes diambil tindakan di bawah akta kawalan harga 946. Dalam tempoh yang dinyatakan barangan bernilai RM2,621,053.77 telah dirampas dan nilai kompaun sejumlah RM235,947 telah dikutip. Kerajaan juga sentiasa menggalakkan rakyat agar membeli barangan tempatan dan mengurangkan import. Sumber-sumber import juga dipelbagaikan dengan mencari pengganti kepada sumber import yang lebih murah agar masalah kos *inflation*, dengan izin ini dapat diatasi. Industri pinggirian seperti industri kecil dan sederhana digalakkan agar jumlah perbelanjaan dapat dikurangkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Dato' Razali bin Ismail: Penjelasan. Kuala Terengganu. Saya kira situasi inflasi itu dibayangi oleh harga minyak dunia yang semakin menaik. Tetapi, kita dapat bertahan inflasi kita itu dengan kadar yang agak rendah kerana faktor subsidi. Sekarang ini kita rasa subsidi kita itu sudah terlalu *overload* dan sekarang kerajaan menanggung hampir RM25 bilion untuk menanggung inflasi, untuk menanggung ke subsidi ini. Apakah kita akan terus bertahan dengan keadaan subsidi yang semakin banyak ini dan harga minyak pun akan terus naik. Malah pada 29 Ogos yang lalu, harga minyak di pasaran dunia ialah USD71 setong dan diramalkan mungkin ia akan naik lagi dan apakah kita akan terus dapat bertahan dengan memberi subsidi yang tinggi untuk mengawal inflasi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Pertama soalan Yang Berhormat mengenai dengan adakah subsidi ini kita akan pertahankan. Kita akan teruskan pemberian subsidi kepada pihak yang berhak untuk menerimanya. Cuma mungkin kita perlukan satu skim ataupun kaedah untuk membolehkan kita memberi subsidi ini secara lebih berkesan kerana pendekatan yang kita lakukan pada hari ini seperti saya telah nyatakan di peringkat awal, bahawa pemberian subsidi adalah agak terbuka pada ketika ini, iaitu kita memberikan subsidi diesel ataupun petrol menerusi pam stesen. Jadi tidak ada sesiapa yang kita dapat menghalang untuk mendapat bekalan diesel ataupun petrol ini, oleh kerana mereka boleh datang ke pam stesen untuk mendapat bekalan ini. Maka dengan itu, peningkatan sudah pun kita lihat amat ketara sekali. Salah satu langkah seperti yang saya katakan ialah untuk mengurangkan kadar subsidi walaupun dalam keadaan peningkatan kos minyak mentah ini semakin meningkat.

Tetapi kita tahu kalau pun meningkat harga minyak di paras yang lebih tinggi lagi daripada paras yang ada ini, tetapi kalau pemberian subsidi masih tidak ada sistem yang lebih menyalur ke arah, untuk menjurus ke arah orang yang berhak sehingga melibatkan keciciran ataupun melibatkan penyeludupan. Maka ini akan sedikit sebanyak meningkatkan bebanan kepada semua pihak, khususnya kepada kerajaan kita akan menanggungkan

perbelanjaan yang begitu besar. Jadi untuk mengurangkan sedikit bebanan ialah perlunya kita untuk dengan izin *create a scheme system* untuk membolehkan hanya yang berhak mendapat bekalan ini dan...

Dato' Razali bin Ismail: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ... sedikit masa lagi. Kita perkenalkan perkara ini untuk membolehkan agar yang berhak ini akan dapat menikmati. Daripada...

Dato' Razali bin Ismail: Tidakkah subsidi yang berterusan itu akan membawa dalam keadaan keselesaan yang palsu yang mungkin kita akan berdepan dengan realiti yang sebenarnya?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya akui bahawa dalam konteks dengan izin, *argument* Yang Berhormat bahawa dengan adanya subsidi ini, dengan izin, *contacts distortion of economy is there* oleh kerana kita berlandaskan dengan keadaan yang kita dilindungi, manakala negara-negara Thailand, Singapura ataupun China tanpa adanya subsidi mereka menggunakan platform yang lebih realistik, makna kos sebenar yang mereka tampung kos itulah mereka keluarkan jenis barangan mereka, manakala kita juga dalam keadaan kita menampung subsidi. Contohnya macam ikan, kita bagi belanja hampir 400 juta liter bekalan minyak diesel kepada nelayan kita. Tetapi tangkapan dia masih di paras 60%. 40% kita import daripada luar lagi. Dalam pada itu harga ikan lebih murah di Thailand daripada Malaysia. Ini kita perlu melihat cara dan kaedah bagaimana untuk kita mempertingkatkan dari segi keupayaan kita dari segi kos, orang bilang *how to reduce the cost* dalam keadaan kita pun sudah bantu dengan subsidi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada kaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baik, saya tambah sedikit. Sembilan tahun sahaja kita punya sumber minyak mentah, saya dimaklumkan dan mungkin harga minyak petroleum tidak tahulah itu yang saya dapat tahu, gas banyak tetapi petroleum dan anggarkan bahawa mungkin harga petroleum akan meningkat peratus 120 dan negara tidak mempunyai satu pelan bertindak sekiranya berlaku senario sebegini. Bagi maklum balas.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *Reserve* minyak kita ialah saya ingat tidak lebih daripada sembilan tahun, dalam lingkungan 15-20 tahun. Tetapi dalam pada itu walaupun kita tahu jangka masa ini walaupun tidak begitu panjang, kita perlu menyediakan, melengkapkan diri kita. Dengan itu kita menggunakan pelbagai kaedah, *alternative source to generate*, dengan izin iaitu *bio-fuel* salah satu dengan dia dan kita menggalakkan supaya pengangkutan awam contohnya menggunakan NGV.

Itu sebahagian daripada kaedah kita. Sekiranya kita dapat mengambil langkah-langkah ini, alternatif selain daripada diesel, selain daripada petrol, kita menggunakan NGV. Insya-Allah. Ini kita akan sedikit sebanyak dapat mengurangkan pergantungan kita. Dengan bahan api ini, seperti diesel dan minyak petrol ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ipoh Timor juga mencadangkan supaya peningkatan kecekapan ekonomi di mana harga pasaran untuk bahan bakar tidak akan diputarbelitkan. Tidak berlaku penyeludupan, dan pencatutan dalam pasaran.

Sehubungan dengan ini, kementerian telah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1991, di mana dari Januari 2005 sehingga 10 Oktober 2005, terdapat 575 kes keseluruhannya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Daripada jumlah tersebut, terdapat 721 kes yang dikompaun dengan jumlah kompaun sebanyak RM748,760 dan nilai rampasan adalah sebanyak RM13 juta. RM13,983,971.59 dan seterusnya sebanyak 302 kes masih dalam siasatan dan dua kes telah selesai tindakan mahkamah dengan masing-masing dikenakan denda sebanyak RM2,000 dan RM8,000. Ya, Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong. Menteri bagi peluang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas sahajalah. [Ketawa] Yang pertamanya, penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata, itu *reserve* minyak kita sampai 15 – 20 tahun. Saya haraplah Yang Berhormat balik mengkaji semula itu *Third Outline Perspective Plan*, mengatakan 2008, akan habis. Saya tak tahulah bila akan habis. [Ketawa] Ikut *outline perspective* yang ketiga tu, yang ketiga tu ya? 2008, saya tak tahu bila? Tapi, saya nak tanyalah, nak tanya. Mengenai itu, kenyataan Yang Berhormat nak tambahkan lebih 800 penguat kuasa. Penguat kuasa. Dan di dalam bajet itu 700 lebih dan dengan pertambahan penguat kuasa ini apakah itu strategi untuk mengawal kerana saya ada nampak ada kawal sedikit. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading, bukanlah begitu, ya. Ya, bolehkah Yang Berhormat mengatakan, apakah strategi untuk menempatkan pertambahan kita, kerana kita nampak lebih satu ribu dah sekarang ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [Ketawa] Kepong ini dia tanya, masih dia terkeping lagi. Pertama mengenai dengan *reserve* ini, saya katakan sedemikian, ya dalam jangka masa anggaran, saya rasa kurang pasti dari segi usia, (*life cycle*) dia, tapi dalam lingkungan 15 hingga 20. Tapi ini berlandaskan belum ada, kalau ada pertemuan ataupun *new discovery*. Baru-baru ini kita jumpa di up North in Sabah, dengan izin. Bahawa ada *reserve*. Dan *reserve* ini agak besar dijangka, dan ini sedikit sebanyak akan menambah kapasiti atau *reserve* kita dengan izin.

Kalau sekiranya banyak *exploration* dengan izin, kita lakukan dan ini akan menambah *reserve* dan simpanan minyak negara kita. Maka dengan itu perlu mengambil selain daripada langkah-langkah yang saya katakan, mempelbagaikan juga, perlu kita memperbuat *exploration*. Supaya memperbanyakkan lagi *reserve* kita. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ledang membangkitkan isu masalah, tadi Kepong katakan bagaimana nak *allocate* pegawai-pegawai daripada 745 ini.

Kita akan agih-agihkan di tempat-tempat yang memerlukan, ya? Untuk keberkesanan tindakan-tindakan tegas perlu diambil oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ledang membangkitkan isu masalah pembangunan NGV, dan cadangan untuk meningkatkan pembangunan dan penggunaan NGV sebagai bahan api alternatif kepada kenderaan termasuk bot-bot nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya berusaha untuk meningkatkan penggunaan NGV ataupun *natural gas for vehicle*, dengan izin bagi bahan api alternatif. Untuk sektor pengangkutan di negara kita, sehubungan ini, kerajaan telah mengadakan insentif-insentif untuk menggalakkan kenderaan awam ataupun persendirian menggunakan NGV.

Sebagai contoh, kerajaan mengenakan kadar cukai jalan kenderaan yang menggunakan NGV 50%, lebih rendah daripada cukai jalan kenderaan yang menggunakan petrol atau diesel. Kerajaan juga telah menghapuskan cukai import *conversion kit*, dengan izin. Untuk kerja ubah suai, enjin petrol atau diesel kepada NGV. Enjin yang menggunakan NGV dan petrol atau *biofuel* memperolehi potongan cukai jalan sebanyak 25% dan harga runcit NGV di pam ditetapkan tidak lebih dari 50% harga petrol. Pembangunan NGV akan dibuat berperingkat-peringkat kerana kos untuk membangunkan stesen antara RM1 juta hingga RM5 juta sebuah dan memerlukan rangkaian bekalan gas yang cukup. Kementerian juga akan berbincang dengan pengusaha-pengusaha bengkel yang membuat *conversion kit* dengan izin, berkaitan supaya harga tidak lebih RM3,000.

Ketika ini terdapat 39 buah stesen Petronas membekalkan NGV di Lembah Klang, Pulau Pinang dan di Johor Bahru. Perancangan Petronas untuk menambah 4 lagi stesen minyak akhir tahun ini dan sedang membangunkan 25 stesen NGV. Kementerian berusaha supaya stesen Petronas di lebuh raya membekalkan NGV untuk memenuhi permintaan. Menjelang tahun 2010, sebanyak 90 buah stesen akan diwujudkan. Bagi syarikat-syarikat minyak yang lain, mereka sedang mengkaji dari segi *viability*, dengan izin. Penjualan NGV

kerana pada ketika ini mereka perlu mendapatkan bekalan NGV daripada Petronas. Sekarang terdapat kira-kira 19,000 kenderaan yang menggunakan NGV di mana 99% adalah teksi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh Timor juga membangkitkan isu pendaftaran *software patent* di mana syarikat multinasional dan milik portfolio *software patent* dapat melemahkan dan mencacatkan industri software Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *intellectual property* dengan izin adalah salah satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada pereka cipta dan juga untuk menggalakkan inovasi. Malaysia juga telah mewujudkan Multimedia Super Coridor, di mana kerajaan telah berjanji di dalam *MSC Bill of Guarantee No.6*, iaitu dengan izin, *to become a regional leader in intellectual property protections and cyber laws* oleh itu, Malaysia hendaklah mempunyai perlindungan harta intelek yang boleh diyakini. Salah satu daripada perlindungan harta intelek yang terdapat di Malaysia adalah melalui sistem *patent*.

Di Malaysia, *patent software* yang menuntut perlindungan ke atas, dengan izin, '*hologram* dan *element source code*' tidak membolehkan ianya diberi perlindungan di bawah Akta Paten 1983. Sehubungan dengan itu, kementerian berpandangan bahawa syarikat-syarikat multi nasional yang memiliki portfolio *patent software* tidak akan melemah atau boleh mencacatkan industri *software* di Malaysia kerana sistem *patent* bertujuan untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi kepada masyarakat Malaysia, amnya, dan industri tersebut, khususnya.

Sistem *patent* kita dijangka akan dapat mewujudkan dengan izin *environment* yang sihat untuk industri tersebut terus berkembang dalam mereka cipta produk-produk atau reka cipta-reka cipta *patent* yang baru dalam arus perkembangan teknologi yang terkini. Persaingan tersebut akan menggalakkan rakyat tempatan, dalam melengkapkan lagi industri *patent software* di peringkat global. Kerana itu kerajaan telah mewujudkan Multimedia Super Coridor, di mana terdapat banyak syarikat tempatan yang mendapat status MSC. Sehingga ini terdapat 25 permohonan *patent software* di Malaysia di mana tiga daripadanya adalah dipohon oleh syarikat tempatan. Walau bagaimanapun, kementerian akan terus membuat kajian lanjut dan pemantauan sama ada pemilikan hak *patent software* oleh syarikat multinasional boleh melemah atau mencacatkan industri tersebut di Malaysia. Akhir kata, saya sekali lagi ..

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan tentang perkara ini. Ini mustahak. Ini mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini mustahak, ini mustahak. Mahu faham. Memandangkan bahawa Parlimen di Eropah ada memainkan peranan untuk mempertahankan kepentingan *software, engineers, IT experts*, dan tidak benarkan MSC buat apa yang mereka suka, adakah Malaysia akan lebih prihatin dalam perkara ini? Supaya kita tidak membenarkan MSC *stampede* tindakan dan hak-hak *software engineer* kita sendiri supaya kita boleh berkembang dalam bidang ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kehadiran mereka di Multimedia Super Coridor ini tidak akan mencacatkan. Tidak akan menindas industri tempatan kita, malahan dia akan *create some form of competition*, dengan izin. Dia akan mendorong supaya masyarakat kita bila melihat ada syarikat asing datang berdaftar ataupun berada di Multimedia Super Coridor, ini akan menjadi satu galakan mereka untuk bagaimana dapat meletakkan keupayaan mereka bersaing, *we must be creative, we must be innovative* dalam gerakan ini untuk memastikan but *we cannot be creative* dengan izin kalau kita hanya berlandaskan dengan kepompong di peringkat pemikiran kita sahaja. Kita perlu ada pendekatan untuk membolehkan yang luar juga perlu ada hadir di dalam sektor ini untuk membolehkan supaya kita dapat mengukur keupayaan kita *we cannot measure our competitiveness* atau kredibiliti hanya berdasarkan dengan kapasiti tempatan syarikat-syarikat tempatan kita dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Ya pendek sahaja. Saya percaya Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Eropah tidak mahu *software engineers* di Eropah kreatif apabila mempertahankan hak-hak mereka tetapi sangat lewatlah untuk bincang dalam perkara ini. Mungkin *another time* sungguhpun saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri *another time another office*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjung untuk makluman Yang Berhormat, eh bagi Ipoh Timor, saya masih ingat Tanjung.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Daripada Ipoh Timor ya. Untuk makluman Ahli daripada Ipoh Timor daripada beberapa ribu *applications*, 19,622 daripada *software* asing yang kita *patented* dengan izin akhir kata sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul Bajet 2006 dan memberi penerangan ke atas perkara-perkara melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara-perkara yang tidak sengaja diberi jawapan sewajarnya di Dewan ini insya-Allah sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara berkaitan akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

9.42 mlm.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Anggaran Perbelanjaan Tahun 2006 bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Pelbagai isu, cadangan dan saranan yang bernas yang menyentuh pengajian tinggi negara telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di mana kementerian saya akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Sehubungan dengan ini saya dengan sukacitanya mengambil kesempatan dalam masa terhad 15 minit ini untuk memberikan maklum balas ke atas cadangan dan saranan tersebut terutamanya kepada perkara yang khusus. Isu-isu yang tidak sempat saya jelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan selanjutnya. Tuan Yang di-Pertua mengenai laporan jawatankuasa mengkaji, menyemak dan membuat perakuan tentang perkembangan dan hala tuju pendidikan tinggi negara kita.

Mengenai laporan jawatankuasa mengkaji, menyemak dan membuat perakuan tentang perkembangan dan hala tuju pendidikan tinggi negara kita, Ahli Yang Berhormat bagilpoh Timor telah membangkitkan mengenai ketidaktelusan laporan tersebut kerana ia tidak diumumkan kepada rakyat. Saya ingin jelaskan di sini bahawa laporan ini bukanlah satu laporan suruhanjaya sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat andaikan. Ianya merupakan laporan sebuah jawatankuasa pakar pendidik yang dilantik oleh Menteri sendiri untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan perkembangan semasa, mengenal pasti isu dan masalah serta membuat perakuan bagi membangunkan sektor pengajian tinggi negara.

Dalam menyediakan laporan ini pendapat orang ramai juga telah diterima dari semasa ke semasa melalui sesi perbincangan dan lawatan berkelompok-kelompok dan tiap-tiap negeri bersektor-sektor. Malahan maklumat atau pandangan mereka mengenai pembangunan pengajian tinggi negara disalurkan juga melalui e-mail dan laman web jawatankuasa yang telah berfungsi lebih awal lagi. Setakat ini laman web ini telah menerima 690 *sheet* pandangan dan pendapat orang ramai mengenai hala tuju pendidikan tinggi negara ini. Ini membuktikan bahawa usaha mengumpul maklumat dalam penyediaan laporan ini telah dilaksanakan secara telus.

Laporan jawatankuasa dan maklumat daripada orang ramai ini merupakan sebahagian sahaja daripada input bagi membantu Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan hala tuju pendidikan tinggi negara yang mantap yang akan menjadi asas kepada kumpulan dasar pendidikan tinggi negara kita. Maka sudah pastilah ianya akan diumumkan kepada orang ramai oleh itu tidak timbul soalan ketelusan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri kata tidak akan diumumkan bukan, tidak akan diumumkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Diumumkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ha?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Diumumkan.

Tuan Lim Kit Siang: Akan diumumkan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Akan diumumkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bila akan diumumkan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ini sekarang ini adalah merupakan hala tuju lepas itu jawatankuasa itu memberikan laporannya kepada saya. Kita akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji hala tuju tertentu. Selepas itu daripada hala tuju itu kita akan membuat satu dasar. Hala tuju ini akan merupakan macam *fish bone* sahaja tulang ikan jadi kita kena balut dia dengan daging dan sebagainya. Selepas itu barulah kita akan bentangkan ke khalayak orang ramai.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya boleh faham proses itu dan bahawa laporan Zahid Committee ini akan disemak sekali lagi oleh satu jawatankuasa khas yang ditubuh dalam Kementerian Pengajian Tinggi. Tetapi bukannya kita perlu ada satu budaya dan sikap yang lebih terbuka di mana setiap proses kajian dasar diumumkan semacam yang ada di negara-negara yang terbuka. Termasuk macam laporan Zahid Committee sungguhpun ia akan dikaji oleh satu jawatankuasa khas Kementerian Pengajian Tinggi tetapi laporan itu pun kepada mereka yang prihatin mengenai masa depan universiti-universiti dan pengajian tinggi di Malaysia. Mereka pun prihatin apa dalam kandungan ini supaya ada satu proses perbincangan dimulakan supaya universiti-universiti kita adalah *world class* ada kelas dunia. Khasnya dalam *round table* saya diajukan mengenai krisis *higher education*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...bangunan ya itu bangunan Parlimen ini seorang anggota jawatankuasa Profesor Ibrahim Ba Junid. Dia akan kata kita ada tanya sama ada laporan ini akan diumumkan dan dia sangat jelas tegas kata ia akan diumumkan. Bukankah ini satu langkah yang patut diadakan diumumkan dan boleh dikaji tetapi ini *rolling public discussion* mengenai masa depan *higher education*.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa ini merupakan data-data yang dapat kita lakukan daripada orang-orang ataupun *stake holders* yang telah pun kita adakan *round table conference* itu. Maknanya peringkat awal itu telah juga kita adakan *round table conference* kepada *stake holders* yang berkenaan termasuk juga IPTA, IPTS dan orang-orang yang berkenaan. Hasil daripada itu telah pun diadakan laporan ini. Laporan ini tentulah dibahagikan dahulu kepada saya untuk saya meneliti dan jawatankuasa saya menelitinya dahulu, bukannya begitu? Jadi kita hendakkan supaya ada juga input daripada kerajaan terhadap laporan yang telah diadakan. Kalau misalnya laporan itu sudah

disediakan dipulangkan balik kepada *stake holders* yang telah pun berbincang mengenai perkara itu, perkara itu sama juga kerana mereka yang bagi input.

Tetapi apabila datang kepada kementerian saya kita tengok balik dan bagi pada perspektif kerajaan pula untuk melihat ada sama ada hala tuju ini boleh diterima secara total ataupun kita buat adaptasi mengikut keadaan sekeliling.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya sekarang ini kita hendakkan supaya adaptasi daripada perspektif kerajaan itu dibuat dahulu selepas itu kita akan tengok pula supaya banyak kita masukkan fakta-fakta yang lain untuk kita membuat dasar lepas itu kita bentangkan. Sekarang ini dia mempunyai *skeleton* sahaja, rangka sahaja. Jawatankuasa saya sedang bersidang malam-malam bulan puasa pun mereka sedang bersidang kita akan menentukanlah nanti kita akan beritahu bila dasar ini akan kita siapkan. Kerana hendak buat dasar pengajian tinggi negara ini kita tidak perlu terkocoh-kocoh, lekas kerana implikasi dan impaknya berpanjangan. Jadi kita akan melihat dari segala segi dan kita akan melihat disiplin. Sabar Yang Berhormat ya.

Pengangguran siswazah dan graduan kurang berkualiti. Mengenai isu pengangguran siswazah dan graduan-graduan berkualiti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Puchong, Lipis, Penampang, Kuala Terengganu, Ipoh Timor, Beluran, Santubong, Cameron Highlands, Kapit, Pensiangan, Kota Belud, Arau, Temerloh, ingin saya jelaskan di sini bahawa kementerian telah mempunyai strategi yang sedang diambil tindakan sewajarnya untuk mempertingkatkan kualiti graduan yang secara langsung dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah. Sekarang ini kalau mengikut data 2004, kita ada 65% graduan-graduan kita yang telah bekerja, 15% melanjutkan pelajaran mereka dan 25% masih lagi mencari kerja. Tetapi di sini kita ingin supaya melihat balik 25% ini dari segi konsep mencari kerja itu, kadang kala konsep mencari kerja itu mereka sudah bekerja *safe-employed* atau bekerja dengan ibu bapa mereka tetapi mereka menyatakan mereka tidak bekerja kerana mereka ingat, mereka fikir kalau bekerja mestilah ada majikannya. Sedangkan dia merupakan majikan sendiri, dalam erti kata lain, *self-employed* ataupun dia bekerja dengan keluarga mereka, jadi ini kita perlu *reclassified* balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat Menteri terima kasih di atas makluman, tetapi Yang Berhormat Menteri kena menyelidik secara rasional. Apabila tidak bekerja bermakna mereka tidak ada *self-employed* bukan sahaja bekerja sama keluarga dan tetapi mereka ini benar-benar menganggur.

Contohnya di Kinabatangan, terdapat lebih kurang [*Disampuk*] 70 orang dan baru-baru ini hanya dua orang yang mendapat pekerjaan. Mereka memang tidak ada pekerjaan langsung sedangkan harapan ibu bapa mereka di luar bandar ini, apabila mereka, *expectation* mereka, apabila telah mendapat *degree* dan sebagainya mereka beranggapan terselamatlah mereka. Dan, misi kita iaitu apabila dia mendapat ijazah, dia boleh balik ke kampung dengan harapan merungkai permasalahan kemiskinan di keluarga mereka tetapi akhirnya mereka juga tidak dapat pekerjaan. Ini yang membimbangkan kita, apakah strategi kementerian ini dan kerajaan untuk mencari sumber untuk memastikan bahawa graduan-graduan yang terpilih ini boleh mendapat pekerjaan, walaupun bukan berkolar putih tetapi asalkan mereka ada pekerjaan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya puji Yang Berhormat ini kerana dia tahu berapa orang di kawasan dia graduan yang tidak bekerja, 70 orang dan daripada 70 orang itu cuma 2 sahaja yang bekerja, jadi 68 orang yang tidak bekerja.

Di sinilah kita minta graduan-graduan ini tidak usah balik kampung kerana ini yang dikatakan *pocket of unemployment*, dengan izin, jadi di satu-satu lubuk ada orang yang tidak bekerja begitu ramai. Mereka ini perlulah berhijrah, inilah yang dikatakan *glokal*, supaya mereka berhijrah kerana saya katakan Kinabatangan, tempat Yang Berhormat tidak mempunyai *economic* aktiviti yang boleh menjana kekayaan ataupun pendapatan di situ. Jadi, kita berharap supaya graduan-graduan kita bila dia sudah *bergraduate* janganlah dia balik kampung kerana kampung itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Pembetulan sedikit Yang Berhormat Menteri, lelaki mungkin boleh menjadi *glokal* seperti yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi kalau graduan ini perempuan, ibu bapa dia di kampung, dia di Kuala Lumpur tanpa pekerjaan mungkin ada satu-satu perkara yang negatif berlaku, jadi ini kita kena fikir juga. Macam mana, bukan jadi *glokal* tetapi mungkin menjadi serong pula dipandang masyarakat, ini pun kita kena timbang jugalah macam mana kita menganalisis.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, ini yang kita hendakkan kalau boleh graduan-graduan kita yang di kampung-kampung membuat resume ataupun kurikulum *writer* untuk diri mereka sendiri dan menghantarnya ke pihak-pihak swasta supaya mereka dapat juga dipanggil temu duga dan sebagainya.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Di antara...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut peratus graduan yang sedang mencari kerja 25%. Saya percaya maklumat yang lebih terperinci akan dapat diperolehi apabila pihak APU yang saya percaya sedang mengumpul data-data berkenaan dengan graduan yang menganggur ini, tetapi 25% itu berapa jumlahnya Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya, jadi jumlahnya ialah sebanyak 17,500 orang. Tetapi saya perlu *qualified*, seperti mana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, yang 25% mencari pekerjaan ini kita kena *reclassified* balik siapa yang sudah bekerja *self-employed* ini dia itu sudah bekerja.

Tetapi kalau kita tengok pandangan daripada *World Bank* dan juga pandangan daripada UNESCO, kita hendak melihat selama setahun selepas mereka keluar bergraduan barulah kalau setahun itu mereka tidak dapat kerja barulah kita kira mereka *unemployed* tetapi pada masa sekarang *adjustment period*. Jadi, ini yang kita katakan, kalau kita tengok keadaan dari segi sumber manusia misalnya, mereka sudah bekerja tetapi mereka hendak mencari pekerjaan yang lebih baik lagi, jadi mereka mendaftar. Pendaftaran itu menunjukkan mereka tidak dapat kerja sebenarnya mereka sudah dapat kerja. Di sinilah kita perlukan, kalau kita lihat selama setahun, 25% ini tidak bergerak barulah kita mengatakan dia tidak bekerja. Di antara strategi-strategi tindakan yang sedang kita ambil:

- (i) mengkaji penawaran kursus-kursus baru institut pengajian tinggi, jadi *nanotechnology* dan sebagainya, bioteknologi. Kita telah mewujudkan KU-KU, kolej universiti- kolej universiti yang menyediakan banyak kursus-kursus baru ini;
- (ii) meminta IPT memasukkan elemen-elemen yang menjadi pelengkap ilmu kepada pelajar seperti teknologi maklumat dan keusahawanan supaya pelajar mempunyai kemampuan dalam *grouchy* kejayaan mereka;
- (iii) mempertingkatkan kerjasama yang telah wujud antara kementerian dengan pihak industri, akademik, profesional, alumni, dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke

- semasa bagi mendapatkan makluman balas mengenai keperluan kursus, pengajian di IPT dan tenaga kerja di sektor-sektor ekonomi;
- (iv) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting tanpa meminggirkan bahasa Melayu serta meningkatkan kemahiran komunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah;
 - (v) melaksanakan kursus pengajian *double major*, dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian Islam, ekonomi dan sebagainya. Sekarang ini kalau kita pergi Universiti Malaya, kita ada tiga sekali dirangkum menjadi satu *bio, medical, engineering*;
 - (vi) di sinilah *multi-disciplinary* ini kita akan cuba mewujudkan supaya mereka lebih berwibawa dan lebih multi disiplin lagi. Kelainan semula kurikulum pengajian setiap tiga hingga lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar, industri seluruh pasaran kerja;
 - (vii) melaksanakan program latihan industri, di industri awam atau swasta dalam tempoh tiga dan empat bulan bagi pelajar pada tahun akhir pengajian. Tempoh latihan ini telah dilanjutkan kepada enam bulan sebagaimana yang telah dipinta oleh pihak industri bagi memantapkan lagi kemahiran pelajar kita;
 - (viii) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan, pengurusan dan budaya kerja di industri;
 - (viii) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran; dan
 - (x)

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Menyokong usaha-usaha Jabatan Perkhidmatan Awam, mengadakan Skim Sangkutan dan Latihan atau SSL; Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan Skim Latihan Graduan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Perdana Menteri yang melaksanakan sistem pendaftaran.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah elemen-elemen ini dimasukkan dalam kursus-kursus yang sedang berjalan di IPTS, IPTA sekarang ini kerana kita lihat graduan yang sudah keluar sekarang ini merupakan kelemahan-kelemahan mereka, pengisian-pengisian harus diisi oleh graduan ini untuk dapat diambil sebagai pekerja. Kerana itu saya ingin tahu sama ada elemen tadi, 10 elemen itu sedang dijalankan sekarang di IPTS ataupun IPTA.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Satu kajian sedang dilakukan mengenai perkara ini, dan di Majlis Pengajian Tinggi Negara telah pun ada cadangan untuk kita melihat bahawa sesuatu kursus itu akan mengambil masa 120 *credit hours*. Tetapi kita sekarang ini lebih mementingkan *duration* atau lamanya, jadi 120 *credit hours* ini boleh kita samakan dengan 3 tahun.

Tetapi ini juga bergantung kepada penuntut itu sendiri, kalau misalnya penuntut itu cepak, dalam 120 *credit hours* itu boleh dihabiskan tempohnya tiga tahun tetapi ada juga

yang memerlukan tiga setengah tahun misalnya. Jadi, oleh kerana itu kepada penuntut yang telah dan sedang mengikuti kursus, kita tidak boleh hendak *breach of the contract*, mengatakan kursus yang diambil itu sebanyak 120 *credit hours* iaitu tiga tahun misalnya kerana kursus-kursus lain seperti *engineering* 4 tahun. Kalau misalnya, *medicine* 5 tahun, *pharmacy's*, *dentistry* dan sebagainya, jadi ini bergantung kepada kursus yang peringkat akhir.

Oleh kerana itu, apa yang kita akan lakukan ialah di masa akan datang selepas MPTN, ini adalah satu institut pengajian negara ini yang terletak di Universiti Sains Malaysia (USM) ini, membuat laporannya dan kita bentangkan kepada Majlis Pengajian Tinggi Negara apabila telah pun dipersetujui barulah penuntut baru kita akan adakan 120 *credit hours* bersamaan dengan sekian-sekian tahun...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Buat masa ini sekarang ini - saya dihujani dengan budak-budak kita SMS kepada saya dan berkata, "Dato' saya tidak boleh hendak sembahyang tarawih sampai 23 rakaat, 8 rakaat itu pun kadang-kadang dapat kadang-kadang tidak.", kerana mereka dibebani dengan tugas-tugas yang perlu mereka lakukan untuk mereka belajar dengan lebih rajin lagi. Oleh sebab itu bagaimana kita hendak menjadikan mereka ini *towering personality*, sahsiah diri dia, penonjolan diri dan sebagainya. Jadi terpaksa kita melihat balik semula tentang *credit hours* dan *plus*, *plusnya* tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, kalau saya tidak silap saya ada mencadangkan supaya kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mengenal pasti berapa sebenarnya keperluan kita graduan-graduan yang mengisi industri berteknikal tinggi seperti *engineer* berapa kita hendak, doktor berapa, farmasi berapa, arkitek berapa, *interior designer* berapa. Oleh sebab inilah antara lain kursus-kursus yang mendapat sambutan dan dalam bidang IT saya tengok inilah bidang yang banyak menganggur sebab kelahiran IT dalam negara kita seolah-olah tidak berkualiti dan terpaksa kita mengambil perkara-perkara IT daripada negara luar seperti India dan sebagainya untuk mengisi kekosongan yang ada. Jadi apakah kementerian ini telah melakukan perundingan dengan Kementerian Sumber Manusia, termasuk memperbanyakkan kursus-kursus yang berteknikal tinggi dalam negara kita sehingga kita terpaksa menghantar graduan-graduan pelajar-pelajar kita ke negara-negara dalam bidang kedoktoran seperti Ukraine dan sebagainya sebab ini merugikan kewangan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat tanya begitu saya masih teringat semasa saya bekerja dahulu di perkhidmatan awam - Saya dari Kementerian Sumber Manusia. Jadi apa yang kita lakukan di Kementerian Sumber Manusia kita ada buat *survey*, tiap-tiap setengah tahun ataupun kita tengokkan dia punya *sectoral* tiap-tiap tiga bulan. Selepas itu dari segi teknikalnya ini merupakan *technical working group* dan selepas itu kita bawa kepada, *Interagency Planning Group* (IAPG). Daripada situlah kita kumpulkan data yang daripada Kementerian Sumber Manusia, data daripada *Department of Statistic* (DOS), data daripada kementerian-kementerian lain di bawa kepada EPU, kemudian barulah dicampurkan sekali mengenai keperluan-keperluan guna tenaga di Malaysia ini, barulah kita masukkan dalam Rancangan Lima Tahun. Jadi di sini saya setuju kepada Yang Berhormat tetapi kalau kita tengok dari segi, Kementerian Sumber Manusia sahaja ia merupakan cuma *sectoral*, tetapi kita akan bawa kepada IAPG di peringkat EPU.

Dato' Razali bin Ismail: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Saya hairan kenapa cadangan nombor 10 tadi iaitu Kementerian Sumber Manusia mengendalikan skim latihan graduan seolah-olah Kementerian Pengajian Tinggi memindahkan *unfinish product*nya seolah-olah yang tidak dapat memberikan pekerjaan itu dikendalikan dan boleh dianjakkan dan dipindahkan pula satu kementerian yang lain. Kenapa tidak pengajian tinggi sendiri melalui kolej komuniti misalnya yang berselerak seluruh tanah air, polikota misalnya mengendalikan kursus-kursus untuk memantapkan mereka ini agar mereka mendapat pekerjaan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, kita berfikir yang sama. Oleh sebab itu pada tahun depan kita akan berpindah sedikit demi sedikit kepada apa Yang Berhormat katakan tadi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa projek pembangunan fizikal IPT yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Sandakan dan tentang penubuhan politeknik di Pantai Timur Sabah mengenai penubuhan Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kurau mengenai cadangan untuk menubuhkan universiti FELDA dan Yang Berhormat daripada Kinabatangan mengenai keperluan menambah IPT yang berfokus pada bidang perubatan dan farmasi. Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa kerajaan sedang dalam proses membina dan membesarkan kampus tetap kita di UNIMAS dan ianya dijangka siap dalam Fasa 1 pada penghujung tahun 2005 ini. Jadi untuk yang seterusnya akan kita bawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membina sebuah politeknik di Sandakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk menampung keperluan pelajar dan industri, khususnya bagi Pantai Timur di Sabah. Selain daripada itu kerajaan juga sedang mengkaji keperluan untuk memperkembangkan lagi program pengajian perubatan dan farmasi dengan menubuhkan fakulti atau sekolah perubatan dan juga farmasi yang baru supaya dapat memenuhi pertambahan bilangan pelajar dalam bidang ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui sekarang ini kita ada 17 universiti, tahun depan mungkin ada 18 IPTA. Adakah Kementerian masih berhasrat untuk menubuhkan universiti baru sedangkan pada pandangan saya lebih baik kita memantapkan dan memperkuat dan memperkasakan universiti-universiti yang ada supaya dari segi perbelanjaan mungkin dapat dijimatkan dan juga supaya universiti yang ada itu dimartabatkan lagi, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasakan begitu juga, kerana kalau kita membuat banyak universiti tetapi pensyarahnya tidak ada pun tidak ada pun tidak guna. Jadi apa yang saya lakukan sekarang ini kita telah berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya penuntut-penuntut di luar negara yang mendapat kecemerlangan yang begitu hebat tidak payah dipanggil pulang. Mereka akan ditindih terus untuk membuat *Masters* dan juga PhD, dengan cara itu dapat kita meramaikan lagi pensyarah kita.

Yang keduanya, kita akan mengadakan *speed program* PhD, maknanya dalam masa empat tahun, dua tahun mereka akan berada di sini dan dua tahun misalnya katakan di Imperial kolej dan kita ada soviet supervisor di sini dan kita ada supervisor di sana dan ini juga menggalakkan *internationalization* di mana pensyarah-pensyarah daripada luar negara akan datang ke mari dan pensyarah kita akan pergi ke luar negara. Begitu juga *student* kita berada di sini dan *student* mereka juga akan datang ke mari. Dengan adanya konsep ini konsep *internationalization*, konsep *split program* dan konsep-konsep yang lain, kita

berharapan ramai tenaga pengajar kita akan dapat *Masters* dan Ph.D, sekarang ini cuma ada 30 peratus yang ada Ph.D.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong sila.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Secara ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan *speed program* dan sebagainya untuk *Masters* dan Ph.D itu, seolah-olah kita jual itu gula sahajalah, jual juadah sebab baik macam itu. Seperti buka puasa itu ...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh: [*Ketawa*] [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Jual macam itu sahaja, *Speed Program* dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kita dan dunia macam mana kita dapat memantau standard untuk Ph.D, MSC dan sebagainya supaya kita benar-benar menjadi pusat kecemerlangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia ada *split* Ph.D itu susah hendak cakap...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu pertuturan sudah terjejas, *split* Ph.D...ya, ya, ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tetapi *speedy* Ph.D tidak akan menimbulkan *split personality*.

Dr. Tan Seng Giaw: *Split personality* kah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap standard dapat ditingkatkan supaya kita tidak adalah PhD juadah dan sebagainya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, apa yang kita sedang lakukan ialah kita akan sedang membentuk, *Malaysia Qualification Freework* (MQF) dengan izin. Dengan adanya MQF ini selepas itu kita akan adakan *Mutual Recognition* (MR). Di sinilah kita harapkan ramai penuntut luar negara akan datang ke tempat kita belajar apabila mereka balik kerajaan mereka akan *recognized* atau mengiktiraf program-program yang telah kita adakan.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highland Yang Berhormat .

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sekarang, lebih kurang tiga minggu yang lalu surat khabar membawa berita bahawa kita akan memperkasakan pengambilan pelajar di luar dan pelbagai insentif dan mereka akan dilayan seperti VIP. Dato' Menteri, saya hendak tanya kenapa ramai pelajar di Malaysia yang sudah lari ke luar Malaysia? Kerana dasar-dasar kita yang begitu tidak stabil dan kita meraja-rajakan orang dari luar. "Kera di hutan disusui, anak sendiri mati kelaparan", tolong beri penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Mereka bukan lari, kerana tempat sini tidak cukup, mereka pergi ke luar negara. Apa yang kita hendakkan ialah supaya Malaysia akan

menjadi *educational hub* dan ini kita lakukan supaya penuntut-penuntut luar negara yang hendak datang ke Malaysia kerana mereka tidak mahu pergi ke Amerika, terutamanya penuntut-penuntut dari negara Arab. Mereka kata ada *big harass* dan sebagainya, mereka tak nak dihantar ke Eropah tetapi mereka hendak datang ke Malaysia kerana Malaysia stabil dari segi politiknya, aman, tenteram dan mereka hendakkan kalau boleh Malaysia dapat mengeluarkan sijil daripada luar negara.

Jadi oleh sebab itu, kita telah mengadakan bukan lagi *split program*, Yang Berhormat bagi Kepong tetapi kita akan mengadakan *tuning program* sama ada 2+2, 3+1 dan sebagainya. Jadi apa yang kita harapkan supaya penuntut-penuntut ini dan juga pensyarah-pensyarah yang ternama daripada luar negara, kita akan jemput mereka ke mari dan kita akan bagi tempat supaya mereka dapat buat penyelidikan bersama dengan penyelidik-penyelidik kita. Dengan cara itu, proses *internationalization*, proses *globalization* akan dapat kita lakukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri Pengajian Tinggi. Saya dengar seronok cerita pasal universiti-universiti, cuma Yang Berhormat, boleh tidak tolong sedikit pasal negeri-negeri pun ada universiti dia sendiri. Macam Kedah, kita ada Insaniah, tapi laih sangatlah, uzur, tidak cukup kelengkapan dan mereka ini adalah pelajar-pelajar dan kita ada *tuning program* juga dengan Universiti Al-Azhar. Tidak begitu, Yang Berhormat bagi Jerlun?

Tetapi keadaan mereka itu... Walaupun saya faham ini di bawah pentadbiran kerajaan negeri, tetapi apakah pihak kementerian boleh tengok, menambahkan peruntukan-peruntukan supaya taraf mereka ini sama juga dengan pelajar-pelajar universiti-universiti yang ada dalam negara kita ini. Jadi memang hasrat Yang Berhormat untuk meninggikan, menaikkan taraf Malaysia menjadi sebagai *hub* untuk pendidikan tinggi tetapi yang dok ada di negeri-negeri itu nampak daiflah. Orang Kedah kata, bukan daif lagi, kira letihlah. Jadi boleh tidak pihak Yang Berhormat Menteri, saya merayulah supaya tolong-tolong tengoklah sikit supaya mereka berasa bangga. Kami juga daripada universiti, walaupun universiti itu di peringkat negeri yang diwujudkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, kita ada berjenis-berjenis IPT, Institut Pengajian Tinggi – IPTA, Institut Pengajian Tinggi Awam, IPTS, Institut Pengajian Tinggi Swasta, IPTN, Institut Pengajian Tinggi Negeri. Jadi Insaniah termasuk kepada IPTN, Institut Pengajian Tinggi Negeri.

Jawatankuasa Insaniah telah berjumpa dengan saya tetapi dia tidak minta peruntukan kerana peruntukan ini boleh dilihat daripada yang lain. Umpamanya dalam MKN, Majlis Kewangan Negara, kerajaan negeri boleh berhutang dengan kerajaan, meminjam duit dengan Kerajaan Persekutuan, boleh dibuat cara itu. Tetapi Insaniah telah datang berjumpa saya untuk kalau boleh *diupgradakan* IPTN itu kepada kolej universiti. Ini sedang pun kita lakukan, sudah sampai peringkat penghujung. Saya akan pergi ke Insaniah dan melihat sendiri sama ada *environment* itu *condusive* untuk belajar, sama ada *ratio* di antara pensyarah dengan penuntut itu okey, sama ada *furniture* dia okey, buku dia berapa ada, komputer berapa ada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat? Tidak payahlah *detail*.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ha, itu dia. Jadi sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan sebelum mengakhiri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa mahu Malaysia menjadi *education hub*, boleh eksport pendidikan tinggi dan boleh tarik pelajar-pelajar daripada luar negara datang ke sini. Tetapi kalau Malaysia mahu menjadi satu *education hub* rantau atau sedunia, aspek yang penting ialah pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar supaya boleh dipastikan kecemerlangan mereka, *excellence* mereka dan dua-dua aspek nampaknya tidak dibincang dengan mendalam, khasnya apabila beberapa isu yang saya pun ada kemukakan, khasnya mengenai layanan

terhadap pensyarah-pensyarah, isu-isu semacam Prof. Madya Dr. Terence Gomez, Prof. Dr. Prof. Ramasamy dan lain-lain dan juga mengenai pelajar-pelajar, mengenai *elections* supaya kita mahu mereka ada *critical enquiry*, kita tidak mahu mereka *emphatic* dan tidak berani untuk ada pemikiran yang kritikal yang perlu dalam masyarakat global ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, tentang Gomez dan Ramasamy telah pun saya jawab, tidak perlu saya ulang di sini lagi. Mengenai tidak kritikalnya penuntut-penuntut kita, saya mencadangkan di sini supaya AUKU tu kita akan tengok balik, sekarang AUKU ni sudah 34 tahun. AUKU yang selalu dibangkitkan oleh *students* mengenai AUKU ini, jadi kita akan lihat balik dan kita akan *review* kerana dah berumur 34 tahun. Kalau budak kecil berumur 34 tahun, dah kahwin, dah ada anak, mungkin di kampung sudah ada cucu dah, jadi kita akan *review* balikkah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Jadi, saya kata *review*, *review* dulu untuk mencari kebaikan.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Itu Yang Berhormat, dengan tujuan mungkin dimasukkan tetapi saya kata *review* dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabarlah Yang Berhormat. Ya, ada dua yang bangun, Kemaman...

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya cukuplah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Untuk memperbaikinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya suka mengimbas kembali apa yang pernah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang salah seorang produk IPTA kita yang tidak tahu apakah akronim UNDP, dia pernah ditemu duga dan tidak dapat menjawab persoalan tersebut.

Jadi di sini saya suka nak kaitkan juga dengan kecemerlangan produk-produk daripada IPTA kita ini Yang Berhormat Menteri, tentang *the soft skill* tadi iaitu keupayaan serta kebolehan di dalam bahasa Inggeris. Apakah bentuk kawalan kementerian terhadap produk-produk IPTA ini selain daripada mereka berkebolehan untuk mempamerkan di dalam bidang mereka sahaja, mereka juga boleh di dalam *soft skill* ini selain daripada lima perkataan, *you, damn, bloody, old, men*, itu saja, [Ketawa] mungkin lebih daripada itu. Jadi apa bentuk kawalan yang kementerian ada bagi memastikan yang *soft skill* ini benar-benar diberikan perhatian oleh IPTA dan IPTS negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, perkara ini telah pun saya bangkitkan sendiri kepada Timbalan Naib Canselor dan Canselor sendiri dan kita akan pergi menuju ke arah itu supaya MUET ini kita akan tengok tahap-tahap dia, ada yang kena lulus sebelum bergraduate, tingkat 5, ada tingkat 4, tingkat 3, bergantung pada disiplin yang dibuat. Tentang UNDP yang dibangkitkan itu betul, saya pun sendiri mendengarnya kerana saya katakan tadi mereka tertumpu kepada disiplin *syllabus* itu terlampau ketat sangat sampai mereka tidak dapat membaca risalah-risalah yang lain.

Bukan itu sahaja Yang Berhormat, bila mereka pergi *interview*, kawan saya daripada SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan SPP, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan telah mengatakan kepada saya bahawa bukan setakat itu sahaja, separuh *graduate* bila dia tanya siapa dia Menteri Pengajian Tinggi, dia kata Datuk Salleh Majid, nasib baik tidak pengsan dia. Jadi inilah kita hendak tengok balik semula tentang perkara ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kita harapkan T&C HEP akan dapat memainkan peranan lebih aktif lagi.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi tentang langkah kerajaan, janji kerajaan untuk mengkaji kembali AUKU atau Akta Universiti dan Kolej Universiti. Sebenarnya janji sebegini pernah kita dengar sebelum ini bahawa tiba masanya untuk kita kaji kembali. Ada baiknya Yang Berhormat sekurang-kurangnya membuat satu semacam *road map* bila tarikhnya, akhir tahun ini atau akhir depan dan sebagainya pembentukan jawatankuasa dan sebagainya.

Mungkin secara idealnya kita bercakap memansuhkan. Itu adalah satu kenyataan yang paling popular di kalangan ahli akademik dalam mewujudkan suasana pengajian tinggi kita yang bebas, yang lebih baik dan sebagainya. Tetapi sekurang-kurangnya kalau ada satu, macam janji ataupun pengesahan, sekurang-kurangnya perkara-perkara yang dianggap *draconian* misal dalam Perkara 15, (1), (2), (3), dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1974, di mana pelajar tidak boleh berkumpul lebih daripada lima orang, tidak boleh mengadakan, membuat kenyataan-kenyataan terbuka dan sebagainya. Sekurang-kurangnya ini sahaja kalau dimaklumkan, dilonggarkan perkara begini, sekurang-kurangnya akan memberi harapan yang baru kepada *environment* ataupun alam sekitar akademi kita. Kalau dapat diberikan janji itu sahaja dahulu pun, sekurang-kurangnya memberi harapan yang besar kepada kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh jawab sekali gus mengenai perkara ini. Sedikit sahaja sekali gus mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tambah IT, tambah itu soalan. Saya harap ini satu pengumuman yang penting dan serius, dan bolehkah kita tahu apakah mekanisme, bolehkan ia libat, bukan sahaja pegawai-pegawai tetapi mungkin pensyarah-pensyarah, *civil society*, Ahli-ahli Parlimen sebab ini satu proses atau penglibatan semua lapisan yang prihatin mengenai masa depan *higher education* di negara kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Pegawai saya telah pun memberikan nama untuk saya pilih sebagai jawatankuasa dan nama-nama itu termasuk apa Yang Berhormat katakan tadi. Yang keduanya bagi saya *chance*. Baru setahun saya menjadi Menteri, ya. Bagi saya *chance*. Jadi insya-Allah, kalau misalnya Yang Berhormat daripada Dewan ini dapat memberikan kekuatan kepada saya, [Tepuk] sekarang ini Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh respons, kita bagi *chance* tetapi mahu beri *approachable*. Sampai sekarang Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ... belum *approachable* tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu universiti kita berjaya. Itulah idea kita, tujuan kita.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya pun mempunyai harapan yang sama Yang Berhormat. Terima kasih. Jadi...

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Kubang Kerian?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri sudah hendak umumkan ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ada satu lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Penghabisan, ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Pendidikan, Pengajian Tinggi.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Pendidikan, Pengajian Tinggi, minta maaf. Saya menghargai kenyataan yang AUKU itu akan direview balik. Yang Berhormat ini senyum manis di bibir, saya harap begitu juga di hati. [Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Barisan Nasional punya sifat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *I trust you*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk ke arah itu saya mengharapkan supaya berdasarkan kepada pengalaman *the highest campus* yang baru ini, ada tiga orang pelajar yang telah pun mendapat saman daripada pihak universiti yang hanya kesalahan mereka menghantar memorandum dan seumpamanya, bukan kerana mereka bertindak ganas, *violence* dan seumpamanya. Jadi saya mengharapkan supaya tindakan dan *draconian* seperti ini dihentikan. Ini masa depan pelajar. Saya tidak kisah sama ada mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri beri ucapan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya. Sama ada mereka menyokong inspirasi ataupun mereka ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: ... kerana ini demokrasi. Jadi saya berharap AUKU direview semula. Saya bersetuju, saya mengalu-alukan dan tolong supaya jangan pelajar ini menjadi mangsa seterusnya demi masa depan mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* itu penting. Jadi kita akan melihat balik AUKU dan saya memberikan kekuatan kepada rakan-rakan saya kerana kita hendak melihat bahawa IPTA, IPTS dan kolej-kolej yang ada ini dapat memberikan produk-produk yang sejahtera, *hasanah fi dunia* dan *hasanah fi akhirat*. Sekian. Wabillahirtaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

10.25 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak kementerian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam perbahasan Bajet 2006 di peringkat dasar, di dalam Dewan yang mulia ini. Secara keseluruhannya, dua tema besar lahir dari perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satunya mengenai peruntukan yang terbatas.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Saya mahu tahu mana itu Menteri? *[Dewan gamat seketika]* Kita mahu tahu, setiap menteri kena datang. Kita ada hak untuk tahu. Bolehkah saya tahu mana Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya terus sahaja Tuan Yang di-Pertua. Satunya, mengenai peruntukan yang...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beritahu mana itu Menteri? Kita tanya mana itu Menteri? Kalau menteri-menteri yang lain boleh datang, kenapa Menteri yang berkenaan tidak boleh datang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh. Kita mahu *higher responsibility* dan *accountability*...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: .. akan beritahu atau tidak mahu beritahu?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Soal, tidak ada timbul soal...

Tuan Lim Kit Siang: Tidak timbul...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudahlah Ipoh Timor. Jangan sebut ini macamlah.

Tuan Lim Kit Siang: ... *attention of this*. Kita mahu tahu, pertama.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat, tidak ada halangan untuk Timbalan Menteri...

Tuan Lim Kit Siang: Dia terlalu angkuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak ada salah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu tanya. Kita tahu dia ada...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini *basic courtesy* yang kita perlu belajar dalam Dewan yang mulia ini, bermula hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor apa ini? Janganlah...

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Menteri tidak mahu datang, kita mahu tahu kenapa, tidak boleh datang?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu tahu, mengapa dia tak boleh datang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri sudah jawablah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya. Saya sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah kita tahu kenapa dia tak boleh datang?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Satunya mengenai peruntukan yang ...

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sikap, sombong. Sombong sikap. Lain-lain menteri boleh...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi Menteri ini sombong, sikap...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang keduanya mewujudkan sistem penyampaian (*delivery system*) *[Keadaan di luar kawalan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, semua duduk. Timbalan Menteri sila jawab.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...program untuk rakyat menepati sasaran...

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tidak boleh datang? Tidak mahu jawab pun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sikap... tidak perlu *answer* lah

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa penyediaan Rancangan Malaysia...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Membuat kacau] [Keadaan di luar kawalan]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ... telah menerima permohonan...

Tuan Lim Kit Siang: Mana Menteri?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukup. Yang lain-lain duduk. Timbalan Menteri hendak menjawab. *[Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang duduk. Peraturan Mesyuarat tidak tahukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...perakuan awam berjumlah ... kalau ia jauh kurang daripada yang dipohon jumlah 2 bilion ini jauh lebih tinggi...

Tuan Lim Kit Siang: Sikap yang sombong, sikap yang angkuh, adakah ini...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:..RM7.59 bilion sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tak payahlah!

Seorang Ahli: Timbalan Menteri "Sembahyang Tarawih"!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor tidak mahu dengar boleh keluarlah. *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak tahu cakap Melayukah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Projek-projek luar bandar, justeru itu memerlukan perancangan yang teliti serta membabitkan pelaksanaan...

Beberapa Ahli: Ipoh Timor duduklah. *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...menyedari tanggungjawab yang besar bagi masyarakat luar bandar, kementerian ini juga dalam masa yang sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila ikut peraturan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 24(1)...

Beberapa Ahli: Cukuplah. Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila duduk.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...penyampaian *delivery system* bagi memastikan pelaksanaan betul-betul berkesan dan menepati sasaran.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]* Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Untuk tujuan itu, beberapa mekanisme telah dilaksanakan...

Puan Chong Eng: Apa ini, mana menteri?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...sepatutnya mesyuarat di antara kementerian dengan exco-exco luar bandar melalui ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor, tidak fahamkah?

Seorang Ahli: Duduklah Ipoh Timor.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:...keduanya pelantikan dalam penempatan pegawai-pegawai pemantau oleh kementerian ke setiap negeri untuk membantu memantau

dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek kementerian di negeri masing-masing. Ini bermula pada tahun 2005.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Penggunaan agensi-agensi untuk melaksanakan sesetengah program ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau tidak mahu dengar keluar.

Beberapa Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sebabnya rugi. Sebenarnya kenyataan yang saya buat tadi adalah kenyataan dasar. Jadi satu pembaharuan yang kita hendak buat tetapi oleh kerana Ipoh Timor kacau, saya tidak akan *repeat* lagilah, sebab dia tidak bertimbang rasa kepada orang lain. Dia tidak hendak dengar kerana dia bukan mewakili luar bandar dan dia cuba sabotaj a pa yang kita nak buat untuk masyarakat luar bandar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili luar Bandar...

Puan Chong Eng: Peraturan, peraturan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Peraturan, bagi timbalan menteri jawab dahulu!

Puan Chong Eng: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof Yacob]: Peraturan berapa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Peraturan, sangkaan jahat. Dia kata kita sabotaj.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tak bagi laluan. Dengan demikian izinkan saya menjawab soalan-soalan khusus...

Puan Chong Eng: Ah duduklah!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ... yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya dalam bidang pembasmian kemiskinan, terutamanya Yang Berhormat Kinabatangan

Seorang Ahli: Duduklah Bukit Mertajam, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Dia kena tarik balik

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukit Mertajam apa, duduklah, duduklah!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, sebab dia tidak minta dengan elok, kalau dia minta dengan elok kita boleh pertimbangkan. Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu sama ada usaha membasmi kemiskinan menerusi *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Dia tak menjaga peraturan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan menteri sekejap. Yang Berhormat, timbalan menteri dah jawab, cukuplah.

Puan Chong Eng: Bukan, yang saya kata dia telah sangkaan jahat kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah, sila duduk

Seorang Ahli: Apa yang jahat, siapa, apa jahat?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat ini dah pukul berapa? Yang Berhormat tak nak dengar, keluar pun tak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Bukit Mertajam sila duduk

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu sama ada usaha kemiskinan menerusi Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah mencapai kejayaan atau tidak. *[Sorak]* Beliau menyatakan masih ramai keluarga yang tidak mempunyai rumah khususnya di kawasan Kinabatangan. Secara umumnya usaha sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kemiskinan negara dari 5% buat masa ini kepada 0.5% pada tahun 2009 *[Sorak]* dan menghapuskan kemiskinan tegar sama sekali *[Sorak]* dalam jangka masa yang sama. Usaha ini semestinya melibatkan pelbagai pihak yang terdiri daripada kementerian-kementerian yang terbabit, agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta. *[Sorak]*

Di peringkat Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah, usaha dilaksanakan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, SPKR, yang dulunya PPRT. *[Sorak]* Terdapat lapan program pembasmian kemiskinan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengarlah cakap dia.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mahu dengar, dengarlah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Program Latihan dan Pendidikan, Program Latihan Makanan Seimbang, Program Peningkatan Pendapatan, Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Program Bantuan Rumah, Amanah Saham Bumiputera Sejahtera dan Program Membangunkan Taska, supaya ibu bapa dapat meninggalkan anak-anak mereka di taska tersebut dan dapat mencari pekerjaan. *[Sorak]*

Pelaksanaan program-program tersebut menunjukkan kesan yang positif dalam usaha membasmi kemiskinan tegar. *[Sorak]* Ini saya harap Pembangkang suka apabila kita ada kesan-kesan positif ini, *[Sorak]* jangan bersikap negatif selalu. *[Sorak]* Ini dapat dilihat melalui bilangan isi rumah miskin, pengurangan bilangan isi rumah miskin tegar daripada 137,100 isi rumah pada tahun 1990 kepada 66,000 isi rumah pada tahun 1999 dan seterusnya berkurangan lagi *[Sorak]* kepada 52,900 isi rumah *[Sorak]* pada tahun 2002. *[Sorak]* Ada faham tak, ada faham, Ipoh Timor ada faham?

Dalam Tempoh Rancangan Kelapan 690 orang, manakala melalui pelaksanaan PPR, 20 unit rumah dibina baru dan 30 unit rumah baik pulih yang melibatkan peruntukan RM417,700 ringgit. Pelaksanaan ini telah memberi manfaat kepada 250 penerima daripada golongan miskin tegar. Selain itu pembangunan sebuah taska di Bukit Garam melibatkan peruntukan sejumlah RM180 ribu sedang dilaksanakan dan dijangka memberi manfaat kepada 30 kanak-kanak golongan miskin tegar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini bagi laporan ke jawab soalan?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini, siapa jawab, ini sebabnya Kinabatangan kata dia masih lagi mempunyai rumah-rumah miskin, jadi kita kata banyak sudah yang dibuat, jadi sekarang ini Yang Berhormat keadaan dah jadi tenang, maka saya dengan izin Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bertanya, menimbulkan pandangan dan persoalan, 13 orang kesemuanya, kalau boleh saya beri jawapan secara ringkas supaya kita dapat selesai dalam keadaan masa yang singkat dan sekiranya tidak berpuas hati, mana-mana Ahli yang tidak berpuas hati saya akan sampaikan jawapan yang panjang lebar

secara peribadi kepada mereka. *[Sorak]* Inilah cara kita mengurus urusan kita, jangan kita membuat bising tidak tentu hala. *[Sorak]*

Yang Berhormat Maran mencadangkan agar dasar pemberian subsidi khususnya di bawah PPRT dikaji semula kerana boleh membawa sikap negatif kepada sebahagian masyarakat yang ingin menjadi miskin semata-mata untuk mendapat bantuan. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Maran adalah suatu yang penting dan perlu diseimbangkan supaya tidak memberi kesan negatif. Sebab itulah, salah satu program utama dalam SPKR ialah pembangunan minda insan, semoga dengan latihan dan kursus motivasi yang bersesuaian, sikap positif dan ingin berjaya dapat disemat di jiwa dan raga golongan miskin untuk terus memperbaiki diri mereka.

Yang Berhormat Baram membangkitkan kadar kemiskinan tegar di luar bandar masih tinggi iaitu 1.5% berbanding di Bandar 0.2% dan menyarankan kerajaan merangka strategi untuk membangunkan ekonomi penduduk luar bandar bagi memastikan mereka terkeluar dari kemiskinan tegar dengan penumpuan dicadangkan pada sektor-sektor yang boleh menjana pendapatan.

Memang Kementerian memberi fokus yang lebih kepada aktiviti peningkatan melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) serta memperkenalkan baru iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya. Pada kali ini, melalui Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian akan memperuntukkan sebahagian wang sejumlah RM12.5 juta umpamanya untuk melatih golongan miskin supaya selepas latihan mendapat kerja. Di antara kursus-kursus yang telah dikenal pasti ialah kursus sebagai tukang masak (*chef*), sebagai kelasi kapal, sebagai motor mekanik juga kursus yang dijalankan oleh KFC di mana selepas tamat kursus ini mereka boleh bekerja di cawangan-cawangan KFC di seluruh negara. Ini yang baru ya.

Memandangkan kepada keseluruhan program di bawah SPKR menunjukkan kejayaan dalam meningkat taraf dan kualiti hidup miskin tegar, pelaksanaan pendekatan yang bercorak multi dimensi ini akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan Yang Berhormat, Kinabatangan

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kinabatangan, okey

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tak cukupkah, kontrak sudah banyak dapat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kementerian ini berhubung dengan Parlimen Kinabatangan. Walau bagaimanapun, kawasan ini memang kawasan terpencil dan perlukan lagi peruntukan-peruntukan tambahan sebab saya percaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah beri ucapan lagi, tanyalah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Bukan ucapan, ini orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. Jadi mesti mengucapkan terima kasih kepada orang yang berbudi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, dah ucap terima kasih, cukuplah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tidak, rakyat kita suruh saya cakap pada kementerian dan suruh tambah lagi peruntukan, sebab masih ramai lagi rakyat yang tiada rumah, ada tanah tapi tiada rumah. Jadi, memang bukan senang, menyenangkan semua orang tetapi kalau kita berkesungguhan saya percaya perkara ini boleh diselesaikan. Jadi

saya minta kepada kementerian dan saya telah berjanji dengan kementerian ini supaya turun ke Kinabatangan untuk melihat keadaan yang sebenarnya, apa yang berlaku dan apa lagi yang perlu kita lakukan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya sudah pun memberi janji kepada Yang Berhormat bahawa selepas Hari Raya nanti saya akan melawat Parlimen Kinabatangan, insya-Allah. Itulah sebabnya pada peringkat awal tadi saya telah menjelaskan bahawa permohonan untuk projek-projek infrastruktur luar bandar ini begitu besar. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam keriuhan tadi mungkin tidak dengar permintaan yang diminta oleh seluruh negara di negeri-negeri kepada kita ialah sebanyak RM13 bilion. Apa yang dapat diluluskan sehingga hari ini secara *prelimnya*, secara peringkat awalnya ialah hanya RM12 bilion sahaja. Jadi bayangkan betapa ruang dan *gap*, dengan izin yang perlu diisi dan inilah yang perlu kita uruskan pada masa-masa yang akan datang supaya kemudahan-kemudahan ini dapat dipertingkatkan lagi.

Begitu jugalah sebenarnya saya tidak hendak bercakap mengenai infrastruktur yang ditimbulkan oleh Kinabatangan seperti bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya. Mungkin apa yang boleh saya nyatakan bahawa adalah menjadi dasar kementerian dan juga kerajaan untuk membuat peruntukan yang lebih besar kepada negeri Sabah dan negeri Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain dalam apa jua kemudahan asas ini memandangkan negeri-negeri ini jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan isu tidak cukup peruntukan jalan kampung yang diberikan khususnya kerana Tebrau ini merupakan kawasan Parlimen bandar. Sebenarnya oleh kerana terdapat beberapa kampung tradisional di kawasan Tebrau ini, maka kita telah memberi pertimbangan khusus dan telah pun memberi peruntukan secara dengan izin, *case by case* kepada Tebrau dan saya harap ini dapat melegakan sedikit kebimbangan Tebrau.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga Yang Berhormat Mambong membangkitkan isu di kawasan Mambong, terdapat 21 buah kampung yang masih lagi belum mempunyai bekalan elektrik dan 72 buah kampung yang belum mempunyai bekalan air. Ini semua merupakan keperluan-keperluan yang begitu mendesak, walaupun kita lihat dari segi jumlah kampung keseluruhannya sebanyak 174 jumlah kampung di Mambong itu, peratusan yang masih lagi belum mendapat bekalan elektrik ialah sebanyak 12%, kerana yang masih tinggal hanya 21%.

Namun begitu Mambong sudah pun mendapat projek-projek sebanyak 21 bagi projek elektrik dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, 13 projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang kesemuanya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM18 juta. Begitu juga dengan air. Jadi apa yang hendak saya paparkan di sini kalau pun kekurangan masih wujud, tetapi kerajaan sudah pun mencuba untuk mengatasi sesetengah masalah yang begitu tertekan seperti mana yang dapat dilihat dari segi perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat untuk mengatasi masalah kekurangan infrastruktur yang asas seperti ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak 43.4% daripada keseluruhan peruntukan bekalan elektrik luar bandar kepada negeri Sarawak. Bayangkan negeri Sarawak sudah pun mendapat 43.4% daripada seluruh peruntukan yang dibuat untuk elektrik luar bandar.

Yang Berhormat dari Sekijang membangkitkan isu liputan projek jalan kampung di kawasan beliau yang masih belum menyeluruh, dan ketidakpastian mengenai status kawasan tersebut sama ada dikira sebagai separuh bandar atau luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang kawasan Sekijang adalah kawasan Parlimen luar bandar. Insya-Allah peruntukan untuk setiap kawasan bagi projek jalan kampung dalam tahun 2006 ini akan lebih besar daripada peruntukan yang telah dibuat dalam tahun 2005. Ini janji saya. Kalau tidak lebih besar carilah saya nanti.

Yang Berhormat Jerai membangkitkan isu pembinaan titi jambatan di kawasan bencana tsunami yang belum disiapkan, walaupun peruntukan telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Peruntukan sudah lama diluluskan tetapi malangnya projek lambat sedikit, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Jerai sebenarnya daripada 4 buah titi jambatan yang diluluskan ini, 3 daripadanya dijangka akan siap pada 20 Disember 2005 sebelum akhir tahun. Dan satu lagi dijangka siap dalam tahun 2006 iaitu pada bulan Jun.

Yang Berhormat Bintulu membangkitkan isu projek jalan kampung di Rumah Meringkai Tuai dan Kampung Sepauh Hilir. Kedua-duanya untuk makluman Yang Berhormat telah pun disenaraikan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak, pendek sahaja. Ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, 5 minit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ringkas. Jadi sebenarnya Yang Berhormat Maran dan Yang Berhormat Kuala Krau membangkitkan isu menghidupkan semula Lembaga Kemajuan Wilayah seperti JENGKA dan DARA. Satu maklumat yang ingin saya sampaikan, iaitu walaupun JENGKA dan DARA ini sudah ditutup dan tidak dimasukkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, namun begitu peruntukan untuk kawasan-kawasan tersebut masih lagi diberikan. Umpamanya dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM201.2 juta diberikan kepada kawasan tersebut melalui Parlimen-Parlimen yang berkenaan seperti Parlimen Jerantut, Pekan, Marang, Kuala Krau, Temerloh, Bera dan juga Rompin.

Yang Berhormat Tuaran ini ringkas sahaja. Yang Berhormat Tuaran membangkitkan isu penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kabinet telah meluluskan cadangan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di utara Sabah pada 16 Februari 2005 yang merangkumi daerah-daerah Ranau, Kudat, Kota Belud, Beluran, Kota Marudu dan Titas. Walau bagaimanapun, sehingga kini kementerian masih menunggu keputusan kerajaan negeri berhubung cadangan tersebut.

Yang Berhormat Sik membangkitkan mengenai pindaan Akta Risd. Sebenarnya Akta ini sudah pun berada dalam proses pindaan dan sudah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai cara-cara meningkatkan pendapatan pekebun kecil komoditi industri yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan insya-Allah kerja-kerja susulan akan dibuat untuk meminda Akta tersebut.

Dari segi ekonomi desa Yang Berhormat Kota Belud meminta supaya kerajaan mempertingkatkan projek PPD ini (Pusat Pertumbuhan Desa). Ini sayangnya adalah dimaklumkan bahawa projek ini dalam jangka masa panjang tidaklah kelihatan begitu berjaya. Jadi kerajaan dan kementerian tidak begitu berminat untuk meneruskan projek PPD ini untuk jangka masa hadapan memandangkan yang telah dibina selama ini tidak menunjukkan kejayaan yang baik dalam jangka masa panjang.

Yang Berhormat Baram, mungkin dua lagi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baram membangkitkan isu pelancongan di kawasan luar bandar. Soal pelancongan sudah tentu bukan merupakan soal utama Kementerian Kemajuan Luar Bandar, tetapi terdapat satu produk pelancongan utama yang dilaksanakan di bawah kementerian kita iaitu *Program Home Stay* dan sekarang ini sejumlah 78 buah kampung telah digunakan untuk *Program Home Stay* ini dan jumlah peserta sehingga kini ialah 1,070 orang peserta.

Akhir sekali Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan agar diwujudkan semula kelas-kelas dewasa di kampung-kampung bagi tujuan pembangunan insan. Untuk makluman Yang Berhormat, kelas dewasa diwujudkan pada tahun 60-an bertujuan membasmi buta huruf, kelas dewasa di Sabah dan Sarawak masih dikekalkan sebagai pendidikan literasi fungsian, iaitu sebanyak 21 kelas di Sabah dan 205 kelas di Sarawak. Di Semenanjung program ini dilaksanakan di kampung-kampung Orang Asli sahaja iaitu 13 kelas di Pahang, 8 kelas di Johor, 8 kelas di Perak dan 7 kelas di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bagi perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak sempat dijawab, kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan susulan sewajarnya kecuali kerenah yang ditimbulkan oleh pihak pembangkang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 5 kementerian. Masa hanya lebih daripada satu jam. Jadi minta kerjasama. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi 15 minit. Kalau boleh kurangkan.

10.49 mlm.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Bajet 2006 kali ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Ipoh Timor dan Sekijang telah membangkitkan isu mengenai pengangkutan awam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam dan ini tidak semestinya perlu bergantung kepada sumber kewangan yang diperoleh dari penjimatan subsidi petrol.

Semasa pengumuman kenaikan kadar tambang bas pada 1 Mei yang lepas, pihak kementerian telah menetapkan sasaran kualiti lima tahun iaitu dari tahun 2006 hingga tahun 2010 perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan, kecekapan serta perkhidmatan pengangkutan awam yang mesra penumpang.

Antara lain, kementerian telah menetapkan usia jangka hayat iaitu untuk bas berhenti-henti selama 15 tahun, manakala bas ekspres selama 10 tahun. Kedua, tempoh masa menunggu bagi penumpang atau kekerapan perjalanan bas iaitu di antara 15 hingga 30 minit di bandar-bandar utama manakala di luar bandar ialah di antara 30 hingga 60 minit. Ketiga, menjelang tahun 2010 dijangkakan keseluruhan bas dalam bandar adalah bas penghawa dingin dengan sepenuhnya dan keempat memperkenalkan khusus meningkatkan kualiti pemanduan dan juga disiplin pemandu.

Khusus untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur, kerajaan melalui syarikat prasarana negara yang mengendalikan perkhidmatan *rapid KL* akan menambah bilangan bas baru sebanyak 600 buah lagi pada tahun 2006. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan *rapid KL* juga telah memperkenalkan sistem tiket bersepadu dan konsep rangkaian perkhidmatan awam bersepadu Lembah Klang.

Selain peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan, kerajaan juga berharap supaya pihak pengusaha perkhidmatan pengangkutan bas dapat mengambil daya usaha dan tanggungjawab meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka. Lebih-lebih lagi dengan kenaikan harga minyak baru-baru ini, jika pengusaha bas dapat meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan mereka maka orang ramai akan beralih dari menggunakan kenderaan sendiri kepada perkhidmatan bas.

Pertambahan bilangan penumpang terhadap perkhidmatan bas akan meningkatkan pendapatan yang mana boleh digunakan oleh pengusaha bas untuk tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Bagi memastikan kecenderungan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan bas dapat dipertingkatkan, kerajaan tidak mempunyai niat untuk menaikkan tambang bas atau mengenakan *surcay* seperti yang diminta oleh para pengusaha bas baru-baru ini.

Satu lagi usaha yang boleh membantu syarikat bas ialah melalui penjimatan kos operasi yang boleh membantu syarikat bas melalui penjimatan kos operasi adalah dengan syarikat-syarikat tersebut beralih menggunakan NGV. Dalam hal ini, saya berharap pengusaha-pengusaha bas mengambil peluang dari keputusan kerajaan untuk memberi geran sebanyak RM50,000 bagi setiap bas monogas yang dibeli.

Kerajaan memahami bahawa penggunaan gas oleh bas atau kenderaan awam banyak bergantung kepada kewujudan stesen-stesen gas runcit. Dalam hal ini saya mengalu-alukan saranan Yang Berhormat dari Sekijang supaya dibina lebih banyak stesen bekalan NGV. Sebagaimana kita semua sudah maklum pembekalan gas untuk kenderaan hanya dibuat oleh Petronas. Dalam hal ini kerajaan telah pun mengarahkan Petronas untuk memperbanyak dan membina stesen-stesen NGV di seluruh negara.

Selain daripada itu, kementerian saya juga telah menerima cadangan-cadangan daripada pelbagai syarikat untuk mewujudkan stesen-stesen pembekalan gas di seluruh negara. Pihak kementerian sedang mengkaji perkara tersebut untuk pertimbangan kerajaan dan juga Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan, Kinabatangan dan Indera Mahkota telah membangkitkan pelbagai isu mengenai pusat khidmat kontraktor. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah mengenai bilangan kontraktor kelas F yang terlalu banyak, kualiti pembinaan yang rendah, kerenah birokrasi, ketidakcekapan sistem penyampaian, kebocoran dan penglibatan agen dalam pengurusan pendaftaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu kajian memperkukuhkan dasar dan pengeluaran lesen Kelas F telah pun disiapkan oleh kementerian dan akan dikemukakan kepada kabinet pada pertengahan bulan November yang akan datang. Saya ingin memberi jaminan bahawa sebahagian besar cadangan-cadangan Yang Berhormat telah diambil perhatian dan dimasukkan dalam kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini kementerian atau PKK tidak pernah melantik mana-mana agen mahupun wakil untuk menguruskan pendaftaran kontraktor dengan PKK. Oleh yang demikian, suka saya menasihati supaya semua urusan berhubung dengan permohonan lesen hendaklah dibuat secara terus dengan Pejabat PKK tanpa perlu melalui orang tengah. Sementara itu, kementerian sentiasa berusaha dan mengambil langkah untuk memperbaiki sistem penyampaian PKK bagi mempercepat proses permohonan dan mengurangkan kerenah birokrasi. Di antaranya ialah:

- (i) mempercepatkan proses tambah bidang daripada empat minggu kepada dua minggu;
- (ii) menerima dokumen suruhanjaya syarikat yang diakui sah oleh setiausaha syarikat;
- (iii) tidak perlu mengemukakan dokumen-dokumen sokongan bagi pembaharuan dan taraf bumiputera sekiranya tidak ada perubahan baru;
- (vi) proses pembaharuan pendaftaran dikurangkan dari tujuh minggu kepada lima minggu tertakluk kepada maklumat lengkap;
- (v) menolak permohonan yang tidak lengkap dengan serta-merta;
- (vi) meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan PKK melalui kursus dan latihan; dan
- (ii) merangka sistem pemantauan kontraktor yang mengandungi maklumat profil kontraktor secara *online* supaya kementerian atau agensi yang akan membuat pemilihan kontraktor memperoleh maklumat yang telah dikemas kini semasa pemilihan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jasin dan Jerai telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan *management buy out* dan peranan UDA Holdings Berhad. Mereka telah melahirkan rasa kebimbangan dan tidak puas hati mengenai apa yang telah berlaku berhubung proses MBO tersebut dan juga peranan UDA dalam soal mengatasi kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat bumiputera di kawasan bandar.

Saya tidak menolak pandangan yang diutarakan oleh mereka itu kerana ia memang mewakili pandangan sebahagian besar masyarakat bumiputera di seluruh negara. Maka dengan itu saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak kementerian sedang mengkaji semula kedudukan, peranan dan masa depan UDA yang antara lain untuk menentukan sama ada kita perlu kembalikan UDA ke fungsi asalnya atau mewujudkan sebuah badan baru yang memainkan peranan yang serupa dengan fungsi UDA. Saya berharap Yang Berhormat semua dapat bersabar sementara menunggu keputusan kerajaan mengenai perkara ini.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat bagi Sekijang supaya Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera diletakkan di bawah MARA. Sukalah saya maklumkan bahawa yayasan ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sudah tentulah dengan peranan dan tanggungjawab yang besar ini maka ia sesuai dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Oleh yang demikian pada pandangan kementerian tidaklah perlu ia diletakkan di bawah MARA. Walau bagaimanapun, apa yang perlu ialah diwujudkan kerjasama dan *synergy* di antara pihak kementerian dengan yayasan serta agensi-agensi yang berkaitan seperti MARA, UDA, PLS dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang menyatakan bahawa MARA telah memberhentikan pinjaman pelajarannya kepada pelajar-pelajar IPTS. Saya ingin tegaskan bahawa kenyataan Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Pinjaman Pelajaran MARA kepada pelajar-pelajar IPTS masih diteruskan tetapi memanglah terhad kerana ia bergantung kepada sumber kewangan yang diperolehi oleh MARA daripada Perbendaharaan.

Mengenai isu pembayaran balik pinjaman MARA seperti yang dibangkitkan, kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang lebih serius untuk mengutip balik pinjaman pelajaran yang telah diberikan termasuklah mempelbagaikan kemudahan bayaran balik pinjaman antaranya melalui perbankan secara *online*, khidmat pesanan ringkas dan potongan gaji.

Pada masa yang sama usaha mengiklankan nama-nama peminjam di dalam akhbar-akhbar tempatan juga akan diteruskan manakala bagi mendapatkan semula pinjaman daripada peminjam tegar pihak MARA akan melantik pengutip hutang berlesen bagi mengutip hutang-hutang lapuk yang melebihi 72 bulan melibatkan 7,469 peminjam dengan nilai pinjaman berjumlah RM99.97 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Sik telah melahirkan kebimbangan mengenai peluang mendapatkan pinjaman daripada bank SME. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum penubuhan bank ini merupakan inisiatif kerajaan untuk memantapkan peranan SME dalam pembangunan ekonomi negara kita. Penubuhan bank ini akan membolehkan pengusaha dan peniaga kecil dan sederhana mendapat pembiayaan dengan lebih mudah. Bagaimanapun pihak bank bukan sahaja melihat pada cagaran yang boleh dikemukakan tetapi juga daya maju sesebuah syarikat atau perniagaan.

Saya akan pastikan bank ini mempunyai pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk mengendalikan operasi dan memberi nasihat serta bimbingan kepada pelanggan. Bank SME ini bukanlah 100 peratus bank yang baru tetapi merupakan bank yang dihasilkan dari penstrukturan Bank Pembangunan yang telah lama beroperasi dan mempunyai pegawai-pegawai yang berpengalaman.

Tuan Yang di-pertua mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Papar supaya diperuntukkan sebanyak 30 peratus pinjaman kepada usahawan wanita sukaiah

dimaklumkan bank SME tidak menetapkan sebarang had peratusan pinjaman termasuk kepada usahawan wanita. Sekiranya jumlah melebihi 30 peratus kita tetap akan berikan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam untuk mewujudkan anugerah usahawan untuk kategori belia di dalam program Anugerah Usahawan MECD sukacita saya maklumkan bahawa kategori tersebut sememangnya telah diwujudkan.

Yang Berhormat bagi Kota Belud menyarankan agar dibangunkan golongan usahawan melalui latihan dan bimbingan berasaskan *knowledge base*, pembudayaan keusahawanan dan pembangunan sumber manusia.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa saranan Yang Berhormat itu memang menepati akan apa yang dirancang oleh kementerian saya iaitu memberikan penekanan kepada soal pembudayaan, latihan, bantuan dan juga peluang. Pihak kementerian memang sedang melihat secara menyeluruh program-programnya supaya dapat dibantu jati diri seorang usahawan agar dia berdaya maju, berdaya tahan dan juga berdaya saing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Program Pembudayaan Keusahawanan misalnya telah diperkenalkan di peringkat sekolah menengah lagi sehinggalah ke peringkat universiti. Aspek kedua yang diberikan penekanan oleh pihak kementerian selepas program pembudayaan ialah soal latihan dan pengisian ilmu dan menyedari pentingnya ilmu maka kerajaan telah mewujudkan Institut Latihan Keusahawanan Negara atau ringkasnya INSKEN yang akan digerakkan oleh pihak kementerian secara besar-besaran mulai tahun hadapan.

Berhubung saranan Yang Berhormat mengenai menjadikan lepasan-lepasan Institut Kemahiran MARA dan juga Pusat Giat Mara menceburi bidang keusahawanan maka pihak kementerian juga telah menyediakan satu program khas untuk menggalakkan mereka menjadi usahawan dalam bidang teknikal di bawah program inkubator usahawan teknikal ataupun PUTEK.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja balasan daripada kementerian mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini kementerian saya akan tetap memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

11.04 mlm.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Adenan bin Satem]: Tuan Yang di-Pertua, ada lima orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya juga minta maafah terpaksa mengehendak masa Yang Berhormat untuk berucap.

Dato' Sri Adenan bin Satem: Saya akan jawab kesimpulan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih.

Dato' Sri Adenan bin Satem: Jika ada jawapan yang panjang kita akan beri dengan cara bertulis. Ada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berbangkit atas kementerian kita. Nombor satu, ada pelan tindakan negara jika adanya jerebu dan ada juga pelan tindakan serantau, serantau Asean. Pelan-pelan ini adalah garis panduan apa yang kita patut buat, apa langkah-langkah yang patut kita ambil jika datangnya jerebu sama ada dalam negara kita ataupun melintasi sempadan.

That is dengan izin *trans boundary is agreement then the national action plan on* jerebu. Syukur Alhamdulillah, oleh sebab usaha negara jiran kita tempoh hari dengan

pertolongan dengan kita, dengan juga pertolongan cuaca dan penukaran angin, sekarang jerebu sangatlah berkurang. Tetapi yang kita takut nanti ialah ini akan berulang tiap-tiap tahun. Sekarang kita hendak mengambil tindakan dan perbicaraan dengan negara jiran supaya kita dapat mengambil tindakan sebelum jerebu itu datang.

Malangnya kita tidak dapat hendak menukarkan arah angin tetapi kita manusia dapatlah memadamkan *hot spot* dan sebagainya dan apa yang kita buat dengan negara jiran telah sebanyak sedikit berjaya untuk mengurangkan jerebu oleh sebab mereka telah memberi kerjasama dengan kita untuk memadamkan dan membentuk awan *artificial rain* dan sebagainya dan adanya hujan dan sebagainya dapatlah tetapi yang penting sekali kita tidak mahu perkara ini berulang. Pegawai-pegawai kita dan kita sendiri telah berusaha sekarang supaya mengadakan *early warning system* dengan izin supaya kita mengambil tindakan *preventive* supaya mengurangkan kedatangan jerebu oleh negara jiran. Seperti yang kita ketahui kebanyakannya jerebu ini bukan dari negara kita sendiri yang kita dapat kita kawal tetapi kebanyakannya daripada negara jiran.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan isu kualiti air yang tercemar di Batu Pahat. Masalah pencemaran air sungai di lembangan Sungai Batu Pahat yang dimaksudkan itu melibatkan Sungai Bekok dan Sungai Sembrong. Sungai Bekok membekalkan air untuk kawasan Batu Pahat dan Yong Peng di mana dua loji Southern Water Corporation Sdn. Bhd. ditempatkan di Sungai Sembrong membekalkan air untuk kawasan Batu Pahat di mana loji Southern Water Corporation Sdn. Bhd. ditempatkan di Parit Raja Batu Pahat.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah pula telah meminta kementerian saya supaya menyiasat keasidan *the acidity* air yang menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk-penduduk bukan sahaja di Batu Pahat tetapi juga di Yong Peng dan kawasan Kluang. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya penyiasatan telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan adalah didapati kemerosotan kualiti air disebabkan kehadiran unsur-unsur logam berat seperti aluminium, besi dan magnesium yang tinggi daripada paras biasa di dalam air Sungai Bekok dan sungai Sembrong.

Bagi Sungai Sembrong aluminium yang terdapat melebihi paras biasa, koma dua dan sebagainya manakala di Sungai Bekok pula paras normal bagi kesemua logam berkenaan ialah 0PPM saya pun tidak tahu apa ertinya 0PPM tetapi memang bahayakan adalah didapati kesemua logam tersebut berada di paras melebihi taraf normal. Kajian oleh Jabatan Alam Sekitar juga mendapati loji-loji perawatan air yang dikendalikan oleh Southern Water Corporation dan Syarikat air Johor tidak berupaya untuk merawat air mentah dari sungai-sungai tersebut terutamanya semasa kemarau apabila konsentrasi logam-logam berat lebih tinggi kerana kekurangan isi padu air sungai.

Oleh itu, kerap kali loji-loji perawatan air ini terpaksa ditutup dan boleh menjejaskan bekalan air loji-loji tersebut. Penyiasat oleh Jabatan Alam Sekitar juga mendapati kandungan logam-logam berat yang tinggi ini berlaku oleh kerana pelupusan buangan serta ablond dari selat lagoon loji-loji perawatan air mentah ke Sungai Bekok dan Sungai Sembrong. Di samping itu juga, kajian oleh Jabatan Mineral dan Geosains terhadap sampel-sampel tanah yang diambil di tebing Sungai Sembrong mendapati tanah tersebut mengandungi unsur aluminium dan besi yang tinggi berbanding dengan tanah biasa. Air yang berasid akan mudah bertindak balas dengan elemen aluminium dan besi. Kemudian melarutkan elemen logam tersebut ke dalam air sungai yang menyebabkan sungai mengandungi elemen-elemen logam tersebut. Dalam pada itu, Jabatan Perairan dan Saliran sedang mengambil tindakan sewajarnya pada masa ini dengan mengeluarkan air dari Empangan Bekok bagi tujuan mencairkan keadaan pencemaran di Sungai Bekok.

Bagi Sungai Sembrong pula, Jabatan Perairan dan Saliran sedang memantau perkembangan kerana paras air yang sangat rendah tidak mengizinkan tindakan sewajarnya diambil. Bagi mengatasi masalah pelepasan *effluent* yang mengandungi logam-logam berat seperti aluminium, magnesium, besi dan loji pengawasan air. Jabatan Alam Sekitar dalam suratnya bertarikh 23 Jun tahun ini telah mengeluarkan arahan kepada Badan Kawal Selia Air Johor supaya loji-loji perawatan air di bawah seliaan BAKAJ mengambil tindakan untuk meluluskan loji air masing-masing dengan sempurna supaya

hasil sampingan dari proses perawatan air yang mengandungi logam-logam berat tidak dilupuskan ke dalam sungai.

Bagi menangani masalah pencemaran alam sekitar di negara kita, kementerian kita akan terus menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar dan peraturan-peraturan di bawahnya. Jabatan Alam Sekitar selaku agensi penguatkuasaan menjalankan latihan-latihan intensif kepada semua anggota penguat kuasa supaya dapat menjalankan kerja penguatkuasaan dengan lebih berkesan. Kita telah mengeluarkan arahan kepada Pegawai-pegawai JAS supaya jangan menunggu sudah berlaku, barulah ambil tindakan.

Mereka patut mengambil tindakan *preventive* sebelum berlaku. Di samping itu, pada tahun ini sebagai usaha membantu aktiviti penguatkuasaan, pasukan risikan yang dinamakan *Investigators On Crime Agency Environment* telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada Mei tahun ini. Pasukan ICE akan mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dengan jenayah alam sekitar melalui kerja-kerja merisik, mengintip, menjejaki, memantau dan sebagainya. Dekad ini adalah kesan lebih daripada dahulu. Dekad ini 18 pasukan ICD telah ditubuhkan. Sehingga kini risikan telah dijalankan ke atas 55 kes yang dikenal pasti dan tujuh daripadanya dikesan menjalankan aktiviti yang menyalahi Akta Kualiti Alam. Tindakan undang-undang sedang diambil ke atas premis-premis tersebut. Antara ketujuh-tujuh kes tersebut, melibatkan pelupusan buangan terjadual di tapak pelupusan sampah domestik, pengangkutan dan pelupusan minyak terpakai tanpa lesen dan pelupusan buangan terjadual tanpa kelulusan.

Selain daripada itu, bilangan kes yang telah di kompaun bagi tempoh Januari hingga September tahun ini ialah 921, manakala sebanyak 215 kes lain telah dibawa ke mahkamah bagi tempoh yang sama. Ahli Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan perkara mengenai bio keselamatan. Malaysia mengambil berat tentang isu bio keselamatan, dengan izin, *bio-safety* dan bersama-sama dengan 120 buah negara yang lain, setakat ini telah menjadi peserta kepada KATAHENA protokol *on bio-safety*. Buat masa ini isu-isu mengenai bio,keselamatan adalah diselia secara pentadbiran sebarang permohonan untuk membawa masuk organisma yang diubahsuai secara genetik, dengan izin, *leaving modified organisms* akan dikaji oleh jawatankuasa penasihat mengenai pengubahsuaian genetik yang terletak di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. GMAC antara lain akan mengkaji implikasi LMO terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Setakat ini hanya kacang soya yang diubahsuai secara genetik *round up ready soya* yang telah dibenarkan di bawah masuk ke dalam negara ini. Permohonan lain khususnya untuk jagung yang diubah suai secara genetik masih dalam penelitian. Memandangkan buat masa ini hanya mekanisme pentadbiran yang digunakan, kementerian kita sedang dalam proses menggubal undang-undang iaitu Rang Undang-undang Bio-Keselamatan yang dijangka akan dibawa ke pertimbangan Dewan ini atau pun di masa hadapan. Rang Undang-undang Bio-Keselamatan ini akan memastikan alam sekitar dan kesihatan manusia tidak di kompromi semasa kita mengimport LMO's ke negara ini dan juga apabila kita membangunkan industri bio-teknologi moden kita sendiri. Rang Undang-undang Bio-Keselamatan ini juga akan melengkapkan agenda bio-teknologi negara dengan menyediakan *instrument* perundangan yang kukuh yang dapat membangunkan industri bio-teknologi moden negara dan meningkatkan keyakinan para pelapor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada dua minit lagi. Masa.

Dato' Sri Adenan bin Satem: *Ok, I'm coming to the conclusion.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih.

Dato' Sri Adenan bin Satem: Mengenai isu kemasukan gen genetik khinzir ke dalam tumbuh-tumbuhan seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Mambong, sehingga kini kementerian belum menerima sebarang permohonan yang melibatkan genetik haiwan dimasukkan ke dalam tumbuhan. Walau bagaimanapun, pada masa akan datang dengan kemajuan dalam bidang bio-teknologi moden, perkara ini mungkin berlaku. Kementerian telah mengambil usaha proaktif mengenai perkara ini dengan menganjurkan

satu bengkel *sustainable, utilization of bio diversity and related issues on bio-safety in an Islamic prospective* pada Julai tahun ini dan dihadiri oleh 80 peserta. Bengkel ini telah membawa tokoh-tokoh agama Islam serta saintis untuk membincang mengenai antara lain isu kemasukan genetik haiwan termasuk khinzir ke dalam tumbuhan ataupun makanan. Ini merupakan antara langkah-langkah persediaan kita menghadapi kemajuan-kemajuan ini lebih-lebih lagi dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan halal utama di dunia.

Yang Berhormat bagi Parit menyebut mengenai kerosakan pam di kawasan Parit Perak yang menyebabkan tidak dapat membekalkan air di kawasan sawah. Pada masa ini terdapat sebanyak tujuh buah rumah pam di kawasan Parlimen Parit iaitu Rumah Pam Bubang, Haji, Bota Kiri, Lombok, Lambo Kiri, Parit Senin, Pendi dan Teluk Bakong. Kesemua rumah pam ini menggunakan air Sungai Perak sebagai sumber. Pada musim penanaman padi pada bulan Januari tahun ini telah berlaku kemarau yang menyebabkan paras air Sungai Perak telah pun dengan mendadak sehingga ke bawah paras kritikan untuk mengepam air ini.

Ini menyebabkan bekalan air ke sawah tidak dapat dibekalkan oleh kerana kedudukan pam sedia ada pada membolehkan air pam. Rumah yang mengalami masalah ini adalah rumah pam Pendi dan Bota Kiri. Rumah pam Pendi membekalkan air ke kawasan bendang Pendi dan bendang Bota. Manakala rumah pam Bota Kiri membekalkan air ke kawasan rancangan perairan Bota. Jabatan Perairan dan Saliran Perak, Perak Tengah telah mengambil tindakan dengan membekal dan memasang pam bergerak bagi membolehkan air dibekalkan ke sawah bagi kawasan bendang Pendi dan bendang Bota. Ini sedikit sebanyak telah dapat membantu mengatasi masalah tersebut. Bagi kawasan rancangan perairan Bota Kiri pula, jabatan telah mengambil tindakan drastik dengan membina empangan *low weir* bagi tujuan meninggikan paras air untuk membolehkan air di pam di kawasan tersebut. Langkah ini telah dapat membantu air untuk dipam ke sawah. Walau bagaimanapun, apabila berlaku musim hujan pada masa ini, menyebabkan paras air Sungai Perak telah naik semula ke paras yang sesuai untuk operasi pengepaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Adenan bin Satem: Ya. *Just one or two paragraph.* Untuk tanaman dalam musim semua pam bergerak telah dibuka dan rumah pam Pendi telah beroperasi. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah naungan kementerian saya kita ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Sekarang tibalah masa untuk Menteri Kesihatan. Saya tahu Menteri baru balik dari luar negeri semata-mata untuk datang menjawab.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Oh, terima kasih, terima kasih. *[Tepuk].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi juga diberi masa 15 minit. Minta maaf Yang Berhormat.

11.22 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Bajet 2006 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Izinkan saya menyentuh isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak berkaitan persediaan kementerian dalam menghadapi wabak selesema burung di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedar bahawa selesema burung boleh menjadi wabak di kalangan burung dan unggas. Dan sekiranya kejadian wabak selesema burung ini berlaku kerjasama bersepadu di antara Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan Kementerian Kesihatan sebagaimana yang telah dicapai sebelum ini akan dilaksanakan di mana Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan mengendalikan tugas yang

terlibat manakala Kementerian Kesihatan pula akan mengendalikan orang ramai atau manusia di *locality* yang terlibat. Sebagai persediaan, kementerian telah menyediakan apa yang dikatakan *the national* ...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: ... *pandemic influenza 'pragners' plan*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong. [Ketawa]

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tak, selepas saya habis Yang Berhormat tanya.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang secara jelas menerangkan strategi dan aktiviti yang perlu dijalankan dalam menghadapi wabak tersebut dan ini termasuk penyimpanan stok atau *stock piling* dengan izinnya, ubat *anti viral* or apa yang dikatakan *Tamiflu* Kementerian juga sedang memohon supaya kita dapat menyimpan - *stock pile* secara berperingkat *anti viral* untuk 25% daripada jumlah penduduk iaitu dalam lingkungan 6 juta orang di Malaysia secara berperingkat seperti yang disarankan oleh WHO untuk setiap negara. Pada masa ini vaksin yang ada di pasaran adalah vaksin yang sesuai untuk mencegah jangkitan selesema yang biasa pada manusia dan vaksin untuk mencegah *Avian influenza* masih belum lagi terdapat dalam pasaran dan ianya masih lagi dalam peringkat penyelidikan.

Oleh itu kementerian kesihatan belum bercadang untuk menstock *pilekan* vaksin tersebut. Yang Berhormat bagi Gombak juga meluahkan kebimbangan berhubung penyakit polio yang melanda negara jiran baru-baru ini dan khuatir perkara tersebut berkemungkinan berlaku di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas sahajalah. Yang pertamanya adakah *Tami flu* itu sangat mahal. Adakah ianya berkesan? Yang kedua, vaksin yang disebutkan Yang Berhormat itu, adakah ini juga berkesan dan saya berharap Yang Berhormat pun memberi perhatian kepada kawasan-kawasan seperti Cameron Highlands yang di mana itu petani-petani gunakan najis burung dan ayam untuk sebagai baja dan sebagainya. Ini adalah satu punca yang menyebabkan penularan virus tersebut.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam garis panduan, pihak kami telah kenal pasti apa yang dikatakan kawasan-kawasan di mana kita memberi keutamaan seperti kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu petani dan orang yang terdedah kepada penternakan unggas. Berkaitan dengan *Tamiflu anti viral*, adakah itu berkesan, dia masih menjadi satu pertikaian. Walau bagaimanapun mengikut WHO memang diperakukan supaya di peringkat ini kita menggunakan *Tamiflu* walaupun terdapat dikatakan kes-kes yang menunjukkan *resistant* kepada *Tamiflu*. Sebab itu ada negara yang mula menggunakan ubat yang lain dinamakan *Lorenza*. Mungkin Yang Berhormat tahu dan nak tanya saya.

Yang kedua, berkaitan dengan vaksin memang apakah dia berkesan seperti yang saya sebutkan tadi dia menjadikan satu pertikaian dan di peringkat ini masih tidak ada cadangan untuk *stock pile* vaksin tersebut. Berkaitan dengan program Imunasi Polio Kebangsaan, di mana kanak-kanak diberikan imunasi polio mengikut jadual imunasi kanak-kanak kebangsaan yang ditetapkan. Dan di negara ini kita seharusnya rasa bangga, kerana hampir 95.2% kanak-kanak diberikan imunasi dengan vaksin cegah polio. Kita tidak bercadang untuk mengubah kaedah ini. Menjawab isu berkaitan denggi oleh Yang Berhormat Gombak juga, suka dijelaskan di sini bahawa kempen *search and destroy* memang merupakan aktiviti yang sentiasa dijalankan secara berterusan sepanjang tahun dan setiap minggu tidak kurang daripada 30 gotong royong diadakan dan sehingga 1 Oktober 2005, sebanyak 1,706 program gotong royong telah dilaksanakan di seluruh negara.

Selain daripada itu *communication for behaviour impact* dengan izin, telah dilancarkan di semua negeri sejak awal 2004 supaya kita dapat melibatkan masyarakat tempatan. Kami merayu supaya masyarakat bekerjasama untuk memeriksa premis masing-masing bagi mencari semua bekas-bekas yang boleh menakung air dan memusnahkan semua bekas dan takungan yang ditemui dan mereka diminta supaya dapat melakukan aktiviti ini sekurang-kurangnya seminggu sekali. Ingin ditekankan di sini bahawa hanya dengan penglibatan menyeru oleh semua pihak barulah matlamat bebas aedes dapat dicapai. Semburan yang dilaksanakan mengikut prosedur adalah efisien untuk membunuh nyamuk kerana semua peralatan dan bahan yang digunakan memang dibuat bagi tujuan tersebut.

Semburan yang dijalankan oleh pihak kementerian akan dipantau dari semasa ke semasa melalui pelbagai kaedah seperti *bioassay* dan pemantauan menggunakan 'ovv trap'.

Selain daripada kaedah yang disebutkan, pihak kementerian juga menggunakan kaedah kawalan biologi yang menggunakan ejen biologi BTI iaitu sejenis bakteria yang akan secara spesifik membunuh larva nyamuk aedes.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dakwaan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang mengatakan bahawa Kementerian Kesihatan gagal mengisytiharkan wabak denggi apabila kes tersebut telah mencapai 1,000 kes seminggu, ingin dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kementerian tidak pernah berahsia mengenai perkara ini dan sentiasa memaklumkan perkembangan terkini melalui media dari semasa ke semasa dan pihak kementerian telah memaklumkan kejadian wabak denggi melalui kenyataan akhbar pada 27 September 2005 yang lalu iaitu laporan pada minggu epidemiologi ke 38 yang telah mencatatkan kejadian kes yang semakin meningkat ke angka 752 kes seminggu. Dan semenjak itu kementerian telah mengadakan kenyataan akhbar sebanyak dua kali seminggu untuk memaklumkan kepada orang ramai berhubung situasi kejadian demam denggi di negara ini.

Bilik gerakan denggi kebangsaan juga dibuka pada setiap hari dan pada masa yang sama wawancara dan pendidikan kesihatan telah diadakan melalui media massa termasuklah media elektronik dan media cetak. Berhubung dengan dakwaan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang meminta penjelasan daripada kementerian tentang pihak Suhakam kerana kementerian telah bertindak membatalkan perjumpaan dengan Suhakam untuk berbincang tentang wabak denggi pada bulan Februari 2005 yang lepas, ingin dijelaskan di sini bahawa pihak Suhakam telah membuat temu janji untuk membuat perjumpaan dengan pihak kementerian pada bulan Mac 2003 dan bukanlah pada 2005 sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dan pihak kementerian telah bersetuju dengan tarikh perjumpaan tersebut. Walau bagaimanapun pihak Suhakam telah meminta maaf dan membatalkan perjumpaan tersebut melalui suratnya kepada kementerian kerana Suhakam telah pun mendapat penjelasan mengenai penyakit denggi di Malaysia daripada pihak kementerian sendiri.

Berkenaan dengan saranan daripada Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Pendang supaya kementerian menjalankan langkah memerangi wabak denggi secara drastik dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak berkuasa tempatan yang cuai yang menyebabkan nyamuk aedes membiak di kawasan seliaan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan dengan arahan Jemaah Menteri pada 19 Januari 2005, Kementerian Kesihatan telah mengarahkan jabatan kesihatan di setiap negeri untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak termasuklah pihak berkuasa bagi memastikan tiada terdapatnya tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Walaupun pihak kami akui masih ada kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan tersebut. Bagi tempat-tempat pembinaan, pihak Kementerian Kesihatan akan terus mengambil tindakan mengkompaun atau arahan berhenti kerja terhadap tempat terbabit.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat bagi Pendang dan juga Gombak meminta kementerian supaya meneliti kaedah *delivery system* di dalam usaha untuk memberikan jarum suntikan dan kondom kepada penagih dan meminta supaya mekanisme pemberian yang paling sesuai kepada kumpulan sasar bagi membolehkan jarum yang diberikan tidak dikongsi oleh para penagih tersebut. Penagih dadah yang menjadi peserta program ini akan diberi penjelasan yang secukupnya tentang program ini bagi memastikan mereka jelas dengan konsep program dan mengetahui peraturan pelaksanaan program. NGO yang berkenaan akan mendampingi peserta program dua kali seminggu di mana mereka akan membuat pertukaran jarum dan di masa yang sama diberikan pendidikan kesihatan dan kaunseling untuk memastikan mereka mematuhi peraturan program. Program ini juga memastikan bekalan jarum suntikan diperuntukkan secukupnya kepada penagih dadah di *locality* berkenaan mengikut keperluan bagi memastikan tidak berlaku perkongsian jarum suntikan.

Pemantauan rapi dan pengrekodan yang sistematik akan dilakukan bagi memastikan program berjalan menepati objektifnya. Pihak kementerian akan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan dan satu *mapping exercise* sedang dijalankan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang strategik untuk melaksanakan program ini. Selain daripada itu, NGO terbabit juga akan menjalankan khidmat dengan izinnya, *out reach*, di mana pekerja-pekerja *out reach* ini akan bergerak ke tempat penagih suntikan berkumpul. Dalam hal program ini, pemahaman yang jelas dan pemantauan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan jarum yang ditukar tidaklah disalahgunakan.

Berhubung isu pelaksanaan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Segambut, kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan menyedari perlunya diwujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan negara dan sehubungan dengan ini pengalaman daripada luar negara dan kajian-kajian yang *dicommission* oleh Unit Perancang Ekonomi telah diteliti.

Seterusnya beberapa siri dialog dan perbincangan dengan pelbagai pihak dari sektor kerajaan dan sektor swasta termasuklah NGO telah diadakan. Kerajaan dijangka akan mendapatkan khidmat pakar perunding sebelum akhir tahun ini bagi mengkaji secara terperinci mengenai pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan negara.

Kerajaan amat berhati-hati dalam pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini agar pelaksanaannya dapatlah dibuat dengan teliti, licin serta diterima oleh semua golongan masyarakat dan mekanisme ini akan meliputi seluruh negara secara berperingkat. Dicadangkan supaya mekanisme ini akan memberi manfaat kepada rakyat melalui liputan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh termasuk penyakit-penyakit kritikal. Golongan rakyat yang berkemampuan akan dikehendaki membuat caruman dengan kos atau jumlah yang berpatutan yang tidak membebankan mereka, manakala bagi mereka yang miskin dan golongan warga tua pula, mereka akan terus dibiayai oleh kerajaan.

Bagi memastikan mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini berjalan dengan lancar, kementerian akan sentiasa bersedia mendengar pandangan daripada semua pihak bagi memastikan objektif mekanisme pembiayaan kesihatan ini iaitu memperbaiki kesaksamaan terhadap perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh dan berkualiti kepada rakyat. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, masa...

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Ya. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu-isu yang dibangkit dan kerana masa yang tidak mengizinkan, pihak kami akan jawab secara bertulis. So dengan kata-kata demikian saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi kemukakan berbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbincangan bajet ini. Mudah-mudahan dengan cadangan, teguran dan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dapat menjalankan fungsinya dengan lebih cekap dan lebih berkesan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Belia dan Sukan. Sungguhpun sudah lama tunggu sejak tengah hari ini, tidak boleh elak juga, hanya dibenarkan 15 minit untuk menjawab. Minta maaf Yang Berhormat Menteri, sila.

11.39 mlm.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan yang mulia ini dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sebelum saya memulakan penggulungan ini, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet serta seluruh rakyat Malaysia ingin mengucapkan tahniah kepada ratu skuasy negara, Nicol David [*Tepuk*] yang telah mencipta sejarah sebagai orang pertama di rantau Asia menjuarai Kejohanan Terbuka Britain dua hari yang lepas.

Beliau telah berjaya mengalahkan pemain-pemain antarabangsa dunia iaitu *Natalie Grinham* daripada Australia. Kejayaan beliau ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mampu bersaing dan menguasai sukan bertaraf dunia sekiranya mereka mempunyai komitmen dan disiplin yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan-soalan, pandangan-pandangan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan sedikit? Kalau boleh kita ucapkan takziah jugalah kepada Allahyarham Datuk Sidek Kamal yang telah banyak jasa kepada sukan badminton kita.

Kalau boleh saya minta Yang Berhormat anugerahkanlah sesuatu kepada Allahyarham sebagai mengenang jasa beliau yang telah melahirkan sekurang-kurangnya 7 anak beliau yang bermain badminton di peringkat negara, antarabangsa, dunia dan Olimpik. Jadi kalau boleh Yang Berhormat setuju Majlis Sukan Negara memberikan satu penghargaan yang tidak dapat kita hendak apakan, kepada Allahyarham sebagai tanda sejarah Allahyarham Sidek yang telah berjaya menaikkan sukan negara kita terutama sekali badminton, terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Insya-Allah Yang Berhormat, akan dibawa dalam Mesyuarat Lembaga Majlis Sukan Negara. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai telah mengatakan bahawa sepatutnya mencadangkan supaya majlis pelancaran sesuatu program di bawah kementerian tidak dilakukan di tempat-tempat yang mewah.

Sukacita saya memaklumkan memang menjadi amalan kementerian baru-baru ini untuk menjadikan premis-premis milik Kementerian Belia dan Sukan seperti Kompleks Sukan Bukit Jalil, IKN dan juga kompleks-kompleks Rakan Muda sebagai premis baru bagi menjalankan program-program kementerian. Ini bersama dengan perbelanjaan berhemah yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah bertanya, kenapa persatuan-persatuan belia sekarang ini tidak dinamik, lumpuh dan tidak mampu memimpin? Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak semua persatuan belia tidak dinamik dan tidak semua persatuan belia tidak mampu memimpin dan lumpuh.

Sebenarnya masalah persatuan belia, separuh persatuan belia ialah masalah kepimpinan, masalah kewangan, masalah keahlian dan kadang-kadang masalah hala tuju dan sikap-sikap belia yang tidak minat menjadi ahli persatuan belia. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan akan mencadangkan indeks belia supaya dapat membantu kerajaan menentukan nilai-nilai belia untuk memantapkan lagi persatuan-persatuan belia.

Ahli Yang Berhormat bagi Labuan telah menimbulkan cadangan supaya peserta lepasan PLKN menyertai persatuan belia anjuran KBS. Insya-Allah bagi pihak kementerian kita menerima semua belia-belie dengan pelbagai latar belakang untuk menjadi ahli persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah mengatakan, telah mencadangkan agar bahagian pembangunan belia dan bahagian pembangunan sukan

diasingkan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Sukan baru-baru ini telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Belia dan Sukan supaya Jabatan Pembangunan Sukan ditubuhkan dan dikeluarkan daripada Jabatan Belia dan Sukan, insya-Allah dan sekarang ini sedang dalam tindakan susulan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Ahli Yang Berhormat bagi Arau pula telah mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani bagi menggalakkan belia terlibat dalam bidang pertanian untuk mempertingkatkan pertanian negara. Sukacita dimaklumkan memang perkara ini dilaksanakan. Baru-baru ini Majlis Penggalakan Ekonomi Belia telah diwujudkan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga terlibat untuk menentukan hala tuju Program Belia Tani dan Rakan Tani dapat diadakan secara bekerjasama.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Maran, Jerai, Setiu, Pasir Puteh, Kuala Pilah dan Sabak Bernam telah menimbulkan saranan untuk memperbanyakkan peruntukan kewangan dan pertubuhan persatuan belia di peringkat daerah dan negeri. Sukacita untuk dimaklumkan bahawa pada tahun 2005, Kementerian Belia dan Sukan telah menambahkan peruntukan persatuan belia contohnya Majlis Belia Malaysia tahun 2004 mendapat RM150 ribu dinaikkan pada RM200 ribu, Gerakan 4B RM150 ribu dinaikkan pada RM200 ribu dan seterusnya.

Kementerian Belia dan Sukan menyedari bahawa bantuan-bantuan kewangan ini adalah untuk aktiviti-aktiviti pentadbiran persatuan, tetapi dalam aktiviti-aktiviti persatuan yang lain, Kementerian Belia dan Sukan menyarankan semangat sukarelawan daripada ahli-ahli persatuan belia dan digalakkan persatuan belia bergerak dalam pendekatan berdikari dari segi kewangan. Ahli Yang Berhormat bagi Maran dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pula menyarankan supaya penggerak Rakan Muda turut mempergiatkan program belia di peringkat akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, memang dipersetujui sangatlah kepada saranan ini sebab penggerak Rakan Muda telah ditubuhkan pada tahun 2004 dengan objektif membantu pegawai belia dan sukan di peringkat daerah.

Pegawai belia dan sukan di peringkat daerah tidak mencukupi untuk membantu kerja-kerja persatuan belia dan belia-belia tidak berpersatuan memandangkan daerah-daerah hari ini mempunyai banyak kawasan-kawasan Parlimen. Oleh itu, penggerak-penggerak Rakan Muda dengan tanggungjawab mereka adalah supaya dapat membantu, yang paling penting menggerakkan belia-belia terutama sekali belia yang tidak berpersatuan untuk menjadi masyarakat yang bertanggungjawab dan menjadi ahli-ahli kepada persatuan belia dan juga untuk mengikuti program-program Rakan Muda supaya dapat memantapkan lagi mereka sebagai belia Malaysia. Yang Berhormat Maran pula mengatakan bahawa sukarelawan perlu diberikan pengiktirafan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sejak daripada dahulu memberikan pengiktirafan terhadap semua sukarelawan dan adanya beberapa program yang dipanggil Anugerah Belia Negara, Anugerah *Duke of Edinburgh*, Anugerah Remaja Perdana yang banyak dibentuk supaya menjadi galakan kepada generasi belia mempunyai budaya sukarelawan. Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu pula telah menyarankan bahawa agar golongan belia diberi pembelaan setimpal kerana mereka tidak bergaji tetap berbanding dengan kakitangan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar kementerian tidak mahu mengajikan sukarelawan belia ataupun ahli-ahli persatuan belia. Kerana kita mesti menggalakkan semangat sukarelawan kepada generasi muda ini.

Walau bagaimanapun, bantuan-bantuan pentadbiran yang disebut tadi sebenarnya dapat digunakan oleh mana-mana persatuan untuk memberikan sedikit ganjaran kepada ahli-ahli mereka yang mungkin lebih aktif ataupun mahu menjadi ahli-ahli yang berjawat di dalam pentadbiran persatuan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, mencadangkan supaya kerajaan memperbanyakkan pusat sukan komuniti, pusat Rakan Muda di seluruh daerah dan Parlimen. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Belia dan Sukan di dalam perancangan untuk mewujudkan kelab-kelab sukan

komuniti dan juga untuk menambahkan kompleks Rakan Muda dan untuk diwujudkan kompleks Rakan Muda, sukan air dan sukan udara yang insya-Allah akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya dapat membantu belia terutama sekali di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai premis-premis untuk sukan dan juga premis-premis untuk menjalankan aktiviti belia.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh pula soalan-soalan dan pertanyaan berkenaan dengan isu sukan. Terdapat beberapa soalan tentang bola sepak, dengan izin saya ingin menggabungkan soalan-soalan tersebut sebagai contoh Ahli Yang Berhormat bagi Bera, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading menanya kepada kementerian tentang mutu bola sepak dan pasukan negara. Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading pula mencadangkan supaya persatuan dan kelab bola sepak tidak bergantung kepada pemain import.

Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya Kementerian Belia buat rombakan dari segi pendekatan dan strategi untuk tingkatkan prestasi pasukan bola sepak negara dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, FAM patut membuat peraturan supaya hanya bendera Malaysia dibenarkan dibawa masuk ke dalam stadium baru-baru ini dalam perlawanan akhir Piala Malaysia 2005.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu tentang bola sepak negara kita sejak kebelakangan ini menjadi satu isu yang hangat. Ini kerana kekalahan yang begitu teruk oleh pasukan di bawah 23 tahun kalah 7 – 0 kepada negeri Thailand dan akhbar-akhbar sentiasa menjadi pengkritik utama tentang mutu bola sepak dan pasukan negara. Walau bagaimanapun ingin dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya tanggungjawab dan tugas utama untuk membangunkan bola sepak diletak kepada tangan Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan sejak kebelakangan ini ingin mewujudkan penekanan kepada taraf bola sepak dengan mewujudkan bola sepak sebagai salah satu daripada sukan lapan teras di bawah Jawatankuasa Kabinet dan di dalam jawatankuasa ini diharapkan bahawa pembangunan sukan di peringkat akar umbi dapat diperhebatkan. Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran juga, Kementerian Belia dan Sukan melalui agensinya Majlis Sukan Negara bekerjasama menubuhkan 41 pusat tunas cemerlang di seluruh negara di mana salah satu daripada program ialah program bola sepak. Walau bagaimanapun ingin dimaklumkan bahawa nilai dan mutu bola sepak negara kita telah banyak diperbincangkan, mungkin disebabkan oleh pertandingan-pertandingan di peringkat negeri adalah lebih hebat berbanding daripada pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.

Tetapi ini harus dibawa ke tengah untuk persatuan bola sepak negara untuk melihat ataupun menilai keutamaan dan kecenderungannya. Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pemain bola sepak import sebenarnya *Football Association of Malaysia* dengan izin sebenarnya melihat bahawa ini dapat menggalakkan, meninggikan mutu bola sepak negara dengan wujudnya liga tempatan yang begitu mencabar, memeriahkan pertandingan liga Malaysia dan menarik kedatangan penonton. Walau bagaimanapun kalau ada apa-apa perkara yang dilihat tidak dapat membawakan manfaat sudah tentu persatuan bola sepak akan menolak, tetapi di seluruh negara dan di seluruh dunia juga kemasukan pemain import dilihat sebagai salah satu trend sejak kebelakangan ini dengan izin.

Walaupun bagaimanapun, dahulu persatuan bola sepak pernah melarang penggunaan pemain import, hasilnya Liga Malaysia menjadi kurang menarik dan tidak berjaya menarik kedatangan penonton dan seterusnya pertandingan tersebut menjadi kurang mencabar.

Walaupun bagaimanapun ingin saya menjamin bahawa wakil-wakil, pemain-pemain Malaysia untuk mewakili negara dalam apa-apa sukan yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa akan diwakili oleh hanya rakyat Malaysia. Berkenaan dengan supaya kementerian perlu membuatkan rombakan dari segi pendekatan dan strategi untuk meningkatkan prestasi bola sepak negara Malaysia, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua,

banyak mereka salah sangka kepada kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Kuasa Kementerian Belia dan Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan hanya terhadap pentadbiran mana-mana persatuan sukan yang disalah tadbir, ini di mana kuasa pesuruhjaya sukan ini diwujudkan untuk menentukan pentadbiran dilaksanakan secara betul. Tetapi dari segi kualiti, dari segi pemilihan, dari segi pendekatan sebenarnya persatuan bola sepak dan juga mana-mana persatuan mempunyai keputusan tersebut, asalkan keputusan tersebut dibuat secara demokrasi oleh ahli-ahli persatuan tersebut.

Berkenaan dengan pertandingan akhir Malaysia tahun 2005 terdapatnya isu tentang bendera Indonesia dikibarkan sebenarnya pihak penganjur yang bertanggungjawab tentang sikap mereka yang dianggap mungkin tidak mempunyai tingkahlaku penonton yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut bertanya tentang bagaimana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]* Yang bertanggungjawab FAM, FAM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut yang juga Naib Presiden FAM mungkin dapat memberikan penerangan yang lebih tentang mutu bola sepak Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawab sahaja!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ingat ada satu kekeliruan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak saya perlu perbetulkan di sini, ini fakta, fakta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah kalau hendak terangkan, esok sahajalah Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Yang Berhormat, bukan persatuan, tetapi stadium. Stadium yang minta peraturan, kebenaran dan sebagainya itu stadium bukan penganjur. Ini ada sedikit kekeliruan macam polis tidak terlibat dengan FAM, itu hak polis saya cuma hendak perelaskan di sini, terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, akan saya cuba memastikan sama ada stadium atau penganjur ya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut juga telah bertanya soalan tentang Majlis Bola Sepak Kebangsaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]* Tetapi walau sesiapa pun Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kita amat kesal dengan peristiwa itu. Yang Berhormat Menteri pun tidak setuju saya rasa dan semua rakyat Malaysia yang rasional, tidak setuju. Di stadium kepunyaan kita hendak meraikan kemenangan Selangor bendera Indonesia yang dikibarkan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, FAM harus bertanggungjawab supaya jangan berlaku dan berulang lagi pada masa akan datang. Ini serius soal maruah negara..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat boleh beritahu Larutlah, beritahu Larutlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya beritahu Yang Berhormat bagi Larutlah ini, biar dia dengar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Majlis Kecergasan Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 2004 sebenarnya objektif majlis itu untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang cergas dan sihat adalah nombor satu tetapi Majlis Kecergasan Kebangsaan bukan hanya pada tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan termasuk juga tanggungjawab Kementerian Kesihatan, tanggungjawab Jabatan Perpaduan dan Kementerian Perumahan.

Kalau dibandingkan dengan negara Australia sudah cukup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Datuk Azalina binti Othman Said: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin boleh ditambah kerana Yang Berhormat bagi Larut telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah di masa peringkat jawatankuasa dia boleh bangkit lagi.

Datuk Azalina binti Othman Said: Insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Majlis Kecergasan Kebangsaan adalah berobjektif untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang begitu sihat cergas dan bersatu dan Insya-Allah diharapkan program-program majlis kecergasan dapat diturunkan ke bawah peringkat akar umbi. Mengenai orang kenamaan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang menerajui kepimpinan badan sukan dan dilihat prestasi sukan sebenarnya merosot. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak kerana orang kenamaan sahajalah prestasi sukan itu boleh turun, kadang-kadang sifat kepimpinannya tidak boleh memimpin. Walau bagaimana pun pejabat pesuruhjaya sukan baru-baru ini mewujudkan beberapa syarat supaya setiausaha, bendahari dan juga presiden persatuan melalui kursus-kursus pentadbiran supaya dia mengetahui tugasnya.

Berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bertanya penjelasan tentang persatuan Taekwando Malaysia yang telah dibatalkan pendaftarannya, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini disebabkan oleh persatuan tersebut menghindar pembangunan sukan dan melanggar seksyen 21(e) Akta Pembangunan Sukan 1997. Walau bagaimanapun persatuan sukan tersebut menyaman kerajaan atas dasar tindakan pesuruhjaya tidak adil dan ini akan diputuskan oleh mahkamah.

Yang Berhormat bagi Ketereh pula bertanya tentang kementerian minta penjelasan tumpu kepada sukan tertentu, kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kementerian bertumpu kepada sukan lapangan kerana dilihat sukan ini akan membawa kejayaan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Salah satu daripada sukan lapangan dan sukan squash yang telah dibuktikan pemain squash Malaysia dapat mengharumkan negara diikuti juga pemain-pemain daripada pasukan badminton.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini menjawab soalan yang dikumpulkan iaitu berkenaan dengan sukan ragbi terutama sekali soalan daripada Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Arau. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Arau adalah presiden Persatuan Ragbi Malaysia dan saya ingin menyatakan di sini pasukan ragbi Malaysia telah membawa kejayaan Tuan Yang di-Pertua. Kalau dibandingkan dengan bola sepak Tuan Yang di-Pertua ...[Tepuk] Kalau dibandingkan dengan bola sepak, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, kementerian tidak beri satu sen pun Yang Berhormat kepada Persatuan bola sepak Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, tidak apa...

Datuk Azalina binti Othman Said: Betul, saya setuju, setuju, sekurang-kurang...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekurang-kurangnya industri kita membangun. Jadi janganlah dilihat kemerosotan - ini bukan marah. Kementerian Belia tidak beri satu sen pun.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya Kementerian Belia ingin mengatakan bahawa tidak semestinya persatuan sukan yang banyak duit itu boleh berjaya [*Tepuk*] Persatuan ragbi tidak banyak duit tetapi dapat mengharumkan negara seperti persatuan-persatuan yang lain. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan apabila kita menegur persatuan kerana kita sayang kepada persatuan Tuan Yang di-Pertua dan di harap Yang Berhormat bagi Larut tidak kecil hati kepada kenyataan kerana itu adalah hakikat.

Oleh itu kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat kerana prihatin kepada isu belia dan sukan dalam negara kita dan insya-Allah segala soalan yang tidak dapat dijawab akan dijawab secara bertulis tetapi yang lebih penting anggaplah kritikan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah amat penting supaya Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mendengar kritikan supaya dapat memperbaharui diri supaya kita dapat membawa belia remaja kita dan belia-belia kita seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke arah masyarakat belia yang cemerlang, gemilang dan juga terbilang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat jam sekarang 11.57, lagi 3 minit tengah malam. Jadi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai kerana dapat tunggu bersama sehingga tengah malam. Oleh kerana kita ada lagi satu Kementerian belum menjawab, sekiranya ada usul dan dipersetujui kita boleh tangguhkan mesyuarat ini dan kerana saya sudah lihat semua juga cukup letih, jadi kalau ada usul dan dipersetujui kita boleh tangguhkan mesyuarat pada hari ini. Silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

DAN

MERENTIKAN KUATKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 90

11.57 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada usul penangguhan Dewan pada pagi tadi, sekarang jam 11.57 malam masih lagi ada satu kementerian yang belum menjawab dan oleh yang demikian tidak mungkin Dewan ini boleh menyelesaikan jawapan-jawapan oleh menteri pada malam ini juga. Oleh itu saya mengemukakan usul iaitu;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan pada usul yang terawal itu dengan ini Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok”.

Saya juga memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 90 dan telah dipersetujui oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Mesyuarat ini bersetuju merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 66(3) yang menguntukkan selebih-lebihnya 11 hari untuk perbahasan atau bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan usul bersangkutan dengannya. Majlis ini hendaklah meneruskan perbahasan atas bacaan kali yang kedua perkara-perkara itu pada esok hari”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan, masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.57 malam.